

**PASIR
SALAK**

PASIR SALAK

Pusat
Gerakan
Menentang
British
Di Perak

ABDULLAH ZAKARIA GHAZALI



YAYASAN PERAK

Penerbit:
Yayasan Perak
Tingkat 1,
Wisma Yayasan Perak,
No. 111, Jalan Sultan Idris Shah
30000 Ipoh, Perak
Malaysia.

Penyelenggara Penerbitan
Penerbit Universiti Malaya
Lembah Pantai
50603 Kuala Lumpur
Malaysia.

© Abdullah Zakaria Ghazali, 1997

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Penerbit.

Pengatur huruf: Zaini bt Ahmad Arif
Muka taip teks: Garth Graphic Condensed
Saiz taip teks: 11.5/15

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Abdullah Zakaria Ghazali

Pasir Salak : pusat gerakan menentang British di Perak / Abdullah Zakaria Ghazali.

Bibliografi: ms. 305

Mengandungi indeks

ISBN 983-100-037-4

ISBN 983-100-036-6 (kkt.)

1. British—Perak—History—19th century. 2. Malays—Perak—History—19th century. 3. Nationalists—Perak—History—19th century. I. Judul.

959.5114

Dicetak oleh Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, 50603 Kuala Lumpur.

M962310

Hadiah

16 NOV 1999
Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

Kata Pengantar	vii
Pendahuluan	ix
Penghargaan	xiii
Singkatan	xv
Peta	xvii
1 Penerobosan British	1
Pergeseran Sesama Sendiri	2
Campur Tangan British	10
2 Nilai-Nilai Tempatan Tercabar	29
Perak Sebelum Kedatangan Residen British	30
Bermulanya Konflik	33

3 Kesabaran Telah Hilang	65
Pakatan Menentang British dan Residen	66
Pakatan Membunuh Residen British	76
4 Penyelesaian Di Pasir Salak	127
Penyebaran Surat Pengisytiharan	127
Pembunuhan Di Pasir Salak	130
5 Mempertahankan Maruah Dan Kedaulatan	147
Rancangan Menyerang Bandar Baru	149
Perang Perak	151
6 Menghadapi Hukuman British	185
Penahanan dan Penyerahan	185
Menghadapi Tuduhan dan Hukuman	199
7 Kembali Dari Buangan	237
Rayuan Sultan Abdullah	237
Sokongan Penduduk Tempatan Kepada Sultan Abdullah	248
Rayuan Menteri Ngah Ibrahim	249
Tawaran Dan Kembali Ke Tanah Air	254
8 Kesimpulan	279
Lampiran	283
Bibliografi	305
Indeks	311



منتري بزرگ دارالريزون

MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN

KATA PENGANTAR

Perak Darul Ridzuan banyak mencatatkan peristiwa bersejarah dalam perkembangan Sejarah Malaysia. Di antara yang menonjol dan menjadikan Perak terkenal, khususnya Pasir Salak ialah tindakan berani Dato' Maharaja Lela, Dato' Seri Agar DiRaja Ngah Kamdin (Dato' Sagor) dan pengikutnya melaksanakan keputusan bunuh yang ditetapkan dalam mesyuarat 21 Julai 1875 di Durian Sebatang yang dihadiri oleh Sultan Abdullah dan pembesar.

Keputusan membunuh J. W. W. Birch, Residen British yang pertama di Perak ini dibuat oleh Sultan dan Orang Besar-Besar Perak, setelah mengambil kira segala tingkah laku beliau yang menyalahi adat Perak dan ketetapan Perjanjian Pangkor.

Pembunuhan J. W. W. Birch pada dua hari raya puasa, 2 November 1875 ini menjadikan Perak sebagai sebuah negeri pertama menentang British selepas mereka campur tangan secara rasmi di Malaysia ketika itu.

Daripada kesempatan ini saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Prof. Madya Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali kerana berjaya

menghasilkan buku mengenai sejarah perjuangan orang Melayu Perak menentang British yang berjudul *Pasir Salak : Pusat Gerakan menentang British di Perak* ini. Buku ini memaparkan dengan jelas kehadiran dan penglibatan British dalam pentadbiran Perak yang seterusnya mencetuskan pertelagahan dengan orang Melayu.

Di bawah pimpinan serta restu Sultan Abdullah dan Sultan Ismail, Orang Besar Perak, khususnya Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor menawarkan diri secara sukarela melaksanakan keputusan yang ditetapkan dalam mesyuarat di Durian Sebatang.

Usaha menulis buku mengenai Sejarah Perak adalah wajar diteruskan oleh para pencinta sejarah, sejarawan dan mereka yang berpengetahuan mengenai sejarah. Begitu juga penglibatan Yayasan Perak sebagai penerbit buku ini sangat dihargai. Dengan itu saya berharap usaha dan sumbangan Yayasan Perak dalam menghasilkan buku mengenai Negeri Perak wajar diteruskan dari masa ke semasa.

Saya berharap buku ini bukan sahaja menambah jumlah koleksi penulisan sejarah Malaysia, tetapi akan menjadi bacaan pada setiap golongan rakyat Malaysia. Mudah-mudahan peristiwa bersejarah di Pasir Salak ini bukan sahaja diingati dan dihayati, tetapi menjadi iktibar dan perangsang kepada generasi muda.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih bagi pihak Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dan rakyatnya di atas usaha murni menulis dan menerbitkan buku ini.

Terima kasih.



(Tan Sri Dato' Seri Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP.)

Menteri Besar
Perak Darul Ridzuan

PENDAHULUAN

Pada 2 November 1875, iaitu hari kedua sambutan Aidilfitri berlaku peristiwa bersejarah di Malaysia, khususnya di Pasir Salak Perak. Pada hari itu, Residen British pertama di Malaysia dan Perak menemui ajalnya di tangan orang Melayu. Sejak peristiwa bersejarah ini, Pasir Salak menjadi sebutan hingga hari ini. Inilah suatu tindakan berani hasil perancangan teliti yang diputuskan dalam pertemuan pembesar di Durian Sebatang dan direstui oleh Sultan. Peristiwa ini merupakan kemuncak kegelisahan sebuah negeri Melayu apabila British dengan rasmi campur tangan dalam pentadbirannya.

Pasir Salak letaknya di hilir Perak, pada ketika itu di bawah pentadbiran Dato' Maharaja Lela Pandak Lam. Jirannya, Kampung Gajah, di bawah pentadbiran Dato' Seri Agar Diraja Ngah Kamdin (lebih dikenali dengan panggilan Dato' Sagor). Kedua-duanya ialah Orang Besar Delapan Perak.

Dalam buku ini beberapa perkara diberi perhatian. Bagi menjelaskan penglibatan British dalam pentadbiran Perak, perbincangan tentang campur tangan British disentuh. Seterusnya tumpuan diberikan

kepada faktor-faktor yang menyebabkan orang Melayu tidak puas hati terhadap Residen British di Perak. Campur tangan di Perak, 1874 bukanlah yang pertama dalam sejarah British di Tanah Melayu. Mereka telah pun campur tangan dalam hal ehwal tempatan negeri Melayu sebelum ini. British menduduki Pulau Pinang pada tahun 1786; Singapura pada tahun 1819 dan Melaka pada tahun 1825, selepas Perjanjian British-Belanda, 1824. Ketiga-tiga buah negeri Melayu ini diletakkan dalam pentadbiran mereka di bawah Pentadbiran Negeri Selat pada tahun 1826.

Apabila berkuatkuasa Perjanjian Pangkor, pada 20 Januari 1874, James Wheeler Woodford Birch dilantik sebagai Residen British Perak. Beliau ialah Residen British yang pertama di Perak dan Tanah Melayu. Manakala T.C.S. Speedy yang sebelumnya bertugas dengan Menteri Ngah Ibrahim di Larut, dilantik sebagai Penolong Residen British dan tinggal di Larut. Penglibatan British dalam pentadbiran Perak mencetuskan pergeseran antara orang Melayu dengan British, dan akhirnya menimbulkan tentangan terhadap British. Gerakan tentangan ini lahir kerana sikap pegawai British (Residen British) yang enggan berunding dengan Sultan dan Pembesar serta pengenalan peraturan baru yang dianggap bercanggah dengan nilai-nilai tempatan.


Kedadaan ini mewujudkan pakatan dan rancangan membunuh J.W.W. Birch. Dalam hal ini Pasir Salak menjadi pusat gerakan menentang British. Penduduk Pasir Salak dan Kampung Gajah, masing-masing di bawah pimpinan Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor menjalankan tugas dengan teliti untuk menghapuskan J.W.W. Birch. Dalam satu pertemuan penting di Durian Sebatang, pada 21 Julai 1875 mesyuarat yang dihadiri Sultan Abdullah dan pembesar Perak (datang sendiri atau menghantar wakil) sebulat suara memutuskan agar dibunuh J.W.W. Birch. Kedua-dua, Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor menawarkan diri untuk melaksanakan keputusan Durian Sebatang ini. Keputusan ini disetujui Sultan Ismail yang bersemayam di Belanja. Dengan itu pakatan

menentang British di Perak ini mendapat restu daripada Sultan Abdullah dan Sultan Ismail.

Akhirnya J.W.W. Birch dibunuh di Pasir Salak ketika sedang mandi, di rumah mandi Koh Ah Yong. Dalam peristiwa tersebut buku ini cuba menghuraikan pakatan dan rancangan sehingga pembunuhan berlaku. Seterusnya buku ini juga menyentuh tentang bagaimana pejuang-pejuang Perak menghadapi tindak balas British. Kerajaan British menghantar pasukan di bawah pimpinan Major Jeneral Colborne yang berpangkalan di Hong Kong dan Brigedier Jeneral Ross yang bermarkas di India. Gerak tempur pasukan British ini lebih kepada gerak tempur hukuman ke atas orang Melayu. Mereka menyerang, membunuh dan membakar kampung orang Melayu. Walaupun beberapa siri pertempuran berlaku, orang Melayu tidak mampu mengatasi pasukan dan kelengkapan tentera British. Dalam hal ini mereka mengundurkan diri. Oleh sebab tidak sanggup menanggung kesulitan dalam pelarian, mereka akhirnya ditangkap atau datang menyerah diri.

Selain itu buku ini juga menyentuh perbicaraan dan hukuman yang dikenakan ke atas pemimpin yang terlibat. Walaupun Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Pandak Indut dibicarakan sebelum dihukum gantung pada 20 Januari 1877, tetapi Sultan Abdullah, Sultan Ismail, Menteri Ngah Ibrahim, Syahbandar Uda Mahamor dan Laksamana Wan Muhammad Amin dibuang negeri ke Pulau Seychelles tanpa perbicaraan. Kes Sultan Abdullah dan pembesar Perak hanya dibincangkan oleh Majlis Kerja yang dibentuk oleh kerajaan British yang bergantung kepada laporan Suruhanjaya Penyiasat yang dibentuk sendiri oleh mereka.

Di samping itu buku ini juga membincangkan rayuan Sultan Abdullah kepada kerajaan British supaya menimbangkan semula kes baginda dan membenarkan baginda melawat England. Juga membincangkan rayuan Menteri Ngah Ibrahim kepada kerajaan British untuk mendapat kebenaran pulang ke tanah air. Seiring dengan rayuan ini perbincangan juga dibuat terhadap tindak balas kerajaan British ke atas rayuan tersebut.



PENGHARGAAN

Tanpa bantuan dan sokongan daripada berbagai pihak tidak mungkin buku ini menjadi kenyataan. Dengan itu saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Profesor Dato' Dr. Khoo Kay Kim, Profesor Madya Dr. Adnan bin Haji Mohd. Nawang dan Saudara Abdullah Azmi bin Khalid yang selalu memberi galakan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Perpustakaan Universiti Malaya, khususnya mereka yang bertugas di bahagian mikrofilem kerana membantu saya ketika menjalankan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Kerajaan Negeri Perak, khususnya Yayasan Perak kerana menerbitkan buku ini. Juga tidak lupa saya rakamkan ucapan terima kasih ini kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Ramli bin Ngah Talib, Menteri Besar Perak dan Jawatankuasa Induk Kompleks Sejarah Pasir Salak kerana memberi sokongan dan kepercayaan kepada saya untuk menulis buku ini. Terima kasih juga kepada saudara Othman bin Abdul Ghani kerana kesediaan melukis peta untuk buku ini. Selain itu ucapan terima kasih juga saya

Pasir Salak

tujukan kepada Profesor Madya Dr. Ranjit Singh, Raja Azaham bin Raja Adnan. Selain itu ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia. Akhir kata kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sehingga lahirnya buku ini, saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.


Abdullah Zakaria bin Ghazali
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
1997

SINGKATAN

- BROL - Brooke, Sir Charles Johnson, 1829-1917: The Rajah's
Outgoing Letters, 1887-1906
- C.O. - Colonial Office
- CEAP - Copies, or Extracts, of Correspondence with reference
to the case of the Ex-Sultan Abdullah of Perak
- ECCOPE - Enquiry as to Complicity of Chiefs in the Perak Out-
rages, Precis of Evidence
- ECPOAEAH - Enquiry as to Complicity of Chiefs in Perak Outrages,
Abridgement of Evidence, Arranged Various Heads
- FCNSMP - Further Correspondence relating to the Affairs of Cer-
tain Natives States in the Malay Peninsula in the
Neighbourhood of the Straits Settlements
- hlm. - halaman
- JHSUM - Journal of the Historical Society University of Malaya
Kuala Lumpur

Pasir Salak

- JMBRAS - Journal of the Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
- JSBRAS - Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society
- MBRAS - Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
- PTMB - Proceedings of the Trial of the Maharajah Lela & Others Accused of the Murder of Mr. Birch
- SBLD - Straits Settlements Blue Book of the Larut District in the Natives State of Perak for the Year 1874
- TMMB - Trial of Maharaja Lela and Others for Murder of Mr. Birch
- t.t. - tanpa tarikh



Peta 1: Negeri Perak

PENEROBOSAN BRITISH

Penjelajahan British ke Asia dan Asia Tenggara mempunyai motif untuk mengaut keuntungan. Dalam usaha itu mereka pada awalnya berlandung di sebalik dasar tidak campur tangan walaupun melibatkan diri dalam politik negeri tempatan. Sungguhpun British menegaskan bahawa campur tangan di Tanah Melayu bermula pada tahun 1874, tetapi hal itu dianggap dakyah semata-mata kerana pada kurun ke-18 mereka telah pun terlibat dalam politik Tanah Melayu. Pada tahun 1780-an mereka terlibat dalam politik Kedah yang berakhir dengan tindakan menduduki Pulau Pinang. Pada tahun 1819 mereka menduduki Singapura. Setelah menduduki Melaka pada tahun 1825, iaitu apabila berkuat kuasa perjanjian British-Belanda 1824, British terlibat dalam negeri Nanning yang pada ketika itu di bawah pentadbiran Penghulu Dol Said. Campur tangan itu mencetuskan perang sebanyak dua kali pada tahun 1831 dan 1832. Dalam perang pada tahun 1831, Nanning mencapai kejayaan, tetapi mengalami kekalahan di tangan British pada tahun 1832. Pihak British juga terlibat secara langsung dalam persaingan politik di antara keluarga Sultan dengan Temenggung di Johor

pada tahun 1850-an hingga 1880-an. Begitu juga, British terlibat dalam persaingan jawatan Bendahara di Pahang di antara Wan Ahmad dengan Wan Mutahir (1857-1863), yang membawa kepada pembedilan ke atas Terengganu pada tahun 1862. Tidak kurang juga penglibatan British dalam politik Perak, Selangor dan Negeri Sembilan sebelum tahun 1874.

Pergeseran Sesama Sendiri

Pada tahun 1851 Sultan Shahbuddin mangkat, lalu takhta kerajaan Perak diduduki oleh Sultan Abdullah. Ketika pemerintahan Sultan Abdullah, Raja Ngah Jaafar menjadi Raja Muda; Raja Ngah Ali, putera Sultan Shahbuddin menjadi Raja Bendahara. Persaingan merebut takhta kerajaan berlaku di antara Raja Muda Ngah Jaafar yang disokong oleh Raja Ngah Ali, dengan Sultan Abdullah. Persengketaan ini membawa kepada pengunduran Sultan Abdullah pada bulan Jun 1854 dari istana baginda di Tanjung Sarang Dendang ke Durian Sebatang untuk berlindung dengan Laksamana. Sultan Abdullah beberapa kali memohon jasa baik Gabenor Negeri-negeri Selat bagi menyekat cita-cita Raja Muda Ngah Jaafar. Namun begitu, Raja Muda Ngah Jaafar ditabalkan sebagai Sultan Perak dengan gelaran Sultan Safiuddin Muazzam Shah pada tahun 1854. Walaupun demikian baginda dengan rasminya menjadi sultan pada tahun 1857 setelah Sultan Abdullah mangkat. Raja Ngah Ali diangkat menjadi Raja Muda dan Raja Ismail, keturunan Siak diangkat menjadi Raja Bendahara.¹

Pada masa pemerintahan Sultan Shahbuddin Shah, Long Jaafar yang tinggal di Larut mendapat kebenaran daripada Panglima Bukit Gantang, Alang Alaidin yang secara tradisinya berkuasa di Larut. Beliau memajak Larut dengan kadar \$125.00 setahun.² Long Jaafar berjaya mendapatkan geran ke atas Larut yang bertarikh 6 November 1850 dengan bantuan Raja Ngah Ali. Walaupun Panglima Bukit Gantang tidak membantah dan melalui wakilnya, Penghulu Rejab, beliau berkuasa di Kurau, tetapi

Long Jaafar merasakan kedudukannya tidak stabil dan seterusnya memohon geran baru ke atas Larut bertarikh 8 November 1856 daripada Raja Ngah Jaafar yang sebenarnya berkuasa di Perak ketika itu.

Kini masalah takhta kerajaan muncul lagi. Kali ini Raja Muda Ngah Ali yang dibantu oleh Raja Bendahara Ismail bersaing pula dengan Sultan Safiuddin. Sokongan Raja Bendahara Ismail ini adalah kerana beliau sahabat Raja Muda Ngah Ali dan sebelum ini menjadi anak angkat ayahanda Raja Muda Ngah Ali, Sultan Shahbuddin atau Marhum Safiullah.³ Long Jaafar yang menguruskan pentadbiran Larut meninggal dunia dan digantikan oleh putera beliau Ngah Ibrahim.⁴ Ngah Ibrahim pula mendapat pengesahan kuasa ke atas Larut, meliputi Krian dan Bagan Tiang pada 24 Mei 1858 daripada Sultan Jaafar.⁵

Oleh itu apabila Sultan Jaafar cuba mengurangkan kuasa Ngah Ibrahim di Larut dengan melantik Panglima Besar Muhammad Kasasi untuk berkuasa di Krian, Raja Muda Ngah Ali yang dipengaruhi oleh Ngah Ibrahim dan bapa saudaranya Ngah Lamat, bersama Panglima Bukit Gantang mengajukan bantahan kepada kerajaan British di Pulau Pinang. Mereka menyatakan bahawa bidang kuasa di Kerian adalah di bawah Panglima Bukit Gantang.⁶ Kemudian apabila Sultan Jaafar memajakkan Krian kepada W. T. Lewis pada tahun 1861, dan beliau datang untuk menempatkan petani di sawah tersebut pada 11 Mei 1861, Raja Muda Ngah Ali menghantar bantahan pada 15 Mei 1861. Dalam bantahannya itu Raja Muda Ngah Ali menyatakan bahawa Sultan Jaafar memberi pajakan kawasan tersebut tanpa berunding dengan beliau dan sebagai Raja Muda Perak yang bakal mewarisi takhta kerajaan Perak beliau juga mempunyai kuasa yang sama dan dengan itu tidak akan membenarkan pajakan tersebut. Kemudian Sultan Jaafar terpaksa mengalah kepada persetujuan Orang Besarnya bahawa Krian diletakkan di bawah Panglima Besar Muhammad Kasasi tetapi pendapatannya hendaklah dibahagi dua di antara beliau dengan Ngah Lamat. Baginda telah membatalkan pajakan kepada W. T. Lewis.⁷ Pada 23 Oktober 1863

5 3

Ngah Ibrahim dianugerahkan gelaran Orang Kaya Menteri dan menerima geran kuasa ke atas Larut yang merangkumi kawasan pedalaman hingga ke Kelian Baru, ke timur hingga ke Kuala Sungai Beruas dan ke barat sampai ke Kerian. Namun begitu pada 31 Mac 1864 Sultan Jaafar telah mengurangkan kuasa Menteri Ngah Ibrahim; iaitu dari Larut dan Kerian ke Bagan Tiang, ke barat hingga Tanjung Belanak, pedalaman hingga ke sempadan Kedah.⁸

Pada 20 Mac 1864 Sultan Jaafar (atau Sultan Safiuddin) mangkat. Sekali lagi berlaku perebutan jawatan Sultan, yang berlarutan hingga ke akhir tahun 1865. Persaingan kali ini di antara Raja Muda Ngah Ali dengan Raja Abdullah, putera Sultan Jaafar. Walaupun keputusan muktamad untuk menentukan Sultan tidak dicapai tetapi pembesar-pembesar bersetuju bahawa Raja Bendahara Ismail kekal dengan jawatannya. Raja Bendahara Ismail tidak dinaikkan ke jawatan Raja Muda kerana beliau bukan kerabat diraja Perak dan didapati terlibat dalam pembunuhan Syahbandar. Namun demikian persaingan ini tidak mencetuskan perang terbuka di antara kedua-dua belah pihak. Pada Januari 1866 Raja Muda Ngah Ali telah dilantik sebagai Sultan Perak dengan gelaran Sultan Ali al-Mukamal Inayat Syah. Baginda pula mendapat sokongan daripada Menteri Ngah Ibrahim. Raja Abdullah, putera Sultan Jaafar dilantik sebagai Raja Muda.

Walaupun Raja Abdullah dilantik sebagai Raja Muda tetapi beliau masih tidak berpuas hati dengan jawatan itu. Oleh kerana Ngah Ibrahim menyokong Sultan Ali maka berlaku keretakan di dalam hubungan mereka berdua. Raja Muda Abdullah sangat berharap untuk berkuasa di bahagian utara Perak. Keinginan ini disebabkan kemajuan perdagangan di bahagian utara lebih baik dari selatan. Dalam usaha ini Raja Muda Abdullah mendapat sokongan daripada pedagang-pedagang Pulau Pinang, salah seorang daripadanya ialah Edward Bacon. Langkah Raja Muda Abdullah itu menimbulkan kebimbangan Sultan Ali. Baginda kemudian meminta bantuan Leftenan Gabenor Pulau Pinang, A. E. H.

Anson untuk memberi amaran kepada saudagar-saudagar supaya jangan melibatkan diri dengan kegiatan yang ditimbulkan oleh Raja Muda Abdullah. Tanpa menghiraukan langkah yang diambil oleh Sultan Ali (menghubungi pihak British), Raja Muda Abdullah telah memberi uluran (konsesi) kepada Edward Bacon dan beberapa saudagar lain di tebing Sungai Kerian. Pemberian uluran ini melalui surat kuasa yang mempunyai cap mohor sultan. Raja Muda Abdullah juga telah memaksa Menteri Ngah Ibrahim menurunkan sama cap mohornya di atas surat kuasa kepada Edward Bacon selama lima belas tahun dengan kadar bayaran \$5,500 setahun. Ngah Ibrahim melaporkan perkara ini kepada Sultan Ali. Sultan Ali pula membatalkan geran ini.

Pada 20 Mei 1871 Sultan Ali mangkat di Sayong. Jenazah baginda hanya dimakamkan sebulan kemudian, iaitu pada 29 Jun 1871. Kelewatan ini adalah disebabkan timbulnya masalah untuk menentukan pengganti sultan. Walaupun beberapa kali Raja Muda Abdullah dijemput hadir ke upacara pemakaman jenazah Sultan Ali, beliau tidak hadir. Beberapa alasan dikemukakan tentang mengapa beliau tidak dapat menghadiri dirinya. Pertama, pertelingkahan berlaku di antara Raja Muda Abdullah dengan pembesar-pembesar Utara mengenai uluran yang diberikan oleh beliau kepada Edward Bacon. Kedua, beliau malu kerana isterinya Raja Tipah, adik Sultan Ali lari mengikuti Raja Daud, saudara Raja Mahadi Selangor. Sekiranya hadir, beliau akan bersua muka dengan saudara-saudara isterinya. Ketiga, beliau bimbang akan diserang hendap oleh saingannya Raja Yusuf di Senggang, jalan memudiki sungai.⁹ Raja Yusuf iaitu putera Sultan Abdullah Muhammad Shah I, berselisih faham dengan Raja Muda Abdullah kerana diketepikan untuk memegang jawatan Raja Muda selepas Sultan Jaafar mangkat pada tahun 1865. Raja Yusof sekali lagi diketepikan daripada jawatan ini selepas kemangkatan Sultan Ali pada tahun 1871.¹⁰ Kegagalan Raja Muda Abdullah hadir di upacara pemakaman jenazah Sultan Ali menyebabkan para pembesar mengambil keputusan melantik Raja Bendahara Ismail sebagai Sultan Perak. Baginda

memakai gelaran Sultan Ismail Muabidin Shah. Pembesar yang hadir pada hari upacara pemakaman Sultan Ali ialah Temenggung, Maharaja Lela, Raja Bendahara Ismail, Menteri Ngah Ibrahim, Dato' Sagor dan Dato' Panglima Kinta. Raja Muda Abdullah, Raja Yusof, Syahbandar dan Laksamana tidak hadir. Raja Yusof tidak dijemput; Syahbandar memberi alasan menunggu rumah Raja Bendahara Ismail; Laksamana pula kerana menyelesaikan pajakan Kuala Sungai Perak. Pelantikan ini mendapat sokongan kuat daripada Menteri Ngah Ibrahim yang sudah lama bersengketa dengan Raja Muda Abdullah. Menteri Ngah Ibrahim tidak memihak kepada Raja Muda Abdullah kerana beliau selalu memungut cukai daripada pajak candu, judi dan minuman keras di Larut.¹¹ Raja Osman, putera Sultan Ali dilantik sebagai Raja Bendahara.¹² Sultan Ismail diiktirafkan oleh Leftenan Gabenor Pulau Pinang, A. E. H. Anson pada bulan Julai 1871. Pada bulan September 1873 pula, Menteri Ngah Ibrahim diiktirafkan oleh Gabenor Sir Harry Ord sebagai pemerintah bebas Larut. Pengiktirafan Sir Harry Ord di atas nasihat A. E. H. Anson.¹³

Naiknya Raja Bendahara Ismail di atas takhta kerajaan Perak menimbulkan rasa tidak puas hati Raja Muda Abdullah, yang kini menetap di Purbayan, Hilir Perak. Tidak lama selepas Raja Ismail menjadi Sultan, Laksamana membawa Raja Muda Abdullah berjumpa Edward Bacon di Kerian. Raja Muda Abdullah memajakkan daerah Kerian kepada Edward Bacon dengan kadar \$1,000 setahun. Setelah dua bulan tinggal di Kerian, Raja Muda Abdullah menjemput Menteri Ngah Ibrahim datang berjumpa dengannya untuk menurunkan cap ke atas perjanjian pajakannya dengan Edward Bacon. Menteri Ngah Ibrahim datang bersama Muhammad Ishak. Mereka berbincang lebih daripada sepuluh hari. Akhirnya Menteri Ngah Ibrahim dengan separuh hati menurunkan capnya ke atas perjanjian tersebut. Setelah selesai perjanjian tersebut, Edward Bacon menyerahkan wang pendahuluan \$3,000 kepada Raja Muda Abdullah. Kemudiannya Laksamana ke Hilir Perak; Menteri

Ngah Ibrahim dan kerani Muhammad Ishak pulang ke Larut.¹⁴ Kemudiannya pada tahun 1872 Raja Muda Abdullah mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Abdullah Muhammad Shah. Langkah Sultan Abdullah ini dipengaruhi oleh sokongan pembesar Hilir Perak dan semangat oleh Edward Bacon yang mempunyai minat untuk mendapatkan uluran di Kerian. Sultan Abdullah melantik Raja Yusof sebagai Raja Muda Perak.¹⁵ Sultan Abdullah mengutus surat kepada Gebenor Negeri-negeri Selat, Sir Harry Ord yang ditandatangani dan di cap mohor oleh Syahbandar, Orang Kaya Balai, Laksamana, Dato' Seri Agar Diraja (Dato' Sagor) dan Maharaja Lela yang menyatakan bahawa mereka tidak dapat menerima Sultan Ismail kerana baginda adalah keturunan diraja Siak dan bukan kerabat diraja Perak.¹⁶ //

Sebagai seorang yang berkuasa di Larut, Ngah Ibrahim cuba seboleh mungkin mengelakkan Raja Muda Abdullah meluaskan kuasanya di Larut. Keadaan ini menyebabkan mereka berdua ini bersaing, dan apabila Raja Muda Abdullah bersama kira-kira dua belas buah perahu dengan lebih kurang dua ratus orang pengikutnya belayar ke utara, Menteri Ngah Ibrahim bertanggapan bahawa Raja Muda Abdullah akan ke Kerian dan menetap di situ. Pergeseran di antara Raja Muda Abdullah dengan Menteri Ngah Ibrahim telah membawa kepada penglibatan mereka dalam persaingan di antara dua kongsi gelap, Ghee Hin dan Ho Hup Seah dengan Hai San dan Toa Peh Kong yang merebut kawasan perlombongan di Larut. Raja Muda Abdullah menyokong Ghee Hin dan Menteri Ngah Ibrahim memihak kepada Hai San. Walaupun demikian tidak bermakna Menteri Ngah Ibrahim dan Sultan Abdullah boleh digolongkan sebagai kumpulan kongsi gelap.¹⁷

Pada Oktober 1872 meletus Perang Larut di antara See-Kwans (Orang Empat Daerah) dengan Goh Kwans (Orang Lima Daerah). See-Kwans daripada kongsi gelap Ghee Hin dan Goh Kwans daripada Hai San. Dalam perang ini Ghee Hin dikalahkan dan berundur ke Permatang di Larut. Ketika perang ini, Menteri Ngah Ibrahim membina kubu

pertahanan di keliling rumahnya sebagai langkah berwaspada. Dalam perang ini ramai orang Ghee Hin terbunuh. Apabila merasakan kedudukannya terancam, Menteri Ngah Ibrahim berundur ke Pulau Pinang dan membuat perjanjian dengan pemimpin Hai San serta memihak kepada Hai San dalam pertempuran.

Sementara pertempuran di Larut berterusan, Raja Muda Abdullah, Syahbandar, Laksamana dan Haji Musa (seorang saudagar yang kaya) menyerang Raja Mahkota (Pegawai Darjat Dua) yang dilantik oleh Sultan Ismail untuk memungut cukai di Sungai Durian.¹⁸ Setelah bertindak balas, akhirnya Raja Mahkota menyerah kalah dan melepaskan jawatan memungut cukai di situ. Dengan keadaan Larut yang masih bergolak, Ghee Hin menguatkan kedudukan di Permatang. Pada Januari 1873, Raja Muda Abdullah bersama-sama Syahbandar, Laksamana dan Raja Idris (sepupu Raja Muda Abdullah) berangkat ke Pulau Pinang. Sebagai langkah menentang Menteri Ngah Ibrahim, ketika berada di Pulau Pinang Raja Muda Abdullah telah membuat perjanjian bertulis dengan pemimpin Ghee Hin pada 28 Februari 1873. Raja Muda Abdullah menyatakan sokongannya kepada Ghee Hin, sanggup memajakkan lombong di Larut kepada mereka dan membayar separuh daripada perbelanjaan perang. Pada 3 April 1873, Raja Muda Abdullah meninggalkan Pulau Pinang, dan singgah di Kerian memerhatikan perkembangan di Larut. Dikatakan bahawa Raja Yusof juga turut memerhatikan perkembangan di Larut dan beliau telah diakui oleh Raja Muda Abdullah sebagai Raja Muda. Setelah beberapa bulan perang meletus di Larut, kegiatan perlombongan terbiar, perdagangan dengan Pulau Pinang terencat dan pesisiran pantai tidak aman kerana kegiatan perompakan di bawah naungan Ghee Hin dan Hai San.

Dalam persaingan yang berlaku di antara Raja Muda Abdullah dengan Menteri Ngah Ibrahim, kedua-duanya meminta bantuan Lee Kim Ching, saudagar yang berpengaruh di negeri-negeri Melayu dan Konsul Siam di Singapura. Raja Muda Abdullah berusaha supaya ia

dilantik dan diiktiraf sebagai Sultan Perak dan Menteri Ngah Ibrahim pula sebagai pemerintah Larut. Lee Kim Ching menyatakan kesanggupannya ke Pulau Pinang untuk menyelesaikan persengketaan di antara Ghee Hin dengan Hai San, dengan syarat Menteri Ngah Ibrahim mengakui Raja Muda Abdullah sebagai Sultan Perak dan menjamin untuk memberi bahagian tertentu hasil Larut kepadanya. Cadangan Lee Kim Ching tidak dapat diterima oleh Menteri Ngah Ibrahim kerana beliau mempunyai cita-cita untuk bebas di Larut. Seiring dengan ini Menteri Ngah Ibrahim mendapatkan perkhidmatan Kapten Speedy¹⁹ yang telah bersara daripada jawatan Pesuruhjaya Polis Pulau Pinang dan beberapa orang sepoi yang didatangkan dari India oleh Kapten Speedy. Ketika Gabenor Negeri-negeri Selat Sir Harry Ord berada di Pulau Pinang, Menteri Ngah Ibrahim mengajukan surat yang menyatakan bahawa Hai San berhak ke atas kawasan perlombongan dan sokongannya; manakala Ghee Hin bertanggungjawab kepada kekacauan di pesisiran dan telah dihalau dari Perak.²⁰ Mengikut adat, Raja Muda berhak ke atas cukai candu, arak, judi dan pajak gadai di dalam negeri Perak. Tetapi pada masa Raja Muda Abdullah perkara ini tidak diamalkan lagi.²¹

Gabenor Sir Harry Ord menunjukkan sikap memihak kepada Menteri Ngah Ibrahim dengan menghantar kapal *Midge* dan *Thalia* untuk bertindak dan mententeramkan pesisiran pantai. Dengan itu pada 20 September 1873, pasukan di bawah pimpinan Pegawai Laut Kanan Kapten Woolcombe menjalankan tindakan, telah berjaya memusnahkan tiga buah jong tempur, dua kubu di Sungai Larut dan kira-kira 4,000 orang di bandar Larut menyerah diri tanpa syarat. Kini keadaan pesisiran pantai bebas daripada ancaman Ghee Hin. Pada 22 September 1873 perahu kenaikan Raja Muda Abdullah turut juga ditawan oleh kapal *Midge* dan dibawa ke Pulau Pinang. Namun begitu Raja Muda Abdullah dibebaskan oleh Leftenan Gabenor Pulau Pinang, A. E. H. Anson. Raja Yusof pula meninggalkan Bukit Gantang, yang kemudiannya diduduki oleh pasukan Kapten Speedy.

Sokongan kepada Menteri Ngah Ibrahim menandakan Raja Muda Abdullah tidak mempunyai tempat pada Gabenor Sir Harry Ord. Namun begitu beliau masih meneruskan usaha mendapatkan bantuan Lee Kim Ching di Singapura. Setelah bersusah payah, melalui Syahbandar, Raja Muda Abdullah berjaya mengumpulkan wang sebanyak \$1,000 bagi membolehkan beliau dan lima orang pengikutnya berangkat ke Singapura. Rombongan Raja Muda Abdullah tiba di Singapura pada 3 Oktober 1873, disambut dan disediakan kemudahan serta tempat tinggal oleh Lee Kim Ching. Walaupun berada kira-kira dua puluh hari di Singapura, Raja Muda Abdullah tidak diterima berjumpa dengan Gabenor Sir Harry Ord. Dengan nasihat Lee Kim Ching, Raja Muda Abdullah berangkat ke Perak pada 23 Oktober 1873, dengan penuh harapan bahawa Lee Kim Ching akan berikhtiar supaya British menerimanya sebagai sultan, dan berjanji melantik Lee Kim Ching sebagai pemungut cukai di Larut selama sepuluh tahun.²² Kekacauan di Larut menyebabkan hasil pungutan cukai pada akhir tahun 1873 jatuh daripada \$15,000 kepada \$1,500 sebulan.²³

Campur Tangan British

Raja Muda Abdullah dalam usahanya untuk menduduki takhta kerajaan Perak cuba mendapatkan sokongan daripada saudagar di Pulau Pinang dan pegawai British. Beliau kerap kali menghubungi pegawai British; malah beliau pernah meminta jasa baik Munshi Ibrahim untuk memaklumkan kepada C. J. Irving bahawa sekiranya beliau menjadi Sultan, beliau sanggup melayani kehendak British. Raja Muda Abdullah bersama-sama Ngah Ibrahim ada berunding dengan C. J. Irving di kapal api *Pluto* mengenai kacau-bilau yang berlaku di Perak. Bagi British keamanan sangat penting untuk kelancaran kegiatan ekonomi bagi kepentingan mereka.

Pada 4 November 1873 Sir Andrew Clarke tiba di Singapura untuk memegang jawatan Gabenor Negeri-negeri Selat menggantikan Sir Harry Ord. Lee Kim Ching mengambil peluang kedatangan gabenor baru dengan melaporkan tuntutan Raja Muda Abdullah dan meminta Raja Muda Abdullah menulis surat kepada Gabenor Negeri-negeri Selat meminta Gabenor menjadi orang tengah dalam penyelesaian persengketaan di antara beliau dengan Ngah Ibrahim serta sanggup membuat perjanjian dan menerima Residen British.²⁴

Apabila menduduki jawatan Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Andrew Clarke telah menghantar W. A. Pickering, Penasihat Hal-ehwal Orang Cina ke Pulau Pinang pada 2 Januari 1874 bagi mendapatkan persetujuan perdamaian di antara Ghee Hin dengan Hai San. Pada 4 Januari 1874, W. A. Pickering menghantar telegram, dan pada 5 Januari 1874 menghantar laporan kepada Sir Andrew Clarke bahawa beliau berjaya mendapat persetujuan Ghee Hin bagi menghentikan perselisihan di Larut. Pada 7 Januari 1874²⁵ Sir Andrew Clarke menghantar Inspektor-Jeneral Polis, Kapten Dunlop dan Jurutera Tanah Jajahan Mejar McNair bagi menguruskan persediaan menamatkan persengketaan dengan Orang-orang Besar Perak dan hadir ke mesyuarat di Pulau Pangkor pada 14 Januari 1874.²⁶ Mereka tiba di Pulau Pinang pada 10 Januari 1874, membawa surat daripada Gabenor kepada Raja Bendahara, Raja Muda Abdullah, Menteri dan Laksamana supaya hadir bertemu Gabenor.²⁷ Sir Andrew Clarke menghantar W. A. Pickering ke Pulau Pinang seminggu lebih awal daripada tarikh beliau menerima surat Sultan Abdullah. Penghantaran Mejar MacNair dan Kapten Dunlop ke Perak pula dua hari sebelum beliau menerima surat Sultan Abdullah. Dengan itu surat Sultan Abdullah yang diterima oleh Sir Andrew Clarke pada 9 Januari 1874 bukan punca yang membawa kepada langkah beliau memulakan campur tangan di Perak dan perjumpaan pada 14 Januari 1874.²⁸ Malah Sir Andrew Clarke pernah menyuarakan cita-citanya kepada W. H. Read untuk campur tangan di negeri-negeri Melayu apabila tiba masa yang sesuai.²⁹

Bagi Raja Muda Abdullah pula campur tangan British adalah penting untuk membolehkan dia menjadi Sultan Perak.

Pada 12 Januari 1874, dengan tujuan mewujudkan perjanjian dengan Perak, Sir Andrew Clarke datang ke Pangkor. Pada 13 Januari 1874 ketua Hai San datang ke Pulau Pangkor dengan kapal *H. M. S. Avon* dari Pulau Pinang bersama-sama F. Swettenham. Ketua Ghee Hin pula, datang bersama W. A. Pickering, McNair dan Dunlop dengan kapal *S. S. Johor*. Pada 14 Januari 1874 datang pula Menteri Ngah Ibrahim dengan kapal apinya sendiri, bersama ketua polisnya, Kapten Speedy dan peguamnya R. C. Woods. Pada 15 Januari 1874, Raja Muda Abdullah datang bersama-sama Raja Bendahara Osman, Raja Ngah, Raja Abas, Laksamana, Syahbandar, Raja Mahkota dan beberapa pengikut baginda yang lain. Di samping itu Temenggung dan Dato' Sagor juga turut hadir. Pada petangnya Sir Andrew Clarke berbincang dengan ketua-ketua Cina di atas kapal *Pluto* dan perjanjian digubal. Pada pagi 16 Januari 1874, Sir Andrew Clarke berbincang dengan Raja Muda Abdullah dan Raja Bendahara Osman. Pada petangnya pula, beliau berbincang dengan Menteri Ngah Ibrahim. Pada hari Sabtu, 17 Januari 1874 mesyuarat diadakan di antara Sir Andrew Clarke dengan pembesar Perak. Di antara mereka yang hadir, ialah Raja Muda Abdullah, Bendahara, Laksamana, Syahbandar, Raja Mahkota, Menteri, Temenggung, Dato' Sagor. Sultan Ismail, Raja Yusof dan Dato' Maharaja Lela tidak datang. Setelah berbincang, mereka bersetuju mengiktiraf Raja Muda Abdullah sebagai sultan dan seorang residen British akan dilantik di Perak. Residen British akan menasihati sultan dalam semua perkara kecuali adat orang Melayu dan agama Islam. Pada 19 Januari 1874, perbincangan sekali lagi diadakan mengenai syarat-syarat Perjanjian Pangkor. Setelah selesai berunding, Sir Andrew Clarke menghantar surat menjelaskan segala pencapaian di Pangkor dan meminta supaya Sultan Ismail menyerahkan alat-alat kebesaran Perak.³⁰

Kemudiannya pada 20 Januari 1874 Perjanjian Pangkor ditandatangani di antara Raja Muda Abdullah dan Temenggung, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana, Dato' Sagor, Raja Bendahara, Syahbandar dan Raja Mahkota dengan Sir Andrew Clarke. Selepas perjanjian, 11 das tembakan dilepaskan dari kapal *Midge* sebagai penghormatan terhadap perlantikan Raja Muda Abdullah sebagai Sultan Perak.³¹ Di antara lain perjanjian ini berbunyi:

Fasal yang pertama - maka Raja Muda Abdullah itulah disebutkan menjadi Sultan Perak.

Fasal yang kedua - maka Raja Bendahara Ismail yang ada jadi pemangku sultan itu ditanggungkan kepadanya gelaran Sultan Muda serta mendapat pencen dan satu jajahan kecil tersebut menjadi punyai kepadanya.

Fasal yang ketiga - maka nama sekalian orang besar yang lain-lain yang telah dijadikan pada ketika Raja Bendahara Ismail menerima alat kerajaan itu ditetapkan belaka.

Fasal yang keempat - kuasa yang telah diberi kepada Orang Kaya Menteri di atas Larut oleh almarhum itu dikukuhkan juga demikian.

Fasal yang kelima - segala hasil yang dipungut dan segala perintah atau gelaran yang dibuat hendaklah dengan nama sultan itu.

Fasal yang keenam - hendaklah Sultan itu menerima seorang besar British yang akan dinamai Residen dan mengadakan sebuah rumah yang patut akan tempat kediamannya maka Orang Besar ini hendaklah ada berkuasa dan terpakai dalam balai bicara Sultan itu dan hendaklah dituntut apa-apa nasihat daripadanya dan mengikut ajarannya pada membuat apa-apa dalam segala perkara yang lain daripada perkara yang kena kepada agama dan adat-adat Melayu.

Fasal yang ketujuh - maka pemerintah Larut itu pun hendaklah ada berapit kepadanya seorang Asisten Residen iaitu seorang besar British yang mengerjakan pekerjaan di bawah Residen Perak itu dengan sama kuat kuasanya dan dia itu diperintah oleh Residen yang tersebut itu sahaja.³²

Sir Andrew Clarke menulis surat pada 20 Januari 1874 di atas kapal *Pluto* kepada Sultan Ismail, memaklumkan supaya baginda menyerahkan alat-alat kebesaran Perak kepada Sultan Abdullah pada hari Raya Haji 27 Januari 1875. Beliau juga menimbulkan persoalan tentang suratnya yang dihantar kepada Sultan Ismail bertarikh 7 Januari 1874 yang menyatakan penyelesaian kekacauan di Perak, tetapi baginda tidak hadir dalam rundingan di Pulau Pangkor. Juga dalam surat ini dimaklumkan bahawa Raja Muda Abdullah telah ditabalkan sebagai Sultan Perak; manakala Sultan Ismail sebagai Sultan Muda dan akan diberi pencen serta kawasan kecil untuk ditadbirkan.³³ Sultan Ismail menerima surat Gabenor pada 15 Januari 1874 yang menyatakan supaya datang berkumpul di Pulau Pangkor pada 14 Januari 1874. Kelewatan menerima surat ini menyebabkan baginda menjadi serba salah sama ada menghadirinya atau tidak, kerana perjalanan ke Pulau Pangkor memakan masa di antara empat atau lima hari. Namun begitu Sultan Ismail berangkat juga kerana ingin berjumpa Gabenor Sir Andrew Clarke. Dalam perjalanan, baginda diberitahu oleh seorang yang datang dari Pulau Pangkor bahawa Raja Muda Abdullah telah ditabalkan menjadi Sultan Perak.³⁴ Oleh itu Sultan Ismail tidak meneruskan perjalanan ke Pulau Pangkor.

Walaupun persetujuan dicapai dalam rundingan di Pangkor tetapi terdapat beberapa orang pembesar membuat bantahan ketika menandatangani perjanjian itu. Bagi Menteri Ngah Ibrahim perjanjian ini akan memberi kesan kepada beliau. Selain daripada hubungan yang tidak baik di antara kedua-dua pihak, pelantikan Raja Muda Abdullah sebagai sultan³⁵ akan hanya mengekalkan beliau sebagai pemerintah di Larut sahaja, dengan elaun yang ditetapkan dan segala hasil tidak lagi di dalam pentadbirannya. Begitu juga dengan Laksamana dan beberapa orang pembesar lain menerima syarat perjanjian dengan hati yang kurang rela. Oleh sebab itu dalam bulan Februari 1874 Laksamana dan beberapa orang pembesar mengadakan rundingan menyatakan rasa tidak puas

hati terhadap syarat-syarat perjanjian dan berikrar akan menentang, kerana matlamat Residen adalah untuk campur tangan dalam hal-chwal Perak, dan ini terbukti dengan tuntutan ke atas Dinding ke dalam kawasan British. Walaupun begitu Sultan Abdullah masih menunjukkan rasa senang hati ke atas perjanjian tersebut. Dalam bulan Februari 1874 Sultan Abdullah menghantar surat kepada Sir Andrew Clarke meminta supaya menghantar segera residen British bertugas di Perak dan menentukan sempadan daerah. Walaupun demikian selepas sebulan perjanjian ditandatangani Sultan Abdullah menghantar Haji Husin ke Pulau Pinang menemui peguam, Francis Worge Duke untuk mendapat kepastian tentang kedudukan Dinding sama ada ia boleh dimansuhkan. F. W. Duke sanggup mengemukakan kes ini kepada Gabenor sekiranya Sultan Abdullah memberi surat kuasa kepadanya.³⁶ Kemudiannya datang pula Mat Kasim, pengikut Laksamana membawa surat Sultan Abdullah menjemput F. W. Duke datang ke Perak. Dengan itu F. W. Duke datang ke Perak dengan Haji Husin.³⁷ Dalam pertemuan ini Sultan Abdullah mengadu hal tentang perbuatan J. W. W. Birch. Ketika berada di Perak, F. W. Duke bermalam di Kampung Gajah, rumah Dato' Sagor. Dalam perbincangan seterusnya di rumah Dato' Sagor, Sultan Abdullah meminta F. W. Duke memaklumkan kegiatan J. W. W. Birch, peraturan baru memungut cukai dan hamba berhutang yang lari kepada Gabenor. F. W. Duke tinggal selama tiga hari di Kampung Gajah. Apabila mendapat maklumat bahawa Gabenor berada di Bukit Gantang dan berasa bimbang Gabenor akan datang ke Hilir Perak, F. W. Duke dibawa ke Batak Rabbit. Gabenor tidak singgah di Batak Rabbit. Kemudiannya Sultan Abdullah bersama F. W. Duke pergi ke rumah Raja Kechil Muda di Pasir Panjang. Di sini Raja Kechil Muda memberitahu Sultan Abdullah bahawa Gabenor datang ke Perak untuk menguruskan penyerahan Perak kepada baginda Ratu. Sultan Abdullah memberi \$600 sebagaimana yang dijanjikan kepada F. W. Duke.³⁸

Sultan Abdullah, Laksamana, Raja Bendahara, Syahbandar, Raja Mahkota, Haji Musa dan Haji Mat Said juga mengadakan perbincangan mengenai kandungan Perjanjian Pangkor. Mereka yang hadir menyatakan rasa tidak puas hati terhadap Perjanjian Pangkor. Laksamana pula menyatakan penyesalannya kerana penyerahan Dinding kepada British dan akan berusaha untuk menggagalkan Perjanjian Pangkor.³⁹ Laksamana dan Menteri Ngah Ibrahim membuat rancangan memberitahu Sultan Ismail supaya jangan menyerahkan alat-alat kebesaran Perak kerana tindakan itu akan menyebabkan British boleh sewenang-wenangnya memerintah Perak.⁴⁰ Ketidakelesaian Menteri Ngah Ibrahim dapat diperhatikan melalui surat beliau kepada Sultan Ismail bertarikh 26 Februari 1874.

Dalam surat tersebut beliau menyatakan bahawa British merasakan mereka bertanggungjawab menyelesaikan masalah yang berlaku di Larut dengan meletakkan seorang Penolong Residen di Larut. Kini beliau terpaksa mengikut segala nasihat yang dikemukakan oleh Penolong Residen.⁴¹ Dalam bulan Mac 1874 Menteri Ngah Ibrahim telah membayar \$12,000 kepada peguamnya, R. C. Woods supaya membawa kes Perjanjian Pangkor ke England untuk dibincangkan di Parlimen.⁴²

Gabenor menulis surat kepada Sultan Ismail mengenai alat-alat kebesaran. Haji Raja Yahya menasihati Sultan Ismail supaya jangan membalas surat ini kerana ia dialamatkan kepada Raja Bendahara, bukan Sultan Ismail. Kemudiannya J. W. W. Birch dan Frank Swettenham datang ke Perak pada bulan April 1874 untuk memujuk Sultan Ismail agar menyerahkan alat-alat kebesaran Perak. Dalam pertemuan tersebut, J. W. W. Birch meminta penjelasan Sultan Ismail tentang surat yang dihantar Gabenor, sama ada boleh menyerahkan alat-alat kebesaran kepada Sultan Abdullah. Dalam hal ini Sultan Ismail tidak memberi sebarang jawapan. Swettenham yang hadir mengulangi pertanyaan yang sama. Dengan itu Sultan Ismail meminta pandangan Menteri Ngah Ibrahim. Seterusnya Menteri Ngah Ibrahim mencadangkan akan

memberi jawapan dalam tempoh dua atau tiga hari. Kemudian majlis pun bersurai. Desakan Gabenor supaya menyerahkan alat-alat kebesaran ini menyebabkan Sultan Ismail mengadu kepada Maharaja Abu Bakar Johor.⁴³

J. W. W. Birch dan Swettenham gagal kerana tindakan Sultan Ismail; begitu juga Menteri Larut dan Laksamana yang tidak berpuas hati dengan Perjanjian Pangkor. Berlainan pula dengan Sultan Abdullah, baginda dipastikan oleh J. W. W. Birch bahawa dia akan dihantar sebagai residen British di Perak. Pada Jun 1874, J. W. W. Birch dan Swettenham datang lagi ke Belanja menghadap Sultan Ismail untuk mengambil alat-alat kebesaran. Kali ini mereka juga gagal.⁴⁴ Manakala Sultan Ismail menghantar surat kepada Sir Andrew Clarke bertarikh 5 Jun 1874 menjelaskan bahawa kelewatan menerima jemputan menyebabkan baginda tidak dapat datang ke Pangkor. Di samping itu Sultan memohon maaf kerana tidak menyerahkan alat-alat kebesaran kerana baginda adalah berhak di atas takhta kerajaan Perak. Sultan Ismail juga menegaskan sikap J. W. W. Birch yang biadap kerana memulangkan surat baginda tentang soal penyerahan alat-alat kebesaran dalam keadaan terbuka dan menyatakan kandungan surat itu tidak memenuhi maksudnya. Dalam surat itu juga Sultan Ismail menyatakan bahawa Sir Andrew Clarke perlu menyiasat keadaan yang sebenar.⁴⁵

Sementara itu Sultan Abdullah menjalankan pungutan cukai di Kuala Sungai Perak. Perbuatan baginda ini tidak disenangi oleh Gabenor.⁴⁶ Dengan itu pada bulan Julai 1874, R. Braddell datang menghadap Sultan Abdullah di Batak Rabbit untuk memberi amaran bahawa setiap tindakan hendaklah melalui Gabenor. Tanpa menghiraukan amaran ini kira-kira dua hari selepas R. Braddell menghadapnya, Sultan Abdullah memajakkan Kuala Sungai Perak kepada saudagar Singapura, Lee Cheng Tee, dengan kadar \$26,000 setahun, dan menerima bayaran pendahuluan sebanyak \$13,000. Pajakan ini pula dibuat di atas nama Syahbandar.⁴⁷ Dengan itu Lee Cheng Tee boleh memungut cukai ke atas bijih timah,

getah, rotan, gading, arak, candu, beras, pakaian dan barangan yang melalui kuala Sungai Perak. Sultan Abdullah akan menerima \$24,000, manakala Syahbandar akan mendapat \$2,000 setahun daripada jumlah wang pajakan tahunan.⁴⁴

Pada 5 Jun 1874 (19 Rabiul-akhir 1291), Sultan Ismail memberi kuasa kepada Haji Raja Yahya berunding dengan Gabenor dan pegawai British mengenai masalah negeri Perak di Singapura dan Pulau Pinang. Sultan Ismail memberi wang sebanyak \$200 dan dua pucuk surat kepada Haji Raja Yahya. Sepucuk surat dialamatkan kepada Gabenor dan sepucuk lagi kepada Maharaja Abu Bakar Johor. Dalam pertemuan dengan Gabenor, Haji Raja Yahya difahamkan yang Sultan Ismail bertemu dengan peguam di Beruas untuk membatalkan Perjanjian Pangkor. Sementara itu dalam pertemuan dengan Maharaja Abu Bakar pula, Haji Raja Yahya dinasihati supaya memperakukan Sultan Ismail mengikut arahan Gabenor Andrew Clarke dan menyerahkan alat-alat kebesaran.⁴⁹

Frank Swettenham datang ke Belanja untuk kali keduanya pada 6 Jun 1874 untuk memujuk Sultan Ismail dan Raja Yusof menemui Sir Andrew Clarke di Pulau Pinang. Dengan itu Raja Yusof dan Dato' Nara (wakil Sultan Ismail) datang ke Pulau Pinang berjumpa dengan Sir Andrew Clarke.⁵⁰ Dalam perjumpaan ini Sir Andrew Clarke gagal mempengaruhi Raja Yusof dan Dato' Nara supaya menerima dasar British. Pada 10 Julai 1874 Sir Andrew Clarke menjawab surat Raja Ismail yang bertarikh 5 Jun 1874, menjelaskan tentang mengapa pihak British mengiktirafkan Raja Muda Abdullah sebagai Sultan Perak, dan sebagai menjaga nama Sultan Ismail, baginda digelarkan Sultan Tua. Raja Abdullah ditabalkan sebagai Sultan kerana berdasarkan adat Perak, Raja Muda adalah bakal sultan. Oleh kerana Raja Abdullah bergelar Raja Muda pada ketika itu maka dia adalah layak ditabalkan sebagai Sultan Perak. Manakala Sultan Ismail pula yang berasal dari Sumatera bukanlah kerabat diraja jati Perak. Di samping itu Sultan Ismail memegang jawatan sultan hanyalah sebagai pemangku dan akan menyerahkan kuasa tersebut

apabila calon yang layak dilantik. Sementara itu Sir Andrew Clarke juga menyatakan bahawa Sultan Abdullah tidak pernah mencaci Sultan Ismail, malah kata-kata pujian yang selalu dikeluarkan. Beliau juga menafikan dakwaan Sultan Ismail bahawa mereka yang hadir di Pulau Pangkor berada dalam ketakutan ketika menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian Pangkor. Mereka tidak dipaksa, malah dilayan dengan baik ketika berada di atas kapal *Pluto*.⁵¹ Dalam pada itu pada surat pengisytiharan bertarikh 13 Julai 1874 yang ditandatangani oleh Leftenan Gabenor Pulau Pinang, A. E. H. Anson disebarikan Perak. Surat ini menyatakan bahawa dengan berkuatkuasanya Perjanjian Pangkor, Sultan Abdullah diiktiraf oleh kerajaan British sebagai Sultan Perak.⁵² Pada 18 Ogos 1874, dalam perjalanan pulang, Sir Andrew Clarke memberi surat kepada Haji Raja Yahya, wakil Sultan Ismail berserta dengan pengisytiharan bertarikh 13 Julai 1874 mengakui Sultan Ismail sebagai bekas sultan dan dibayar pencen sebanyak \$1,000 sebulan. Dalam surat itu Sir Andrew Clarke menyatakan sukacitanya beliau mendapat berita bahawa Sultan Ismail akan menerima nasihat British.⁵³ Selain daripada bayaran \$1,000 sebulan hasil daripada kutipan cukai negeri Perak, segala lombong, tanah kampung, rumah dan binatang ternakan yang dipunyai oleh Sultan Ismail masih menjadi miliknya. Di samping itu sebuah kawasan kecil akan diberikan kepada Sultan Ismail untuk ditadbirkan. Kini Sultan Ismail tidak boleh lagi memungut sebarang cukai di dalam negeri Perak.⁵⁴

Haji Raja Yahya pulang ke Perak bersama W. A. Pickering. Kemudian Haji Raja Yahya berangkat ke Singapura membawa surat Sultan Ismail bertarikh 8 September 1874 yang menyatakan telah menerima surat Gabenor bertarikh 18 Ogos 1874 serta kesanggupan baginda melepaskan hal-ehwal Perak kepada Gabenor dan tidak akan membantah ke atas keputusan yang difikirkan adil oleh Gabenor. Sultan juga akan meminta nasihat daripada Gabenor apabila keadaan memerlukan.⁵⁵ Namun begitu pada bulan Oktober 1874, Sir Andrew Clarke menerima laporan bahawa

Sultan Ismail berunding dengan R. C. Woods tentang bantahan terhadap Perjanjian Pangkor. Pada 12 Oktober 1874, Sir Andrew Clarke memberi amaran kepada Sultan Ismail tentang kegiatannya ini. Beliau juga menyatakan bahawa beliau tidak membantah tindakan pembesar membuat hubungan dengan orang Eropah, selain daripada pegawai British, tetapi sebarang kerugian adalah tanggungan mereka sendiri.⁵⁶

Dalam perbincangan di Singapura dengan Sir Andrew Clarke, Haji Raja Yahya ada mengesyorkan supaya Sultan Ismail digelar "Baginda" dan bukan "Sultan Tua". Cadangan ini tidak diterima oleh Sir Andrew Clarke. Haji Raja Yahya pulang ke Perak melalui Larut, dan ketika berada di Sayong beliau diberitahu oleh Bendahara bahawa Sultan Ismail ada berunding dengan R. C. Woods dan berjanji akan memberi \$15,000 untuk perbelanjaan ke England bagi membantah Perjanjian Pangkor. Namun begitu ketika Haji Raja Yahya menghadap Sultan Ismail di Kinta untuk menyerahkan surat daripada Gabenor Sir Andrew Clarke, Sultan Ismail hanya mengakui ada menemui R. C. Woods tetapi tidak menyebut tentang perjanjian.

Pada 16 Oktober 1874, R. C. Woods berada di Perak. Satu mesyuarat diadakan dan dihadiri oleh Menteri Ngah Ibrahim, Temenggung, Raja Yusof, Sultan Ismail, Panglima Kinta, Dato' Nara, Dato' Sedika Raja Syed Muhammad, Maharaja Lela, Tuan Chee Perai dan Haji Abu Bakar dari Seberang Perai, diadakan di Belanja. Dalam mesyuarat ini lima ketetapan telah dibuat:

- Alat-alat kebesaran tidak akan diserahkan kepada Raja Muda Abdullah.
- Woods, Haji Abu Bakar dan Raja Yusof mesti berangkat ke England mewakili kes Perjanjian Pangkor.
- Sekiranya berlaku sebarang kekacauan untuk mendapatkan alat-alat kebesaran, Tuan Chee (Tuan Chik) akan mengetuai orang-orang yang dibekalkan oleh Sultan Ismail dan bertempur.

- Senjata dan peluru untuk tujuan di atas serta perbelanjaan akan dibiayai oleh Menteri Ngah Ibrahim.
- Jumlah \$25,000 mesti dibayar kepada Woods oleh Menteri Ngah Ibrahim dengan kadar segera.⁵⁷

Dalam pada itu Menteri Ngah Ibrahim dengan bantuan Nakhoda Trang telah mengendalikan mesyuarat di Kota Belanda, Kuala Sungai Perak pada 25 Oktober 1874. Mereka yang hadir ialah Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana, Syahbandar, Raja Mahkota, Dato' Mata-mata, Orang Kaya Mat Arshad dan Dato' Sagor. Dalam mesyuarat ini Menteri Ngah Ibrahim cuba mendapatkan surat kuasa untuk beliau berangkat ke England membawa kes Perjanjian Pangkor ke Parlimen dan segala perbelanjaan adalah tanggungan beliau. Dalam mesyuarat ini juga Laksamana mencadangkan supaya Sultan Abdullah memberi surat kuasa kepada Menteri Ngah Ibrahim untuk menjalankan pentadbiran Perak bagi pihak Sultan Abdullah. Cadangan ini adalah sebagai helah untuk menghalang percubaan Residen British mendapatkan kuasa daripada Sultan Abdullah dan memerintah Perak. Sultan Abdullah yang pada mulanya bersetuju dengan cadangan ini telah menolaknya kemudiannya, setelah dinasihati oleh Lee Cheng Tee yang juga ada di tempat mesyuarat tersebut. Lee Cheng Tee menyatakan penyerahan kuasa kepada Menteri Ngah Ibrahim akan merugikan baginda.⁵⁸

Pada 28 Oktober 1874 berlangsung pertemuan di antara Sultan Ismail dengan R. C. Woods. Sultan Ismail menganugerahkan sejumlah \$20,000 daripada \$50,000 yang dijanjikan untuk perbelanjaan ke England bagi menguruskan pembatalan Perjanjian Pangkor di Parlimen.⁵⁹ Pada 2 November 1874 surat pengisytiharan yang ditandatangani oleh R. Braddell, pemangku Setiausaha Jajahan, memperingatkan bahawa kerajaan England merestui perjanjian tersebut dan sesiapa yang ingkar

Perjanjian Pangkor yang ditandatangani dengan sukarela itu akan menanggung akibatnya.⁶⁰

Nota

1. Raja Ismail ialah putera Raja Syed Hitam dengan Raja Mandak, puteri Sultan Ahmaddin. Beliau berkahwin dengan Raja Fatimah, puteri Raja Kecil Besar, Raja Daud dan memperolehi dua orang anak, Raja Lope dan Raja Khadijah. Raja Khadijah menjadi isteri Raja Osman, putera Sultan Ali Inayat Shah. [Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972), hlm. 125; *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984), 161].

2. Muhammad Ibrahim Munshi, *Kisah Pelayaran Ibrahim Munshi* (Johor: Pejabat Cetak Kerajaan, 1956), 75.

3. Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873*, 139.

4. Ngah Ibrahim dilahirkan pada tahun 1840, keturunannya daripada Nyak Besahing yang berasal dari Aceh. Sila lihat Wee Choon Siang, "Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874," graduation exercise, (University of Malaya Singapore, 1952), 1.

5. Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873*, 139.

40. Hishamuddin bin Adnan, "British di Perak: Satu Kajian Mengenai Keterlibatannya dan Penentangan Orang-Orang Melayu sehingga terbunuhnya J. W. W. Birch", esei panjang, (Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1985/86), 5.

6. Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873*, 140.

7. *Ibid.*, 142.

8. *Ibid.*, 144-145.

9. C.O. 273/87, William Jervois kepada Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 4, "List of Witnesses", (seterusnya diringkaskan sebagai C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Raja Yahya, Singapura, 4 November 1876).

10. *Enquiry as to Complicity of Chiefs in the Perak Outrages Precipitated by Evidence* (Singapore: The Government Printing Office, 1876), 2. (Seterusnya

diringkaskan sebagai *ECCOPE*, 1876). Hishamuddin bin Adnan, "British di Perak: Satu Kajian Mengenai Keterlibatannya dan Penentangan Orang-orang Melayu sehingga terbunuhnya J. W. W. Birch," 11;13.

11. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Raja Yahya, Singapura, 4 November 1876.

12. Ibid. *ECCOPE*, 1876, 2.

13. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut* (Singapore: Government Printing Press, 1941), 282.

14. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Mahomed Isaak [Muhammad Ishak], Singapura, 2 November 1876. Muhammad Ishak menjadi ketua kerani Menteri Ngah Ibrahim pada tahun 1869 dengan gaji bulanan \$30. Beliau dilahirkan di Pulau Pinang; boleh bercakap dan menulis bahasa Inggeris. Pernah berkhidmat sebagai penulis Melayu di pejabat Setiausaha Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat semasa Gabenor E. A. Blundell. Beliau meletakkan jawatan di atas sebab kesihatan. Kemudiannya bertugas semula di Jabatan Pendaftaran Pulau Pinang selama kira-kira tujuh tahun. Ketika bertugas di sini beliau dibicarakan di atas tuduhan mencuri wang pejabat. Beliau didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara selama satu tahun. Apabila dibebaskan pada tahun 1869, Muhammad Ishak bertugas dengan Menteri Ngah Ibrahim.

15. C.O. 273/86, William Jervois kepada Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 4, "List of Witnesses". (seterusnya diringkaskan sebagai C.O. 273/86. "List of Witnesses", kenyataan Edward Bacon, Bandar Baru, 16 Mei 1876.

16. *ECCOPE*, 1876, 2.

17. Tidak dinafikan Menteri Ngah Ibrahim menyokong Hai San (Tokong), tetapi sokongan itu diberikan kerana Hai San pada ketika itu kuat dan mampu mengalahkan Ghee Hin. Dengan keluarnya Ghee Hin dari Larut, sekurang-kurangnya persaingan di antara Hai San dengan Ghee Hin dapat diatasi dan Larut menjadi aman. Begitu juga dengan Sultan Abdullah mendapatkan bantuan Tan Kim Cheng (*Triad* Pulau Pinang), kerana beliau berpengaruh dan rapat dengan pegawai British. Tan Kim Cheng pula memberi sokongan dengan harapan akan mendapat faedah daripada kejayaan Sultan Abdullah nanti. Oleh itu untuk mengatakan Menteri itu Tokong dan Sultan Abdullah pula *Triad*

(Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 282) masih boleh dipersoalkan. Tokong menyokong Menteri dan *Triad* menyokong Sultan Abdullah kerana mereka mempunyai kepentingan ekonomi masing-masing di Perak.

18. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Nakhoda Trang [Terang], 1 September 1876.

19. Tristram Charles Sawyer Speedy pernah berkhidmat di Abyssinia. Juga pernah bertugas dalam pasukan Tentera India. Beliau dilantik sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis Pulau Pinang pada tahun 1872. Pada bulan Julai 1873 beliau meletakkan jawatan dan berkhidmat sebagai komander pasukan polis Menteri Ngah Ibrahim. [K. G. Tregonning, *A History of Modern Malaya* (Singapore: Eastern Universities Press Ltd., 1964), 148. E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970), 65. J.M. Gullick, "Captain Speedy of Larut", *JMBRAS*, Vol. 26, Pt. 3, 1953.]

20. *ECCOPE*, 1876, 2.

21. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Mahomed Isaak, Singapura, 2 November 1876.

22. *ECCOPE*, 1876, 3.

23. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 285.

24. *ECCOPE*, 1876, 3.

25. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 283, mencatatkan Mejar MacNair dan Kapten Dunlop dihantar ke Perak pada 6 Januari 1874.

26. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 25 Ogos 1876. Haji Husin adalah seorang peniaga; di antara tempat beliau berniaga ialah di Pulau Pinang. C. D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970), 248-249.

27. Mervyn Liewelyne Wynne, *Triad and Tabut*, 287.

28. C. D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, 259.

29. *Ibid.*, hlm. 247. Sultan Abdullah meminta British campur tangan untuk menyelesaikan kacau-bilau di Perak dan sanggup membuat perjanjian dengan British. (*ECCOPE*, 1876, Sultan Abdullah kepada Sir Andrew Clarke, 2 Januari 1874). Buku *Triad and Tabut* mencatatkan Sir Andrew Clarke menerima surat Sultan Abdullah pada 30 Disember 1873 yang menyatakan

baginda bersetuju menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian Pangkor. (Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 283).

30. ECCOPE, 1876, 4. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 284; 289.
31. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 27 Ogos 1876.
32. Khoo Kay Kim, "The Pangkor Treaty in Malay", *Peninjau Sejarah*, Vol. 1, July 1966. Syarat penuh perjanjian ini, sila lihat Lampiran A.
33. ECCOPE, 1876, Sir Andrew Clarke kepada Sultan Ismail, 20 Januari 1874.
34. ECCOPE, 1876, Sultan Ismail kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 5 Jun 1874.
35. ECCOPE, 1876, 3.
36. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 30 Ogos 1876.
37. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 4 September 1876; kenyataan Allang Nhor (Alang Nor), Bandar Baru, 27 Julai 1876.
38. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 6 September 1876; kenyataan Kulup Mahrouse (Mat Ros), Bandar Baru, 29 Julai 1876.
39. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Raja Yahya, Singapura, 4 November 1876; kenyataan Haji Husin, Singapura, 30 Ogos 1876.
40. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 30 Ogos 1876; kenyataan Muhammad Ishak, Singapura, 2 November 1876. *Enquiry as to Complicity of Chiefs in the Perak Outrages. Abridgment of Evidence, Arranged under various Heads* (Singapore: Government Printing Press, 1876), (seterusnya diringkaskan sebagai *ECPOAEH*, 1876), kenyataan Haji Husin, 3.
41. ECCOPE, 1876, Menteri Ngah Ibrahim kepada Sultan Ismail, 26 Februari 1874.

42. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 30 Ogos 1876. *ECCOPE*, 1876, 4. *ECPOAEH*, 1876, kenyataan Haji Husin.
3. R. O. Winstedt & R. J. Wilkinson, *A History of Perak* (Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1974), 99. Mervyn Liewelyne Wynne, *Triad and Tabut*, 299.
43. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Raja Yahya, Singapura, 4 November 1876.
44. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Edward Bacon, Bandar Baru, 16 Mei 1876.
45. *ECCOPE*, 1875, Sultan Ismail kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 5 Jun 1874.
46. *ECCOPE*, 1876, 4.
47. *Ibid.*, 5.
48. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 19 Julai 1876.
49. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Raja Yahya, Singapura, 7 Ogos 1876.
50. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 302.
51. *ECCOPE*, 1876, Gabenor Negeri-negeri Selat kepada Sultan Ismail, 10 Julai 1874.
52. Surat Persendirian 12/7, *Straits Settlements Gazette: Extraordinary*, Published by Authority, Penang, Wednesday, 15th July, 1874. Sila lihat Lampiran B.
53. *ECCOPE*, 1876, Gabenor Negeri-negeri Selat kepada Sultan Ismail, 18 Ogos 1874.
54. *ECCOPE*, 1876, "Proclamation", 13 Julai 1874. Pengisytiharan ini di atas nama Gabenor Negeri-negeri Selat dan ditandatangani oleh Leftenan Gabenor Pulau Pinang, A. E. H. Anson.
55. *ECCOPE*, 1876, Sultan Ismail kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 8 September 1874.
56. *ECCOPE*, 1876, Gabenor Negeri-negeri Selat kepada Sultan Ismail, 12 Oktober 1874.

57. *ECCOPE*, 1876, 5. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 302.
58. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Nakhoda Trang, Singapura, 1 September 1876; kenyataan Kulup Mahrouse, 19 Julai 1876. *ECPOAEH*, 1876, kenyataan Nakhoda Trang, 2. C.O. 273/86, William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 4, kenyataan Nakhoda Trang, Singapura, 1 September 1876. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 302-303.
59. P. L. Burns (edited and Introduced by), *The Journals of J.W.W. Birch: First British Resident to Perak 1874-1875* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976), 82.
60. *ECCOPE*, "Proclamation of the Governor of the three Settlements, Singapore, Penang and Malacca, to the Malay Rajahs, Elders, and People to make known to them the good wishes of the Great Queen of England", 2 November 1874.

NILAI-NILAI TEMPATAN TERCABAR

Pada 4 November 1874 J. W. W. Birch dihantar ke Perak untuk memegang jawatan Residen British Perak. Kehadiran J. W. W. Birch dan penglibatannya dalam pentadbiran Perak yang bermula pada 4 November 1874 menandakan bermulanya cabaran ke atas nilai-nilai tempatan. Sir Andrew Clarke dalam ulasannya mengenai J. W. W. Birch menyebut bahawa J. W. W. Birch adalah calon yang paling layak menguruskan pentadbiran tempatan di sebuah negeri yang separuh tamadun, kerana pengalamannya sebagai pegawai di Sri Lanka (Ceylon) dan pengetahuannya mengenai adat timur. Pada mulanya J. W. W. Birch tinggal di Batak Rabbit sebelum berpindah ke Durian Sebatang. Kemudian beliau berpindah lagi ke Bandar Baru.

Walaupun Sir Andrew Clarke menyedari J. W. W. Birch tidak memahami bahasa Melayu dan adat tempatan, seperti yang dikehendaki oleh pembesar-pembesar Perak tetapi beliau menaruh keyakinan kepada J. W. W. Birch. Malah Mejar J. F. A. McNair memberi amaran kepada Sir Andrew Clarke mengenai kelemahan J. W. W. Birch dan kehendak pembesar Perak.

Perak Sebelum Kedatangan Residen British

Sebelum kedatangan J. W. W. Birch dan pengenalan peraturan baru, pembesar dianugerahi kawasan di bawah penjagaan masing-masing dan boleh menjalankan pentadbiran serta pungutan cukai. Pungutan cukai ini menjadi punca pendapatan mereka. Raja Bendahara mendapat cukai bertangan. Orang Kaya Temenggung mendapat hasil daripada pajakan garam, wang penebus cupak, gantang, kati dan pikul. Orang Kaya Menteri mendapat hasil dari Larut. Dato' Maharaja Lela mendapat hasil daripada tiap-tiap perahu yang keluar masuk; selain daripada dikecualikan cukai ke atas segala barangan yang dibawanya. Dato' Laksamana mendapat kebenaran membawa keluar bijih timah 100 bahara setahun tanpa cukai; di samping memegang pinggir laut jajahan Perak. Dato' Syahbandar, selain daripada dikecualikan daripada cukai membawa bijih timah keluar sebanyak 50 bahara setahun, ia juga berkuasa ke atas perdagangan yang keluar masuk dan mengatur adat (peraturan) perdagangan. Dato' Panglima Genta (Kinta) berkuasa dari kuala hingga ke hulu Sungai Kinta dan segala hasil yang dipungut menjadi kepunyaannya. Dato' Serika Raja berkuasa di Sungai Temung dan segala kutipan cukai menjadi haknya. Dato' Panglima Bukit Gantang berkuasa di Sungai Lima dan juga Sungai Larut dan segala pungutan cukai menjadi miliknya. Dato' Seri Agar Diraja (Dato' Sagor) mendapat hasil daripada tiap-tiap perahu yang keluar masuk dan dikecualikan daripada cukai ke atas segala barangan yang dibawanya. Imam Paduka Tuan mendapat hasil daripada pungutan zakat, fitrah, sedekah kematian dan nikah kahwin.

Menteri berkuasa di Larut; Syahbandar tinggal di Kinta dan memungut cukai di Kuala Sungai Perak; Laksamana memungut cukai di atas nama Sultan; Sultan menerima cukai import dan eksport negeri yang dipungut oleh Syahbandar. Selain itu Sultan boleh membeli bijih timah dengan harga yang murah di Kinta. Raja Muda mempunyai kuasa di Kampung Gajah dan Bandar Tua. Dia juga berhak ke atas cukai pajak candu, arak dan judi di seluruh negeri Perak; Bendahara memungut

cukai di pedalaman di Kuala Kinta dan cukai ke atas bijih timah yang melalui Sungai Bidor di Kuala Chiku; Dato' Mata-mata (pembantu Laksamana) memungut cukai sebanyak 50 sen ke atas tiap-tiap satu koyan dagangan di dalam perahu yang keluar masuk Sungai Perak dan juga cukai ke atas ikan masin. Dato' Maharaja Lela membawa pedang dalam upacara rasmi negeri. Beliau berkuasa di Sungai Dedap dan Pasir Salak dan berhak ke atas satu persepuluh daripada pungutan hasil serta memungut cukai kepala sebanyak \$2 ke atas orang berkahwin. Manakala Dato' Sagor pula sebagai penyelia masakan dalam upacara negeri dan berkuasa ke atas Kampung Tengah dan Kampung Gajah.⁵

Sejak Perjanjian Pangkor terdapat dua orang sultan di Perak, Sultan Ismail dan Sultan Abdullah. Sultan Ismail bersemayam di Belanja, Hulu Perak. Baginda disokong oleh pembesar Hulu, misalnya Raja Bendahara, Menteri Larut dan Temenggung. Sultan Abdullah pula bersemayam di Batak Rabit, Hilir Perak. Baginda mendapat sokongan daripada pembesar Hilir, misalnya Laksamana, Syahbandar, Raja Mahkota, Dato' Sagor dan Dato' Maharaja Lela. Sultan Ismail mengekalkan kedudukannya sebagai Sultan Perak. Baginda masih mendapat ramai pengikut dan tidak mengiktiraf Sultan Abdullah sebagai Sultan Perak. Sokongan ramai rakyat ini, di antara lain disebabkan baginda menyimpan alat-alat kebesaran negeri Perak. Alat-alat kebesaran ini disifatkan oleh rakyat Perak sebagai simbol kedaulatan. Pada pandangan orang Melayu, tanpa alat-alat kebesaran kedaulatan tergugat.

Sultan menguruskan pentadbiran negeri, termasuk pentadbiran pembesar di peringkat jajahan (daerah). Manakala pembesar bertanggungjawab dalam kawasan masing-masing. Misalnya, Orang Kaya Menteri Paduka Tuan berkuasa di Larut; Dato' Maharaja Lela di Pasir Salak dan Dato' Sagor di Kampung Gajah. Dalam pentadbiran, Sultan dibantu oleh Raja Muda dan Orang Besar Utama, Raja Bendahara, Orang Kaya Besar, Temenggung dan Orang Kaya Menteri. Selain itu terdapat Orang Besar Delapan, Dato' Maharaja Lela, Laksamana,

Syahbandar, Dato' Andika Raja, Panglima Kinta, Panglima Bukit Gantang, Dato' Sagor dan Imam Paduka Tuan. Seterusnya Orang Besar Enam Belas dan Orang Besar Tiga Puluh Dua.⁶

Sultan menerima semua hasil import dan eksport yang dipungut oleh Syahbandar. Selain itu baginda menerima hasil daripada sungai dan daerah dan hasil tahunan emas yang didapati di Batang Padang. Baginda juga menikmati keistimewaan membeli timah dengan harga murah di Kinta. Raja Muda pula mempunyai wibawa di Kampung Gajah dan Bandar Tua. Selain itu Raja Muda juga berhak ke atas hasil pajak candu, arak dan judi dalam negeri. Raja Bendahara menduduki pejabat perbendaharaan dan tidak mempunyai jajahan pentadbiran. Walaupun begitu Raja Bendahara mempunyai hak memungut cukai di Sungai Raya, Kuala Kinta dan Kuala Chiku. Dato' Maharaja Lela, selain berhak memungut cukai di kawasanya, juga berhak memungut cukai kepala sebanyak \$2 tiap-tiap seorang ke atas yang berkahwin.

Dalam pada itu, persaingan Sultan Abdullah dengan Sultan Ismail ini melemahkan kedudukan mereka sendiri. Oleh sebab itu terdapat pembesar tempatan yang lebih berkuasa daripada kedua-dua sultan tersebut. Walaupun pembesar memberi taat setia kepada sultan, sama ada Sultan Ismail atau Sultan Abdullah, tetapi pada praktiknya mereka adalah bebas di dalam jajahan masing-masing.⁸ Manakala di Larut Menteri Ngah Ibrahim memungut cukai dan memonopoli pengangkutan kereta lembu di Larut. Beliau mengenakan cukai ke atas bijih timah sebanyak \$19 satu bahara atau 3 pikul. Harga sebahara timah pada ketika itu \$70. Cukai ke atas candu pula sebanyak \$120 satu peti. Manakala kereta lembu yang membawa barang dari pelabuhan ke pekan dikenakan cukai \$2.20 sebuah.⁹

Laksamana tinggal di Durian Sebatang, Hilir Perak, tetapi mengawal lombong bijih timah di Bidor. Manakala di tempat memungut cukai di Sungai Bidor, Laksamana memungut cukai \$10 ke atas setiap bahara bijih timah yang dibawa melalui Sungai Bidor. Daripada jumlah ini,

\$2.50 diberikan kepada Sultan; \$2.50 kepada Haji Musa, rakan kongsi Sultan yang membuka lombong bijih timah; \$1.25 tiap-tiap seorang kepada Tuk Imam, Panglima Perang Semaun, Raja Mahkota dan Laksamana.

Selain itu terdapat hamba berhutang di Perak. Mereka menjadi hamba kerana gagal menyelesaikan hutang mereka. Misalnya Si Kumbang menjadi hamba berhutang Hajjah Hawa kerana berhutang dengannya sebanyak \$30.¹⁰ Begitu juga dengan Sudin, beliau menjadi hamba berhutang Laksamana kerana bapanya mati gagal membayar hutang Laksamana. Sudin menyatakan yang beliau pernah dipukul oleh Laksamana dengan hulu pedang.¹¹ Hajjah Hawa memiliki 12 orang hamba: lapan wanita muda dan empat wanita tua. Si Kumbang menyatakan yang Hajjah Hawa tidak memberi makanan dan pakaian kepada hamba. Dengan itu mereka terpaksa bekerja sendiri untuk menyara hidup harian. Namun begitu, jumlah tertentu pendapatan mereka diberikan kepada Hajjah Hawa. Jika tidak berbuat demikian, mereka akan dipukul.¹² Oleh kerana hamba ini gagal membayar hutang mereka, bermakna mereka adalah harta kepada pemiliknya. Di samping itu Sultan Abdullah juga memiliki beberapa orang hamba, misalnya, Si Milah¹³ dan Si Bunga. Si Bunga berkahwin dengan Mahlun, yang berasal dari Batu Bahara, Siak.¹⁴

Bermulanya Konflik

J. W. W. Birch, sebaik sahaja tiba di Perak 4 November 1874, bermalam di Kota Belanda, cuba mendapatkan penjelasan mengenai kuasa pungutan cukai daripada Lee Cheng Tee di Sungai Perak. Dalam keadaan serba salah kerana menyedari bahawa kebenaran pungutan cukai itu bukan daripada kerajaan British Lee Cheng Tee cuba berdalih memberi jawapan, tetapi akhirnya menegaskan bahawa beliau membuat perjanjian pajakan dengan Syahbandar. Syahbandar pula menerima arahan

Sultan Abdullah. J. W. W. Birch menegaskan bahawa pajakan ini tidak sah dan meminta Lee Cheng Tee mengemukakan permohonan baru dalam tender nanti. Sultan Abdullah memajak Kuala Perak dengan nilai \$26,000 setahun. Daripada jumlah ini \$24,000 diambil oleh Sultan Abdullah; bakinya, \$2,000 untuk Syahbandar. Beberapa hari¹⁵ kemudian, setelah bertemu dengan Sultan Abdullah, Raja Mahkota, Syahbandar, Dato' Mata-Mata di Batak Rabbit, J. W. W. Birch menerangkan beberapa rancangan yang akan dijalankan pada masa depan kepada Laksamana dan Menteri di Durian Sebatang. Beliau menegaskan bahawa kedatangannya adalah selaku pesuruhjaya untuk menyelesaikan masalah sempadan Dinding dengan Kerian dan membentuk pajakan candu. Sementara itu beliau menyatakan segala pungutan cukai di setiap sungai hendaklah dilakukan oleh pegawai kerajaan. J. W. W. Birch juga menyatakan bahawa pasukan polis akan ditubuhkan. Manakala perjalanan pentadbiran dilakukan oleh penghulu dan dato'-dato' dan ketua hakim. Mereka dilantik bagi memastikan keadilan, mengurangkan jenayah dan menghapuskan pungutan cukai haram.¹⁶ Cadangan ini hanya disetujui oleh Sultan Abdullah pada 24 Disember 1874.¹⁷

Pada 5 November 1874 Sultan Abdullah menulis surat kepada Raja Bendahara supaya datang ke hilir Perak menghadap baginda untuk berbincang mengenai hajat J. W. W. Birch untuk memperkenalkan peraturan baru di Perak.¹⁸ Pada 6 November 1874, ketika berada di Durian Sebatang, J. W. W. Birch memaklumkan di hadapan Raja Mahkota, Nakhoda Trang, Kulup Muhammad dan Dato' Mata-mata bahawa beliau akan memperkenalkan peraturan cukai baru. Kutipan akan dipusatkan dan sugu hati akan diberikan kepada pembesar yang sebelum ini memungut cukai.¹⁹ Pada 7 November 1874, Sultan Abdullah menghantar surat kepada Sultan Ismail yang menyatakan supaya Sultan Ismail datang berunding dengan baginda mengenai kedudukan Perak.²⁰ Pada malam 8 November 1874 Sultan Abdullah, Syahbandar, Laksamana, Raja Mahkota, Orang Kaya Mat Arshad, Dato' Sagor dan Menteri

mengadakan mesyuarat di rumah Laksamana. Dalam mesyuarat ini Laksamana menyatakan J. W. W. Birch telah melampau kerana ingin menguasai pentadbiran, menghapuskan pungutan cukai dan membayar sagu hati. Beliau sepatutnya menentukan jumlah sagu hati yang hendak dibayar, kemudiannya berunding. Laksamana juga menyatakan, bahawa langkah yang hendak diambil oleh J. W. W. Birch ini adalah bercanggah dengan Perjanjian Pangkor, kerana pungutan cukai dan pendapatan daripadanya adalah "adat". Sultan Abdullah pula menyatakan supaya jangan menyerahkan kuasa pungutan cukai kepada J. W. W. Birch. Saranan Sultan Abdullah ini disokong oleh Menteri Ngah Ibrahim.²¹

Apabila datang ke Perak J. W. W. Birch melaksanakan beberapa peraturan baru yang mana bercanggah dengan amalan tempatan. Perubahan ini menggugat kedudukan Sultan Abdullah dan pembesar Perak. Apabila J. W. W. Birch mencadangkan perubahan dalam kutipan cukai, sistem kewangan dan perlembagaan keadaan ini telah membangkitkan rasa tidak puas hati di kalangan pembesar Perak.²²

(Setelah empat hari berada di Perak, pada 8 November 1874 J. W. W. Birch membuat catatan negatif mengenai Sultan Abdulah dengan menyatakan bahawa baginda adalah seorang yang tidak berguna, bodoh dan kaki candu)²³ Beliau tiba di Bandar Baru pada 8 November 1874 dan mendirikan pejabat sementara di sini.²⁴ J. W. W. Birch memudiki sungai hingga ke Kuala Kangsar untuk menemui pembesar-pembesar di sini bagi menghebahkan bahawa Perjanjian Pangkor telah disahkan oleh Ratu Ingeris dan ingin mengaturkan pertemuan persahabatan di antara Sultan Ismail dengan Raja Yusof. J. W. W. Birch diberi layanan yang baik oleh Sultan Ismail, Dato' Maharaja Lela, Raja Bendahara dan Seri Maharaja Lela. Pada 16 November 1874, Sir Andrew Clarke menulis surat kepada J. W. W. Birch supaya jangan mempedulikan alat-alat kebesaran Perak sekiranya gagal mendapatkannya.²⁵ Pada 21 November 1874, ketika menghilir sungai J. W. W. Birch berbincang secara sulit dengan Sultan Ismail dan Raja Yusof dan kedua-duanya menyatakan

kesediaan berjumpa dengan Sultan Abdullah, mengakuinya sebagai sultan dan menandatangani Perjanjian Pangkor. Pada 25 November 1874, J. W. W. Birch bertolak ke Batak Rabit. Ketika tiba di Durian Sebatang beliau menyebarkan pengisytiharan bertarikh 2 November 1874 yang ditandatangani oleh Sir Andrew Clarke menyatakan bahawa kerajaan Ratu Inggeris memberi peringatan bahawa para pembesar yang menandatangani Perjanjian Pangkor hendaklah bertanggungjawab ke atas syarat-syarat yang terkandung di dalamnya.²⁶ Di sini J. W. W. Birch menyatakan di hadapan Edward Bacon, Raja Mahkota, Nakhoda Trang, Kulup Muhammad dan Dato' Mata-Mata yang dia akan memperkenalkan sistem pungutan cukai baru.²⁷

Walaupun J. W. W. Birch yakin para pembesar bekerjasama dengannya tetapi mereka sebenarnya menentang J. W. W. Birch. Pada suatu malam, ketika J. W. W. Birch bermalam di Bandar Baru, Sultan Abdullah, Syahbandar, Laksamana, Raja Mahkota, Orang Kaya Mat Arshad, Dato' Sagor dan Menteri Ngah Ibrahim bermesyuarat di Durian Sebatang. Di sini mereka melahirkan rasa tidak puas hati terhadap segala rancangan yang dikemukakan oleh J. W. W. Birch. Laksamana menyatakan bahawa J. W. W. Birch sudah melampau dan mahu segera menghapuskan kuasa memungut cukai pembesar; sedangkan dalam Perjanjian Pangkor, residen tidak boleh terlibat dalam soal adat. Sultan Abdullah memuji sikap Laksamana ini. Baginda bersama-sama Menteri Ngah Ibrahim bersetuju tidak menyerahkan kuasa memungut cukai kepada J. W. W. Birch. Keputusan juga dicapai untuk memaklumkan kepada Sultan Ismail supaya tidak menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian Pangkor dan menyerahkan alat-alat kebesaran kerana langkah ini akan menguatkan lagi kedudukan J. W. W. Birch dan beliau akan bertindak lebih luas lagi di Perak.

Mesyuarat juga diadakan di antara Sultan Abdullah dengan Sultan Ismail. Di antara mereka yang hadir dalam mesyuarat ini ialah Laksamana, Syahbandar, Tuk Nara dan Raja Yusof. Dalam mesyuarat

ini Sultan Ismail cuba mendapat penjelasan tentang peranan Sultan Abdullah membawa British campur tangan di Perak. Dalam perkara ini, Sultan Abdullah meminta dilupakan sahaja dan menyatakan Menteri Ngah Ibrahim sedang berusaha membatalkan Perjanjian Pangkor.²⁸

Pengenalan peraturan baru yang menyekat para pembesar daripada memungut cukai, bermakna punca pendapatan mereka terhapus. Malah lebih daripada itu, di mana kuasa, wibawa dan keistimewaan yang dinikmati sebelum ini akan juga turut tergugat. J. W. W. Birch mencadangkan perubahan dalam kutipan cukai, perlembagaan dan sistem kewangan. Cadangan ini menimbulkan rasa tidak puas hati pembesar Perak.²⁹ Dalam usaha mendapatkan wang, J. W. W. Birch memusatkan pungutan cukai dan diletakkan di bawah kelolaan pegawai Eropah. Pegawai-pegawai yang dilantik oleh Residen sebagai wakil sultan sahaja yang sah dan boleh memungut cukai.³⁰ Sekiranya ada pembesar yang memungut cukai, mereka akan didenda.

J. W. W. Birch memarahi Raja Ngah, Tengku Panglima Raja,³¹ saudara Sultan Ismail kerana memungut cukai di Bidor,³² kawasan yang anugerahkan oleh Sultan Ismail kepadanya. Beliau mengarahkan Raja Ngah datang berjumpanya di Batak Rabbit. Apabila Raja Ngah tidak datang, J. W. W. Birch datang dengan pasukannya dan membakar rumah Raja Ngah pada 9 Disember 1874.³³ Selain itu J. W. W. Birch mengarahkan penangkapan ke atas Tuan Chik (Tuan Chee) dan Haji Abu Bakar, pengikut Sultan Ismail.³⁴ Raja Ngah ingin membuat tuntutan ganti rugi terhadap tindakan J. W. W. Birch membakar rumahnya.³⁵ Raja Ngah mengadu kejadian yang menimpanya itu kepada Sultan Ismail. Sultan Ismail pula menyalahkan Laksamana dan anaknya, Orang Kaya Mat Arshad serta Sultan Abdullah. Merekalah yang bertanggungjawab menasihati J. W. W. Birch bertindak demikian. Raja Ngah juga mengadu kepada J. W. W. Birch yang datang di Belanja. Dalam aduannya itu, Raja Ngah menyatakan yang dia tidaklah seburuk gambaran Laksamana dan Orang Kaya Mat Arshad terhadapnya. J. W. W. Birch memberi jaminan

akan membina semula rumah Raja Ngah dan membayar sagu hati.³⁶ Walaupun Sultan Abdullah menerima cadangan J. W. W. Birch pada 24 Disember 1874, tetapi baginda dan pembesar Perak tidak menaruh keyakinan kepada J. W. W. Birch. Baginda telah menetapkan supaya Sultan Ismail tidak menyerahkan alat-alat kebesaran kepada J. W. W. Birch. Sikap Sultan Abdullah ini dikuatkan lagi dengan nasihat Menteri Ngah Ibrahim yang datang menghadap Sultan Abdullah pada 30 Disember 1874 di Bota yang meminta supaya baginda berhati-hati kerana beliau sendiri telah kehilangan kuasa dengan perlantikan Kapten Speedy sebagai Timbalan Residen di Larut dan memberi amaran, kemungkinan pada suatu hari J. W. W. Birch akan membawa lebih ramai lagi orang Eropah bertugas di Perak.³⁷ Sultan Abdulah bimbang, sekiranya alat-alat kebesaran diserahkan kepada J. W. W. Birch, kedudukan Birch di Perak akan menjadi kuat.³⁸

Dalam bulan Januari 1875, ketika berada di Belanja, Dato' Maharaja Lela tidak memenuhi permintaan J. W. W. Birch supaya menurunkan cap mohornya ke atas Perjanjian Pangkor. Sedangkan sebelum ini beliau berjanji untuk menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian Pangkor di Belanja. Dato' Maharaja Lela menegaskan kepada J. W. W. Birch bahawa Sultan Ismail dan dato' lain tidak menurunkan cap mohor mereka maka beliau juga tidak akan berbuat demikian. Bagi J.W.W. Birch, jawapan Dato' Maharaja Lela ini memalukannya.³⁹ Beliau menggunakan bahasa yang kesat, sambil menuduh Dato' Maharaja Lela sebagai penipu. Tuduhan dan kata kesat ini menyebabkan Dato' Maharaja Lela pulang lebih awal daripada pembesar lain.⁴⁰ Walaupun Dato' Maharaja Lela tidak menurunkan cap mohor dan tandatangan, dia tidak mempengaruhi pembesar Hulu berbuat demikian. Usaha J. W. W. Birch memperkenalkan peraturan baru di Perak mendapat restu daripada Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Andrew Clarke.⁴¹ Pada 31 Januari 1875 J. W. W. Birch dan Sultan Abdullah bersetuju mendirikan pejabat residen di Air Mati, tidak berapa jauh dari Bandar. Air Mati ditukarkan kepada nama Bandar Baru

dan bendera British dinaikkan dengan iringan tembakan hormat sebanyak 21 das.⁴²

J. W. W. Birch dalam memperkenalkan pembaharuan di Perak mengetepikan pembesar Perak.⁴³ Malah Sultan Abdullah telah mengingatkan J. W. W. Birch supaya merujuk kepada baginda dan pembesar-pembesarnya yang berkuasa di dalam jajahan masing-masing. Oleh kerana J. W. W. Birch tidak menghiraukan amaran Sultan Abdullah ini dan sebaliknya pula memberi amaran kepada Sultan Abdullah supaya berdiam diri dan mematuhi arahan daripada Residen British maka bertambah runcinglah lagi hubungan kedua-dua belah pihak.⁴⁴)

Dalam bulan Januari 1875, J. W. W. Birch mengarahkan keraninya, Mat Arshad meminta Sultan Abdullah menandatangani dua surat. Surat pertama, J. W. W. Birch sebagai wakil British dalam semua perkara dan semua dato', penghulu dan rakyat wajib mematuhi arahannya kerana itu adalah arahan sultan. Surat kedua, J. W. W. Birch bertanggungjawab memungut cukai dalam negeri di Kota Setia. Semua dato' atau pembesar tidak dibenarkan memungut cukai. Pungutan cukai di Kuala Kinta, Batang Padang dan Bidor akan dibatalkan. Selain itu semua perahu kecil atau besar diwajibkan bayar cukai. Sultan Abdullah memaklumkan tidak boleh menurunkan tandatangan dan cap mohor ke atas kedua-dua surat itu tanpa merujuk kepada pembesar dalam mesyuarat.⁴⁵

Dalam menjalankan tugasnya pula J. W. W. Birch menggunakan paksaan dan ugutan ke atas Sultan Abdullah bagi mendapatkan tandatangan untuk melaksanakan pengenalan peraturan baru di Perak. Pada 3 Februari 1875 J. W. W. Birch meminta Sultan Abdullah menandatangani surat pengisytiharan tetapi ditolak oleh baginda dengan alasan baginda sedang menunggu pakaian seragamnya.⁴⁶ Di dalam surat pengisytiharan ini Sultan Abdullah mengisytiharkan kepada penduduk Perak, baginda membenarkan menyemak sistem cukai dan memansuhkan pungutan cukai di beberapa tempat, serta memberi gaji yang sesuai kepada baginda dan juga para pembesar. Juga melantik

Residen sebagai wakil baginda dalam negeri berkaitan dengan hasil negeri, pungutan dan perbelanjaan; melantik penghulu dan dato' mentadbir kawasan masing-masing yang difikirkan sesuai. Rakyat diingatkan supaya mematuhi arahan tersebut kerana segala yang dikeluarkan oleh Residen itu adalah daripada baginda juga.⁴⁷ Surat keduanya memberi kuasa kepada Residen memungut cukai di Kota Setia dan semua dato' tidak dibenarkan lagi memungut cukai. Sultan Abdullah meminta tangguh untuk berunding dengan para pembesar baginda terlebih dahulu.⁴⁸ Pada 10 Februari 1875, J. W. W. Birch dengan kapal *Quedah* singgah di Batak Rabbit, dalam perjalanan ke Pulau Pinang. Dalam pertemuan ini J. W. W. Birch mengambil kesempatan mendesak Sultan Abdullah menurunkan tandatangan ke atas dua surat pengisytiharan yang beliau berikan. Sekali lagi Sultan Abdullah menolak, dengan alasan akan menandatangani sebaik sahaja J. W. W. Birch membawa baju yang dipesannya dari Eropah, yang berharga \$4,000. Dengan itu J. W. W. Birch meneruskan perjalanan ke Pulau Pinang. Pada 11 Oktober 1875 Dato' Maharaja Lela datang ke Bandar Baru menjemput Sultan Abdullah menghadiri kenduri di rumahnya. Dalam perjalanan mudik, Sultan Abdullah singgah beberapa malam di rumah Raja Kechil Muda. Setelah beberapa malam bersama Dato' Maharaja Lela di Pasir Salak, Sultan Abdullah berangkat ke Kuala Kinta. Apabila mendapat berita J. W. W. Birch akan pulang dari Pulau Pinang, Sultan Abdullah menjemput Laksamana, Menteri, Raja Mahkota, Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor datang menghadap baginda bagi membincangkan kedua-dua surat yang dituntut oleh J. W. W. Birch supaya baginda tandatangani. Semua pembesar hadir kecuali Menteri. Dalam pertemuan ini semua pembesar bersetuju Sultan Abdullah memberi surat kuasa kepada Laksamana, Syahbandar, Orang Kaya Mat Arshad dan Dato' Sagor bagi mewakili baginda berunding dengan J. W. W. Birch mengenai hal-ehwal negeri Perak.⁴⁹ Laksamana menulis draf surat kuasa ini dan ditandatangani serta dicap mohor oleh Sultan Abdullah.⁵⁰ Oleh

kerana adanya tekanan ini maka Sultan Abdullah menulis surat kepada Raja Yusof menjemputnya datang ke Hilir Perak untuk berbincang tentang masalah negeri Perak.⁵¹

Sultan Abdullah menitahkan Haji Husin, Alang Nor, Kulup Ahmad dan Che Ali pergi ke Pulau Pinang untuk mengambil kerongsang berlian (*diamond star*) baginda. Di samping itu mereka juga dititahkan menyerahkan surat kepada Leftenan Gabenor Pulau Pinang yang di dalamnya memohon wang sebanyak \$5,000. Leftenan Gabenor enggan memberi wang tersebut, kecuali surat itu ditandatangani oleh Residen British. Dengan itu Alang Nor dan Kulup Ahmad pulang ke Perak memaklumkan perkara tersebut kepada Sultan Abdullah. Sultan Abdullah tidak mempunyai pilihan lain selain menghantar kerani baginda, Kulup Mat Ros menemui J. W. W. Birch untuk mendapatkan tandatangan. J. W. W. Birch pula enggan menurunkan tandatangan ke atas surat tersebut, kerana dibawa oleh wakil sultan. Beliau mahu Sultan Abdullah datang sendiri. Walaupun tidak senang hati dengan gelagat J. W. W. Birch, Sultan Abdullah datang menemui J. W. W. Birch. Setelah mendapat tandatangan, ketika berada di perahu Sultan Abdullah berteriak menyatakan bahawa orang putih tidak boleh menjadi kawan, sehinggakan untuk memohon wang pun perlu mendapatkan tandatangan terlebih dahulu. Kini J. W. W. Birch adalah raja dan Sultan Abdullah langsung tidak berkuasa.⁵²

Pada 19 Mac 1875 Sultan Abdullah menulis surat kepada Raja Bendahara supaya datang ke Hilir Perak untuk berunding tentang masalah negeri Perak.⁵³ Pada 20 Mac 1875 J. W. W. Birch datang ke Kuala Kinta membawa baju yang ditempah oleh Sultan Abdullah, dengan harapan Sultan Abdullah akan menurunkan tandatangan ke atas surat pengisytiharan yang dikemukakan kepada baginda sebelum ini. Di sini beliau berbincang dengan Sultan Abdullah, Laksamana, Orang Kaya Mat Arshad dan Dato' Sagor. Pada 21 Mac 1875 Laksamana, Syahbandar, Dato' Sagor dan Mat Arshad datang menemui J. W. W. Birch di Bandar

Baru mengemukakan surat kuasa yang diberikan oleh Sultan Abdullah kepada mereka. Surat kuasa tersebut menyatakan bahawa J. W. W. Birch hendaklah berunding dengan mereka dalam soal perbendaharaan dan pentadbiran negeri. Surat kuasa ini tidak diterima oleh J. W. W. Birch. Tindakan ini menimbulkan kemurkaan Sultan Abdullah dan baginda enggan menemui J. W. W. Birch untuk beberapa ketika.⁵⁴ Walaupun pakaian seragam dibawa pada 20 Mac 1875 Sultan Abdullah masih menolak dan menjelaskan bahawa baginda ingin bebas daripada kawalan Residen British.⁵⁵ Sultan Abdullah telah menyerahkan pajak candu dan judi kepada Raja Ngah. Baginda mengarahkan Raja Musa membunuh Yusuf (anak Lebai Tahir), kerani J. W. W. Birch di Bandar Baru. Yusuf dibunuh kerana didapati membuat hubungan sulit dengan hamba Sultan Abdullah.⁵⁶ Sikap mengeneipkan nasihat Residen British ini menyebabkan J. W. W. Birch memberi amaran kepada Sultan Abdullah.

Pada 21 Mac 1875, J. W. W. Birch sekali lagi mendesak Sultan Abdullah menandatangani surat pengisytiharan. Sultan Abdullah menolak, dengan alasan baginda hendak berbincang terlebih dahulu dengan pembesar baginda.⁵⁷ Namun begitu pada 25 Mac 1875 Sultan Abdullah menjemput J. W. W. Birch menghadap baginda. Sekali lagi J. W. W. Birch menuntut supaya Sultan Abdullah menurunkan tandatangan ke atas surat pengisytiharan yang beliau berikan. Sultan Abdullah menolak dengan alasan baginda perlu berbincang terlebih dahulu dengan pembesar baginda. Kemudiannya datang Menteri Ngah Ibrahim di Durian Sebatang dengan kapal apinya bersama Penghulu Mat Ali dan kerani Ishak. Pada 26 Mac 1875 pula mereka berangkat ke Kuala Kinta. J. W. W. Birch juga turut ke Kuala Kinta dengan harapan Sultan Abdullah akan menandatangani surat pengisytiharan yang telah diberikan. Berikutnya satu mesyuarat diadakan di rumah cukai di Kuala Kinta pada 26 Mac 1875. Mereka yang hadir dalam mesyuarat ini ialah Sultan Abdullah, Laksamana, Syahbandar, Menteri, Dato' Sagor, Orang Kaya Mat Arshad, Penghulu Mat Ali dan J. W. W. Birch. Dalam mesyuarat

ini, J. W. W. Birch menerangkan rancangan pembaharuan yang akan dilaksanakan di Perak. Semua Orang Besar tidak dibenarkan lagi memunggut cukai, kerana pungutan hanya akan dibuat oleh pegawai kerajaan di Kota Setia. Para pembesar yang wajar menerima sara diri akan dibayar gaji daripada wang khazanah negeri. Setelah hampir lima jam berbincang mesyuarat gagal mencapai persetujuan. Apabila J. W. W. Birch meninggalkan mesyuarat, pembesar dan Sultan Abdullah meneruskan mesyuarat mereka.⁵⁸ Sultan Abdullah tidak menurunkan tandatangan ke atas dua surat pengisytiharan yang diberikan oleh J. W. W. Birch.⁵⁹ Peristiwa ini menggambarkan tentang bagaimana kehadiran J. W. W. Birch dalam masa yang singkat telah mencetuskan krisis dalam pentadbiran Perak. Dalam surat bertarikh 27 Mac 1875 kepada J. W. W. Birch, Sultan Abdullah memaklumkan bahawa segala tindakan yang dilakukan hendaklah dirundingkan terlebih dahulu dengan wakil baginda, Laksamana, Syahbandar, Dato' Sagor dan Orang Kaya Mat Arshad. Sekiranya menghadapi kesukaran untuk menemui mereka, memadai berbincang dengan Laksamana dan Syahbandar. Setelah dipersetujui, baru hal itu dibawa kepada baginda untuk pertimbangan ditandatangani. Sultan Abdullah mengingatkan J. W. W. Birch supaya berunding dahulu dengan pembesar tersebut sebelum menghadap baginda. Sekiranya tidak berbuat demikian baginda tidak akan merestui ke atas sebarang perkara yang telah dibuat.⁶⁰ J. W. W. Birch tidak mengiktirafkan tauliah ini dan menyatakan bahawa beliau hanya akan berhubung dengan Sultan Abdullah, kecuali sekiranya ada kes-kes tertentu barulah beliau akan berbincang dengan penghulu dan pembesar.⁶¹ Dalam surat pengisytiharan bertarikh 9 April 1875, yang ditandatangani oleh Leftenan Gabenor Pulau Pinang, A. E. H. Anson, menyatakan bahawa semua cukai atau hasil hendaklah dibayar kepada pegawai yang mendapat kebenaran memungut daripada Residen bagi pihak sultan.⁶² J. W. W. Birch merancang menyusun sistem pungutan cukai eksport dan import di bawah kawalan pegawainya. Selain itu

undang-undang akan diperkenalkan bagi dato' dan Sultan mengemukakan aduan tertentu kepadanya. J. W. W. Birch juga akan memperkenalkan balai polis.⁶³

Dalam surat yang bertarikh 22 April 1875, Sir Andrew Clarke mengingatkan Sultan Abdullah supaya mendapatkan nasihat daripada Residen British mengenai perkara yang tidak termasuk agama Islam dan adat istiadat Melayu, serta segala pungutan cukai hendaklah ditadbirkan mengikut nasihat Residen. Dengan itu Sultan dan pembesar tidak berhak lagi memungut cukai di Perak, kecuali mereka yang mendapat kebenaran daripada Residen atau Penolong Residen. Begitu juga rakyat hendaklah memastikan pembayaran cukai hanyalah kepada pegawai yang diperintahkan oleh Residen. Selain daripada itu Sir Andrew Clarke menegur Sultan Abdullah dan beberapa pembesar yang masih memungut cukai di Perak, serta menegah mereka daripada mengulangi perbuatan ini. Sultan Abdullah juga diberi amaran supaya tidak menjatuhkan hukuman bunuh sebelum perbicaraan dan sebelum mendapat tandatangan kelulusan Residen British.⁶⁴

Selain peraturan baru, langkah juga diambil untuk memperkemas kawasan perlombongan dan pertanian serta pembinaan balai polis di Perak. Menjelang 2 April 1875, beberapa balai polis dibina di Kota Setia, Beruas, Kuala Kurau, Durian Sebatang, Bidor, Tanjung Piandang, Trong, Kota Lumut dan Kuala Kangsar. Pembinaan balai polis dan bidang kuasa diberikan kepadanya menyebabkan kuasa mereka bersaing dengan Penghulu. Sekiranya dahulu penghulu mempunyai kuasa dalam mukimnya, kini sebahagian kuasa tersebut diambil alih oleh balai polis. Lebih daripada itu, penghulu kini dilantik bukan berasaskan keturunan dan tauliah sultan; tetapi dipilih dan tanpa tauliah sultan.⁶⁵ Pembinaan balai polis tidak mendapat sokongan daripada penduduk dan pembesar Perak. Apabila J. W. W. Birch mengarahkan Penghulu Muhammad Akib membina balai polis di Teluk Batu, berhampiran Pancur ia dibantah oleh Penghulu Seman. Penghulu Seman ke Batak Rabbit menghadap Sul-

tan Abdullah melaporkan perkara ini. Apabila pulang, Penghulu Seman memberitahu Penghulu Muhammad Akib yang Sultan Abdullah dan Laksamana tidak membenarkan J. W. W. Birch membina balai polis di Teluk Batu. Perkara ini dilaporkan kepada J. W. W. Birch oleh Penghulu Muhammad Akib. J. W. W. Birch tidak mengendakkannya, malah mengarahkan Penghulu Muhammad Akib meneruskan pembinaan balai polis tersebut. Dengan itu Penghulu Muhammad Akib meneruskan pembinaan balai polis itu. Sultan Abdullah menghantar Haji Mat Said, kerani dan setiausaha sulit baginda menemui Penghulu Muhammad Akib untuk mendapat maklumat mengenai pembinaan balai polis tersebut. Dalam pertemuan ini, Penghulu Muhammad Akib menyatakan yang dia mematuhi arahan J. W. W. Birch. Dengan itu Haji Mat Said mengingatkan Penghulu Muhammad Akib bahawa J. W. W. Birch tidak akan hidup lama, sekiranya masih bertindak begini. Kira-kira dua hari selepas pertemuan ini, Syahbandar datang merobohkan balai polis yang dibina ini.⁶⁶

Perubahan yang dilakukan dan sikap J. W. W. Birch itu telah banyak menyinggung perasaan Sultan Abdullah dan juga mendatangkan kesusahan kepada negeri Perak. Ramai hamba yang melarikan diri berlindung di Bandar Baru dan berkahwin pula dengan polis di sini. Perkara ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan orang Perak. Apabila perkara ini dimaklumkan oleh Edward Bacon kepada J. W. W. Birch, beliau hanya ketawa sahaja.⁶⁷ Dengan itu baginda mengutuskan Laksamana, Orang Kaya Mat Arshad, Haji Husin, Haji Mat Yasin dan Raja Idris, tanpa pengetahuan J. W. W. Birch menemui Gabenor Sir Andrew Clarke pada awal Mei 1875 untuk menyampaikan surat bagi maksud tersebut.⁶⁸ Sultan Abdullah meminta Sir Andrew Clarke mengambil tindakan ke atas rayuan baginda: J. W. W. Birch tidak boleh campur tangan dalam hal-ehwal agama dan adat istiadat; hendaklah bermesyuarat terlebih dahulu dengan para pembesar sebelum melakukan sesuatu; tidak boleh mengganggu pungutan cukai yang

dilakukan oleh pembesar untuk faedah mereka dan menyerahkan hamba yang berlindung di Bandar Baru dan Pulau Pangkor.⁶⁹ Bagi Sultan Abdullah, J. W. W. Birch sepatutnya merujuk baginda terlebih dahulu, bukan bertindak sesuka hati.⁷⁰ Walaupun ketika menerima surat ini, Sir Andrew Clarke tidak memegang jawatan gabenor lagi kerana digantikan oleh Sir William Jervois pada 16 Mei 1875, tetapi beliau menulis surat pada 17 Mei 1875 untuk mengingatkan Sultan Abdullah yang baginda menduduki takhta kerajaan kerana pertolongan British. Dengan itu baginda hendaklah juga mematuhi arahan gabenor baru dan segala surat-menyerat kepada gabenor mestilah melalui dan ditandatangani oleh J. W. W. Birch.⁷¹ Utusan Sultan Abdullah tidak dapat bertemu terus dengan Gabenor kerana beliau sibuk menguruskan hal pentadbiran sebelum jawatannya diambil alih oleh gabenor baru. Utusan ini tidak puas hati kerana mereka dinasihat oleh Gabenor Sir Andrew Clarke supaya surat yang dibawa hendaklah terlebih dahulu ditandatangani oleh J. W. W. Birch.⁷²

Pada 26 April 1875, J. W. W. Birch bertolak ke Belanja untuk menghadap Sultan Ismail. Setelah sampai di Kinta pada 27 April 1875, beliau disambut baik oleh Sultan Ismail, Panglima Kinta dan Tuk Nara. Dalam pertemuan ini, J.W.W. Birch menyatakan bahawa dia dihantar oleh Gabenor untuk mendapatkan tandatangan Sultan Ismail ke atas Perjanjian Pangkor. Apabila selesai menurunkan tandatangan, Sultan Ismail boleh menghantar Tuk Nara ke Pulau Pinang mengambil tunggakan gaji selama lapan bulan. Sultan Ismail menolak. Seterusnya bagi menyatakan kesanggupan menyerahkan Perak kepada British, sekiranya Gabenor membuat perjanjian baru dengan baginda. Setelah mendengar kenyataan Sultan Ismail ini, J. W. W. Birch menyatakan bahawa Perjanjian Pangkor seperti al-Quran: tidak boleh dibuang atau ditambah ke atasnya. Kemudiannya J. W. W. Birch pergi ke Gopeng dengan gajah Panglima Kinta. Seterusnya beliau ke Kampar dengan perahu.⁷³

Dalam pada itu berita tersebar menyatakan bahawa Panglima Perang Semaun dan Raja Yusof bersama empat ratus orang berkumpul di Kota Lama hendak melancarkan serangan ke atas Bandar Baru. Sementara itu Menteri Larut pula mengepalai seratus buah perahu hendak melancarkan serangan ke atas Kota Setia.⁷⁴ Muhammad Tahir, polis Kota Lumut yang mendapat maklumat mengenai perkara ini daripada Penghulu Deli, Lumut menghantar dua orang anggota polis; Abdullah dan Puteh memaklumkan kepada J. W. W. Birch. Tetapi pada hari yang sama J. W. W. Birch datang ke Lumut dengan perahu panjang bersama keraninya, Mat Arshad. Muhammad Tahir melaporkan perkara ini kepada J. W. W. Birch. J. W. W. Birch hanya menyatakan akan mengambil perhatian. Seterusnya J. W. W. Birch ke Kota Setia.⁷⁵ Sementara itu J. W. W. Birch merangka untuk melaksanakan beberapa pengisytiharan bertarikh 1 Mei 1875 yang telah diluluskan oleh Gabenor Negeri-negeri Selat, mengenai penyeludupan, pembinaan perahu dan pendaftarannya, cukai tongkang, sampan dan perahu nelayan, pembatalan cukai tertentu, cukai pelabuhan dan hasil kelamin.⁷⁶

Setelah menyedari cadangannya tidak dihiraukan oleh pembesar Perak, J. W. W. Birch dalam pertemuannya dengan Sultan Abdullah pada 24 April 1875 menyatakan akan bertindak tegas dan Sultan Abdullah mesti menurunkan cap mohor kebenaran bagi menguruskan segala hal yang berkaitan dengan hasil. Apabila J. W. W. Birch meminta Sultan Abdullah menurunkan tandatangan pada 24 Mei 1875, baginda menolak.⁷⁷ Dalam bulan Jun 1875 Sultan Abdullah diberi amaran akan diturunkan dari takhta kerajaan.⁷⁸

Pada bulan Jun 1875, Syahbandar dan mata-mata tidak dibenarkan memungut cukai. J. W. W. Birch tidak puas hati dengan kegiatan Syahbandar memungut cukai di Kota Setia.⁷⁹ J. W. W. Birch juga menghalang Dato' Maharaja Lela memungut cukai di kawasannya, Sungai Dedap.⁸⁰ Beliau pernah menyatakan ketidakpuasan hatinya terhadap langkah Sultan Abdullah memungut cukai di Kuala Kinta dan

mengenakan cukai baru di Batang Padang. Sir Andrew Clarke pula menyifatkan Sultan Abdullah tidak mematuhi Perjanjian Pangkor.⁶¹ Pada 1 Jun 1875 Sultan Abdullah menulis surat kepada Raja Bendahara supaya datang menghadap baginda untuk membincangkan tentang masalah negeri Perak. Di samping itu pada 10 Jun 1875 pula Sultan Abdullah menjemput Raja Bendahara datang menghadap baginda dan membawa bersamanya, Temenggung, Miah Tarum, Seri Maharaja Lela dan Kulup Muhammad untuk menghadiri mesyuarat yang dijangkakan akan berlangsung pada 17 Jun 1875 di tempat baginda.⁶² J. W. W. Birch pula dalam melaksanakan peraturan baru di Perak telah mendapat restu daripada Gabenor Negeri-negeri Selat terlebih dahulu sebelum peraturan baru diperkenalkan.⁶³ Pengisytiharan juga dibuat iaitu penyusunan semula akan dilakukan ke atas sistem cukai senjata, padi, perahu, kegiatan memotong atap, penyatuan pajak candu, arak dan judi dan kebenaran mengusahakan kayu balak.⁶⁴

J. W. W. Birch terus meminta Sultan Abdullah menandatangani surat pengisytiharan. Padahal Sultan Abdullah telah menyatakan sebelum ini kepada J. W. W. Birch tidak boleh menandatangani surat tersebut tanpa merujuk pembesar baginda. Dalam bulan Julai 1875 J. W. W. Birch sekali lagi meminta Sultan Abdullah menandatangani surat pengisytiharan tetapi ditolak juga oleh Sultan Abdullah. Kali ini J. W. W. Birch mendapatkan bantuan Tan Kim Cheng supaya mempengaruhi Sultan Abdullah.⁶⁵ Tan Kim Cheng membawa lima pucuk surat yang disediakan oleh Mat Arshad untuk ditandatangani dan dicap mohor oleh Sultan Abdullah. Surat tersebut tentang keputusan memberi kuasa kepada J. W. W. Birch dan Syahbandar untuk memungut cukai, melantik J. W. W. Birch dan Raja Idris sebagai hakim; melantik Laksamana sebagai pesuruhjaya menyelesaikan soal sempadan; memberi geran tanah kepada Baba Koh Swee Swee di Kota Setia dan pengakuan Sultan Abdullah berhutang sebanyak \$16,721.63 dengan Tan Kim Cheng.⁶⁶

J. W. W. Birch memberi tempoh kepada Sultan Abdullah untuk menurunkan tandatangan tersebut sehingga 20 Julai 1875. Pada 20 Julai 1875 Sultan Abdullah masih lagi tidak menandatangani surat pengisytiharan tersebut. Malah pada 21 Julai 1875 baginda dan para pembesar Perak bermesyuarat di Durian Sebatang untuk memutuskan tindakan ke atas J. W. W. Birch. Ketika Sultan Abdullah meneliti surat tersebut, Tan Kim Cheng membawa lagi dua pucuk surat J. W. W. Birch kepada baginda. Surat pertama menawarkan elaun \$3,000 sebulan kepada Sultan Abdullah. Surat keduanya bersedia memberi elaun kepada Raja Idris, Laksamana, Syahbandar, Raja Dyang (Raja Daeng) dan Raja Mahkota. Namun begitu kedua-dua surat ini hanya akan ditandatangani oleh J. W. W. Birch setelah Sultan Abdullah menurunkan cap mohor dan tanda-tangan ke atas kelima-lima surat yang diberikan kepada baginda.⁸⁷

Namun begitu pada 24 Julai 1875, dalam mesyuarat di Kota Setia Sultan Abdullah menandatangani tiga pengisytiharan iaitu: melantik Laksamana sebagai pesuruhjaya bagi menyelesaikan masalah sempadan Kerian; melantik residen British dan Raja Idris sebagai hakim dan memberi kuasa kepada residen British dan syahbandar menghapuskan dan menguatkuasakan cukai serta melucutkan jawatan semua penghulu.⁸⁸ Namun begitu dalam surat pengisytiharan tersebut Sultan Abdullah tidak menurunkan cap mohor baginda.⁸⁹ Baginda menyatakan cap mohornya rosak. Sebenarnya cap mohor baginda tidak rosak dan disimpan di dalam perahu.⁹⁰ J. W. W. Birch juga menghantar Penghulu Muhammad Akib ke Durian Sebatang menyiasat tentang cap mohor Sultan Abdullah. Penghulu Muhammad Akib menemui Haji Abdullah, pembaiki cap mohor Sultan Abdullah. Dia menyatakan Sultan Abdullah tidak menghantar cap mohor baginda untuk dibaiki.⁹¹ Walaupun bersetuju menandatangani surat tersebut, Sultan Abdullah berasa benci kepada orang putih.⁹²

Setelah mendapat tandatangan Sultan Abdullah, J. W. W. Birch mengarahkan D' Orville mengambil alih pungutan cukai di Kota Setia. Sebelum ini, pungutan cukai di Kota Setia dikendalikan oleh Syahbandar, melalui pajakan kepada saudagar Cina. Syahbandar dibantu oleh dua orang kerani, Abdul Hamid dan Murriapau. Dengan itu D' Orville memberi notis menghentikan pungutan cukai tersebut. Amaran ini tidak diendahkan, kerana mereka hanya patuh kepada arahan Syahbandar. D' Orville melaporkan perkembangan ini kepada J. W. W. Birch. J. W. W. Birch mengarahkan D' Orville menggunakan paksaan. Dalam pada itu Syahbandar datang ke Kota Setia. Kesempatan ini diambil oleh D' Orville untuk membaca surat arahan J. W. W. Birch. Sebaik sahaja mendengar kandungan surat tersebut, Syahbandar menyatakan, jika J. W. W. Birch menggunakan paksaan dia akan menjadikan Kota Setia abu. Amaran Syahbandar ini dilaporkan oleh D' Orville kepada J. W. W. Birch yang singgah di Kota Setia dari Pulau Pinang. Dengan itu J. W. W. Birch bersetuju tidak akan menggunakan paksaan. Namun begitu J. W. W. Birch memberi amaran kepada Abdul Hamid supaya mematuhi arahan.⁹³

Pada 8 Julai 1875 Menteri Ngah Ibrahim menghantar surat kepada Lebai Muhammad Said supaya memaklumkan kepada Raja Bendahara bahawa segala pungutan cukai di hulu akan diberhentikan kerana pungutan cukai hanya akan dibuat di kuala sungai sahaja. Hasil kelamin juga akan dipungut oleh residen. Peraturan ini akan berkuatkuasa pada 1 Ogos 1875. Sekiranya tidak mematuhi peraturan ini sultan akan diturunkan dari takhta dan digantikan dengan calon yang menerima nasihatnya.⁹⁴ Manakala Sultan Abdullah pula memaklumkan kepada Raja Bendahara dalam suratnya bertarikh 10 Julai 1875 bahawa J. W. W. Birch mendesak baginda memberi kuasa kepadanya untuk mentadbir negeri. Sekiranya tidak memenuhi tuntutan Sultan Abdullah akan dihantar ke Pulau Pinang dan Laksamana ke Singapura. Oleh itu Sultan Abdullah mengharapkan Raja Bendahara datang menghadap baginda untuk berunding.⁹⁵

✓Kemudiannya J. W. W. Birch melibatkan diri dalam soal perhambaan, yang menjadi kebanggaan pembesar ketika itu.⁹⁶ Penglibatannya ini bermakna J. W. W. Birch mencabul Perjanjian Pangkor yang menegah residen mencampuri adat Melayu. Dalam pada itu ada yang menyatakan bahawa penglibatan J. W. W. Birch dalam perhambaan ini adalah kerana simpati dan ingin membebaskan hamba daripada belenggu kesengsaraan. Namun begitu hal ini masih boleh dipersoalkan. Misalnya kebanyakan hamba yang dilindungi di kediaman residen adalah wanita. Keadaan ini menimbulkan prasangka moral terhadap kejujuran J. W. W. Birch itu. Tambahan pula pernah pada satu ketika J. W. W. Birch menyeludup seorang perempuan Melayu berpakaian Cina di dalam perahunya ke Pulau Pangkor.⁹⁷ Selain itu pembesar Melayu juga bertanggapan langkah J. W. W. Birch melindungi hamba wanita di kediamannya untuk dijadikan wanita simpanan kepada polis yang berkhidmat di situ.⁹⁸ Pada 13 Mei 1875, Haji Ali memberitahu Edward Bacon mengenai lahirnya rasa tidak puas hati di kalangan orang Melayu Perak terhadap ramai hamba wanita lari ke Bandar Baru dan berkahwin dengan polis di situ.⁹⁹ //

Sementara itu beberapa peringatan yang disediakan oleh J. W. W. Birch merangkumi hal penyeludupan, cukai pelabuhan, cukai sampan, tongkang, perahu nelayan, cukai import dan eskport, perahu, sagor, pembatalan cukai, pengambilan kayu balak, hasil kelamin dan tanah terbiar. Semua surat pengisytiharan ini ditulis dengan nama Sultan Abdullah dan bertarikh 2 Oktober 1875 serta ditandatangani oleh J. W. W. Birch, Pesuruhjaya Ratu Inggeris. Perahu, kapal, jong dan kapal api hanya dibenarkan memunggah atau mengangkut barang-barang mereka di Kuala Bernam, Kota Setia di Kuala Perak, balai polis berhampiran dengan Kuala Jarum Emas; Kuala Larut dan Kuala Kurau. Bayaran lima puluh sen dikenakan ke atas setiap koyan. Tambahan lima puluh sen berikutnya ke atas lebihan tiap-tiap koyan dikenakan ke atas tiap-tiap buah perahu, kapal, jong atau kapal api. Apabila hendak belayar meninggalkan pelabuhan, mereka dikehendaki mengambil surat kebenaran keluar dan

bayaran satu ringgit dikenakan. Perahu, kapal, jong dan kapal api yang mengingkari peraturan ini akan ditahan dan dirampas. Dendanya pula tidak melebihi lima ratus ringgit. Mereka, sama ada secara langsung atau tidak langsung yang terlibat dalam pengingkaran peraturan ini akan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit.¹⁰⁰ Dengan dakwaan sudah berkali-kali dibincang dalam mesyuarat kerajaan Perak, arahan dikeluarkan menuntut supaya semua sampan, tongkang dan perahu menangkap ikan didaftarkan di balai polis sebelum 1 November 1875. Tiap-tiap pendaftaran dikenakan bayaran sepuluh sen. Barangsiapa yang gagal berbuat demikian, perahu mereka akan dirampas dan denda tidak melebihi 25 ringgit akan dikenakan.

Selain daripada itu, mulai 1 November 1875, tiap-tiap sebuah tongkang dikenakan cukai tahunan sebanyak dua ringgit; sampan cina, satu ringgit; perahu menangkap ikan yang boleh membawa lebih daripada tiga orang, satu ringgit dan semua perahu yang digunakan menangkap ikan, 50 sen.¹⁰¹ Cukai keluar masuk barangan dikuatkuasakan pada 1 November 1875 dan akan dikutip di Kota Setia, Kuala Beruas, Kuala Jarum Emas dan di Kuala Bernam. Bagi barangan masuk: barangan pakaian siap, kopi, pinggan mangkuk dan bahan daripada kaca, mercun, bahan letupan, logam selain daripada besi, minyak termasuk cat dan tar, sutera atau kain sutera, gula, teh dan barangan yang tidak tersenarai dikenakan cukai sebanyak sepuluh peratus daripada harga barangan tersebut. Kain kapas dan kapas dikenakan cukai lima peratus daripada harganya. Logam seperti besi dikenakan cukai dua peratus daripada harganya. Gambir dicukai 25 sen sepikul. Cukai bagi senjata senapang dua laras, raifal dan pistol dua ringgit sepucuk; senapang satu laras, pistol dan raifal satu ringgit sepucuk; meriam lima ringgit sepucuk. Candu dikenakan empat ringgit sebuku, beras sepuluh sen sepikul, garam 40 sen sepikul, tembakau jawa lima sen sekati dan tembakau Cina dua sen sekati. Bagi cukai eksport pula, tongkat rotan dan kayu dikenakan cukai sebanyak sepuluh peratus daripada harganya; getah perca, minyak

kayu dan gam tiga ringgit sepikul; belulang dan tanduk satu ringgit sepikul dan timah 15 ringgit satu bahara.¹⁰² Perahu dan sagor yang ada di Perak akan dikenakan cukai sebanyak satu ringgit mulai 1 November 1875. Tiap-tiap perahu dan sagor dikehendaki memasang nombor padanya dan resit pembayaran akan diberikan. Bagi pemilik yang mengingkari peraturan ini, perahu dan sagor mereka akan dirampas dan denda tidak melebihi 25 ringgit akan dikenakan.

Bagi mereka yang ingin menebang pokok untuk membuat sagor, dikehendaki mengambil surat kebenaran dan mereka dikenakan bayaran sebanyak 25 sen untuk tujuan membina sebuah sagor. Bayaran ini hendaklah dibuat kepada Penghulu. Apabila sagor mereka telah siap, kadar cukai tertentu akan dikenakan pula. Bagi sagor yang panjangnya kurang daripada dua depa dikenakan bayaran sebanyak 50 sen; panjang di antara dua hingga tiga depa, satu ringgit; panjang di antara tiga hingga empat depa, dua ringgit; panjang di antara empat hingga lima, tiga ringgit; panjang yang melebihi lima depa dikenakan bayaran sebanyak lima ringgit. Sebelum digunakan sagor hendaklah terlebih dahulu didaftarkan dan dicapkan. Selepas 1 Januari 1876, polis berkuasa menangkap perahu atau sagor yang tidak mencatatkan nombor pendaftaran di perahu atau sagor; atau jika pemiliknya gagal menunjukkan resit pembayaran. Dato' dan penghulu dikehendaki bekerjasama dan membantu pegawai dalam urusan pendaftaran perahu dan sagor ini. Sebagai ganjaran, dato' dan penghulu akan dibayar satu persepuluh daripada jumlah denda yang dikenakan ke atas pengingkar yang dilaporkan oleh mereka. Pendaftaran dan penomboran perahu serta pendaftaran dan pengecapan sagor dikenakan bayaran sebanyak sepuluh sen.¹⁰³ Mulai 1 Januari 1875 segala cukai yang dipungut oleh pemajak ke atas timah, judi dan candu akan dikutip di satu tempat sahaja. Dengan itu terhapuslah kutipan cukai sebanyak lima ringgit ke atas satu bahara timah sebagai hasil tanah oleh penghulu di Batang Padang dan Bidor; cukai ke atas pajak judi di Batang Padang, Durian Sebatang, Kota Lumut, Batak Rabbit; cukai di Kuala Perak

yang dipungut oleh Dato' Syahbandar dan Mata-Mata; cukai selain daripada di Kuala Perak; cukai sebanyak sepuluh ringgit untuk satu bahara timah di Chiku, Sungai Bidor dan di Balai, Sungai Batang Padang. Sebagai gantinya sebuah pusat pungutan cukai dibentuk di Kota Setia untuk menguruskan segala pungutan cukai di atas.¹⁰⁴ Setiap orang yang hendak mengambil kayu untuk kegunaan sendiri dimestikan mendapat surat kebenaran daripada penghulu yang menjaga hutan di tempat mereka ingin mengambil kayu tersebut. Penghulu pula akan mengeluarkan surat kebenaran untuk mengambil jumlah kayu yang diminta. Bayaran 50 sen dikenakan ke atas pengeluaran surat kebenaran tersebut. Manakala mereka yang ingin mengambil kayu kerana tujuan perniagaan, hendaklah mengambil surat kebenaran daripada dato' dalam jajahan tersebut. Surat ini akan menentukan jumlah dan kawasan kayu yang akan diambil dalam tempoh yang diperuntukkan. Bayaran satu ringgit dikenakan di atas pengeluaran surat kebenaran ini. Surat ini hendaklah dibawa bersama ketika membawa kayu keluar dari hutan. Kayu-kayu ini akan dinilai di tempat yang ditentukan oleh dato' atau di balai polis atau tempat yang ditentukan oleh Pesuruhjaya Ratu Inggeris. Setelah dinilai kayu tersebut, bayaran cukai lima peratus daripada harga nilai akan dikenakan sebelum kayu itu dibawa atau dijual. Peraturan ini dikuatkuasakan mulai 1 Januari 1876.¹⁰⁵ Tentang hasil kelamin pula, setiap orang lelaki yang berada di Perak; sama ada anak tempatan atau orang dagang, berusia di antara lapan belas tahun hingga lima puluh lima tahun dikenakan bayaran hasil kelamin. Namun begitu Sultan Abdullah, Sultan Ismail, kerabat diraja, pesuruhjaya dan penolong pesuruhjaya bagi Ratu Inggeris, pengawal pesuruhjaya, ahli pasukan polis, Orang Besar Empat, Delapan, Enam Belas dan pelombong Cina dikecualikan daripada cukai ini. Hasil yang dikenakan ialah dua ringgit setahun untuk tiga orang lelaki. Peraturan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1876. Bagi mereka yang ingin membayar cukai tersebut lebih awal, boleh berbuat demikian di Bandar Baru atau Kuala Kangsar.

Pegawai-pegawai yang dilantik akan dihantar untuk menguruskan pungutan cukai ini. Pembesar boleh diminta membantu pungutan cukai ini dalam kawasan masing-masing. Mereka akan dibayar sebanyak satu perlima daripada jumlah pungutan dan satu persepuluh daripada denda yang dikenakan ke atas pengingkar yang dilaporkan oleh mereka. Setelah bayaran dibuat, resit akan dikeluarkan. Bagi mereka yang mengingkari peraturan ini boleh didenda tidak melebihi 100 ringgit untuk kesalahan yang pertama, dan penjara dengan kerja berat selama tiga bulan akan dikenakan ke atas kesalahan yang sama pada kali keduanya. Mereka yang melaporkan kesalahan seseorang akan dihadiah sebanyak satu perempat daripada denda yang dikenakan.¹⁰⁶

Peraturan tanah pula memperuntukkan bahawa semua tanah yang belum diterokai adalah tanah kerajaan negeri Perak dan ia akan digunakan untuk tujuan pertanian. Namun begitu kebenaran akan diberikan untuk membuka atau membersihkan tanah itu dan dikecualikan daripada cukai untuk tempoh tiga tahun. Walaupun demikian bayaran dikenakan ke atas surat kebenaran mengikut kadar keluasan tanah yang diminta. Tanah yang kurang daripada 20 ekar akan dikenakan bayaran sebanyak 50 sen; 20 hingga 50 ekar, satu ringgit; 50 hingga 100 ekar, dua ringgit; 100 hingga 500 ekar, lima ringgit; 500 hingga 1,000 ekar, sepuluh ringgit dan melebihi 1,000 ekar dikenakan bayaran sebanyak 25 ringgit. Sebelum tamat tempoh tiga tahun mengerjakan tanah tersebut, mereka boleh membeli tanah tersebut dengan kadar satu ringgit seekar. Bagi mereka yang tidak membeli tanah tersebut, setelah tiga bulan daripada tempoh tiga tahun yang diperuntukkan, tanah tersebut akan menjadi tanah negeri. Kerajaan negeri boleh mengambil tanah yang dibeli dengan bayaran kadar yang munasabah bagi tujuan dan keperluan awam. Segala hasil yang didapati daripada tanah tersebut dikenakan cukai tidak melebihi dua setengah peratus daripada nilainya. Kutipan pula tidak boleh diteruskan selepas tempoh tiga tahun. Peraturan ini tidak berkuatkuasa ke atas tanah bandar,

kampung atau yang berhampiran dengan jalan raya dan sungai.¹⁰⁷ Mengenai tanah perlombongan pula, pajakan akan diberikan dengan kadar cukai 15 ringgit satu bahara; dan satu persepuluh untuk bahan galian lain, bagi tempoh satu tahun, mulai dari tarikh surat itu dikeluarkan. Sekiranya lombong tersebut tidak diusahakan dan tempohnya pula telah tamat, maka tanah tersebut akan menjadi milik kerajaan semula.¹⁰⁸

Nota

1. Sir Andrew Clarke dalam perakuannya menyatakan "... his [J. W. W. Birch] experience, long and varied, as a Settlements officer in Ceylon, as well as his intimate acquaintance with Oriental life, customs and habits point out Mr. Birch as in every way, eminently qualified for undertaking the task of initiating all the practical measures essential for the future administration of semi-civilized country Mr. Birch further possesses in a remarkable degree untiring physical energy and endurance, powers of infinite value to one whose duties will necessarily entail upon him constant exposure to climate and weather." [M.A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," (M.A. Thesis, University of Malaya, Singapore, 1952), hlm. 13. *Further Correspondence Relating to the Affairs of Certain Natives States in The Malay Settlements* (London: George Edward Eyre and William Spottiswoode, 1876). (Seterusnya diringkaskan sebagai *FCNSMP*, 1876), No. 12, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 10 Februari 1876.

2. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Ali, 13 Mei 1876. Beliau dilahirkan di Perak; bekerja sebagai peniaga kecil.

3. Satu bahara bersamaan 400 paun.

4. Muhammad Ibrahim Munsyi, *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi* (Johor: Percetakan Kerajaan, 1956), hlm. 74. Lihat juga Mohd. Fadzil Othman, "Satu Penilaian Kritis Tentang Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi Sebagai Sumber Sejarah" (tesis M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1976), hlm. 215-216.

5. C.O. 273/88, William Jervois kepada Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 4, "List of Witnesses", (seterusnya diringkaskan sebagai C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Che Medah [Midah], Singapura, 14 Oktober 1876). Beliau adalah isteri Nakhoda Trang dan tinggal di Kuala Kangsar. *ECCOPE*, 1876, hlm. 1.

6. Kini Orang Besar Empat ialah Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Orang Kaya Besar Maharaja Diraja, Orang Kaya Temenggung dan Orang Kaya Menteri Paduka Tuan; Orang Besar Delapan, ialah Orang Kaya-Kaya Laksamana

Raja Mahkota, Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Syahbandar Muda, Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja, Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja, Orang Kaya-Kaya Syahbandar Paduka Indera, Orang Kaya-Kaya Setia Bijaya Diraja, Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan dan Orang Kaya-Kaya Mahakurnia Indera Diraja. Orang Besar Enam Belas ialah Toh Seri Maharaja Lela, Toh Paduka Indera, Toh Maharaja Dewa, Toh Maharaja Indera, Toh Syahbandar Hulu, Toh Tan Dewa Paduka, Toh Paduka Setia, Toh Sedewa Raja, Toh Paduka Raja, Toh Perdana Indera, Toh Indera Jaya, Toh Seri Bijaya, Toh Seri Lela Paduka, Toh Amar Seri Diraja, Toh Raja Diraja, Toh Seri Wangsa. Orang Besar Tiga Puluh Dua ialah Toh Tan Dewa Sakti, Toh Kamar Lela, Toh Seri Indera Lela, Toh Sakna Bongsu, Toh Tan Dewa Raja, Toh Rakna Sakti, Toh Purba Diraja, Toh Jana Pahlawan, Toh Sa Indera Lela, Toh Bahagia Negara, Toh Amar Pahlawan, Toh Mangku Diraja, Toh Dewa Mahkota, Toh Sakna Menteri, Toh Demang Perwira, Toh Indera Wangsa, Toh Mekong, Toh Lela Indera, Toh Mahkota Lela, Toh Amar Diwangsa, Toh Pekerma Wati, Toh Johan Pahlawan, Toh Pendewa Sakti, Toh Kelana Perkasa, Toh Kelana Diraja, Toh Kohor Alam, Toh Sukar Dilawan, Toh Pendekar Alam, Toh Bijaya Wati, Toh Puspa Wati, Toh Bahtera Diraja dan Toh Suri Wati. (*Kenangan Pertabalan Raja Kita Ke 34*, hlm. 102).

7. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Che Medah, Singapura, 14 Oktober, 1876. *ECCOPE*, 1876, 2.
8. *FCNSMP*, 1876, No. 12, Sir William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 10 Februari 1876.
9. P. L. Burns (edited and Introduced by), *The Journals of J. W. W. Birch: The First British Resident to Perak, 1874-1875*, 67.
10. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Se Koombang [Si Kumbang], Pulau Pinang, 13 Mei 1876. Patrick Sullivan, *Social Relations of Dependence in a Malay State: Nineteenth Century Perak* (Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1982), 39.
11. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Soedein [Sudin], Singapura, 14 Disember 1876.
12. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Se Koombang, Pulau Pinang, 13 Mei 1876.

13. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Se Mila [Si Milah], Bandar Baru, 4 Julai 1876. Si Milah ialah hamba Sultan Abdullah.
14. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Mahlun, Singapura, 29 November 1876. Mahlun tinggal di Perak kira-kira lima tahun dan dua tahun tinggal di Batak Rabit. Beliau adalah peniaga kecil beras dan garam.
15. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, 19 Julai 1876.
16. *ECCOPE*, 1876, 5.
17. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," 89.
18. *ECCOPE*, 1876, Sultan Abdullah kepada Raja Bendahara, 5 November 1874.
19. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 30 Ogos 1876.
20. M. A. Mallal, "Appendix", Sultan Abdullah kepada Raja Bendahara, 27 Ramadan 1291 (5 November 1874), hlm. 224-225. *ECCOPE*, 1876, Appendix no. XI, Sultan Abdullah kepada Raja Bendahara, 27 Ramadan 1291 (5 November 1875). Sepatutnya 27 Ramadan 1291 bersamaan 7 November 1874 dan bukan 5 November 1875.
21. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, 30 Ogos 1876.
22. C.O. 273/86, Robert Meade kepada Herbert, 23 Januari 1876.
23. "He [Sultan Abdullah] is eminently silly and foolish; opium, too, has become his bane again, and he is good for very little. He has been evidently giving himself up a good deal to indulgence since I saw in May; he has no house of his own, but is surrounded by his so-called doctor, a blackguard who smokes opium with him, and fights his cocks, and gambles, and looks a thorough debauchee, and two or three others, and lots of women all of whom are slaves and most of them prostitute". (*ECCOPE*, 1876, 5).
24. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 303.
25. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," 29.
26. *ECCOPE*, 1876, 5.

27. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 30 Ogos 1876.
28. Ibid. *ECCOPE*, 1876, 6.
29. C.O. 273/86, Robert Meade kepada Herbert, 23 Januari 1876.
30. M. A. Mallal, "Appendix", Proclamation, 9 April 1875, 220.
31. Gelaran Tengku Panglima Raja ini dianugerahkan oleh Sultan Ismail kepada Raja Ngah.
32. Haji Husin menyatakan Batang Padang. (C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 30 Ogos 1876.
33. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 30 Ogos 1876. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Allang Nhor, Bandar Baru, 27 Julai 1876. P. L. Burns (edited and Introduced), *The Journals of J. W. W. Birch: First British Resident to Perak, 1874-1875* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976), 301.
34. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," 91.
35. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Allang Nhor, Bandar Baru, 27 Julai 1876.
36. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Ali, 13 Mei 1876.
37. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," 90.
38. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Allang Nhor, Bandar Baru, 27 Julai 1876.
39. C.O. 273/90, Gabenor Negeri-negeri Selat kepada Pejabat Tanah Jajahan, 11 Januari 1877, enclosure 2, "Trial of Maharajah [Maharaja] Lela and others for murder of Mr. Birch", (seterusnya diringkaskan sebagai C.O. 273/90, "TMMB"), kenyataan Haji Husin, 18 Disember 1876.
40. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 31 Ogos 1876.
41. *ECCOPE*, 1876, Setiuasaha Jajahan (R. Braddell) kepada Residen Perak, 12 Februari 1875.
42. *ECCOPE*, 1876, 8.
43. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," 120.
44. Ibid., 95.

45. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 31 Ogos 1876.
46. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," 94.
47. *ECCOPE*, 1876, hlm. 8; "Draft proclamation appointing the British Resident and others to be the Sultan's Representatives", t.t. Draf ini dalam bentuk tulisan tangan J. W. W. Birch.
48. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, 31 Ogos 1876.
49. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 2 September 1876. *ECCOPE*, 1876, 8.
50. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 19 Julai 1876.
51. M. A. Mallal, "Appendix", Sultan Abdullah kepada Raja Bendahara, 19 Mac 1875, 227.
52. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Allang Nhor, Bandar Baru, 27 Julai 1876.
53. *ECCOPE*, 1876, Sultan Abdullah kepada Raja Bendahara, 19 Mac 1875.
54. *ECCOPE*, 1876, 9.
55. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," 94.
56. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Lebby [Lebai] Tahir, Singapura, 29 November 1876. Lebai Tahir berasal dari Batu Bara, Siak, Sumatera. Beliau tinggal di Perak kira-kira 50 tahun. Tinggal di Batak Rabbit kira-kira lima tahun. Beliau bekerja sebagai pedagang.
57. Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Nгах Ibrahim Orang Kaya Menteri Paduka Tuan* (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1993), 31.
58. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 19 Julai 1876. *ECCOPE*, 1876, 9.
59. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 19 Julai 1876.
60. *ECCOPE*, 1876, Sultan Abdullah kepada J. W. W. Birch, 27 Mac 1875. Sila lihat Lampiran C.
61. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," 96.

62. *ECCOPE*, 1876, "Proclamation", 9 April 1875. Pengisytiharan ini di atas nama Gabenor Negeri-negeri Selat.
63. *FCNSMP*, 1876, no. 12, Sir William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 10 Februari 1876.
64. *ECCOPE*, 1876, Sir Andrew Clarke kepada Sultan Abdullah, 22 April 1875.
65. Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Menteri Ngah Ibrahim Orang Kaya Menteri Paduka Tuan*, 32-34.
66. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Haji Muhammad Akib, Bandar Baru, 13 Julai 1876.
67. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Edward Bacon, Bandar Baru, 16 Mei 1876. Beliau mendapat berita ketidakpuasan hati orang Melayu Perak terhadap hamba yang dilindungi di Bandar Baru daripada Mat Ali.
68. *ECCOPE*, 1876, Sultan Abdullah kepada Sir Andrew Clarke, 26 April 1875. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Mat Yasin, Bandar Baru, 13 Julai 1876. Beliau anak Haji Musa dan menantu Laksamana. Hajjah Hawah adalah ibu tiri Haji Mat Yasin. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Mahomed Tahir, Pulau Pinang, 9 Mei 1876. Beliau adalah polis, pernah bertugas di Kota Lumut dan Bukit Tambun.
69. *ECCOPE*, 1876, 11.
70. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Akib [Penghulu Haji Muhammad Akib], 5 Jun 1876.
71. C.O. 273/86, "List of Witnesses". kenyataan Nakhoda Trang, Singapura, 8 September 1876. *ECCOPE*, 1876, hlm. 12; surat Sir Andrew Clarke kepada Sultan Abdullah, 13 Mei 1875.
72. *ECCOPE*, 1876, 12.
73. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Akib, 5 Jun 1876.
74. *ECCOPE*, 1876, 11.
75. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Mahomed Tahir, Pulau Pinang, 9 Mei 1876.

76. ECCOPE, 1876, "Notice regarding Smuggling", 1 Mei 1875; "Notice regarding Boats", 1 Mei 1875; "Notice regarding Tongkangs, Sampans and Fishing-boats", 1 Mei 1875; "Notice regarding the abolition of certain taxes", 1 Mei 1875; "Notice regarding Port Dues", 1 Mei 1875; "Notice regarding Klamín Asil", 1 Mei 1875.

77. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," 97.

78. E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, 84.

79. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," 98-99.

80. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Ali, 13 Mei 1876.

81. M. A. Mallal, "Appendix", Andrew Clarke kepada Sultan

82. ECCOPE, 1876, Sultan Abdullah kepada Raja Bendahara, 1 Jun 1875 (sila lihat Lampiran D); Sultan Abdullah kepada Raja Bendahara, 10 Jun 1875.

83. M. A. Mallal, "Appendix", T. Braddell kepada J. W. W. Birch, 12 Februari 1875, 226.

84. C. . Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, 302.

85. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," 100.

86. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876.

87. Ibid.

88. C. D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, 305. E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, hlm. 84, menyatakan bahawa dengan pengaruh Tan Kim Ching Sultan Abdullah menurunkan tandatangan pada 25 Julai 1875.

89. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," 100.

90. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876.

91. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Akib, 5 Jun 1876.

92. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Raja Yahya, Singapura, 7 Ogos 1876.

93. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan D' Orville, Kota Setia, 21 Jun 1876.

94. *ECCOPE*, 1876, Menteri Ngah Ibrahim kepada Lebai Muhammad Said, 8 Julai 1875.
95. *ECCOPE*, 1876, Sultan Abdullah kepada Raja Bendahara, 10 Julai 1875; Syahbandar kepada Raja Bendahara, 10 Julai 1875.
96. E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, 85.
97. Khoo Kay Kim, "J. W. W. Birch: A Victorial Moralist in Perak's Auger Stable?", *JSHUM*, V., 1965/1966, 37.
98. E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, 86.
99. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Edward Bacon, Bandar Baru, 16 Mei 1876.
100. *ECCOPE*, 1876, "Notice regarding Smuggling and Port Dues", 2 Oktober 1875.
101. *ECCOPE*, 1876, "Notice regarding Sampans, Tongkangs and Fishing boats", 2 Oktober 1876.
102. *ECCOPE*, 1876, "Notices regarding Import and Export Duties", 2 Oktober 1875.
103. *ECCOPE*, 1876, "Notice regarding Boats and Sagors", 2 Oktober 1875.
104. *ECCOPE*, 1876, "Notice regarding the abolition of certain taxes", 2 Oktober 1875.
105. *ECCOPE*, 1876, "Notice Regarding Timber", 2 Oktober 1875.
106. *ECCOPE*, 1876, "Notice Regarding Asil Klamin [Hasil Kelamin]", 2 Oktober 1875.
107. *ECCOPE*, 1876, "Notice Regarding Waste Lands", 2 Oktober 1875.
108. *ECCOPE*, 1876, "Land for Mining Purpose", 2 Oktober 1875.

KESABARAN TELAH HILANG

Penglibatan British dalam pentadbiran Perak telah menyedarkan Sultan Abdullah dan pembesar Perak bahawa kedatangan British bukanlah untuk menasihati tetapi untuk merampas kuasa, wibawa dan keistimewaan mereka. Mereka juga merasa bimbang dengan kegiatan British memasukkan orang asing menyebabkan tanah akan dimiliki oleh orang asing. Mereka juga kawatir keadaan tersebut akan memundurkan agama Islam dan Bahasa Melayu. Segala keistimewaan mereka terserah kepada asing "kafir". Begitu juga dasar membenarkan kemasukan orang asing akan menyebabkan orang asing "kafir" memasuki negeri Perak. Kebimbangan kesan tidak baik ke atas orang Melayu dan percanggahan nilai-nilai Barat dengan tempatan telah menyebabkan Sultan Abdullah dan pembesar-pembesar Perak merancang untuk menghalau British dari Perak dan membunuh J. W. W. Birch.

Pakatan Menentang British dan Residen

Ketika berada di Pasir Panjang bersama-sama Laksamana, Syahbandar dan Raja Idris, Sultan Abdullah menitahkan Kulup Mat Ros menulis surat kepada Raja Bendahara, Menteri, Seri Maharaja Lela, Tuk Muda Rafar (anak Dato' Panglima Bukit Gantang), Panglima Kinta, Temenggung dan Orang Kaya Mat Arshad supaya datang bermesyuarat di Pasir Panjang. Dalam surat ini dinyatakan tujuan untuk berunding tentang hal negeri Perak, terutamanya tentang J. W. W. Birch. Dalam surat kepada Raja Bendahara pula dinyatakan membawa hilir bersama Menteri, Temenggung, Tuk Muda Rafar, Seri Maharaja Lela dan Panglima Kinta. Sultan Abdullah tidak menulis surat menjemput Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor kerana kedua-duanya akan datang tanpa surat jemputan. Dato' Sagor dititahkan membawa surat jemputan ke hulu. Raja Bendahara, Tuk Muda Rafar dan Seri Maharaja Lela akan hadir dalam mesyuarat tersebut. Kemudian Dato' Maharaja Lela datang menghadap Sultan Abdullah. Dia meminta pedang daripada Sultan Abdullah. Baginda menganugerahkan pedang tersebut. Surat menjemput Raja Yusof ditulis oleh Syahbandar kerana Sultan Abdullah dan Raja Yusof masih bermusuhan. Dato' Sagor membawa surat kepada Raja Yusof, manakala Haji Ali membawa surat kepada Sultan Ismail. Walaupun Menteri dan Sultan Ismail tidak dapat datang tetapi masing-masing menghantar wakil. Dato' Sagor yang pulang daripada menghantar surat tersebut memaklumkan kepada Sultan Abdullah bahawa Menteri Ngah Ibrahim dan Temenggung tidak boleh hadir kerana kedua-duanya sibuk menguruskan hal bersama J. W. W. Birch. Namun begitu Raja Bendahara, Tuk Muda Rafar dan Seri Maharaja Lela berjanji akan datang. Pembesar atau wakil hadir untuk menyertai mesyuarat tersebut. Pada 20 Julai 1875, pukul 12.00 tengah hari kenduri diadakan di rumah Haji Mat Yasin. Kenduri ini disumbangkan oleh Laksamana. Pada 21 Julai 1875, kira-kira pukul 2.00 petang mesyuarat diadakan di Durian Sebatang, di rumah Haji Mat Yasin untuk mengambil tindakan ke atas J. W. W. Birch.

Kesabaran Telah Hilang

Mesyuarat ini dihadiri oleh: Sultan Abdullah (a), Raja Idris (b), Kundah Muhammad (wakil Bendahara dan Seri Maharaja Lela) (c), Wan Husin (wakil Temenggung) (d), Penghulu Mat Ali (wakil Menteri) (e), Laksamana (Wan Muhammad Amin) (f), Dato' Maharaja Lela (g), Dato' Sagor (h), Dato' Syahbandar (i), Orang Kaya Mat Arshad (j), Raja Ahmad (k), Raja Musa (l), Kulup Mat Ros (m), Haji Idris (n), Tuk Muda Rafar (o), Haji Mat Yasin (p), Haji Daud (q), Haji Ali (r), Haji Daud (s), Pak Taib (t), dan Raja Mahkota (u). Raja Yusof tidak hadir dalam mesyuarat ini. Kedudukan mereka dalam mesyuarat adalah mengikut taraf dan kedudukan masing-masing. Kedudukannya adalah seperti berikut:¹⁰

Rajah I Kedudukan Anggota Mesyuarat 21 Julai 1875

	n.m	e.d.c.b.
u.	l.k.	a.
t.s.r.q.p.o.	j.i.k.h.g.f.	

Sumber: C.O. 273/86, "ECPOAEH", kenyataan Haji Husin.

Semua yang hadir berjabat salam dan mengangkat sumpah tidak akan mungkir dengan keputusan yang akan dicapai.¹¹

Sultan Abdullah mengambil surat Sultan Ismail dari saku bajunya untuk diserahkan kepada Laksamana. Surat ini dibawa oleh Haji Daud, saudara Haji Mat Yasin kepada Sultan Abdullah. Surat ini dibaca kepada ahli mesyuarat. Dalam surat tersebut Sultan Ismail menyatakan

menerima surat daripada Laksamana memaklumkan agar memanggil mesyuarat semua pembesar supaya bersatu menghapuskan J. W. W. Birch. Surat itu juga menyatakan bahawa baginda ingin melihat J. W. W. Birch dihapuskan dari Perak, kerana tindakan beliau sangat melampau. Sultan Ismail bersetuju dengan sebarang keputusan yang dicapai oleh Sultan Abdullah dan Laksamana. Laksamana pula menerangkan kepada ahli mesyuarat bahawa perjumpaan beliau dan rombongan dengan Sir Andrew Clarke di Singapura tidak membuahkan sebarang hasil. Oleh sebab itu beliau bersetuju dengan rancangan membunuh J. W. W. Birch.¹² Dalam mesyuarat ini mereka mencapai keputusan untuk membunuh J. W. W. Birch. Laksamana mengesyorkan supaya J. W. W. Birch diracun. Sultan Abdullah pula mencadangkan supaya bermain hantu memanggil semangat, sekiranya langkah meracuni J. W. W. Birch gagal. Cadangan Maharaja Lela pula adalah dengan cara menikam. Dato' Sagor pula menyatakan, sekiranya Dato' Maharaja Lela menikam J. W. W. Birch, dia akan menyerang Bandar Baru, kediaman J. W. W. Birch dan menurunkan bendera British. Kemudiannya Sultan Abdullah menyatakan lagi dalam mesyuarat itu bahawa tindakan menikam J. W. W. Birch akan dilakukan sekiranya langkah meracuni dan bermain hantu gagal membunuh J. W. W. Birch.¹³ Selepas itu Sultan Abdullah meminta sokongan pembesar yang hadir membantu Maharaja Lela dan Dato' Sagor serta mengakui Sultan Abdullah sebagai Sultan Perak. Semua pembesar yang hadir menyatakan kesanggupan membantu Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor, walaupun terpaksa mengorban nyawa mereka.¹⁴

Dato' Sagor cuba mendapatkan penjelasan mengenai cara membunuh J. W. W. Birch, sama ada menyerang Bandar Baru atau menunggu peluang yang baik. Dalam perkara ini Sultan Abdullah menegaskan bahawa serangan hendaklah dilancarkan secara rahsia dan di tempat yang jauh dari kediamannya, Bandar Baru. Sementara itu Laksamana mengesyorkan supaya menghantar Haji Mat Yasin menghadap Sultan Ismail memaklumkan supaya baginda mengadakan

mesyuarat dengan pembesar-pembesar baginda untuk melancarkan serangan dari hulu, dan sebaik sahaja mendapat berita kematian J. W. W. Birch serangan dari hilir dilancarkan. Kemudiannya Sultan Abdullah menulis surat kuasa kepada Laksamana agar meracuni J. W. W. Birch. Sekiranya gagal meracuni J. W. W. Birch baginda membenarkan cara lain yang boleh menyebabkan beliau mati.¹⁵

Keputusan menghapuskan J. W. W. Birch diambil kerana beliau melanggar Perjanjian Pangkor, mencampuri adat dan agama orang Melayu. Sultan Abdullah dan Sultan Ismail memberi kuasa meracun atau membunuh J. W. W. Birch.¹⁶ Dalam mesyuarat tersebut, Sultan Abdullah menandatangani surat sumpah berteguh setia dengan keputusan yang dicapai. Pada hari yang sama, 21 Julai 1875 lapan orang pembesar yang hadir: Laksamana, Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Dato' Syahbandar, Raja Mahkota, Kundah Muhammad, Wan Husin dan Penghulu Mat Ali masing-masing menurunkan cap mohor dan tandatangan berikrar bersama-sama Sultan Abdullah. Laksamana ditugaskan membuat salinan surat ikrar ini untuk diberikan kepada mereka yang menurunkan cap mohor dan tandatangan. Mesyuarat tersebut berakhir pada kira-kira pukul 5.00 petang. Pada 22 Julai 1875 mereka bertemu lagi di rumah Haji Mat Yasin. Sultan Abdullah menurunkan cap mohor dan tandatangan ke atas tiap-tiap salinan surat ikrar itu. Surat ini diberikan tiap-tiap satu kepada Menteri, melalui wakilnya, Penghulu Mat Ali; Temenggung, melalui wakilnya, Wan Husin; Panglima Kinta, wakilnya, Dato' Syahbandar; Seri Maharaja, melalui Kundah Muhammad; Raja Idris, Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Dato' Syahbandar, Laksamana dan Raja Mahkota. Manakala surat yang ditandatangani oleh dato'-dato' tersebut diserahkan kepada Sultan Abdullah. Mereka kemudiannya bersalaman, berteguh janji tidak akan membocorkan tentang rahsia rancangan mereka. Kira-kira pukul 5.00 petang Sultan Abdullah berangkat pulang ke Batak Rabit. Pada ketika

ini Syed Masahor berada di Durian Sebatang tetapi beliau tidak menghadiri mesyuarat tersebut.¹⁷

Sultan Abdullah pula menitahkan Kundah Muhammad supaya memaklumkan kepada Raja Bendahara dan Seri Maharaja Lela tentang keputusan yang dicapai dalam mesyuarat. Haji Ali pula dititahkan supaya memaklumkan kepada Haji Raja Yahya supaya disampaikan kepada Sultan Ismail tentang keputusan mesyuarat di Durian Sebatang itu.¹⁸

Dalam rancangan menentang British, Dato' Maharaja Lela menghantar Abu dan bapa saudaranya, Ngah Lahab berjumpa Laksamana untuk mendapatkan bekalan. Laksamana memberi 300 gantang beras, 50 laras senapang, seouluh peti bahan letupan dan dua pucuk surat; sepucuk untuk Dato' Maharaja Lela dan satu lagi untuk Sultan Ismail. Kemudiannya, Abu dan Ngah Lahab pulang ke Pasir Salak menyerahkan barang-barang dan surat kepada Dato' Maharaja Lela. Dato' Maharaja Lela mengarahkan pula Ngah Lahab membawa surat dan pakaian ke Belanja untuk disembahkan kepada Sultan Ismail.¹⁹

Sementara itu Sultan Abdullah menitahkan Haji Mat Yasin membawa surat baginda kepada Sultan Ismail. Manakala itu Haji Mat Yasin pula menerima surat Tuk Nara dan Panglima Perang Semaun di Durian Sebatang meminta datang ke Belanja kerana gabenor ada di sini.²⁰ Haji Mat Yasin mudik ke Belanja dari Durian Sebatang dengan tiga buah perahu pada awal bulan puasa (8 atau 9 hari puasa). Di dalam perahu Haji Mat Yasin: Haji Idris, Mat Arshad, Mat Yusof, Mat Jusoh dan Ngah Pahang Alang. Manakala muatannya pula, 500 gantang beras, empat bola candu, lapan atau sembilan laras senapang, sembilan batang lembing, tujuh bilah keris, tiga bilah sundang, tembakau, minyak dan gambir. Dalam perahu lain terdapat Kundah Jaffar (Kundah Jabbar) dan beberapa orang. Mereka membawa selaras senapang dan dua tempayan minyak kelapa. Perahu ketiga terdapat Kadir dan dua orang. Muatan yang dibawa ialah 350 gantang beras. Ketika melintasi Kota Pagar, datang Haji Ali memaklumkan bahawa Sultan Abdullah dan Laksamana

meminta mereka untuk pulang segera menghadap baginda. Oleh kerana Haji Mat Yasin tidak pulang, Haji Ali ikut sama ke Belanja. Apabila tiba di Belanja, datang Panglima Perang Semaun, Tuk Nara, Abdul Shukur dan Tuk Manap ke perahu memaklumkan yang Sultan Ismail menunggu kedatangan Laksamana. Sultan Ismail telah pun menghantar dua pucuk surat kepada Laksamana. Dengan diiringi beberapa orang, antaranya Haji Ali, Kundah Jaffar, Haji Mat Daud, Mat Arshad dan Haji Idris, Haji Mat Yasin mereka menghadap Sultan Ismail.²¹

Sultan Ismail menjemput pembesar hulu berkumpul. Daeng Marewah [Moorwah] juga dijemput. Di antara mereka yang hadir di balai: Sultan Ismail, Syed Mahmud, Tuk Muda Rafar, Panglima Kinta, Maharaja Dewa Lambor, Tuk Paduka Sadong, Tuk Nara, Panglima Perang Semaun, Haji Ali, Haji Mat Yasin dan Penghulu Telor, Teluk Bakong. Dalam mesyuarat ini Sultan Ismail kesal kerana Laksamana tidak dapat datang untuk menerangkan keadaan yang berlaku di hilir. Sementara itu baginda menyampaikan berita yang baru tiba menyatakan bahawa terdapat hamba yang lari ke tempat orang putih dan tidak dipulangkan. Seterusnya Sultan Ismail mengeluarkan surat Sultan Abdullah dan Laksamana yang dibawa oleh Haji Mat Yasin. Surat tersebut menyatakan yang J. W. W. Birch akan dibunuh di Pasir Salak oleh Dato' Maharaja Lela. Selepas itu pertempuran akan berlaku dengan British. Oleh itu Sultan Abdullah meminta kepastian Sultan Ismail dan pembesar hulu sama ada ingin berjuang atau sebaliknya. Sekiranya sanggup berjuang, Sultan Abdullah akan berjuang; sebaliknya jika tidak mahu berjuang, Sultan Abdullah akan meninggalkan Perak kerana tidak mahu diperintah oleh British. Semua pembesar yang hadir menyatakan mereka sanggup berjuang.

Kemudian datang pula dua orang wakil Dato' Maharaja Lela, iaitu Kulup Bahleng dan Ngah Lahab menghadap Sultan Ismail. Kedua-duanya memaklumkan kepada Sultan Ismail yang Dato' Maharaja Lela memohon peluru dan wang. Dengan itu Sultan Ismail menitahkan Dato' Nara ke

Layang-layang dengan gajah untuk mengambil bahan letupan. Sultan Ismail memberi wang \$100 dan dua keping papan timah untuk membuat peluru kepada Ngah Lahab.²² Kira-kira tiga hari kemudian, Sultan Ismail sekali lagi memanggil pembesar hulu bermesyuarat di balai. Di antara mereka yang hadir: Syed Mahmud, Tuk Muda Rafar, Panglima Kinta, Maharaja Dewa, Tuk Paduka Sadong, Tuk Nara, Panglima Perang Semaun dan Penghulu Telor, Teluk Bakong. Yang turut hadir dalam mesyuarat ini, Haji Mat Yasin, Haji Ali, Haji Mat Daud dan Haji Idris. Dalam mesyuarat ini Sultan Ismail menyatakan yang baginda ada mendengar kekacauan akan berlaku di hilir. Semua yang hadir menyatakan sanggup berjuang. Sultan Ismail juga menyatakan tentang kedatangan dua orang wakil Dato' Maharaja Lela dan baginda pun memberi wang dan timah.²³

Dalam mesyuarat yang berlangsung itu, mereka yang hadir bersetuju menghadap Sultan Abdullah selepas hari raya untuk mendapatkan sokongan. Sekiranya Sultan Abdullah enggan, mereka akan membawa Sultan Abdullah secara paksa ke Sayong. Tuk Bandar Hulu mengesyorkan supaya menurunkan bendera British sekiranya J. W. W. Birch tidak mahu bekerjasama. Sementara itu Sultan Ismail pula menyatakan tidak perlu menurunkan bendera British, dan membiarkan J. W. W. Birch bertindak sesuka hatinya. Sebaliknya baginda serta pembesar juga bertindak tanpa menghiraukannya. Tuk Sindara (Senara?) Muda pula menyatakan yang dia menerima maklumat bahawa hubungan Dato' Maharaja Lela dengan J. W. W. Birch tidak baik kerana sekatan memungut cukai di Sungai Dedap dan pembinaan jalan di Kota Setia. Selain itu dinyatakan lagi yang Tuk Bandar Hulu akan menyerang Kota Setia sekiranya J. W. W. Birch berkeras.²⁴ Sultan Ismail merestui Dato' Maharaja Lela membunuh J. W. W. Birch.²⁵ Tuk Muda Rafar digelar Panglima Bukit Gantang dan Syed Mahmud sebagai Orang Kaya Besar. Upacara ini dijalankan di rumah Mak Tunggal Jelangah, ibu Panglima Perang Semaun.²⁶

Pada 28 Julai 1875 dua orang hamba Sultan Abdullah, Tipah dan Senai telah melarikan diri daripada tuannya dan berlindung di Bandar

Baru.²⁷ Pada ketika ini J. W. W. Birch berada di Singapura dan memberi kuasa kepada J. J. Keyt untuk menguruskan pentadbiran.²⁸ Pada 28 Julai 1875 Serapah pula datang berlindung di Bandar Baru. Sultan Abdullah mengarahkan Kulup Mat Ros menulis surat kepada J. J. Keyt menuntut dipulangkan Serapah. Sultan Abdullah juga menuntut J. J. Keyt menyerahkan Kulup Samat serta tidak membenarkan perkahwinan Kasim. Namun begitu J. J. Keyt, yang bertanggungjawab di masa ketiadaan J. W. W. Birch tidak melayan tuntutan Sultan Abdullah. Sebaliknya, beliau menunggu kepulangan J. W. W. Birch untuk membuat keputusan.²⁹

Kemudian Sultan Abdullah mengarahkan Haji Mat Amin ke kediaman residen untuk menyerahkan surat baginda. Pada 3 Ogos 1875, Haji Mat Amin datang ke Bandar Baru menemui J. J. Keyt serta menyerahkan surat yang ditandatangani oleh Sultan Abdullah tanpa cap mohor, dan menuntut menyerahkan Kasim yang lari dari rumah Orang Kaya Mat Arshad. J. J. Keyt tidak menerima surat tersebut dan tidak memenuhi tuntutan Sultan Abdullah. Pada 4 Ogos 1876, Kulup Mat Ros datang menemui J. J. Keyt. Beliau membawa surat Sultan Abdullah menuntut dua orang hamba yang melarikan diri dari rumah Orang Kaya Mat Arshad yang berkahwin dengan pendayung perahu dan mata-mata. Beliau juga mendesak supaya diserahkan Kulup Samat yang dipenjara di atas tuduhan cuba menikam Inspektor Lagis dan membatalkan rancangan perkahwinan Kasim. J. J. Keyt menyatakan yang dia tidak boleh memenuhi tuntutan itu kerana J. W. W. Birch tidak ada. Apabila J. W. W. Birch pulang dari Singapura pada 13 Ogos 1875, J. J. Keyt menyerahkan surat Sultan Abdullah. J. W. W. Birch memuji tindakan yang diambil oleh J. J. Keyt. Pada 17 Ogos 1875, Sultan Abdullah, Syahbandar dan Laksamana datang melawat J. W. W. Birch. Dalam perbincangan pada 18 Ogos 1875, Sultan Abdullah marah terhadap kenyataan J. W. W. Birch yang tidak berpuas hati dengan tuntutan Sultan Abdullah.³⁰

Walaupun J. W. W. Birch tahu bahawa Sultan Abdullah benci kepadanya dan pembesar menentang pengenalan peraturan baru, beliau masih meneruskan rancangannya. J. W. W. Birch menafikan adanya rancangan untuk membunuhnya.³¹ Malah J. W. W. Birch dengan angkuh menyatakan bahawa sekiranya beliau mati, sepuluh lagi J. W. W. Birch akan mengambil alih tugasnya.³²

Pada 1 Ogos 1875 Raja Ngah, Haji Ali dan Haji Mat Yasin telah bersumpah akan berteguh dalam setiap hal. Sekiranya salah seorang ingkar maka ia bersalah di sini Allah dan Nabi, serta akan terkena sumpah almarhum sultan-sultan Perak.³³ Di samping itu Raja Ngah mengutuskan surat kepada Che Ah Quec dan Koh Teang Tek menyatakan bahawa Haji Mat Sali adalah wakil beliau. Dengan itu memohon beliau pinjaman wang di antara \$10,000 hingga \$30,000. Haji Mat Sali akan mengeluarkan resit sebagai tanda pinjaman dan hutang itu adalah tanggungan beliau.³⁴ Juga Raja Ngah mengirim surat bertarikh 1 Ogos 1875 kepada ketua Hai San di Pulau Pinang dan Tuan Chik di Province Wellesley meminta bantuan wang sebanyak \$20,000 untuk perbelanjaan membeli senjata, perahu dan makanan bagi persediaan sekiranya berlaku kekacauan di Perak. Surat ini dibawa ke Pulau Pinang secara sukarela oleh Haji Mat Sali.³⁵ Pada 1 Ogos 1875 Sultan Abdullah dan Laksamana membuat perjanjian berasingan dengan Menteri Ngah Ibrahim dan Penghulu Mat Ali dari Kurau untuk menyediakan kelengkapan, seperti perahu, senjata, bahan letupan untuk melancarkan serangan ke atas Kota Setia, sebaik sahaja J. W. W. Birch dibunuh.³⁶

Perasaan benci terhadap British sudah lahir sejak campur tangan dalam pentadbiran negeri Perak. Penglibatan J. W. W. Birch dalam perhambaan telah meruncingkan lagi hubungan Sultan Abdullah dengan beliau. Langkah pegawai cukai memeriksa perahu Laksamana dengan tuduhan menyeludup candu menimbulkan kemarahannya, sehingga Laksamana menyatakan bahawa adalah lebih baik beliau meletakkan jawatan daripada dihina begitu. Sementara itu pada awal Ogos 1875

Sultan Abdullah memanggil Nakhoda Ketek ke Batak Rabbit, memberi wang sebanyak \$2,000 dan mengarahkan beliau ke Pulau Pinang membeli senapang dan peluru.³⁷ Nakhoda Ketek ke Pulau Pinang bersama tujuh orang; di antaranya ialah Kasim, Laman, Yahya dan Mamat dengan perahunya. Sultan Abdullah mengarahkan Nakhoda Ketek membeli sepuluh kotak senapang, 20 pikul bahan letupan, satu kotak candu, gula, anggur, biskut, baju dan benang emas. Sultan Abdullah mengingatkan Nakhoda Ketek agar jangan singgah di Kota Setia. Sekiranya perlu tunjukkan surat yang telah baginda cap dengan cap mohor baginda dan tandatangani.

Setelah tiba di Pulau Pinang, Nakhoda Ketek membeli sepuluh kotak senapang dengan harga \$800; 20 pikul bahan letupan berharga \$284, satu peti candu berharga \$450 dan bahan-bahan lain seperti bekalan dan baju berharga \$206. Semua barang ini dibawa pulang ke Batak Rabbit dan diserahkan kepada Sultan Abdullah. Semua barang ini dimuatkan ke dalam perahu Syahbandar dan Laksamana yang berlabuh di situ.³⁸ Manakala daripada baki wang sejumlah \$260, dipulangkan oleh Nakhoda Ketek \$60 kepada Sultan Abdullah. Baki sejumlah \$200 dibahagikan oleh Nakhoda Ketek kepada tiga bahagian: satu bahagian untuk Nakhoda Ketek dan dua bahagian untuk mereka yang ikut serta ke Pulau Pinang.³⁹ Sikap J. W. W. Birch yang tidak menghadap Sultan Abdullah ketika dalam perjalanan pulang ke Bandar Baru dari Singapura pada 10 Ogos 1875 menyebabkan Sultan Abdullah tersinggung. J. W. W. Birch singgah di Batak Rabbit, tetapi hanya bertemu dengan Edward Bacon dan Raja Idris.⁴⁰ Dalam pada itu Maharaja Lela dan iparnya, Pandak Indut datang menghadap Sultan Abdullah di Batak Rabbit pada 11 Ogos 1875.⁴¹ Mereka tinggal beberapa hari dan berbincang begitu mesra dengan Sultan Abdullah. Dalam pertemuan ini Sultan Abdullah memberi surat kuasa kepada Dato' Maharaja Lela mentadbir bebas kawasan dari Pasir Salak hingga ke Sungai Dedap, serta memungut cukai di sini. Selain itu penduduk sekitar diingatkan mematuhi arahan Dato' Maharaja Lela.


Sultan Abdullah memberi kuasa ini kerana baginda berasa sukacita di atas persetujuan Dato' Maharaja Lela untuk menghapuskan J. W. W. Birch.⁴² Surat ini ditulis oleh Kulup Mat Ros dan dicap mohor serta ditandatangani oleh Sultan Abdullah. Dalam pertemuan ini juga Dato' Maharaja Lela meminta senapang dan beras. Sultan Abdullah memberi kepada Dato' Maharaja Lela 200 gantang beras, 50 gantang garam dan empat laras senapang.⁴³ Sementara itu ketika memudiki ke Belanja, J. W. W. Birch singgah bermalam di Kampung Gajah, bertemu dengan Dato' Sagor yang datang membawa lembing bersama kira-kira 15 - 20 orang yang juga membawa senjata. Dalam pertemuan ini J. W. W. Birch memarahi Dato' Sagor kerana menghalang pekerja membersihkan jalan ke Bukit Tunggal serta mengarahkan sepoi mengambil lembing Dato' Sagor. Perbuatan J. W. W. Birch ini hampir mencetuskan pergaduhan; namun J. W. W. Birch memulangkan lembing tersebut.⁴⁴ Dato' Sagor menjelaskan lembing ini dibawa sebagai senjata untuk menjaga diri daripada serangan binatang buas; langsung tidak berniat jahat. Kemudiannya J. W. W. Birch membentangkan tikar serta mempersilakan Dato' Sagor duduk. J. W. W. Birch memberi cerut kepada Dato' Sagor serta meminta beliau menyiapkan kerja dan jangan membuat kacau. Pada keesokannya, ketika melawat persiapan menyambut lawatan gabenor, Penghulu Mat Akib melaporkan kepada J. W. W. Birch bahawa Dato' Sagor menghalang mereka mendirikan tiang bendera di atas arahan Sultan Ismail.⁴⁵

Pakatan Membunuh Residen British

Dalam usaha meracuni J. W. W. Birch, Sultan Abdullah, Laksamana dan Syahbandar telah membayar \$40 kepada seorang wanita yang akan berpura-pura lari sebagai hamba ke kediaman J. W. W. Birch dan seterusnya memasukan racun ke dalam makanan J. W. W. Birch. Rancangan ini diketahui oleh J. W. W. Birch melalui seseorang dari Durian Sebatang. Dengan itu beliau mengarahkan supaya menghalang

sebarang wanita yang tidak dikenali menghampiri dapurnya dan dua pengawal mengawasi kediamannya. Sultan Abdullah dan pembesar juga merancang menghantar Saimah memasukkan kaca dan kabung ke dalam bekas mandi J. W. W. Birch. Apabila mandi, kulitnya akan tersiat. Sekiranya usaha ini juga gagal, mereka akan memenggal kepala J. W. W. Birch.⁴⁶ Setelah gagal meracuni J. W. W. Birch, Sultan Abdullah meminta nasihat daripada Laksamana dan Raja Idris. Kemudian Sultan Abdullah mengambil keputusan untuk bermain hantu. Dengan itu baginda menjemput Bomoh Diraja, Raja Kechil Muda dan anaknya, Raja Ahmad di Pasir Panjang datang ke Batak Rabit.⁴⁷ Di Batak Rabit, Sultan Abdullah berunding dengan Syahbandar, Raja Mahkota, Raja Idris dan Orang Kaya Mat Arshad. Kedudukan mereka seperti di dalam Rajah 2.

Rajah 2
Kedudukan Mesyuarat di Batak Rabit



Sumber: C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876.

Seterusnya upacara bermain hantu atau berhantu⁴⁸ diadakan di Batak Rabit pada 24-26 Ogos 1875. Upacara ini dilakukan oleh Bomoh Diraja, Raja Kechil Muda dan anaknya Raja Ahmad.⁴⁹ Pada malam 24 dan 25 Ogos 1875 upacara ini khas mengubat Sultan Abdullah yang gering, tetapi pada malam 26 Ogos 1875 upacara ini khas untuk membunuh J. W. W. Birch.⁵⁰ Pada malam pertama persiapan dibuat di balai. Kain

kuning diletakkan di atas bantal dan tiga buah guri berisi air di sebelah kanan. Di ketiga-tiga guri itu dipasang lilin. Kira-kira pukul 8.00 malam ramai hadir, duduk bersama Sultan Abdullah di balai. Di antara mereka yang hadir: Syahbandar, Raja Idris, Raja Kechil Muda, Raja Ahmad, Raja Mahkota, Raja Musa, Raja Lop Ahmad, Tuk Bandar, Che Amin, Indut, Syed Masahor dan Kulup Mat Ros. Selain itu terdapat beberapa orang pembantu: Saimah, Panjang, Si Omar, Mat Kasim dan dua orang lelaki; Si Cheri dan tiga orang. Di samping itu beberapa orang perempuan turut hadir: Long Mahmum [Long Mahmoon], Si Naral, Si Mahrum [Si Mahroom], Che Long, Si Milah, Si Tika, Lijah dan Che Saedah, isteri Sultan Abdullah.⁵¹ Setelah menghisap candu, Sultan Abdullah menyatakan sekiranya ada hantu dalam negeri Perak, bolehlah mereka melihat masa depan J. W. W. Birch dan kematiannya serta perahunya terkandas di Kuala Perak.⁵² Kemudian Raja Ahmad menyatakan kesanggupan beliau memanggil semangat J. W. W. Birch jika baginda bersetuju membayar "pengeras" sebanyak \$100.

Kira-kira pukul 9.00 malam Raja Ahmad duduk di atas tikar yang disediakan untuk memulakan upacara. Raja Kechil Muda duduk di sebelah kanan memegang gendang besar. Beberapa orang wanita duduk berhampiran Raja Kechil Muda. Sementara Raja Ahmad membakar kemenyan, Raja Kechil Muda memukul gendang sambil membaca jampi dan diikuti oleh wanita yang ada di sebelahnya. Seterusnya Raja Ahmad, sambil memegang kipas di tangan kirinya melempar beras kunyit ke atas kain. Kemudian beliau mengambil patung yang disediakan, sambil mengetuknya dengan kipas.⁵³ Patung ini dibuat oleh Raja Ahmad.⁵⁴ Setelah masa berlalu 15 minit, semangat memasuki Raja Ahmad. Raja Ahmad pun bertanya khabar dan meminta penjelasan memanggilnya. Raja Kechil Muda menyatakan yang dia dititahkan oleh Sultan Abdullah supaya bergabung semangat selama dua malam. Pada malam terakhirnya nanti, Sultan Abdullah akan menyatakan hajat baginda. Setelah semangat pertama pergi, datang pula semangat kedua. Semangat kedua ini

mengemukakan pertanyaan yang sama. Dengan itu Raja Kechil Muda menyatakan jawapan yang sama. Setelah upacara berlangsung selama satu setengah jam, Sultan Abdullah berpindah dan duduk berhampiran Raja Ahmad yang sedang menurun. Dengan itu Raja Kechil Muda dan wanita berhampirannya berpindah ke sebelah kiri Sultan Abdullah. Kemudiannya semangat jahat memasuki Raja Ahmad. Sekali lagi bertanya khabar dan meminta penjelasan memanggilnya. Pada kali ini Raja Kechil Muda menyatakan supaya bergabung semua semangat jahat di Perak menentang J. W. W. Birch dan orang putih. Setelah beberapa semangat datang maka upacara bermain hantu pun diberhentikan. Seterusnya Sultan Abdullah memaklumkan supaya jangan menghadap baginda sebelum tengah hari esok.

Pada keesokan harinya, 25 Ogos 1875, Laksamana dan Dato' Sagor datang ke Batak Rabit. Sultan Abdullah menyatakan upacara bermain hantu sudah dijalankan. Upacara bermain hantu diteruskan lagi pada malam kedua. Dato' Sagor hadir; Laksamana tidak hadir, tetapi tinggal di dalam perahunya. Dalam upacara ini semangat jahat yang datang itu menuntut ganjaran. Raja Kechil Muda berjanji akan membuat perahu persembahan dan akan ditunaikan sebaik sahaja J. W. W. Birch mati. Kemudiannya upacara ini diteruskan pada malam ketiga. Pada malam itu Raja Ahmad dimasuki tiga semangat jahat. Apabila sahaja tujuh semangat jahat memasuki Raja Ahmad, Sultan Abdullah menghunus keris dan jatuh bangun menari. Raja Ahmad datang menghampiri Sultan Abdullah dan membentuk lembaga manusia daripada tepung di atas daun pisang yang ada di dalam pinggan. Selepas itu Sultan Abdullah meminta mereka yang hadir senyap. Seterusnya Sultan Abdullah dan Raja Ahmad menutup muka masing-masing dengan kain selendang dan mengarahkan muka pinggan ke muka mereka. Mereka duduk berhadapan di antara satu sama lain ini kira-kira 15 minit. Dalam suasana yang hening itu, Raja Ahmad dan Sultan Abdullah menikam lembaga tersebut beberapa kali. Selepas itu Sultan Abdullah membalut pinggan

itu dan diletakkan di sebelah. Kemudiannya mereka duduk berhadapan di antara satu sama lain sehinggalah semangat keluar daripada tubuh mereka. Sultan Abdullah melaporkan kepada hadirin, dalam tempoh sebulan J. W. W. Birch akan mati. Upacara ini berakhir pada pukul 2.30 pagi.

Pada 26 Ogos 1875, Dato' Sagor pulang. Sementara itu beberapa orang pembesar masih tinggal di Batak Rabit. Kira-kira empat hari selepas bermain hantu, Sultan Abdullah bersama empat buah perahu mudik sungai Perak. Sultan Abdullah lazimnya berangkat dengan empat buah perahu. Perahu pertama, kenaikan baginda; perahu kedua, isteri baginda, Saedah; perahu ketiga, tukang masak dan perahu keempat, hamba wanita. Tiap-tiap perahu tersebut dibekalkan lembing, keris dan dua pucuk lela. Dalam perahu Sultan Abdullah sendiri terdapat 70 batang lembing dan 17 laras senapang.⁵⁵

Pada 27 Ogos 1875, Indut datang memaklumkan kepada Sarjan Mahmud yang bertugas di Durian Sebatang, bahawa Sultan Abdullah akan membunuh J. W. W. Birch. Kemudian sekali lagi pada 29 Ogos 1875, dia menyatakan yang pembesar dan Sultan Abdullah akan membunuh J. W. W. Birch. Selain itu Indut juga memaklumkan kepada J. W. W. Birch mengenai rancangan pembunuhan ini. J. W. W. Birch tidak gentar dengan berita ini, malah menyatakan yang dia memahami fikiran pembesar. Begitu juga apabila Daeng Ismail memberitahu perkara yang sama, J. W. W. Birch hanya menyatakan dia kenal kesemuanya.⁵⁶ Selain itu J. W. W. Birch menyatakan tidak perlu risau mengenai dirinya yang sudah tua. Jika dia mati, Perak akan menjadi kepunyaan Ratu Inggeris.⁵⁷

Dalam satu mesyuarat yang diadakan di dalam perahu Sultan Abdullah, baginda meminta pandangan mereka yang hadir sekiranya British mengiktirafkan Sultan Ismail sebagai Sultan Perak. Para pembesar menyatakan bahawa ia perlu ditentang. Dato' Maharaja Lela menjemput Sultan Abdullah tinggal di rumahnya, yang telah dilingkungi oleh kubu.

Begitu juga dengan Dato' Sagor menjemput Sultan Abdullah berlindung di rumahnya yang sudah dipagari, kira-kira 2.43 meter (8 kaki) tingginya. Sultan Abdullah menyatakan akan hadir kesalah sebuah rumah tersebut, apabila baginda menghadapi kesusahan.⁵⁸ Pada akhir bulan Ogos 1875, mesyuarat diadakan lagi bagi merancang pembunuhan J. W. W. Birch. Dalam mesyuarat ini Laksamana menyatakan tidak sanggup menjalankan tugas membunuh J. W. W. Birch. Dato' Sagor pula menyatakan sanggup menjalankan tugas ini. Sultan Abdullah dan Raja Idris yang ada dalam mesyuarat ini menyatakan akan bersama dengan Dato' Sagor.⁵⁹ Pada 5 September 1875 mesyuarat diadakan lagi dan kali ini di rumah Dato' Sagor.⁶⁰ Sultan Abdullah melahirkan rasa tidak puas hati terhadap peraturan baru dan meminta F. W. Duke membawa perkara ini kepada gabenor. Pakatan dan rancangan ini membawa Sultan Abdullah, Dato' Sagor dan Dato' Maharaja Lela bersumpah minum air keris akan merahsiakan pakatan membunuh J. W. W. Birch.⁶¹ Dalam pada itu Dato' Sagor, Laksamana, Syahbandar dan Raja Mahkota bersumpah akan merahsiakan pakatan membunuh J. W. W. Birch dan tidak mengundurkan diri daripada keputusan dan rancangan mereka.⁶² Begitu juga dengan Sultan Ismail yang mengadakan mesyuarat di Belanja pada bulan Ogos dan September 1875 untuk merancang pembunuhan J. W. W. Birch. Kedua-dua mesyuarat ini dihadiri oleh Dato' Sagor dan Maharaja Lela. Pada bulan Ogos 1875, Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor bercakap mengenai rancangan membunuh J. W. W. Birch. Mereka berdua bersetuju pembesar dan sultan mesti bersatu dalam rancangan ini. Setelah Gabenor pulang, mesyuarat diadakan di balai pada September 1875. Kemudiannya Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor ke perahu masing-masing. Dato' Sagor memaklumkan kepada Dato' Maharaja Lela yang rancangan membunuh J. W. W. Birch disetujui di hadapan Sultan Ismail. Dato' Maharaja Lela menyatakan yang dia akan mematuhi keputusan yang dicapai itu. Dengan itu Dato' Sagor mengingatkan Dato' Maharaja Lela

supaya jangan melupakan ikrar yang telah dibuat. Dalam hal ini Dato' Maharaja Lela menyatakan yang dia akan mematumhinya.⁶³

Pada suatu hari Dato' Sagor dan Dato' Maharaja Lela datang menghadap Sultan Abdullah di perahu. Di sini Sultan Abdullah meminta pandangan pembesar yang hadir mengenai bentuk tindakan yang wajar diambil sekiranya gabenor datang ke Perak dan mengiktiraf Sultan Ismail sebagai Sultan Perak. Kesemua pembesar yang hadir mengesyorkan supaya menentang. Oleh kerana memikirkan keselamatan Sultan Abdullah, Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor menawarkan perlindungan di rumah masing-masing. Selain itu mereka mengharapkan Sultan Abdullah tidak berdukacita. Pada ketika ini Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor telah pun membina kubu di kawasan rumah masing-masing. Kubu ini dibina sebagai langkah persiapan menghadapi tindakan J. W. W. Birch. J. W. W. Birch pula pernah menyatakan yang dia akan menentang Dato' Maharaja Lela. Sultan Abdullah perlu menyatakan kesediaan baginda untuk datang ke salah sebuah rumah apabila berlaku huru-hara. Ketika Sultan Abdullah berada di Pasir Salak, Dato' Maharaja Lela dan Pandak Indut seringkali menghadap baginda. Manakala Sultan Abdullah pula sering berkunjung ke rumah Dato' Sagor. Rumah Dato' Sagor dikelilingi pagar setinggi 2.43 meter (8 kaki). Begitu juga dengan rumah Dato' Maharaja Lela dikelilingi pagar dan parit.⁶⁴

Kubu ini dibina untuk mengawal Pasir Salak. Dalam usaha membina kubu ini Dato' Maharaja Lela mengarahkan penduduk Pasir Salak membinanya. Sememangnya sebagai seorang pembesar yang dilantik sultan dan mempunyai kuasa di Pasir Salak, Dato' Maharaja Lela boleh mengarah anak buahnya. Dato' Maharaja Lela memberi pilihan kepada penduduk Pasir Salak, sama ada datang bekerja atau menyumbang \$5 seorang. Dengan itu ada yang datang bekerja dan ada juga yang sanggup membayar \$5. Selain itu tiap-tiap seorang dikehendaki menyumbang 100 batang kayu, yang tiap-tiap satu berukuran 4.6 meter (15 kaki) panjang untuk membina pagar atau menyumbang \$1. Ketika pembinaan

kubu ini, Dato' Sagor, Pandak Indut, Daeng Marewah dan Tuk Lela Putera hadir memerhatikan mereka bekerja. Sementara itu Dato' Maharaja Lela memaklumkan kepada penduduk Pasir Salak yang J. W. W. Birch hendak menguasai Pasir Salak. Namun begitu dengan persetujuan sultan dia akan menentang J. W. W. Birch.⁶⁵

Dato' Maharaja Lela mengambil masa tiga bulan untuk menyiapkan kubu itu. Sebuah parit seluas 3.65 meter (12 kaki) dan dalamnya 1.82 meter (6 kaki) digali mengelilingi rumah Dato' Maharaja Lela. Manakala tanah yang digali itu dijadikan tambak. Batang kayu dipacak di belakang tambak tersebut. Ketika pembinaan kubu ini Dato' Maharaja Lela menyembelih kerbau pada tiap-tiap dua atau tiga hari untuk menjamu selera mereka yang bekerja. Apabila kubu siap dibina, Sultan Abdullah diiringi Laksamana, Syahbandar, Orang Kaya Mat Arshad, Dato' Sagor dan Haji Mat Yasin datang melawat. Sultan Abdullah dan Laksamana menyatakan kubu adalah baik untuk menentang orang putih. Beberapa hari kemudiannya, Dato' Maharaja Lela mengadakan kenduri bertindik telinga anak perempuannya. Lebih kurang 300 orang hadir, termasuk Sultan Abdullah.⁶⁶

Sementara itu Sultan Ismail, Menteri Ngah Ibrahim, Panglima Kinta dan Dato' Nara juga mengadakan mesyuarat merancang menentang British. Masing-masing menyedari pakatan yang dirancang oleh Sultan Abdullah. Oleh sebab itu apabila J. W. W. Birch tiba di Belanja pada 21 Ogos 1875 untuk mendapatkan tandatangan ke atas dua surat yang ditujukan kepada gabenor: pertama, yang menyatakan kerajaan British mengakui Sultan Ismail sebagai Sultan Perak dan membenarkan Residen menjalankan pentadbiran negeri; kedua, meminta Gabenor melancarkan serangan dan menakluki Perak kerana dengan cara ini sahaja kemakmuran dapat dicapai; mesyuarat ditangguhkan oleh Sultan Ismail. Sultan Ismail tidak menurunkan tandatangan sebelum mendapat nasihat daripada Menteri Ngah Ibrahim. Oleh itu Panglima Kinta dititahkan menjemput Menteri Ngah Ibrahim menghadap. Setelah Menteri sampai,

mesyuarat diadakan di istana Kinta tetapi tidak mencapai keputusan. Mesyuarat berlangsung lagi keesokannya. Di sini Menteri membisikkan kepada Sultan Ismail, Panglima Kinta dan Dato' Nara bahawa mereka hendaklah menyokong keputusan mesyuarat Durian Sebatang. Beliau mengesyorkan Sultan Ismail memanggil segera Dato' Maharaja Lela menghadap dan memberi kuasa kepadanya menjalankan tugas tersebut. Sementara itu Menteri juga mengingatkan Sultan Ismail supaya tidak memberi kuasa kepada J. W. W. Birch mentadbir Perak.⁶⁷

Kemudiannya datang Raja Yahya dan Raja Husin dari Belanja menghadap Sultan Abdullah di Kampung Gajah menyatakan Gabenor akan datang ke Belanja dari Kuala Kangsar. Kedua-duanya memohon beras dan wang. Sultan Abdullah memberi mereka \$5. Setelah mendengar berita ini, Sultan Abdullah mengarahkan Raja Yahya pulang segera ke Belanja menyampaikan kepada Sultan Ismail supaya jangan menurunkan sebarang tandatangan ke atas sebarang kertas yang dikemukakan oleh gabenor. Dengan itu Raja Yahya pulang dengan sebuah perahu kecil.⁶⁸ Dato' Maharaja Lela, Si Gondah dan Dato' Sagor datang ke Belanja. Dalam mesyuarat yang berlangsung, Raja Yusof menggesa Sultan Ismail menyerahkan alat-alat kebesaran kepada Sultan Abdullah. Sultan Ismail pula menyatakan hanya akan menyerahkan alat-alat kebesaran tersebut apabila Sultan Abdullah datang ke Belanja. Hubungan Dato' Maharaja Lela rapat dengan Sultan Ismail kerana dia diberi wang oleh baginda untuk membina rumah. Manakala hubungan rapatnya dengan Sultan Abdullah pula, kerana gelaran Dato' Maharaja Lela dianugerahkan oleh ayahanda Sultan Abdullah.⁶⁹

Pada 1 September 1875 Gabenor Sir William Jervois berangkat dari Singapura ke Perak.⁷⁰ Setelah tiba Perak, beliau berangkat ke Kuala Kangsar dari Larut menaiki gajah. Beliau bertemu Raja Bendahara di rumah Che Midah. Kemudian gabenor bersama J. W. W. Birch, Seri Maharaja Lela dan Raja Bendahara hilir ke Senggang. Gabenor tidur di Senggang satu malam. Di sini beliau mendapat berita berlaku kekecohan

di Bandar Baru kerana J. J. Keyt dan polis menahan dua orang hamba; Si Milah dan Si Hawa yang lari dari perahu Sultan Abdullah di Pasir Panjang.⁷¹ Ketika melalui Senggang, beliau bertemu dengan Raja Yusof. Dalam pertemuan itu, Raja Yusof menyatakan kepada William Jervois bahawa beliau bersetuju negeri Perak diletakkan di bawah pentadbiran British. Hanya dengan cara ini keamanan dalam negeri Perak dapat dipulihkan. Pada 11 September 1875 William Jervois tiba di Belanja untuk berunding dengan Sultan Ismail.⁷²

Gabenor meminta J. W. W. Birch menjemput Sultan Abdullah datang berunding. Pada ketika ini Laksamana dan Seri Maharaja Lela ada di istana Sultan Ismail. Daeng Ismail bersama J. W. W. Birch menghadap Sultan Ismail menyampaikan jemputan Gabenor. Sultan Ismail meminta J. W. W. Birch pergi dahulu manakala baginda akan berangkat kemudian. Sultan Ismail terlebih dahulu berunding dengan pembesarnya. Semua pembesar yang hadir bersetuju Sultan Ismail bertemu Gabenor. Namun begitu Sultan Ismail diberi ingatan supaya menimbangkan segala isi perbincangan dan jangan bersetuju sebelum berunding dengan pembesar. Kemudiannya Sultan Ismail membawa anak baginda menemui Gabenor di balai yang dibina khas untuk tujuan ini.⁷³ Dato' Maharaja Lela yang ikut sama ke tempat rundingan ingin naik sama ke atas balai tempat rundingan, tetapi beliau ditegah oleh J. W. W. Birch. Sikap J. W. W. Birch ini memalukan Dato' Maharaja Lela. Tetapi tanpa mengendahkan tegahan itu, Dato' Maharaja Lela terus naik ke balai tersebut. Dalam perbincangan tersebut, Sultan Ismail dan pembesar tidak berpuas hati.⁷⁴ Sultan Ismail menyatakan kepada Gabenor bahawa baginda bersedia menerima cadangan, tetapi tidak dapat memberi jawapan sebelum merujuk kepada pembesar baginda.⁷⁵ Di antara mereka yang juga hadir dalam mesyuarat ini ialah Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana, Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor. Sultan Abdullah tidak hadir.⁷⁶ Dalam pertemuan ini William Jervois bertanyakan Sultan Ismail tentang surat memberi kuasa kepada kerajaan British untuk memerintah Perak yang

telah diberikan oleh J. W. W. Birch dahulu. Sultan Ismail menyatakan bahawa baginda perlu menelitinya dan akan memberi jawapan kemudiannya. Oleh kerana hari sudah malam, Wiliam Jervois kembali ke perahu kenaikannya.⁷⁷ Dalam rundingan ini soal pengiktirafan Sultan Ismail langsung tidak disentuh; sebaliknya dicadangkan supaya diberi pencen \$2,500 setahun kepada Sultan Ismail.⁷⁸

Setelah berunding dengan Gabenor, Sultan Ismail singgah di rumah Raja Panglima Besar. Di sini sudah ada beberapa orang pembesar, di antaranya Panglima Kinta, Laksamana, Seri Maharaja Lela dan Syahbandar. Dalam perbincangan di situ, Seri Maharaja Lela menyatakan tidak ada gunanya mematuhi orang putih; lebih baik mengikut keputusan rancangan yang telah disetujui sebelum ini.⁷⁹ Pada 12 September 1875 William Jervois sekali lagi datang berunding dengan Sultan Ismail. William Jervois meminta Sultan Ismail menandatangani surat memberi kuasa kepada Gabenor Negeri-negeri Selat mentadbir Perak di bawah Ratu Inggeris.⁸⁰ Surat pengisytiharan ini dibaca oleh Frank Swettenham. Setelah mendengar surat tersebut, Laksamana menyatakan adalah baik pegawai Eropah mentadbir; tetapi dalam masa yang sama Laksamana menyatakan dia tidak memahami pengisytiharan tersebut. Gabenor, melalui Swettenham cuba mendapatkan pandangan pembesar lain. Semua pembesar yang ada menjawab seperti jawapan Laksamana. Dengan itu Gabenor pun memakai topi dan berlalu dari situ. Sementara itu Kapten Speedy, J. W. W. Birch, Davidson dan Dr. Randell masih ada di situ dan mereka mengambil gambar kenangan.⁸¹ Sultan Ismail meminta tangguh kerana ingin mengadakan mesyuarat dengan pembesar baginda dahulu. Pada malamnya, mesyuarat diadakan di istana Sultan Ismail. Mereka yang hadir ialah Sultan Ismail, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana, Haji Raja Yahya, Dato' Nara dan Dato' Maharaja Lela.⁸² Dalam mesyuarat ini Sultan Ismail mendapatkan pandangan daripada Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana dan Dato' Maharaja Lela. Mereka mengemukakan pandangan supaya tidak memberi kuasa kepada British.⁸³

Selain itu keputusan telah pun dibuat di Durian Sebatang untuk menentang British dan membunuh J. W. W. Birch. Walaupun Panglima Kinta dan Raja Bendahara tidak hadir dalam mesyuarat ini tetapi mereka bersetuju dengan sebarang keputusan yang diambil oleh Sultan Ismail.⁶⁴ Dalam mesyuarat ini juga Sultan Ismail merestui keputusan mesyuarat Durian Sebatang dan memberi kuasa kepada Dato' Maharaja Lela menjalankannya. Walaupun begitu baginda mencurigai Sultan Abdullah kerana baginda masih memberi kuasa kepada British mentadbir negeri Perak. Apabila mendapat penerangan daripada Laksamana dan Dato' Maharaja Lela bahawa Sultan Abdullah terpaksa menandatangani surat kuasa tersebut dan baginda sebenarnya juga kini membenci British menyebabkan Sultan Ismail hilang kecurigaan baginda. Pada 13 September 1875 Sultan Ismail menghantar surat yang ditulis oleh Menteri Ngah Ibrahim kepada William Jervis. Dalam surat tersebut, Sultan Ismail sengaja meminta British mengiktiraf baginda sebagai Sultan Perak dengan seorang Residen. Sekiranya Gabenor bersetuju dengan cadangan baginda, semua Orang Besar akan menurunkan tandatangan ke atas surat memberi kuasa kepada Gabenor untuk mentadbir Perak. Gabenor Wiliam Jervis bertemu lagi dengan Sultan Ismail dan pembesar pada 13 September 1875. Beliau menyatakan bahawa beliau tidak dapat menerima cadangan Sultan Ismail. Namun begitu Gabenor dan Frank Swettenham menyatakan bahawa penyerahan itu adalah baik bagi mewujudkan keamanan di Perak. Cadangan ini tidak dipersetujui oleh Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana dan Dato' Maharaja Lela. Selepas rundingan ini Gabenor William Jervis berangkat ke Hilir Perak.⁶⁵ Begitu juga dengan Frank Swettenham dan Nakhoda Trang berangkat ke Kampung Gajah pada 14 September 1875 untuk melihat persiapan menyambut kedatangan Gabenor di situ. Di situ beliau mendapat berita daripada Nakhoda Trang yang menyatakan Raja Mahmud dan Syed Masahor diminta membunuh J. W. W. Birch.⁶⁶

Sementara itu persiapan menyambut Gabenor dibuat di Kampung Gajah. J. J. Keyt diarahkan oleh J. W. W. Birch mendirikan balai di sini. Dia juga diarahkan mendirikan tiang bendera di Bukit Tengah untuk mengibarkan bendera British. Pembinaan balai ini tidak disenangi oleh Dato' Sagor. Dia menghadap Sultan Abdullah dan memaklumkan bahawa perkara itu tidak boleh dibiarkan berlaku.⁸⁷ Peristiwa ini menambahkan lagi kebencian Dato' Sagor terhadap J. W. W. Birch. Sebelum bertolak ke Singapura, J. W. W. Birch mengarahkan Penghulu Mat Akib membina jalan di Bukit Tunggul hingga ke puncak bukit untuk membolehkan Gabenor melihat pemandangan sekitar di puncak. Pada 28 Julai 1875, Dato' Sagor dalam perjalanan menghadap Sultan Abdullah di Batak Rabit singgah di Bandar Baru untuk bertemu J. J. Keyt. J. J. Keyt memaklumkan kepada Dato' Sagor bahawa dia diarahkan oleh J. W. W. Birch membina sebuah balai dan meminta Dato' Sagor menulis surat kepada anaknya membantu J. J. Keyt. Sebaik sahaja mendengar arahan J. J. Keyt, Dato' Sagor telah menumbuk meja dan dengan marah beliau menyatakan tidak akan melakukan sesuatu arahan tanpa perintah Sultan Abdullah. Walaupun demikian J. J. Keyt memberi \$25 kepada Dato' Sagor.

Dato' Sagor datang menghalang Penghulu Mat Akib daripada membina jalan ke Bukit Tunggul sebelum dia menghadap Sultan Abdullah. Namun begitu setelah didesak oleh Penghulu Mat Akib, Dato' Sagor membenarkan mereka ke Bukit Tunggul, tetapi tidak boleh memulakan kerja sebelum mendapat arahannya. Kemudiannya pada 29 Julai 1875, Penghulu Mat Akib bersama J. J. Keyt datang ke rumah Dato' Sagor. Anjang, anak Dato' Sagor yang ada di rumah tidak dapat mengambil sebarang tindakan kerana bapanya tidak ada. Tanpa kebenaran Dato' Sagor, Penghulu Mat Akib memulakan kerja membina jalan dengan bayaran upah 25 - 50 sen sehari seorang. Beberapa hari kemudian Dato' Sagor pulang. Dia datang berjumpa Penghulu Mat Akib dan menegur kerana memulakan kerja tanpa menunggu dia pulang.

Penghulu Mat Akib menyatakan penduduk sekitar tidak membantah pekerjaannya.

Apabila J. W. W. Birch pulang dari Singapura, Penghulu Mat Akib melaporkan segala perbuatan Dato' Sagor. Dengan itu dalam pertemuannya dengan Dato' Sagor pada pukul 1.00 tengah hari, 18 Ogos 1875, J. W. W. Birch menegur sikap Dato' Sagor yang tidak membantu Penghulu Mat Akib, sedangkan Dato' Sagor telah pun menerima wang sebanyak \$25 sebelum ini. Seiringan dengan itu, J. W. W. Birch merampas lembing dari tangan Dato' Sagor dan menegurnya kerana berani membawa lembing ketika datang menemuinya. Dato' Sagor melompat menerkam J. W. W. Birch tetapi dihalang oleh Penghulu Mat Akib dan Ismail, pengawal J. W. W. Birch. Dalam pada itu Dato' Sagor menyatakan, jika dia membawa keris pasti diamuknya J. W. W. Birch. Dato' Sagor juga menyatakan yang dia tidak pernah dimalukan seperti ini. Walaupun begitu J. W. W. Birch memulangkan lembing dan menghadiahkan sebatang cerut kepada Dato' Sagor.

Penghulu Mat Akib berjaya menyiapkan balai. Namun begitu dia gagal menegakkan tiang bendera di puncak Bukit Tunggul kerana dihalang oleh Dato' Sagor. Pada 19 Ogos 1875, Dato' Sagor menghadap Sultan Abdullah melaporkan perkara tentang bendera tersebut. Dua atau tiga hari kemudiannya Dato' Sagor pulang melaporkan yang Sultan Abdullah tidak membenarkannya mendirikan tiang bendera. Dato' Sagor memberi amaran akan membelasah sesiapa sahaja yang mendirikan tiang dan mengibarkan bendera. Oleh sebab itulah maka tiang bendera tidak didirikan. Begitu juga apabila Sultan Abdullah berangkat ke Kampung Gajah beberapa hari kemudian, baginda menyatakan kepada Penghulu Mat Akib bahawa baginda tidak membenarkan usaha menegakkan tiang bendera tersebut kerana bendera telah pun ada di Bandar Baru.⁸⁸

Pada 14 September 1875 Gabenor Sir William Jervois tiba di Kampung Gajah. Kehadiran beliau disambut oleh Sultan Abdullah, Dato' Syahbandar, Dato' Sagor, Raja Mahkota, Raja Ahmad dan Raja Abas.⁸⁹

Di sini beliau berbincang dengan Sultan Abdullah, Laksamana, Syahbandar, Dato' Sagor, Raja Mahkota, Raja Ahmad dan Raja Abas. Kemudiannya William Jervois menjemput mereka ke Bandar Baru untuk berbincang mengenai masalah dalam negeri Perak. Sultan Abdullah menyatakan bahawa baginda akan datang pada esok hari. Pada malamnya, Laksamana datang ke perahu Sultan Abdullah dan melaporkan keputusan mesyuarat di Belanja, dan Sultan Ismail tidak menandatangani surat memberi kuasa kepada Gabenor mentadbir Perak dan menyerahkan Perak kepada Ratu Inggeris. Selain itu Sultan Ismail menyatakan kegembiraan kerana mendapat bantuan Gabenor. Tetapi menyatakan kepada Gabenor yang baginda tidak faham dengan kertas yang diminta untuk ditandatangani. Raja Bendahara, Raja Yusof dan Panglima Kinta menyatakan perkara yang sama seperti pandangan Sultan Ismail kepada Gabenor. Manakala Menteri Ngah Ibrahim menyatakan tidak suka dengan surat tersebut. Dato' Maharaja Lela pula mengikut pendapat Menteri; jika Menteri bersetuju, dia turut bersetuju. Seterusnya Raja Idris, bersetuju jika pembesar lain bersetuju.⁹⁰ Sultan Abdullah juga menyatakan bahawa baginda juga akan menolak sekiranya Gabenor Sir William Jervois meminta perkara yang sama. Pada 16 September 1875 Sultan Abdullah datang ke Bandar Baru dengan lima buah perahu, diiringi tiga buah perahu di bawah pimpinan Syed Masahor; enam buah perahu besar dan dua buah perahu kecil.⁹¹ Di Bandar Baru Sultan Abdullah disambut oleh Gabenor. Di sini Gabenor mengingatkan Sultan Abdullah supaya berunding dengan pembesar dalam tempoh 15 hari sama ada bersetuju atau tidak untuk menurunkan tandatangan ke atas surat yang dikemukakan sebelum ini kepada baginda.⁹² Di samping itu Gabenor memaklumkan bahawa Orang Besar yang layak dibayar gaji akan dibayar melalui wang kutipan hasil negeri. Sementara itu Sultan memaklumkan kepada Gabenor beberapa orang hamba wanita melarikan diri berlindung di kediaman Residen, di Bandar Baru. Gabenor memberi jaminan untuk memulangkan hamba tersebut.⁹³ Kulup Mat Ros

dititahkan oleh Sultan Abdullah untuk mendapatkan semula hamba yang berlindung di Bandar Baru, tetapi J. J. Keyt tidak mahu menyerahkan hamba tersebut tanpa arahan J. W. W. Birch. Si Kumbang bersama Jarah, Hitam, Saudah dan Si Milah melarikan diri ke Kota Setia. Di sini mereka berlindung dengan Koperal Mat Saman. Kemudiannya mereka dihantar ke Bandar Baru. Ketika berada di sini datang Kulup Mat Ros yang membawa titah Sultan Abdullah mengajak hamba-hamba tersebut pulang. J. W. W. Birch memberi pilihan kepada hamba tersebut: sama ada pulang atau tinggal di Bandar Baru. Si Kumbang, Jarah, Hitam, Saudah dan Si Milah mengambil keputusan untuk tinggal di Bandar Baru. Tidak berapa lama kemudiannya mereka dibawa oleh J. W. W. Birch ke Pulau Pangkor. Beberapa bulan kemudiannya J. W. W. Birch membawa Si Milah, Si Tika dan Si Hawa ke Bandar Baru.⁹⁴ Sultan Abdullah dan Syahbandar marah di atas sikap J. W. W. Birch yang melindungi hamba ini.⁹⁵ Sultan Abdullah menyatakan bahawa baginda tidak boleh berdiam diri lagi terhadap kelakuan orang putih di Perak. Dalam masa yang singkat semua hamba akan melarikan diri.⁹⁶

Gabenor memulangkan kembali dua orang hamba, Si Milah dan Si Hawa kepada tuannya masing-masing. Kemudiannya Sultan Abdullah berangkat ke Kampung Gajah, Laksamana ke Durian Sebatang. Gabenor Sir William Jervois pula berangkat pulang ke Singapura dengan kapal *Pluto*. Beberapa hari selepas Gabenor pulang, Dato' Sagor membawa surat J. W. W. Birch kepada Dato' Maharaja Lela. Pada ketika ini Maharaja Dinda ada bersama-sama. Setelah membaca surat itu, Dato' Maharaja Lela pun mengoyakkannya. Di samping itu beliau menyatakan J. W. W. Birch boleh datang ke Pasir Salak dengan tentera dari India atau England, tetapi dia tidak akan membenarkan J. W. W. Birch meletakkan surat pengisytiharan kecuali J. W. W. Birch membawa surat kuasa yang dicap mohor oleh Sultan Abdullah.⁹⁷ Kemudiannya beberapa orang hamba bersama Si Tika lari lagi ke Bandar Baru. Selain itu tersebar juga berita menyatakan orang putih dalam bahaya dan Residen akan

diserang.⁹⁸ Ketika berada di Kampung Gajah, J. W. W. Birch datang untuk mengajak Sultan Abdullah ke Belanja menemui Sultan Ismail. Di sini Dato' Sagor menegaskan kepada J. W. W. Birch bahawa Sultan Abdullah tidak mahu berjumpa dengannya untuk tempoh beberapa hari.⁹⁹ Pada 16 September 1875 Sultan Ismail menjemput Laksamana datang menghadap baginda di Belanja.¹⁰⁰

Pada 17 September 1875, J. W. W. Birch menerima dua pucuk surat daripada Sultan Abdullah. Surat yang pertama daripada Sultan Abdullah kepada Gabenor; manakala surat yang kedua daripada Sultan Ismail kepada Gabenor. Surat Sultan Abdullah menyatakan bahawa baginda tidak boleh menyerahkan negeri Perak kepada Ratu Inggeris kerana masih terdapat ramai anak raja dan pembesar yang perlu diajak berunding terlebih dahulu. Surat Sultan Ismail pula menyatakan bahawa baginda tidak boleh menerima Perjanjian Pangkor, tetapi sudi menerima seorang pegawai British yang boleh dipercayai sekiranya baginda dilantik sebagai Sultan Perak. Pada 18 September 1875, Raja Yusof datang menghadap Sultan Abdullah di perahu, di Kampung Gajah memohon baginda membuat surat tauliah melantiknya sebagai Raja Muda, serta memohon sebilah keris istimewa. Sultan Abdullah tidak memenuhi permintaan Raja Yusof ini.¹⁰¹ Apabila permohonannya ditolak, Raja Yusof ke Bandar Baru bertemu J. W. W. Birch untuk bekerjasama dengannya. Begitu juga dengan Raja Idris; apabila beliau dimurkai oleh Sultan Abdullah kerana menunjukkan sikap yang sangat ramah kepada Gabenor ketika melawat Perak dan mengancam akan melucutkan jawatan hakim yang disandangnya, beliau telah pergi ke Bandar Baru menemui J. W. W. Birch. Raja Yusof dan Raja Idris menurunkan tandatangan di atas surat pada 19 September 1875 yang menyatakan kesanggupan menyerahkan pentadbiran Perak kepada Gabenor. Dengan itu J. W. W. Birch memberikan \$500 kepada Raja Yusof dan \$300 kepada Raja Idris bagi elaun yang dijanjikan kepada mereka. Kemudiannya datang Raja Ngah membawa sumbu badak ke Bandar Baru dan menemui J. W. W. Birch

untuk disampaikan barang tersebut kepada Gabenor di Singapura. Perkara ini dilaporkan kepada Gabenor. Pada 18 September 1875 lima orang hamba melarikan diri dari Batak Rabit dan berlindung di Bandar Baru.¹⁰²

Selepas bertemu dengan Gabenor di Bandar Baru (satu atau dua hari), Sultan Abdullah mengadakan mesyuarat di rumah Dato' Sagor di Kampung Gajah. Di antara mereka yang hadir, ialah Sultan Abdullah, Syahbandar, Dato' Sagor, kerani Ishak dan F. W. Duke, seorang peguam. Sultan Abdullah memohon maaf kepada F. W. Duke kerana tidak dapat menyediakan tempat tinggal yang selesa kepada beliau. F. W. Duke bermalam di rumah Dato' Sagor. Pada keesokan harinya Sultan Abdullah datang semula berbincang di rumah Dato' Sagor. Di sini baginda cuba mendapatkan penjelasan daripada F. W. Duke tentang kedatangan Gabenor ke Perak. Baginda juga menyebut tentang sikap J. W. W. Birch yang keterlaluan dalam pentadbiran Perak. F. W. Duke menyatakan kesanggupannya untuk bertemu dan memanjangkan perkara yang dibangkitkan oleh Sultan Abdullah kepada Gabenor, sekiranya beliau dilantik sebagai wakil.¹⁰³ Pada 24 September 1875 Sultan Abdullah, Syahbandar dan Raja Idris, dengan diiringi oleh beberapa buah perahu di bawah Syed Masahor berangkat ke Bandar Baru. Dalam pertemuan ini J. W. W. Birch melaporkan bahawa Sultan Abdullah menyatakan kesediaannya menerima cadangan Gabenor dahulu iaitu menyerahkan pentadbiran Perak kepada kerajaan British.¹⁰⁴

Sementara ini Dato' Maharaja Lela telah menghalang buruh daripada membina jalan menghubungkan Kota Setia dengan Bandar Baru. Maharaja Lela akan memotong kepala mereka sekiranya meneruskan pekerjaan tersebut.¹⁰⁵ Dato' Maharaja Lela juga akan mengambil tindakan sekiranya jalan itu merentasi Sungai Dedap.¹⁰⁶ Sebelum ini Dato' Maharaja Lela memaklumkan kepada Sultan Ismail bahawa J. W. W. Birch ingin membina jalan dari Kota Setia ke Pasir Salak. Seterusnya jika Sultan Ismail bersetuju, beliau akan menghalangnya. Sultan Ismail tidak

memberi sebarang jawapan kepada Dato' Maharaja Lela kerana baginda belum melihat surat pengisytiharan mengenai perkara ini.¹⁰⁷ Dengan itu buruh-buruh pun meninggalkan tempat kerja mereka. J. W. W. Birch yang mendapat berita ini pada 25 September 1875 telah menghantar surat kepada Sultan Abdullah, Laksamana dan Dato' Maharaja Lela supaya memanggil buruh datang bekerja semula dan menghantar sepuluh orang sepoi.¹⁰⁸ Dalam suratnya yang bertarikh 28 September 1875 kepada Laksamana, J. W. W. Birch mengharapkan supaya dapat disediakan orang untuk mengerjakan jalan tersebut; kemudiannya beliau akan menghantar orang untuk meneruskannya.¹⁰⁹

Pada 25 September 1875, Haji Husin dan kerani Ishak datang menemui J. W. W. Birch di Bandar Baru membawa surat Sultan Abdullah memohon wang sebanyak \$1,500.¹¹⁰ J. W. W. Birch menolak permohonan ini kerana beliau tidak mempunyai wang dan tidak boleh mengambil wang kerajaan kerana Sultan Abdullah tidak memberi jawapan sama ada menerima atau tidak pentadbiran British di Perak. Pada 26 September 1875 Kulup Mat Ros datang menemui J. W. W. Birch menyerahkan surat yang dirangkakan oleh Sultan Abdullah kepada gabenor untuk ditandatangani kemudiannya. Dalam surat ini Sultan Abdullah menyatakan baginda tidak berangkat ke Belanja untuk berunding dengan Sultan Ismail, Raja Yusof, Raja Bendahara dan Raja Idris kerana Raja Yusof dan Raja Idris kini berada di Hilir Perak. Selain itu pada 19 September 1875, Swettenham yang datang dari Belanja ke Kampung Gajah menyatakan bahawa beliau tidak perlu berangkat ke Belanja kerana tidak semua raja berkumpul di situ. Di samping itu Sultan Abdullah mengharapkan Gabenor mematuhi Perjanjian Pangkor serta melaksanakan pentadbiran dengan adil.¹¹¹ Setelah meneliti surat ini J. W. W. Birch menegaskan yang surat ini tidak berguna dan merangka surat lain untuk ditandatangani oleh Sultan Abdullah.¹¹² Rangka surat ini sangat berbeza dengan apa yang dirangkakan oleh Sultan Abdullah. Surat ini menyebut bahawa Sultan Abdullah tidak berangkat ke Belanja

kerana dinasihati oleh pegawai British. Sultan Abdullah telah menimbang segala perbincangan dengan Gabenor di Bandar Baru dahulu dan menyatakan kini keadaan negeri Perak masih tidak aman. Walaupun baginda telah dilantik sebagai Sultan Perak, waris yang sah dan diiktirafkan oleh kerajaan British tetapi baginda tidak dapat menguruskan pentadbiran dengan sempurna kerana Sultan Ismail masih menuntut takhta kerajaan; alat-alat kebesaran berada di dalam simpanannya: selagi baginda menyimpan alat-alat kebesaran tersebut maka penduduk kawasan hulu akan mempercayai bahawa baginda adalah Sultan Perak yang sah. Juga kerana pembesar Perak masih meneruskan pungutan cukai di kawasan masing-masing dan hanya sebilangan kecil sahaja yang mematuhi Sultan Abdullah. Oleh sebab-sebab di atas, Sultan Abdullah memohon Gabenor menguruskan pentadbiran Perak supaya keamanan dapat dipulihkan.¹¹³

Pada 29 September 1875 J. W. W. Birch bersama-sama Raja Idris datang ke Pasir Panjang mengadap Sultan Abdullah. Dalam pertemuan ini J. W. W. Birch mengingatkan Sultan Abdullah supaya menulis seperti yang beliau rangkakan kepada gabenor. Sekiranya ini tidak dilakukan Sultan Abdullah akan menghadapi kesusahan. Raja Idris mencuba sedaya mungkin mempengaruhi Sultan Abdullah supaya menyerahkan negeri Perak kepada gabenor tetapi tidak berhasil. Pada 29 September 1875 datang pula kapal api *Pluto* membawa surat Gabenor Negeri-negeri Selat kepada Sultan Abdullah yang memberi amaran kepada sultan kerana tidak mematuhi arahan sebagaimana yang terikat dalam Perjanjian Pangkor. Dalam pada itu gabenor masih memberi peluang kepada Sultan Abdullah untuk membuat keputusan menerima cadangan menuntut supaya pemerintahan negeri Perak diuruskan oleh pegawai British dengan menggunakan nama sultan. Jika bersetuju, Sultan Abdullah akan kekal sebagai Sultan Perak dan akan menerima elaun yang besar. Sementara ini J. W. W. Birch menerima dua pucuk surat daripada Gabenor yang dialamatkan kepada Sultan Abdullah dan Raja Yusuf.¹¹⁴ Surat yang

dihantar kepada Sultan Abdullah adalah rangka surat yang dihantar dari Singapura yang beralamatkan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat untuk ditandatangani oleh Sultan Abdullah. Dalam surat ini dinyatakan bahawa Sultan Abdullah memohon maaf daripada Gabenor kerana menimbulkan masalah dan menyesali tidak berangkat ke hulu berjumpa dengan Sultan Ismail kerana mendengar nasihat yang tidak baik. Di samping menyatakan Sultan Abdullah termakan budi kerajaan British, Sultan Abdullah bersetuju dengan cadangan Gabenor iaitu pegawai British akan menguruskan pentadbiran negeri Perak. Langkah segera hendaklah diambil ke arah ini dan Sultan Abdullah berjanji akan membantu dan mendengar nasihat British.¹⁵⁵ Manakala rangka surat yang beralamatkan kepada Raja Yusof menyatakan akan melantik Raja Yusof sebagai Sultan Perak. Apabila menjadi Sultan Perak, Raja Yusof akan menerima elaun yang besar daripada khazanah negeri Perak. Namun begitu kerajaan Perak akan diperintah oleh pesuruhjaya yang dilantik oleh kerajaan British.¹⁵⁶

Kedua-dua surat tersebut disimpan oleh J. W. W. Birch untuk digunakan apabila perlu. Dalam usaha mendapatkan pengakuan Sultan Abdullah, J. W. W. Birch menghantar wakil menghadap Sultan Abdullah. Pada 1 Oktober 1875 Raja Idris datang membawa surat yang telah dicap mohor oleh Sultan Abdullah. Surat ini menyatakan bahawa negeri Perak dalam keadaan kucar-kacir kerana terdapat dua orang sultan; kutipan cukai tidak dapat dijalankan dengan betul dan undang-undang tidak dapat dijalankan dengan adil. Untuk mengatasi keadaan ini Sultan Abdullah bersetuju penglibatan langsung pegawai British dalam pentadbiran.¹⁵⁷ Sultan Abdullah berbincang dengan Raja Idris mengenai surat yang dihantar oleh J. W. W. Birch. Raja Idris memujuk Sultan Abdullah menurunkan tandatangan. Dengan itu Sultan Abdullah meminta Haji Husin menulis surat lain. Surat ini dibawa ke Bandar Baru oleh Kulup Mat Ros. J. W. W. Birch tidak bersetuju dengan kandungan surat ini. Seterusnya Sultan Abdullah menghantar Raja Idris,

Syahbandar dan Kulup Mat Ros ke Bandar Baru menyampaikan pesan baginda. Dalam pesanan itu, Sultan Abdullah menyatakan di antara lain baginda sepatutnya menerima elaun bulanan dan semua hamba yang lari dikembalikan.¹¹⁸

J. W. W. Birch pula menghantar dua pucuk surat kepada Sultan Abdullah. Pertama, menyatakan elaun Sultan Abdullah akan dibayar sebanyak \$2,000 sebulan; keduanya semua hamba sultan yang lari akan dipulangkan oleh J. W. W. Birch. Walaupun demikian J. W. W. Birch masih tidak berpuas hati dan mendesak Sultan Abdullah menurunkan tandatangan ke atas surat pelekat yang dikemukakan kepada Sultan Abdullah dahulu.¹¹⁹ J. W. W. Birch merangka sendiri surat untuk ditandatangani oleh Sultan Abdullah yang dialamatkan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat yang bertarikh 2 Oktober 1875. Surat ini menyatakan Sultan Abdullah memberi kuasa penuh kepada Residen atau pegawai British yang dihantar ke Perak bagi menetap dan memungut cukai serta memansuhkan segala cukai yang tidak munasabah. Kuasa juga diberikan untuk melantik dan memecat pegawai jajahan atau kampung.¹²⁰ Seiring dengan itu dua pucuk surat pelekat dikemukakan kepada Sultan Abdullah supaya ditandatangani. Surat pelekat tersebut menyatakan bahawa Sultan Abdullah akan menerima sebarang nasihat Residen mengenai kerajaan negeri. Sultan Abdullah juga menerima residen atau pegawai British lain menjadi hakim, menjalankan perbicaraan dan menjatuhkan hukuman. Namun begitu perkara yang berkaitan dengan agama Islam akan diselesaikan oleh pegawai Melayu.

Dalam surat pelekat yang lain, yang juga diminta Sultan Abdullah menurunkan tandatangan, menyatakan bahawa Sultan Abdullah memberi kuasa kepada Residen British dan pegawai British yang dilantik untuk mewakili baginda memungut cukai, membelanjakan wang khazanah negeri, melantik dan memberhentikan dato'-dato' serta penghulu.¹²¹ J. W. W. Birch bersama F. Swettenham menghadap Sultan Abdullah di perahu, di Pasir Panjang untuk mendapatkan tandatangan. Sultan

Abdullah melengah-lengahkan tindakan untuk menurunkan tandatangan di atas surat pelekat tersebut. Sebelum meninggalkan Sultan Abdullah untuk pulang ke Bandar Baru, J. W. W. Birch menegaskan bahawa takhta kerajaan akan diserahkan kepada Raja Yusof sekiranya baginda tidak menurunkan tandatangan.¹²² J. W. W. Birch menghantar Penghulu Mat Akib menghadap Sultan Abdullah untuk memaklumkan kepada baginda bahawa Gabenor memberi tempoh 12 hari untuk baginda menurunkan tandatangan dan cap mohor ke atas beberapa surat. Dengan itu Penghulu Mat Akib datang menghadap Sultan Abdullah di perahu baginda. Pada ketika itu Syahbandar dan Haji Husin ada sama. Sultan Abdullah memberitahu Penghulu Mat Akib bahawa baginda tidak boleh menurunkan cap mohor ke atas surat tersebut kerana hal tersebut akan memberi kesan yang baginda menyerahkan semua kuasa negeri Perak kepada British. Penghulu Mat Akib pulang melaporkan perkara ini kepada J. W. W. Birch. Dengan itu J. W. W. Birch sekali lagi menghantar Penghulu Mat Akib menghadap Sultan Abdullah.¹²³ Pada 1 Oktober 1875 Sultan Abdullah mengeluarkan surat kuasa kepada Seputum (Si Putum) untuk membunuh J. W. W. Birch. Apabila J. W. W. Birch sudah mati, Seputum hendaklah menyerahkan kembali surat kuasa ini kepada Sultan Abdullah untuk mendapatkan hadiah sebanyak \$1,000.¹²⁴ Dengan itu Sultan Abdullah menghantar surat kepada Laksamana, Raja Mahkota, Orang Kaya Mat Arshad, Dato' Sagor dan Dato' Maharaja Lela menjemput menghadap baginda untuk berunding mengenai permintaan Gabenor itu. Ketika itu yang ada bersama Sultan Abdullah, Raja Idris, Syahbandar, Kulup Mat Ros, kerani Muhammad Ishak, Haji Mat Said, Syed Masahor, Raja Panglima Besar, Haji Abdul Rauf dan Haji Husin. Raja Idris dititahkan menemui Raja Yusof untuk mendapatkan pandangan. Apabila Raja Idris lambat pulang, Sultan Abdullah menitahkan Syahbandar pula menemui Raja Yusof. Kemudiannya Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor datang menghadap. Setelah diminta pandangan oleh Sultan Abdullah, Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor

menyatakan bahawa perkara ini tidak perlu dibangkitkan kerana perkara ini telah pun beberapa kali dibincangkan dalam mesyuarat. Mereka juga menyatakan bahawa tidak perlu merujuk kepada Raja Yusof.¹²⁵ Sultan Abdullah menyatakan bahawa baginda boleh menerima nasihat British tetapi tidak menyerahkan negeri Perak kepada Ratu Inggeris; kerana tindakan demikian akan memalukan semua pembesar dan juga akan berterusan dikutuk oleh rakyat baginda. Namun begitu Syahbandar menasihatkan Sultan Abdullah menurunkan tandatangan dan cap mohor ke atas surat pengisytiharan yang dikemukakan oleh J. W. W. Birch. Dato' Sagor dan Syed Masahor tidak memberi sebarang nasihat. Keadaan ini menyebabkan Sultan Abdullah tidak dapat tidur sepanjang malam.¹²⁶ Walaupun begitu Sultan Abdullah akhirnya menandatangani juga surat tersebut.

Pada 3 Oktober 1875, Sultan Abdullah berangkat ke Pasir Panjang. Dengan itu Penghulu Mat Akib menghadap Sultan Abdullah di Pasir Panjang. Dalam pertemuan ini, Penghulu Mat Akib menyampaikan pesan J. W. W. Birch yang menyatakan jika Sultan Abdullah tidak menurunkan cap mohornya, baginda akan menjadi Sultan Abdullah sahaja. Dengan itu Sultan Abdullah menyatakan untuk menghantar jawapan esok.¹²⁷ Seterusnya Sultan Abdullah menurunkan tandatangan dan cap mohor ke atas surat pengisytiharan tersebut pada pukul 4.00 pagi, 4 Oktober 1876. Pada hari yang sama, pukul 6.00 pagi Syahbandar membawa ketigatiga surat yang telah ditandatangani dan dicap mohor oleh Sultan Abdullah kepada J. W. W. Birch.¹²⁸ J. W. W. Birch menerima surat ini pada pukul 9.00 pagi.¹²⁹ Berikutnya pada 5 Oktober 1875, F. Swettenham membawa surat pelekat itu ke Singapura untuk dicetak supaya dapat disebarkan di seluruh Perak.

Pada 29 September 1875 (bersamaan 28 Syaaban 1292), Sultan Abdullah menulis surat kepada Syed Masahor. Dalam surat tersebut, Sultan Abdullah menyatakan baginda telah sepakat dengan pembesar Perak dan Sultan Ismail untuk membunuh J. W. W. Birch. Sekiranya

Syed Masahor berjaya membunuh J. W. W. Birch, sebuah kawasan kecil akan dianugerahkan kepadanya dan dia boleh menguruskan pentadbiran dan undang-undangnya sendiri. Selain itu jumlah elaun yang sama seperti yang diterima oleh J. W. W. Birch akan diberikan kepada Syed Masahor. Jaminan diberikan dan baginda sanggup membantu Syed Masahor secara kekerasan sekiranya ada pembesar Perak dan Sultan Ismail enggan menunaikannya. Surat ini diterima sendiri oleh Syed Masahor di Pasir Panjang. Setelah sebulan bersama Sultan Abdullah, Syed Masahor bertemu Raja Ngah Jaafar di Sungai Koroh. Kemudiannya datang Raja Ismail dari Bernam memberitahu Syed Masahor bahawa J. W. W. Birch ingin berjumpanya di Bandar Baru. Dengan itu Syed Masahor datang ke Bandar Baru. Beliau tinggal di sini selama dua hari. Syed Masahor mengingatkan J. W. W. Birch yang Dato' Maharaja Lela sedang mengatur rancangan membunuhnya di Pasir Salak. Selain itu beliau menawarkan khidmat sekiranya diperlukan. Walaupun begitu Syed Masahor tidak memaklumkan kepada J. W. W. Birch tentang surat Sultan Abdullah. Sebelum pulang ke rumahnya di Kampung Bedoh, Kuala Lipis; J. W. W. Birch memberi wang \$50 dan satu koyan beras kepada Syed Masahor.¹³⁰

Sultan Abdullah berasa dukacita kerana telah menurunkan tandatangan dan cap mohor baginda ke atas surat memberi kuasa kepada residen dan British. Dalam keadaan ini, pada 5 Oktober 1875, Dato' Maharaja Lela bersama-sama lapan orang pengikut datang menghadap Sultan Abdullah. Dalam pertemuan ini Sultan Abdullah memaklumkan kepada Dato' Maharaja Lela yang baginda telah memberi kuasa kepada J. W. W. Birch. Dalam usaha mententeramkan Sultan Abdullah, Dato' Maharaja Lela berharap Sultan Abdullah tidak berdukacita kerana dia bersama-sama 70 orang sudah cukup untuk mengamuk di Bandar Baru dan membunuh semua orang putih. Sultan Abdullah meminta Dato' Maharaja Lela bersabar dan menunggu setelah baginda pulang ke Batak Rabit. Kira-kira satu jam setelah Dato' Maharaja Lela beredar, datang pula Dato' Sagor menghadap Sultan Abdullah. Sultan Abdullah

menjemput Dato' Sagor naik ke perahu. Setelah kira-kira dua jam berbincang, Sultan Abdullah memanggil Kulup Mat Ros dan meminta beliau menulis dua pucuk surat kepada Dato' Sagor dan Dato' Maharaja Lela yang memberi kuasa membunuh J. W. W. Birch.¹³¹

Kemudian pada malam 8 Oktober 1875, tiga orang hamba iaitu dua orang hamba Sultan Abdullah; Si Milah dan Si Hawa melarikan diri buat kali kedua dan membawa Si Tika, hamba dan gundik Syahbandar.¹³² Oleh kerana bimbang akan dibunuh jika dihantar pulang, ketiga-tiga hamba ini disembunyikan oleh Penghulu Mat Akib.¹³³ Sultan Abdullah menitahkan Kulup Mat Ros ke Bandar Baru mencari ketiga-tiga hamba yang hilang ini. Usaha Kulup Mat Ros ini gagal, dan beliau melaporkan kepada Sultan Abdullah. Langkah J. W. W. Birch tidak memulangkan hamba yang dituntut, lama-kelamaan menimbulkan tanggapan di kalangan masyarakat Perak bahawa J. W. W. Birch mempunyai nafsu seks yang kuat.¹³⁴ Ada juga di kalangan tuan punya hamba yang menyifatkan langkah J. W. W. Birch melindungi hamba di Bandar Baru sebagai mencuri harta mereka. Hamba adalah suatu perkara yang penting dalam kedudukan seseorang itu dari segi sosial dan politik. Oleh itu segala langkah J. W. W. Birch dalam soal perhambaan ini adalah memecahkan organisasi sosial dan menggugat tempat pergantungan mereka.¹³⁵

Pada 9 Oktober 1875, pukul 7.00 pagi Syahbandar bersama-sama dengan 10 orang pengikutnya datang mencari hambanya, Si Tika di Bandar Baru. Usaha Syahbandar gagal. Selang beberapa hari kemudian, datang pula Sultan Abdullah dan Syahbandar ke Bandar Baru. Mereka mencari hamba yang lari itu hingga ke Bandar Lama dan Kota Setia. Pada 13 Oktober 1875, perahu yang dinaiki J. W. W. Birch, Leftenan J. F. Abbott dan beberapa orang serta tiga orang perempuan yang menyamar ditunda kapal api *Quedah* ke Pangkor. Tetapi ketika bercakap dengan Raja Yusof pada 18 Oktober 1875, J. W. W. Birch berbohong dengan menyatakan bahawa dia ke Pangkor mengambil polis kerana Sultan Abdullah menjemput mereka ke Pasir Panjang.¹³⁶

Sementara Sultan Abdullah memikirkan mengenai hambanya yang lari, Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor datang menghadap baginda di Pasir Panjang pada 6 Oktober 1875. Orang yang turut hadir dalam mesyuarat itu ialah Kulup Mat Ros, kerani Ishak dan Haji Husin. Perbincangan ini diadakan pada waktu malam di perahu Sultan Abdullah. Sekali lagi Sultan Abdullah menyatakan bahawa baginda telah memberi kuasa kepada J. W. W. Birch. Dalam pertemuan ini Dato' Maharaja Lela mengingatkan Sultan Abdullah supaya jangan bersusah hati; sekiranya J. W. W. Birch melakukan sesuatu yang bertentangan, beliau bersama-sama 70 orang akan mengamuk di Bandar Baru. Selain itu beliau tidak akan mematuhi arahan J. W. W. Birch dan juga tidak akan membenarkan beliau menjejakkan kaki di Pasir Salak.¹³⁷ Dato' Maharaja Lela juga menjelaskan bahawa beliau mendapat surat daripada Sultan Ismail dan Menteri Ngah Ibrahim yang menyatakan supaya jangan mematuhi arahan J. W. W. Birch. Sultan Abdullah memberi arahan bertulis kepada Dato' Maharaja Lela supaya membunuh J. W. W. Birch. Seiring dengan itu baginda mengajak Dato' Maharaja Lela bersumpah dengan meminum air hujung keris.¹³⁸ Dato' Maharaja Lela menyatakan dia akan membunuh J. W. W. Birch sebaik sahaja pengisytiharan peraturan baru diletakkan di Pasir Salak. Di samping itu Dato' Maharaja Lela menghunus keris yang dianugerahkan oleh Sultan Jaafar, ayahanda Sultan Abdullah; seraya menyebut sudah sampai masanya beliau menggunakan keris itu ke atas orang asing yang datang hendak mengambil negeri Perak.¹³⁹

Pada keesokannya Laksamana bersama dengan tiga buah perahu dan 30 orang lengkap dengan senjata dan peluru singgah di Pasir Panjang (tetapi tidak menghadap Sultan Abdullah), dan kemudiannya terus ke Pasir Salak. Pada 9 Oktober 1875 Laksamana datang ke Pasir Panjang menghadap Sultan Abdullah. Dalam pertemuan ini Sultan Abdullah memaklumkan pula kepada Laksamana bahawa baginda telah menurunkan tandatangan ke atas surat dan dua surat pelekat memberi kuasa kepada Residen dan pegawai-pegawai British menguruskan

pentadbiran di Perak. Laksamana pula membangkitkan soal Sultan Abdullah tidak merujuk kepadanya dahulu. Sekiranya dirujukkan, beliau tidak akan membenarkan Sultan Abdullah menurunkan tandatangan tersebut.¹⁴⁰ Sultan Abdullah pula menyatakan bahawa baginda kesuntukan masa untuk berhubung dengan Laksamana. J. W. W. Birch pula memberi surat akuan yang menyatakan untuk menyerahkan hamba yang lari.¹⁴¹ Syahbandar menyatakan bahawa beliau kini terpaksa mengikut arahan J. W. W. Birch. Tetapi Dato' Maharaja Lela menyatakan tidak akan terpengaruh dengan sebarang pujukan dan sanggup menghadapi sebarang kemungkinan¹⁴²

Sementara itu tersebar berita menyatakan bahawa ketiga-tiga hamba yang lari itu disembunyikan oleh orang J. W. W. Birch. Syahbandar pula telah beberapa kali ke Bandar Baru mencari Si Tika tetapi gagal. Ketika bertemu J. W. W. Birch, Syahbandar diberikan \$50 untuk perbelanjaan dan surat yang ditandatangani oleh Raja Muda Yusof dan Raja Idris untuk disampaikan kepada Sultan Abdullah dan Laksamana untuk mereka tandatangani. Syahbandar membawa surat ini kepada Laksamana di perahunya tetapi Laksamana enggan menurunkan tandatangan dan menyatakan bahawa cap mohornya tertinggal di Durian Sebatang. Syahbandar membawa surat ini kepada Raja Mahkota di perahunya di Sungai Durian. Raja Mahkota juga enggan menurunkan tandatangan dengan alasan tidak tahu-menahu mengenai surat tersebut. Selain itu Raja Mahkota menyatakan akan menurunkan tandatangan sebaik sahaja Laksamana menandatangani. Setelah gagal mendapatkan tandatangan, Syahbandar menyerahkan kembali surat tersebut kepada J. W. W. Birch.¹⁴³ Dalam keadaan ini, J. W. W. Birch masih mencuba untuk mendapatkan tandatangan Laksamana dan Syahbandar ke atas surat sebagaimana yang dilakukan oleh Raja Yusof dan Raja Idris. Namun begitu usaha J. W. W. Birch tidak berhasil. Bagi J. W. W. Birch penyerahan kuasa Sultan Abdullah kepada Residen dan pegawai British melalui surat pelekat yang ditandatangani pada 2 Oktober 1875 telah membatalkan

surat akuan yang diberikan kepada Sultan Abdullah yang menyatakan bahawa beliau akan menyerahkan semua hamba yang lari berlindung di Bandar Baru. Pada 11 Oktober 1875 Sultan Abdullah bersetuju dengan Laksamana dan Syahbandar supaya Laksamana menulis surat kepada Sultan Ismail melaporkan bahawa Sultan Abdullah telah memberi kuasa untuk membunuh J. W. W. Birch. Surat ini akan diserahkan kepada Haji Mat Yasin yang sedang dalam perjalanan ke Belanja untuk hadir dalam mesyuarat dengan pembesar hulu dan Sultan Ismail. Namun begitu Sultan Abdullah telah mengubah fikirannya, menitahkan Haji Ali memanggil Haji Mat Yasin kembali. Baginda mencurigai Haji Mat Yasin akan melaporkan sesuatu yang akan menyebabkan baginda akan bertelingkah dengan Sultan Ismail.¹⁴⁴ Sementara itu pada 10 Oktober 1875 Sultan Ismail mengutuskan surat kepada Laksamana supaya datang menghadap baginda di Belanja.¹⁴⁵ Begitu juga pada 12 Oktober 1875 Sultan Ismail dalam suratnya kepada Laksamana meminta buah fikiran yang wajar untuk mengambil tindakan ke atas pegawai British yang terlibat dalam pentadbiran negeri Perak.¹⁴⁶

Pada petang 12 Oktober 1875, Sultan Abdullah berangkat dari Bandar Lama ke Batak Rabit sementara J. W. W. Birch bertolak ke Bernam dengan kapal *Quedah*. Dalam perjalanan itu J. W. W. Birch menyeludupkan Si Milah, Si Hawa dan Si Tika dengan pakaian kelasi dan ditinggalkan di Pulau Pangkor. Ketika berada di Pangkor, Penghulu Mat Akib memaklumkan kepada J. W. W. Birch perbincangan Sultan Abdullah dengan Laksamana, Syahbandar dan Dato' Maharaja Lela mengenai penyerahan kuasa kepada pegawai British dan sikap Dato' Maharaja Lela yang tidak menghiraukan penyerahan kuasa. J. W. W. Birch pula meminta Penghulu tidak memikirkan perkara tersebut, kerana tidak ada sesiapa yang akan bertindak ke atas beliau.¹⁴⁷ Sultan Abdullah sampai di Batak Rabit pada 14 Oktober 1875 dan meneruskan rancangan baginda untuk membunuh J. W. W. Birch. Baginda menitahkan Syahbandar ke Pebian (Rumah Kastam) di Tanjung Medan untuk

mengambil senjata yang ada di situ serta juga meletakkan segala perahu di tempat yang boleh digunakan segera jika diperlukan. Pada 15 Oktober 1875 Sultan Ismail mengadakan mesyuarat dengan pembesar di Belanja. Mereka yang hadir ialah Sultan Ismail, Dato' Nara, Syed Mahmud, Panglima Perang Semaun, Tuk Muda Rafar, Panglima Kinta, Maharaja Dewa Lambor, Tuk Paduka Sadong, Haji Ali, Haji Mat Yasin, Haji Mat Daud dan Penghulu Telor Teluk Bakong. Dalam mesyuarat ini Syed Mahmud digelar Orang Kaya Besar dan Tuk Muda Rafar digelar Panglima Bukit Gantang. Di samping itu Sultan Ismail membentangkan surat Sultan Abdullah yang dibawa oleh Haji Mat Yasin yang menyatakan J. W. W. Birch akan dibunuh apabila tiba di Pasir Salak. Oleh kerana bertanggapan bahawa pertempuran akan berlaku dengan British, Sultan Ismail meminta pandangan mengenai rancangan membunuh J. W. W. Birch. Mesyuarat bersetuju dengan rancangan Sultan Abdullah dan tidak akan mematuhi arahan British serta bersama dengan Sultan Ismail. Di samping itu Sultan Ismail menyatakan bahawa baginda akan bersama sekiranya ingin menentang British, kerana baginda tidak akan mematuhi arahan British. Sekiranya enggan menentang British baginda akan meninggalkan Perak. Ahli mesyuarat yang hadir menyatakan persetujuan menentang British apabila mereka mudik ke hulu. Mesyuarat juga bersetuju akan membantu gerakan penentangan yang akan dilancarkan oleh Sultan Abdullah. Pembesar hulu akan memulakan gerakan di hulu manakala pembesar hilir di bahagian hilir. Gerakan dari hulu akan melancarkan serangan ke atas Kuala Kangsar, Bandar Baru dan Kota Setia. Matlamatnya pula ialah menghalau orang British keluar dari negeri Perak.¹⁴⁸

Pada 18 Oktober 1875, J. W. W. Birch pulang dari Singapura, lalu singgah di Batak Rabit. Beliau menghantar kerani Mat Arshad menghadap Sultan Abdullah untuk menyatakan bahawa Gabenor berpuas hati dengan surat yang ditandatangani oleh Sultan Abdullah.¹⁴⁹ Sultan Abdullah mendapat surat pesanan daripada J. W. W. Birch untuk mendapatkan

bekalan 1,000 gantang beras, tiga biji candu dan sepikul minyak dari sebuah kedai Cina, Ang Pah Soon di Durian Sebatang.¹⁵⁰ Dengan itu Sultan Abdullah menitahkan Kulup Mat Ros ke Durian Sebatang mengambil bekalan tersebut dan menghantar kepada Dato' Maharaja Lela di Pasir Salak. Apabila tiba di kediamannya di Bandar Baru J. W. W. Birch mendapat berita Raja Yusof berada di Pasir Panjang. Dengan itu pada 19 Oktober 1875 beliau menghantar keraninya, Mat Arshad untuk mendapatkan pandangan mengenai dua surat pelekat yang telah ditandatangani oleh Sultan Abdullah tentang sistem cukai baru. Raja Yusof bersetuju dengan kandungan kedua-dua surat itu dan juga telah mencadangkan kepada J. W. W. Birch supaya mengambil tindakan yang wajar ke atas Laksamana, Syahbandar dan Dato' Maharaja Lela agar menjadi teladan kepada orang lain, dengan membakar satu atau dua buah kampung. Raja Yusof juga mengingatkan J. W. W. Birch supaya berhati-hati dan menyediakan sepoi yang cukup setelah surat pelekat mengenai peraturan baru diedarkan kerana Laksamana sedang menjalankan rancangan menentanginya. Raja Yusof juga menyatakan yang beliau mendapat berita bahawa polis di Kuala Kangsar diganggu di bawah arahan Dato' Maharaja Lela. Beliau mencaci dato'-dato' dan menyatakan mereka tidak layak lagi memegang jawatan dalam pentadbiran Perak. Amaran ini tidak diendahkan oleh J. W. W. Birch.

Pada 19 Oktober 1875, J. W. W. Birch mengarahkan Penghulu Mat Akib supaya menghantar surat kepada Dato' Sagor dan Dato' Maharaja Lela menjemput mereka datang ke Bandar Baru. Penghulu Mat Akib berjumpa Dato' Sagor dan Dato' Maharaja Lela di kedai Cina. Dato' Sagor kelihatan terkejut dan sanggup datang berjumpa J. W. W. Birch selepas bulan puasa. Manakala Dato' Maharaja Lela menyatakan tidak guna berjumpa J. W. W. Birch kerana bukan dia yang berkuasa. Sekiranya dua orang sultan mematuhi J. W. W. Birch, dia juga akan ikut. Penghulu Mat Akib pulang melaporkan perkara ini kepada J. W. W. Birch. Sebaik sahaja mendengar laporan ini J. W. W. Birch marah dan menyatakan dia

akan mudik dan menentang Dato' Maharaja Lela. J. W. W. Birch akan membawa meriam dalam perahunya dan akan menembak Dato' Maharaja Lela. Pada 25 Oktober 1875, J. W. W. Birch mengarahkan Penghulu Mat Akib melekatkan surat pelekat di rumah cukai di Kuala Kinta melarang memungut cukai selepas 1 November 1875. Penjaga rumah cukai, Shahabudin membantah peraturan tersebut; beliau hanya mematuhi arahan Raja Bendahara kerana selamanya pungutan cukai di situ di bawah perintah Raja Bendahara. Dengan itu Penghulu Mat Akib memberi amaran kepada Shahabudin, untuk membawa sepoi bagi meruntuhkan rumah cukai sekiranya beliau masih meneruskan pungutan cukai selepas tarikh tersebut.¹⁵¹

Pada 26 Oktober 1875 F. Swettenham sampai di Perak dari Singapura dengan kapal *Pluto*, membawa bersamanya surat pengisytiharan yang telah dicetak untuk disebarikan di Perak.¹⁵² Surat tersebut ialah surat pelekat yang telah ditandatangani oleh Sultan Abdullah yang bertarikh 2 Oktober 1875 dan surat yang ditandatangani oleh Gabenor bertarikh 15 Oktober 1875 yang menyatakan pentadbiran Perak akan datang dikendalikan oleh Pesuruhjaya British di atas nama sultan; serta beberapa keping surat yang disediakan oleh J. W. W. Birch tentang perjalanan kutipan cukai. Dalam surat pengisytiharan bertarikh 15 Oktober 1875 itu Gabenor Sir William Jervois menyatakan bahawa keadaan dalam negeri Perak yang kucar-kacir, mengganggu perdagangan serta kegagalan pemerintah Perak mewujudkan keamanan, dan dengan persetujuan Sultan serta pembesar maka kerajaan British dengan nama Duli Maha Besar Ratu Inggeris akan mentadbirkan negeri Perak di atas nama Sultan. Pesuruhjaya dan Penolong Pesuruhjaya akan dilantik bagi menguruskan pentadbiran tersebut. Sebuah Majlis Mesyuarat Melayu yang ahlinya terdiri daripada pegawai yang berpangkat tinggi akan dibentuk untuk membantu Pesuruhjaya menjalankan pentadbiran Perak.¹⁵³

Setelah sampai di Sungai Perak pada pukul 8 pagi, 26 Oktober 1875, Swettenham terus mudik dan mendarat di Durian Sebatang pada pukul 1.45 tengah hari. Oleh kerana sungai banjir, Swettenham tiba di Bandar Baru pada pukul 5 petang. Selepas makan malam, Swettenham menjelaskan surat pengisytiharan yang beliau bawa dari Singapura kepada Laksamana dan Syahbandar yang datang pada malam itu. Laksamana dan Syahbandar tidak memberi sebarang ulasan terhadap surat pengisytiharan tersebut.¹⁵⁴

Dalam perjalanan ke Bandar Baru, F. Swettenham mendapat berita bahawa kekacauan akan meletus di Perak. Apabila beliau sampai di Bandar Baru didapati J. W. W. Birch tidak menunjukkan sebarang kebimbangan di atas berita yang tersebar itu. Ketika ini Laksamana dan Syahbandar berada di Bandar Baru. Kedua-duanya bersetuju dengan kandungan surat-surat pengisytiharan yang dibawa oleh F. Swettenham. Pengakuan ini lebih cenderung ke arah menutup penglibatan mereka dalam kekacauan yang akan berlaku. Pada 27 Oktober 1875 J. W. W. Birch telah melekatkan surat pengisytiharan gabenor di depan pejabatnya di Bandar Baru dengan tembakan meriam dua puluh satu das sebagai tanda hormat.¹⁵⁵ Kemudiannya bersama-sama Swettenham dan Leftenan Abbott, J. W. W. Birch berangkat ke Kuala Trus. J. W. W. Birch meruntuhkan rumah cukai di bawah pentadbiran Raja Bendahara lalu mengarahkan Penghulu Mat Akib melekatkan surat pengisytiharan di Batang Padang dan Bidor.¹⁵⁶ Pada 27 Oktober 1875, Penghulu Mat Akib ke Kuala Chiku dan mengarahkan Orang Kaya Mat Arshad memungut cukai di situ. Sementara itu beliau melekatkan surat pengisytiharan melarang memungut cukai di situ. Manakala di Batang Padang, Penghulu Mat Akib mengingatkan pekerja Laksamana supaya berhenti daripada memungut cukai di situ. Di Batang Padang juga Penghulu Mat Akib melekatkan surat pengisytiharan.¹⁵⁷

Pada 28 Oktober 1875, bulan puasa, pukul 1.00 tengah hari, F. Swettenham berangkat ke hulu untuk menyebarkan surat

pengisytiharan.¹⁵⁸ Sementara itu Sultan Abdullah dan pembesar Perak sekali lagi bermesyuarat di Pasir Panjang dan keputusan dicapai akan membunuh J. W. W. Birch apabila beliau tiba di Pasir Salak.¹⁵⁹ Sebelum berangkat ke Pasir Panjang, Sultan Abdullah, Laksamana, Syahbandar, Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor bermesyuarat. Dalam mesyuarat ini Sultan Abdullah mencadangkan membunuh J. W. W. Birch kerana dia mahu mengambil negeri Perak dan tidak mahu memulangkan hamba yang lari. Laksamana menyatakan dia tidak boleh membunuh J. W. W. Birch. Tetapi Dato' Maharaja Lela sanggup melakukannya. Dato' Sagor pula menyatakan akan bersama Dato' Maharaja Lela membunuh J. W. W. Birch.¹⁶⁰ Dalam mesyuarat ini yang berlangsung kira-kira pukul 11.00 pagi, Sultan Abdullah menyatakan kepada mereka yang hadir: Syahbandar, Laksamana, Raja Mahkota, Raja Idris, Raja Musa, Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, kerani Muhammad Ishak, Haji Husin dan Kulup Mat Ros, bahawa baginda telah menyerahkan kuasa kepada J. W. W. Birch untuk memerintah negeri Perak. Dato' Maharaja Lela menyatakan kepada ahli mesyuarat, walaupun Sultan Abdullah telah memberikan kebenaran kepada J. W. W. Birch untuk memerintah negeri tetapi beliau tidak akan mengiktirafkan J. W. W. Birch atau kekuasaan "Orang Putih". Beliau menyatakan telah menerima surat daripada Sultan Ismail, Menteri Ngah Ibrahim dan Dato' Panglima Kinta supaya jangan mematuhi arahan daripada kerajaan British. Beliau juga menegaskan bahawa beliau tidak akan membenarkan J. W. W. Birch menjejaskan kakinya di Pasir Salak. Dalam mesyuarat ini juga Laksamana, Syahbandar, Dato' Sagor dan Raja Mahkota berjabat tangan di antara satu sama lain dan berikrar tidak akan membocorkan rahsia rancangan yang telah direstui oleh Sultan Abdullah dan tidak akan memungkirinya.¹⁶¹ Tidak lama kemudian, datang Daeng Marewah dan Maharaja Dinda menghadap Sultan Abdullah. Kedua-duanya bersetuju dengan rancangan tersebut dan sanggup memberi bantuan. Selepas mesyuarat ini pada malamnya Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor

menghadap Sultan Abdullah di perahu. Di sini hadir juga Maharaja Dinda dan Dato' Syahbandar. Di sini Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor menyatakan bahawa beliau sanggup bergadai nyawa kerana Sultan Abdullah dan Sultan Ismail. Selain itu Dato' Sagor menyatakan beliau benci pada "Orang Putih".

Sultan Abdullah kemudiannya berbincang lagi di rumah Haji Mat Yasin, di Durian Sebatang mengenai surat pengisytiharan yang disebarakan kerajaan British di Perak. Sementara itu dalam perjalanan ke rumah Haji Mat Yasin, Sultan Abdullah menegaskan bahawa baginda telah menerima surat pengisytiharan yang menyatakan Sultan Abdullah menyerahkan kuasa pentadbiran Perak kepada J. W. W. Birch. Dato' Maharaja Lela menegaskan bahawa beliau tidak akan membenarkan sebarang "Orang Putih" menampalkan surat pengisytiharan. Sekiranya mereka berkeras untuk berbuat demikian, pasti akan ditentang. Dato' Sagor menyokong pendirian Dato' Maharaja Lela dan akan bersamasama bertindak dengannya. Sultan Abdullah memuji sikap dan pendirian Dato' Maharaja Lela tersebut.¹⁶²

Kemudiannya berlangsung lagi mesyuarat di rumah Laksamana, di Durian Sebatang pada 28 Oktober 1875. Di antara mereka yang hadir ialah Dato' Sagor, Dato' Syahbandar, Raja Mahkota, Raja Idris dan Orang Kaya Mat Arshad. Kemudiannya datang Kulup Mat Ros menyatakan bahawa Sultan Abdullah menitahkannya menghantar 40 laras senapang, tiga peti bahan letupan dan beras kepada Dato' Maharaja Lela. Dalam mesyuarat ini Dato' Sagor mencadangkan supaya ditentukan tarikh untuk menghapuskan J. W. W. Birch. Laksamana mengesyorkan agar menunggu sehingga J. W. W. Birch melakukan kesalahan. Oleh itu masa yang sesuai membunuh J. W. W. Birch ialah ketika dia melekatkan surat pengisytiharan di Pasir Salak. Tambahan pula Dato' Maharaja Lela telah menyatakan dia tidak akan membenarkan J. W. W. Birch melekatkan surat pengisytiharan di Pasir Salak. Semua yang hadir bersetuju dengan cadangan Laksamana dan menyifatkannya sebagai rancangan yang

terbaik. Seterusnya mereka berjabat tangan dan bersumpah tidak akan membocorkan rahsia mesyuarat mereka; tidak akan menyatakan bahawa rancangan itu dititah oleh Sultan Abdullah dan tidak akan menarik balik keputusan mereka.

Setelah kira-kira dua jam berbincang, datang pula Sultan Abdullah. Laksamana menyambut baginda di perahu dan mengiringi Sultan ke rumahnya. Kemudiannya datang Dato' Maharaja Lela, Daeng Marewah dan Maharaja Dinda. Mesyuarat diteruskan lagi. Laksamana memaklumkan kepada Sultan Abdullah tentang keputusan mesyuarat pagi tadi yang mengambil keputusan untuk membunuh J. W. W. Birch ketika dia melekatkan surat pengisytiharan di Pasir Salak. Sekali lagi dalam mesyuarat ini Dato' Maharaja Lela menawarkan khidmat untuk melaksanakan keputusan mesyuarat tersebut. Di samping itu Dato' Maharaja Lela memohon senapang dan bahan letupan. Sultan Abdullah berjanji akan memberi satu koyan beras, 70 laras senapang dan dua peti bahan letupan. Dato' Sagor juga menyatakan ingin membunuh J. W. W. Birch dan memohon bekalan serta senjata. Sultan Abdulah berjanji akan memberi Dato' Sagor 500 gantang beras, 20 laras senapang dan satu peti bahan letupan. Dalam pada itu Syahbandar, Raja Mahkota dan Orang Kaya Mat Arshad akan melancarkan serangan sebaik sahaja Dato' Maharaja Lela memulakan gerakan tentangan di Pasir Salak. Di atas cadangan Laksamana, mereka yang hadir telah bersumpah untuk merahsiakan rancangan. Barang siapa yang melanggar sumpah, mereka akan menerima balasan daripada Tuhan dan semua jin jahat di Perak. Setelah selesai merekapun pulang ke perahu masing-masing.

Sementara itu Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor menghadap Sultan Abdullah. Di sini Dato' Maharaja Lela menyatakan bahawa rancangan membunuh J. W. W. Birch ini adalah pakatan di antara Sultan Abdullah dengan Sultan Ismail. Dengan itu dia bersedia dan dengan rela hati menggadaikan nyawa untuk kedua-dua sultan. Begitu juga dengan Dato' Sagor; beliau berikrar seperti ikrar Dato' Maharaja

Lela dan menyatakan kebenciannya yang meluap-luap terhadap orang putih. Sultan Abdullah sangat gembira dengan pengakuan Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor ini. Kemudiannya Sultan Abdullah menyerahkan 20 laras senapang dan satu peti bahan letupan dan diletakkan di dalam perahu Dato' Sagor. Sementara itu 500 gantang beras dibawa oleh perahu Raja Ahmad. Di samping itu Sultan Abdullah menganugerahkan \$50 tiap-tiap seorang kepada Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor.¹⁶³

Pada pagi 29 Oktober 1875 Laksamana memberi 20 laras senapang, dua peti bahan letupan dan 300 gantang beras kepada Dato' Maharaja Lela dan barang-barang ini diletakkan di dalam perahu Dato' Maharaja Lela. Pada ketika ini Pandak Indut dan Panjang Bur ada di dalam perahu tersebut. Selain daripada itu 20 laras senapang dan satu peti bahan letupan turut diletakkan di dalam perahu Dato' Sagor.¹⁶⁴ Si Anjang, anak Dato' Sagor ada di dalam perahu ini. Kemudiannya Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor mudik ke Pasir Salak. Perjalanan ke Pasir Salak ini diiringi oleh dua buah perahu di bawah Alang Nor dan Raja Ahmad. Pada 29 Oktober 1875, jam 9.00 pagi, Sultan Abdullah berangkat pulang ke Batak Rabit.¹⁶⁵ Baginda diiringi oleh Raja Mahkota dan Orang Kaya Mat Arshad dengan perahu masing-masing.¹⁶⁶

Pada petang 29 Oktober 1875, J. W. W. Birch menaiki kapal *Pluto* menghilir ke Kota Setia dan bermalam di sini untuk menyebarkan surat pengisytiharan. Pada pagi 30 Oktober 1875 sarjan Polis bersama Daeng Ismail, Lebai Said dan Indut¹⁶⁷ datang menemui J. W. W. Birch melaporkan bahawa kekacauan akan meletus selepas Hari Raya dan persetujuan dibuat di kalangan pembesar Perak untuk membunuh J. W. W. Birch. Nakhoda Trang juga turut memberi amaran yang sama. Nakhoda Trang menyatakan bahawa Sultan Abdullah dan Laksamana sedang merancang untuk menyuruh seorang perempuan menyamar sebagai seorang hamba dan akan lari berlindung di kediaman Residen di Bandar Baru; kemudiannya akan meracunkan J. W. W. Birch. Dengan

itu beliau menasihati J. W. W. Birch supaya berwaspada. J. W. W. Birch tidak menghiraukan amaran ini dengan menyatakan bahawa beliau tidak bimbang sedikit pun, serta dengan angkuh menyatakan bahawa sekiranya beliau mati, sepuluh lagi J. W. W. Birch akan datang berkhidmat di Perak.¹⁶⁸ Dalam perjalanan pulang ke Bandar Baru, J. W. W. Birch singgah di Batak Rabbit menghadap Sultan Abdullah. J. W. W. Birch kemudiannya pulang ke Bandar Baru dengan diiringi oleh Syahbandar. Setelah pulang dari Bandar Baru, Syahbandar melaporkan kepada Sultan Abdullah bahawa Laksamana telah menambahkan lagi bekalan dua laras senapang, dua peti bahan letupan, dua ratus gantang beras dan lima puluh gantang garam kepada Dato' Maharaja Lela.¹⁶⁹

Pada malam 31 Oktober 1875, secara rahsia dengan diiringi oleh beberapa orang, Sultan Abdullah berangkat ke Pasir Panjang. Sultan Abdullah menghantar Sudin, saudara ipar baginda yang tinggal di Bota menjemput Maharaja Dinda datang ke Pasir Panjang. Dalam pertemuan ini Sultan Abdullah mengingatkan yang hadir supaya membantu Maharaja Lela. Selain itu Sultan Abdullah menyatakan J. W. W. Birch akan datang ke Pasir Salak pada Hari Raya pertama.¹⁷⁰ Di sini baginda mengarahkan Maharaja Dinda mengumpulkan orang sebanyak mungkin di Selat Pulau untuk membantu Dato' Maharaja Lela. Baginda juga memberikan keris kepada Dato' Nara, saudara Maharaja Dinda supaya disampaikan kepada Dato' Maharaja Lela, kerana sebelum ini Sultan Abdulah ada mengambil badik Dato' Maharaja Lela.¹⁷¹

Nota

1. C. D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, 303.
2. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 318. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of his assassination", 139.
3. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 19 Julai 1876.
4. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876.
5. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Driss [Haji Idris], Singapura, 30 November 1876. Beliau peranakan Terengganu dan tinggal di Perak kira-kira 16 tahun.
6. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Driss, Bandar Baru, 1 Ogos 1876.
7. Berbeza dengan Haji Daud sebelum ini.
8. C.O. 273/86, William Jervois kepada Carnavon, 14 Disember 1876, terlampir, "Enquiry as to Complicity of the Perak Outrages, Abridgement of Evidence, Arranged under various Heads", Government Printing Press, Singapore, 1876. (Seterusnya diringkaskan sebagai C.O. 273/86, "ECPOAEH"), kenyataan Haji Husin. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Ali, 22 Ogos 1876; kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876.
9. C.O. 273/86, Robert Meade kepada Herbert, 23 Januari 1876.
10. (C.O. 273/86, "ECPOAEH", kenyataan Haji Husin).
11. C.O. 273/86, "ECPOAEH", kenyataan Mat Rouse [Kulup Mahrouse/ Mat Ros].
12. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Ali, 22 Ogos 1876; kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876.
13. C.O. 273/86, "ECPOAEH", kenyataan Haji Husin.
14. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876.

15. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mat Ros, Bandar Baru, 29 Julai 1876. Surat ini diterjemahkan oleh Frank Swettenham. C.O. 273/86, "ECPOAEH", kenyataan Haji Husin.
16. C.O. 273/86, "ECPOAEH", kenyataan Haji Husin.
17. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse Ros, Bandar Baru, 29 Julai 1876.
18. *ECCOPE*, 1876, 14.
19. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Aboo [Abu], Singapura, 23 November 1876. Abu berasal dari Terengganu. Beliau tinggal di Perak, kira-kira tiga tahun. Beliau berkahwin dengan Che Ngah Mariam, pembantu Laksamana.
20. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Mat Yasin, Bandar Baru, 15 Julai 1876.
21. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Mat Yasin, Bandar Baru, 13 Julai 1876; kenyataan Haji Daud, Bandar Baru, 21 Julai 1876. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Kundah Jabbar [Kundah Jaffar], Bandar Baru, 28 Mei 1876. Beliau adalah pedagang kecil.
22. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Aboo, Singapura, 23 November 1876. Abu menyatakan Ngah Lahab membawa pulang ke Pasir Salak empat keping timah, 14 peti bahan letupan dan tiga bola candu.
23. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Mat Yasin, Bandar Baru, 13 Julai 1876; kenyataan Haji Daud, Bandar Baru, 21 Julai 1876; kenyataan Dyang Moorwah, Bandar Baru, 19 Julai 1876. Dyang Moorwah [Daeng Marewah] adalah pedagang Bugis. Dia tinggal kira-kira dua tahun di Selat Pulau, Pasir Salak. Isterinya orang Perak, saudara sepupu isteri Sultan Ismail dan saudara jauh Sultan Abdullah.
24. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Ali, 13 Mei 1876.
25. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Raja Yahya, Singapura, 7 Ogos 1876.
26. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Ali, 13 Mei 1876.
27. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876.

28. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," hlm. 101.
29. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mat Ros, Bandar Baru, 22 Julai 1876. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," hlm. 101-102. Mallal mencatatkan Serapah berlindung di Bandar Baru pada 30 Julai 1875.
30. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan J. J. Keyt, Bandar Baru, 4 Jun 1876.
31. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," hlm. 104. Khoo Kay Kim, "Before Pasir Salak", *JHSUM*, 1968/69, 47.
32. C. N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867-1877* (Singapore: Oxford University Press, 1960), 221.
33. *ECCOPE*, 1876, "Agreement of Friendship", t.t. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 310.
34. *ECCOPE*, 1876, draf surat, t.t.
35. *ECCOPE*, 1876, 14-15; draf surat Raja Ngah kepada Tuan Chee, t.t. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 310.
36. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 311.
37. *ECCOPE*, 1876, 15.
38. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Mat, Bandar Baru, 11 Julai 1876; kenyataan Mahlin, Singapura, 29 November 1876; kenyataan Nakhoda Ketek, Singapura, 19 Ogos 1876. Nakhoda Ketek dilahirkan di Batu Bara, Siak, Sumatera. Beliau tinggal di Batak Rabbit kira-kira lima tahun. Nakhoda Ketek memiliki perahu yang boleh membawa barang seberat dua koyan. Beliau berniaga di antara Perak dengan Pulau Pinang.
39. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Nakhoda Ketek, Singapura, 19 Ogos 1876.
40. *ECCOPE*, 1876, 16.
41. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 311.
42. *ECCOPE*, 1876, 16.
43. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876.

44. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Edward Bacon, Bandar Baru, 16 Mei 1876. *ECCOPE*, 1876, 17.
45. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Edward Bacon, Bandar Baru, 16 Mei 1876.
46. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Sa Milah [Si Milah], Bandar Baru, 4 Julai 1876.
47. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876.
48. Bermain hantu biasanya dijalankan untuk mengubati orang sakit atau apabila Raja dan Orang Besar ingin mendapatkan alamat sama ada berjaya atau tidak dalam sesuatu pertempuran. Seorang bomoh akan memainkan peranan dengan memanggil hantu atau roh yang seterusnya akan memasuki tubuhnya. Dari sini satu demi satu hantu atau roh dipanggil dan tujuan mereka dipanggil akan dinyatakan.
49. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 22 Julai 1876. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 312.
50. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Indut, Bandar Baru, 5 Julai 1876; kenyataan Long Mahmoon, Bandar Baru, 4 Julai 1876. Long Mahmun [Long Mahmoon] ialah isteri Indut. Beliau bertugas selama enam tahun sebagai tukang masak Sultan Abdullah.
51. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Indoot [Indut], Bandar Baru, 5 Julai 1876. Beliau ialah pendayung perahu Sultan Abdullah. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876.
52. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Syed Masahor, Isnin, 13 Jun 1876.
53. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Indoot, Bandar Baru, 5 Julai 1876.
54. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Se Mila, Bandar Baru, 4 Julai 1876.

55. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Nyam, Bandar Baru, 5 Julai 1876.
56. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Sarjan Syed Mahomed, Bandar Baru, 6 Julai 1876. Beliau bertugas di Durian Sebatang.
57. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Daeng Ismail, Bandar Baru, 18 Mei 1876.
58. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 22 Julai 1876.
59. *ECPOAEH*, 1876, 33.
60. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, 6 September 1876.
61. *ECPOAEH*, 1876, 34:37.
62. *Ibid.*, 38.
63. *Ibid.*, 58.
64. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876.
65. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Se Gondah [Si Gondah], Bandar Baru, 7 Julai 1876. Si Gondah tinggal di Pasir Salak.
66. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Aboo, Singapura, 25 November 1876.
67. *ECCOPE*, 1876, 17.
68. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876; kenyataan Allang Nhor, Bandar Baru, 27 Julai 1876.
69. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Se Gondah, Bandar Baru, 7 Julai 1876.
70. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Frank Swettenham, Bandar Baru, 18 Julai 1876.
71. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Daeng Ismail, Bandar Baru, 18 Mei 1876. Beliau tinggal di Kota Setia; berasal dari Pontianak. Pernah menjadi rakan kongsi memungut cukai di Kota Setia.
72. *ECCOPE*, 1876, 20.

73. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Daeng Ismail, Bandar Baru, 18 Mei 1876.
74. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Ali, 13 Mei 1876.
75. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Ali, 15 Jun 1876.
76. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Frank Swettenham, Bandar Baru, 18 Julai 1876. *ECCOPE*, 1876, 20. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse Ros, Bandar Baru, 24 Julai 1876.
77. *ECCOPE*, 1876, 20.
78. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Ali, 13 Mei 1876.
79. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Daeng Ismail, Bandar Baru, 18 Mei 1876.
80. *ECCOPE*, 1876, 20.
81. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Daeng Ismail, Bandar Baru, 18 Mei 1876.
82. *ECCOPE*, 1876, 20. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 24 Julai 1876.
83. *ECCOPE*, 1876, 20. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mat Ros, Bandar Baru, 24 Julai 1876. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Frank Swettenham, Bandar Baru, 18 Julai 1876.
84. *ECCOPE*, 1876, 20. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 24 Julai 1876.
85. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 22 Julai 1876. *ECCOPE*, 1876, 20.
86. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Frank Swettenham, Bandar Baru, 18 Julai 1876.
87. C.O.273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 29 Julai 1876. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan J. J. Keyt, Bandar Baru, 4 Jun 1876.
88. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Akib, 5 Jun 1876. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan J. J. Keyt, Bandar Baru, 4 Jun 1876.

89. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 22 Julai 1876. *ECCOPE*, 1876, 20.
90. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 24 Julai 1876. *ECCOPE*, 1876, 20.
91. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Syed Masahor, 11 Januari 1876.
92. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, 24 Julai 1876.
93. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, 24 Julai 1874. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Akib, 5 Jun 1876. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan J. J. Keyt, Bandar Baru, 4 Jun 1876.
94. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Se Kumbang [Si Kumbang], Pulau Pinang, 13 Mei 1876.
95. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Indoot, Bandar Baru, 5 Julai 1876.
96. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Long Mahmoom, Bandar Baru, 4 Julai 1876.
97. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Dato' Maharaja Dindah [Dinda], Singapura, 25 November 1876.
98. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan J. J. Keyt, Bandar Baru, 4 Jun 1876.
99. *ECCOPE*, 1876, 20.
100. *ECCOPE*, 1876, Sultan Ismail kepada Laksamana, 16 September 1875.
101. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, 24 Julai 1876.
102. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," 105.
103. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Mahmud Esaack [Ishak], Singapura, 2 November 1876.
104. *ECCOPE*, 1876, 21.

105. *ECCOPE*, 1876, J. W. W. Birch kepada Laksamana, 28 September 1875 (28 Ramadan 1292).

106. P. L. Burns (edited and Introduced by), *The Journals of J. W. W. Birch: The First British Resident to Perak 1874-1875*, 340-341.

107. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Dris, Bandar Baru, 10 Julai 1876.

108. *ECCOPE*, 1876, 21-22.

109. *ECCOPE*, 1876, J. W. W. Birch kepada Laksamana, 28 September 1875 (28 Ramadan 1292).

110. *ECCOPE*, 1876, Sultan Abdullah kepada J. W. W. Birch, 24 September 1875.

111. *ECCOPE*, 1876, draf surat Sultan Abdullah kepada Gabenor, 26 September 1875.

112. *ECCOPE*, 1876, 22.

113. *ECCOPE*, 1876, draf surat yang ditulis oleh J. W. W. Birch untuk ditandatangani oleh Sultan Abdullah.

114. *ECCOPE*, 1876, 22.

115. *ECCOPE*, 1876, draf surat Sultan Abdullah kepada Gabenor, t.t.

116. *ECCOPE*, 1876, cadangan draf surat Gabenor kepada Raja Yusof, Singapura, 27 September 1875.

117. *ECCOPE*, 1876, Sultan Abdullah kepada Sir William Jervis, 1 Oktober 1875.

118. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, 24 Julai 1876.

119. *ECCOPE*, 1876, 22.

120. *ECCOPE*, 1876, Sultan Abdullah kepada Sir William Jervis, 2 Oktober 1875.

121. *ECCOPE*, 1876, Isytihar Sultan Perak, 2 Oktober 1875. P. L. Burns (edited and Introduced by), *The Journals of J. W. W. Birch: First British Resident to Perak 1874-1875*, 254-255.

122. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 24 Julai 1876. *ECCOPE*, 1876, 22.

123. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Akib, 5 Jun 1876.

124. C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 30 Julai 1876, enclosure 5, terjemahan surat kuasa kepada Seputum (Si Putum) membunuh J. W. W. Birch, 1 Oktober 1875.

125. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 6 September 1876.

126. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Mahmud Esaak, Singapura, 2 November 1876.

127. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Akib, 5 Jun 1876.

128. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, 24 Julai 1876.

129. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Akib, 5 Jun 1876.

130. *Copies, or Extracts, of Correspondence with reference to the Case of Ex-Sultan Abdullah of Perak* (London: The Hansard Publishing Union, Limited, 1891), (seterusnya diringkaskan sebagai "CEAP"), no. 34, Sir F. A. Weld kepada Edward Stanhope, 30 September, enclosure 2, Pemangku Residen Selangor kepada Setiausaha Tanah Jajahan, 10 Ogos 1886, terlampir "Translation of letter from Sultan Abdullah to Syed Masahor", 28 Syaaban 1292, "Memorandum of Statement made by Syed Masahur", 7 Ogos 1886 dan "Translation of Statement by Syed Mashor", 9 Ogos 1886.

131. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, 24 Julai 1876; Allang Nhor, Bandar Baru, 27 Julai 1876. Alang Nor menyatakan Dato' Maharaja Lela datang bersama tujuh orang dan menyatakan beliau bersama-sama 20 orang akan menyerang Bandar Baru.

132. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Allang Nhor, Bandar Baru, 27 Jun 1876; kenyataan Penghulu Mat Akib, 5 Jun 1876.

133. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Akib, 5 Jun 1876.

134. M. A. Mallal, "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination," 116.

135. C. D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, 221.
136. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Akib, 5 Jun 1876.
137. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 8 September 1876.
138. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, 24 Julai 1876. *ECCOPE*, 1876, 23. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 314.
139. "CEAP", no. 34, Sir F. A. Weld kepada Edward Stanhope, 30 September 1886, enclosure 1, Hugh Low kepada Setiausaha Tanah Jajahan, 18 Ogos 1886, terlampir "Statement of Mahomed Rous".
140. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 24 Julai 1876. *ECCOPE*, 1876, 23.
141. *ECCOPE*, 1876, 23.
142. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Haji Muhammad Akib, Bandar Baru, 10 Jun 1876. Beliau mendapat maklumat ini daripada Muhammad Amin, pengikut Sultan Abdullah.
143. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Ali, 13 Mei 1876.
144. *ECCOPE*, 1876, 23-24.
145. *ECCOPE*, 1876, Sultan Ismail kepada Laksamana, 10 Oktober 1875.
146. *ECCOPE*, 1876, Sultan Ismail kepada Laksamana, 12 Oktober 1875.
147. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Haji Muhammad Akib, Bandar Baru, 10 Jun 1876.
148. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Dyang Moorwah [Daeng Marewah], Bandar Baru, 19 Julai 1876. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 316.
149. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 24 Julai 1876.
150. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Ang Pah Soon, Bandar Baru, 28 Jun 1876. Beliau adalah pekedai di Durian Sebatang.
151. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Akib, 5 Jun 1876.

152. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Swettenham, Bandar Baru, 18 Julai 1876. *ECCOPE*, 1876, 24.

153. *ECCOPE*, 1876, Pengisytiharan 15 Oktober 1875. Surat pengisytiharan ini di atas nama Sir William Jervois, Gabenor Negeri-negeri Selat; ditandatangani oleh C. J. Irving, Pemangku Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri Selat.

154. P. L. Burns and C. D. Cowan (eds), *Swettenham's Malayan Journals 1874-1876* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975), 312-313.

155. *ECCOPE*, 1876, 24.

156. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Swettenham, Bandar Baru, 18 Julai 1876. *ECCOPE*, 1876, 24.

157. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Akib, 5 Jun 1876.

158. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Frank Swettenham, Bandar Baru, 18 Julai 1876.

159. C.O. 273/86, Robert Meade kepada Herbert, 23 Januari 1876.

160. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Se Tikah [Si Tikah], Bandar Baru, 4 Julai 1876. Beliau adalah hamba Sultan Abdullah.

161. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 324. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 24 Julai 1876.

162. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Muhammad Ishak, 18 Disember 1876. Beliau lahir di Pulau Pinang dan kerani Sultan Abdullah; kenyataan Mat Ros [Mahrouse], 18 Disember 1876. Beliau adalah anak watan Perak dan kerani Sultan Abdullah; kenyataan Haji Husin, 18 Disember 1876. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Dyang Moorwah, Bandar Baru, 19 Julai 1876.

163. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 24 Julai 1876. C.O.273/87, "List of Witnesses", kenyataan Che Ngah Satira, Bandar Baru, 16 Julai 1876. Che Ngah Satira anak watan Perak; mempunyai hubungan keluarga dengan Menteri dan Panglima Kinta.

164. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 24 Julai 1876. *ECCOPE*, 1876, 25. C.O. 273/87, "List of Witnesses",

kenyataan Dyang Moorwah, Bandar Baru, 19 Julai 1876; kenyataan Allang Nhor, Bandar Baru, 27 Julai 1876.

165. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 24 Julai 1876. *ECCOPE*, 1876, 25.

166. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, 24 Julai 1876.


167. Tidak sama dengan Pandak Indut.

168. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Nakhoda Trang, Singapura, 9 September 1876.

169. *ECCOPE*, 1876, 25.

170. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Dato' Maharaja Dindah, Singapura, 25 November 1876.

171. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Dato' Maharaja Dindah, Singapura, 25 November 1876. *ECCOPE*, 1876, 26, mencatatkan Sultan Abdullah memberi keris kepada Maharaja Dinda.



PENYELESAIAN DI PASIR SALAK

Penyebaran Surat Pengisytiharan

Setelah mendapat tandatangan Sultan Abdullah pada 2 Oktober 1875 J. W. W. Birch mencetak pengisytiharan itu untuk disebar di Perak. Dalam usahanya ini, J. W. W. Birch berangkat ke Hilir Perak untuk menyebarkan pengisytiharan di Durian Sebatang, Batak Rabit dan Kota Setia. Frank Swettenham pula diarahkan menyebarkan pengisytiharan ini di Hulu Perak.¹ Frank Swettenham berangkat ke Hulu dari Bandar Baru pada 28 Oktober 1875.² Majlis Mesyuarat Perundangan Singapura yang bersidang pada 29 Oktober 1875 telah dimaklumkan oleh Gabenor Sir William Jervois bahawa beliau mendapat laporan daripada J. W. W. Birch bahawa Sultan Abdullah terlibat dalam gerakan membatalkan Perjanjian Pangkor. Walaupun begitu J. W. W. Birch ketika bertugas di Perak sentiasa bersikap sabar dengan Sultan Abdullah. Majlis juga dilaporkan bahawa sebelum ketibaan J. W. W. Birch di Perak, tidak ada sistem pungutan cukai di Perak. Cukai-cukai dipungut secara haram dan kekerasan dilakukan ke atas penduduk.³ J. W. W. Birch menghantar

dua telegram kepada Gabenor Sir William Jervois meminta 50 orang tentera dari rejimen ke-10 untuk ditempatkan di Bandar Baru. Kedua-dua telegram ini diterima oleh Gabenor pada 3 November 1875.⁴ Kemudiannya J. W. W. Birch melaporkan kepada Gabenor bahawa keadaan Perak tenang; Laksamana dan Syahbandar menerima pentadbiran British; serta menjelaskan bahawa beliau tidak memerlukan pasukan tentera dan mereka telah pun pulang dengan kapal api *Pluto*.⁵ Laporan yang sama juga dikemukakan oleh Gabenor kepada Leftenan Gabenor A. E. H. Anson di Pulau Pinang.⁶ Sementara itu Lebai Said, polis Kota Setia mendapat berita bahawa kekacauan akan meletus. Beliau membuat laporan kepada D'Orville di Kota Setia.⁷

Pada 28 Oktober 1875, Frank Swettenham bersama-sama dua buah perahu; ditemani Raja Mahmud mudik ke hulu.⁸ Beliau akan menyebarkan surat peraturan baru di kawasan Hulu. Pada 30 Oktober 1875, pukul 11.00 pagi, Frank Swettenham tiba di Belanja. Di pangkalan kelihatan banyak perahu. Haji Ismail, kerani Sultan Ismail dan Tuk Bandar serta beberapa orang pengikut datang mengambil surat pengisytiharan daripada Swettenham.⁹ Antara kandungan surat itu adalah tentang pemansuhan pungutan cukai di Kuala Kinta. Surat itu dibaca dengan lantang oleh Haji Ali. Di samping itu Swettenham juga memberikan surat pengisytiharan tersebut kepada mana-mana orang kampung yang memintanya. Dalam pada itu Swettenham mendapat maklumat daripada penduduk kampung bahawa wujud pakatan untuk membunuh J. W. W. Birch. Walaupun beliau tidak mempercayai tetapi Swettenham telah menghantar utusan untuk memaklumkan hal tersebut kepada J. W. W. Birch. Ketika berada di Belanja, Swettenham menghantar wakil beberapa kali untuk menghadap Sultan Ismail. Mereka memaklumkan Sultan Ismail sedang tidur. Setelah menunggu hingga pukul 2.00 petang, Swettenham memberi surat Gabenor kepada kerani Ismail untuk disampaikan kepada Sultan Ismail. Pada pukul 2.00 petang beliau ke Kampung Bekor dan bermalam di situ.¹⁰ Seterusnya

Swettenham ke Senggang bertemu Raja Yusof. Di situ beliau menyebarkan surat pengisytiharan. Kemudiannya Swettenham ke Kuala Kangsar pada pukul 2.00 petang, 31 Oktober 1875 dan tiba pukul 6.00 petang. Ketika berada di sini, Swettenham mendapat maklumat daripada penduduk kampung bahawa Dato' Maharaja Lela akan menyerang pegawai British. Tanpa menghiraukan berita itu, pada 1 November 1875, Swettenham terus menyebarkan surat pengisytiharan di Kuala Kangsar. Sementara itu sebagai memenuhi permintaan penduduk Kuala Kangsar, sempena Hari Raya Puasa Swettenham melepaskan 10 das tembakan.¹¹

Pada 1 November 1875, Hari Raya Puasa, pukul 5.30 petang J. W. W. Birch pun berangkat dengan semangat yang tinggi ke Hulu Perak. Ketika hampir berangkat J. W. W. Birch dengan angkuh menyatakan bahawa sekiranya Maharaja Lela ingin menentang, beliau akan menembak Maharaja Lela.¹² J. W. W. Birch bertolak dengan perahu naga,¹³ diiringi oleh Sub-Leftenan J. F. Abbott, Mat Arshad, jurubahasanya dan sepasukan sepoi. Selain itu dua buah perahu panjang turut mengiringi perahu naga. Di dalam perahu naga terdapat sebuah meriam tembaga. Manakala di dalam perahu yang sebuah lagi dibekalkan sebuah lela kecil.¹⁴ Perahu naga dinaiki oleh J. W. W. Birch, J. F. Abbott dan beberapa orang; perahu panjang dinaiki oleh Mat Arshad dan anggota polis, manakala perahu panjang yang sebuah lagi dinaiki oleh pasukan polis. Semasa dalam perjalanan, J. W. W. Birch telah berhenti di suatu tempat sebelum Pasir Panjang. Kerani Mat Arshad pergi ke rumah Raja Lop Ahmad sambil membawa surat pengisytiharan. Pada ketika itu Raja Lop Ahmad tidak ada di rumah. Setelah menanak nasi, lebih kurang pukul 8.30 malam, J. W. W. Birch memberitahu angkatannya bahawa beliau hendak bertolak ke Pasir Salak.¹⁵ Padahal J. W. W. Birch bertujuan ke Lambor untuk mendapatkan berita mengenai Swettenham.¹⁶ Rombongan J. W. W. Birch tiba di Pasir Salak pada hari yang sama, 1 November 1875, di antara pukul 10.00-11.00 malam. J. W. W. Birch bermalam di dalam perahu. Pada pagi 2 November 1875, J. W. W. Birch mengarahkan

supaya diikat perahu naga di rumah mandi tukang emas Cina. Manakala dua perahu lagi diikat ke bawah sedikit dari perahu naga.

Pembunuhan di Pasir Salak

Di Pasir Salak pula, tiga hari sebelum J. W. W. Birch tiba di Pasir Salak, Dato' Maharaja Lela mengarahkan Si Gondah menjemput Raja Din Marewah, Odah Adam, Raja Husin dan beberapa orang lagi datang berkumpul di rumahnya. Dengan itu selepas sembahyang Hari Raya Puasa mereka yang dijemput datang berkumpul di balai rumah Dato' Maharaja Lela. Di antara mereka yang hadir ialah Si Gondik, Si Njan, Si Milan, Tuk Bodoh, Pandak Indut,¹⁷ Che Ngah Jabor, Panjang Bur, Che Ali (Kulup Ali), Si Tuah,¹⁸ Maharaja Serama, Tuk Lela Putera, Kulup Batin, Odah Makan, Che Labab, Kundah Panjang, Seputum, Kulup Bahleng, Kulup Seman¹⁹ dan Imam Seri Bedin; serta kira-kira 100 orang yang lain. Dato' Maharaja Lela mengeluarkan surat Sultan Abdullah dan diserahkan kepada Imam Seri Bedin untuk dibaca. Tetapi surat ini dibaca oleh Pandak Indut.²⁰ Surat ini memerintahkan mereka mematuhi arahan Dato' Maharaja Lela. Sekiranya ada yang ingkar mereka akan menghadapi kesusahan dan dibunuh. Kemudiannya Dato' Maharaja Lela berucap, menyatakan puasa akan berakhir, dan J. W. W. Birch mesti dihapuskan apabila tiba di Pasir Salak.²¹ Dalam pertemuan ini, para hadirin dimaklumkan oleh Dato' Maharaja Lela bahawa Sultan, Laksamana dan Syahbandar mengumumkan, dalam beberapa hari lagi J. W. W. Birch akan datang ke Pasir Salak dan dia hendaklah dibunuh.²² Kemudiannya Dato' Maharaja Lela memberi persalinan: baju, tengkolok dan pedang kepada Pandak Indut, dan saudara iparnya sebagai wakil beliau dalam tindakan membunuh J. W. W. Birch.²³ Pedang ini ialah hadiah Sultan Jaafar, ayahanda Sultan Abdullah kepada Dato' Maharaja Lela.²⁴ Pada ketika itu Pandak Indut membawa sebilah pedang. Dato'

Maharaja Lela mengarahkan orang ramai mematuhi arahan Pandak Indut. Selain itu Dato' Maharaja Lela menyatakan kepada hadirin yang dia mendapat titah memanggil berkumpul di Pasir Salak itu.²⁵ Para hadirin dibenarkan pulang dan diingatkan supaya datang apabila dijemput.²⁶

Pada 2 November 1875, Frank Swettenham tiba di Sayong. Beliau menyerahkan surat pengisytiharan kepada Raja Bendahara.²⁷ Di Pasir Salak pula, pada Hari Raya Puasa kedua, 2 November 1875 Mat Arshad diperintahkan memaklumkan kepada Maharaja Lela mengenai kedatangan British untuk melekatkan surat pengisytiharan. Sementara itu pengikut Dato' Maharaja Lela telah ramai datang berkumpul di balai dan halaman rumahnya. Di antara mereka yang hadir ialah Dato' Sagor, Syed Mat Ali, Kota Lama; Pandak Indut, Ngah Jabor, Daeng Marewah dan Panjang Bur. Mereka ini pula seringkali keluar masuk rumah Dato' Maharaja Lela.²⁸ Mat Arshad menjemput Dato' Maharaja Lela berjumpa J. W. W. Birch di tebing sungai. Dato' Maharaja Lela menyatakan beliau tidak perlu bertemu dengan J. W. W. Birch kerana negeri atau kampung ini bukan negeri atau kampung J. W. W. Birch.²⁹ Dato' Maharaja Lela juga menyatakan akan menentang J. W. W. Birch sekiranya melekatkan surat pengisytiharan, kerana beliau mendapat arahan daripada Sultan Abdullah dan Sultan Ismail.³⁰ Sementara itu pada pukul 6.00 pagi, 2 November 1875 Sub-Leftenan J. F. Abbott bersama-sama pasukan sepoi pergi ke Kampung Gajah untuk berburu.³¹ Dia ke sana menaiki perahu kepunyaan tukang emas Cina, Koh Ah Yong.³² J. W. W. Birch pula berpakaian putih keluar dari perahunya ke rumah mandi Koh Ah Yong, tukang emas.³³ Sementara itu J. W. W. Birch mengarahkan jurubahasanya, Mat Arshad menampalkan surat pengisytiharan.³⁴ Orang ramai diarahkan oleh Dato' Maharaja Lela datang berkumpul di tebing sungai, di Pasir Salak. Si Gondah, Tuk Lela Putera, Odah Makan dan Raja Din Marewah juga hadir sama.³⁵ Dato' Sagor membawa sebatang lembing dan sebilah keris datang menemui Mat Arshad di Pasir Salak.³⁶ Beliau juga berjumpa

dan bercakap dengan J. W. W. Birch di atas perahu.³⁷ Dato' Sagor mengoyak sehelai surat pengisytiharan manakala Si Tuah dan Ngah Hamid, masing-masing mengoyak sehelai seorang. Surat pengisytiharan ini dikoyak untuk ditunjukkan kepada Dato' Maharaja Lela.³⁸ Mereka yang turut sama mengoyak surat pengisytiharan tersebut ialah Panjang Bur, Che Ali atau Kulup Ali dan Pandak Indut.³⁹ Pandak Indut ada membawa bersamanya lembing, keris dan golok.⁴⁰ Pandak Indut memakai songkok daripada rotan, seluar hitam bersamping warna gelap. Keris terselit di pinggangnya.⁴¹ Kemudiannya Dato' Sagor meninggalkan lembingnya di kedai Cina. Dato' Sagor kemudiannya datang bertemu dan bercakap dengan J. W. W. Birch di atas perahu naga. J. W. W. Birch pada ketika ini duduk di atas kerusi rotan. Kemudiannya Dato' Sagor bersama-sama Mat Arshad datang menemui Dato' Maharaja Lela.⁴² Mat Arshad masuk hingga ke balai dan dipersilakan makan sirih. Lebih kurang 20 orang berhimpun di halaman rumah Dato' Maharaja Lela. Dato' Maharaja Lela dimaklumkan bahawa J. W. W. Birch ingin datang ke rumahnya atau Dato' Maharaja Lela datang menemui J. W. W. Birch di perahunya. Dato' Maharaja Lela menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai sebarang urusan dengan J. W. W. Birch.⁴³ Dalam perjumpaan ini juga Mat Arshad menyatakan, dia diarahkan oleh J. W. W. Birch untuk melekatkan surat pengisytiharan. Dato' Maharaja Lela memaklumkan kepada Mat Arshad bahawa dia tidak akan menentang sekiranya ada kebenaran daripada Sultan Abdullah dan Sultan Ismail.⁴⁴ Mat Arshad melaporkan perkara ini kepada J. W. W. Birch. J. W. W. Birch mengarahkan Mat Arshad melekatkan surat pengisytiharan. Dengan itu Mat Arshad mengambil tiga helai surat pengisytiharan dan dilekatkan di kedai emas Cina.⁴⁵

Selepas bertemu Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor bersama Mat Arshad datang semula berbincang dengan J. W. W. Birch.⁴⁶ Pada ketika ini jumlah mereka yang berkumpul di Pasir Salak meningkat di antara 50 atau 60 orang. Kebanyakan mereka membawa senjata. J. W. W. Birch

melalui Mat Arshad, meminta Dato' Sagor mengarahkan mereka yang berkumpul itu bersurai. Dengan itu Dato' Sagor mengarahkan mereka yang berkumpul berundur ke tempat lain. Mereka yang berkumpul ini hanya berundur sedikit. Dalam pada itu pula mereka yang berkumpul berteriak mengutuk J. W. W. Birch sebagai orang kafir, bercakap besar dan menyoal kedatangannya di Pasir Salak. Seterusnya melalui Mat Arshad, J. W. W. Birch menyatakan kepada Dato' Sagor bahawa dia adalah Residen British Perak, memberitahu perlu adanya penghulu di tiap-tiap kampung dan beliau akan membina sebuah masjid yang baik di tiap-tiap kampung. Kemudiannya J. W. W. Birch bertanyakan kedudukan Bukit Lada. Sebaik sahaja J. W. W. Birch bertanyakan tentang Bukit Lada, orang ramai yang berkumpul berteriak menyatakan dia orang kafir, bercakap besar dan ingin tahu pula mengenai Bukit Lada. Kemudiannya J. W. W. Birch ke rumah mandi.⁴⁷ Dato' Sagor mengambil semula lembingnya yang ditinggalkan di kedai emas Koh Ah Yong.⁴⁸ Dato' Maharaja Lela tidak membenarkan Mat Arshad menemuinya dan melekatkan surat pengisytiharan tersebut serta menyatakan bahawa Pasir Salak bukan negeri J. W. W. Birch. Apabila mendapat tahu J. W. W. Birch melekatkan surat pengisytiharan, Dato' Maharaja Lela mengarahkan supaya dikoyakkannya dan sekiranya berkeras juga, dibunuh J. W. W. Birch. Di samping itu beliau menyatakan sekiranya J. W. W. Birch mendapat surat kuasa daripada Sultan Ismail dan Sultan Abdullah, beliau boleh melekatkannya dan dia tidak akan menentanginya.⁴⁹

Tanpa menghiraukan bantahan daripada mereka yang ramai berkumpul, Mat Arshad yang mendapat arahan daripada J. W. W. Birch melekatkan surat pengisytiharan di sebuah kedai emas Cina di situ. Pintu kedai ini berhadapan dengan sungai. Orang Melayu yang telah sedia ada di situ mengoyakkan surat pengisytiharan itu. Di antara mereka yang turut mengoyakkan surat tersebut ialah Pandak Indut dan Panjang Bur. Kedua-duanya membawa surat tersebut kepada Dato' Maharaja

Lela.⁵⁰ Surat pengisytiharan itu diambil kerana Dato' Maharaja Lela ingin membacanya.⁵¹ Mat Arshad memaklumkan kepada J. W. W. Birch berkenaan hal orang ramai yang berkumpul dan mengoyakkan surat pengisytiharan. J. W. W. Birch mengarahkan Mat Arshad melekatkan kembali surat pengisytiharan dengan salinan yang lain. Dengan itu Mat Arshad mengambil lagi surat pengisytiharan di dalam perahu. Dalam pada itu beliau menyatakan kepada mereka yang berhimpun itu supaya jangan mengoyakkan surat tersebut. Sekiranya Dato' Maharaja Lela mahu, dia boleh memberinya sehelai.⁵² Selain itu Mat Arshad juga merayu supaya jangan mengoyakkan surat perisytiharan tersebut kerana surat itu bukannya al-Quran. Apabila beliau meninggalkan tempat itu nanti bolehlah mereka berbuat sesuka hati.⁵³ Sementara pertengkar di antara mereka yang berkumpul dengan Mat Arshad berlaku, Dato' Sagor, Dato' Maharaja Lela dan Pandak Indut datang. Mereka terus ke tempat di manasurat pengisytiharan dilekatkan. Surat pengisytiharan itu dikoyakkan oleh Pandak Indut dan Panjang Bur. Kemudian Pandak Indut dan Panjang Bur mengejar Mat Arshad.⁵⁴ Seputum yang ada di situ melaungkan "Kita membawa titah - amuk-amuk".⁵⁵ Si Tuah pula sambil berlari menjerit mencabar pasukan sepoi dan memarahi J. W. W. Birch kerana memerintah Perak.⁵⁶ Seputum ialah seorang Melayu, bukan hamba dan tinggal di Pasir Salak. Beliau seorang pawang.⁵⁷ Beliau diarahkan oleh Dato' Maharaja Lela dan sekiranya membocorkan rahsia, beliau, isteri dan anaknya akan dibunuh.⁵⁸ Selain itu Seputum juga mendapat titah daripada Sultan Abdullah.⁵⁹ Seputum diperintah oleh Dato' Maharaja Lela untuk membunuh J. W. W. Birch. Sekiranya beliau engkar, dikatakan Dato' Maharaja Lela akan membunuhnya.⁶⁰ Seputum menerima perintah Sultan Abdullah membunuh J. W. W. Birch pada 13 September 1875 (12 Syaaban 1292). Apabila tugasnya selesai, Seputum akan dihadiahkan \$1,000.⁶¹ Pada ketika itu Seputum memakai seluar putih, sarung merah, berlilit kain di kepala; tidak berbaju.⁶² Pertengkar tersebut telah menyebabkan mereka yang ada di situ menikam Mat

Arshad.⁶³ Mat Arshad lari ke dalam air untuk menaiki perahu naga tetapi sekali lagi ditetak oleh Seputum di bahagian kepala.⁶⁴ Ketika ini J. W. W. Birch sedang berada di rumah mandi, di tepi sungai dan kepalanya boleh kelihatan.⁶⁵ Pengawal beliau, Kalil Khan yang berdiri di atas kayu balak, rakit rumah mandi memegang sepucuk pistol, tidak melepaskan tembakan sebaliknya terjun ke dalam sungai menyelamatkan diri. Begitu juga dengan pengawal J. W. W. Birch; dia termasuk sepoi lari menyelamatkan diri.⁶⁶ Sambil melaungkan bahawa J. W. W. Birch sedang mandi dan meminta supaya mengikuti beliau membunuh J. W. W. Birch di tempat mandi, Pandak Indut merejamkan lembing ke arah J. W. W. Birch. Kemudiannya diikuti oleh Che Ali (Kulup Ali), Ngah Jabor dan Panjang Bur. Dato' Sagor dan Maharaja Lela ikut sama berlari menuju ke tempat J. W. W. Birch sedang mandi. Dato' Maharaja Lela dengan keris terhunus di tangannya membaling lembing ke arah J. W. W. Birch yang sedang mandi.⁶⁷ Dato' Maharaja Lela memakai songkok daripada rotan, seperti yang dipakai oleh Pandak Indut; memakai sepasang baju hitam dan berselimpang kain sutera serta baju putih.⁶⁸ Dato' Sagor juga turut sama merejamkan lembing ke arah J. W. W. Birch yang sedang mandi.⁶⁹ Seputum juga berlari ke arah J. W. W. Birch sambil membawa lembing dan lading, serta merejamkan lembing ke arah J. W. W. Birch di rumah mandi.⁷⁰ Sementara itu mereka yang berkumpul menjerit sambil menyerang sepoi. Di samping itu ada pula yang berlari ke sana ke mari.⁷¹

Akibat daripada tikaman lembing ini J. W. W. Birch jatuh ke dalam sungai. Ketika ini Seputum berlari ke tepi sungai. Ngah Jabor memanggil Seputum dan menyuruhnya menetak J. W. W. Birch.⁷² Apabila J. W. W. Birch timbul semula di belakang rumah mandi, beliau ditikam oleh Si Tuah dengan lembing yang diberikan oleh Dato' Maharaja Lela. Seterusnya dia ditetak dua kali oleh Seputum. J. W. W. Birch lalu tenggelam dan dihanyutkan oleh arus sungai.⁷³ Sementara itu Si Gondah berteriak "amuk" dan terus menikam mereka yang berada di dalam

perahu. Dia diikuti oleh Panjang Bur, Si Tuah, Che Ali, Tuk Lela Putera, Pandak Indut, Ngah Jabor dan Seputum.⁷⁴ Selain itu seorang sepoi, Hend Sheer Singh dan pendayung, Din Larut terbunuh dalam serangan ini. Mereka yang mengalami kecederaan ialah Dollah dan seorang sepoi, Karit Singh.⁷⁵

Hamid bernasib baik tidak mengalami sebarang kecederaan. Dia dan beberapa orang temannya berjaya membawa kerani Mat Arshad yang cedera dengan perahu. Dalam pada itu, ketika berundur pasukan sepoi melepaskan beberapa das tembakan ke arah orang Melayu yang berkumpul. Akibat tembakan itu orang Melayu yang berkumpul berundur.⁷⁶ Dua pengikut Dato' Maharaja Lela, Si Anji dan Si Awang terkorban.⁷⁷ Pasukan sepoi yang berundur ini ditembak oleh orang Melayu yang berkumpul di tebing sungai. Sementara itu sebuah perahu kecil yang menyeberangi sungai melepaskan tembakan ke arah pasukan sepoi yang berundur. Salah seorang daripada mereka mengalami kecederaan di mulut. Dengan itu beberapa orang yang ketakutan terjun ke dalam sungai.

Hamid mengambil raifal sepoi lalu melepaskan beberapa das tembakan ke arah dua orang Melayu yang berdiri di atas pasir, di tepi sungai. Salah seorang daripadanya rebah, lalu ditarik oleh kawannya ke tebing. Orang Melayu ini melepaskan tembakan balas tetapi tidak mengenai sasaran. Kemudian usaha yang sewajarnya diambil ke atas kecederaan yang dialami oleh Mat Arshad.⁷⁸ Mat Arshad mengalami kecederaan di bahagian perut, kepala dan bahu.⁷⁹ Ketika sampai di Kuala Trus, kerani Mat Arshad meninggal dunia.⁸⁰ Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor lalu menuju ke perahu naga.⁸¹ Manakala Ngah Jabor mengambil barang-barang seperti peti, kerusi dan meriam tembaga dari perahu naga dan membawa semua barang tersebut ke balai rumah Dato' Maharaja Lela.⁸² Setelah J. W. W. Birch dibunuh pasukan Melayu datang ke rumah Dato' Maharaja Lela. Ramai yang berkumpul di halaman rumah. Dato' Sagor, Pandak Indut dan Che Ngah Jabor dibenarkan

masuk ke rumah Dato' Maharaja Lela. Dalam perbincangan itu Dato' Maharaja Lela menyatakan bahawa apa yang berlaku itu adalah permulaan. Selain itu Dato' Maharaja Lela menyatakan bahawa mereka yang datang adalah kawan. Manakala mereka yang tidak datang adalah musuh.⁴³ Dato' Maharaja Lela berasa gembira dengan kematian J. W. W. Birch. Beliau juga menyatakan bahawa orang Eropah mesti ditentang. Selain daripada itu beliau turut menyatakan bahawa perjuangannya mendapat restu daripada Sultan Ismail dan Sultan Abdullah.⁴⁴

Dato' Maharaja Lela mengarahkan Abu memberitahu Laksamana mengenai kematian J. W. W. Birch. Setelah mendapat berita kematian J. W. W. Birch, Laksamana menasihati Abu supaya pulang ke Pasir Salak membawa keluarganya untuk bersembunyi. Abu dan keluarganya bersembunyi di dalam hutan selama tiga bulan. Setelah tiga bulan berada di dalam hutan, datang wakil Laksamana untuk membawa Abu dan keluarganya bersembunyi di Sungkai pula kerana British menjalankan gerakan mencari mereka yang terlibat dalam gerakan penentangan di Perak.⁴⁵ Seterusnya Dato' Maharaja Lela mengarahkan Dato' Sagor memaklumkan kepada Sultan Abdullah dan Laksamana mengenai kematian J. W. W. Birch.⁴⁶ Dato' Maharaja Lela juga mengarahkan Mat Hasan dan Penghulu Muda Telur, kedua-dua dari Lambor memaklumkan kepada Sultan Ismail.⁴⁷

Sementara itu Dato' Sagor mengarahkan anaknya Si Anjang memaklumkan kematian J. W. W. Birch kepada Sultan Abdullah dan Syahbandar. Si Anjang bersama-sama dua orang bertemu Syahbandar. Di Kota Lumut, Syahbandar memberi Si Anjang senapang dan dua peti bahan letupan.⁴⁸ Dato' Maharaja Lela menghantar wakil menyerahkan perahu naga kenaikan J. W. W. Birch kepada Sultan Ismail sebagai hadiah penghormatan menandakan kejayaan beliau dalam menjalankan tugas.⁴⁹ Dengan itu pada 4 November 1875 Toh Kandah Pandak dan Panjang Adam dari Selat Pulau membawa perahu J. W. W. Birch ke Belanja dan melaporkan kepada Sultan Ismail bahawa J. W. W. Birch telah dibunuh

oleh pengikut Dato' Maharaja Lela. Sultan Ismail mengarahkan Tuk Syed Shamsudin menjemput Dato' Maharaja Lela datang segera ke Belanja. Beliau gagal menemui Dato' Maharaja Lela dan melaporkan bahawa Dato' Maharaja Lela sedang bersiap-sedia untuk melanggar Bandar Baru dan Tuk Bandar pula bersama penduduk Berembang Panjang akan melanggar Kota Setia.⁹⁰ Setelah menerima berita kematian J. W. W. Birch, Sultan Ismail mengarahkan keraninya menulis surat kepada Menteri, Temenggung, Bendahara dan Seri Maharaja Lela memaklumkan kematian J. W. W. Birch serta meminta pandangan tentang tindakan selanjutnya.⁹¹ Sultan Ismail dan pembesar bersetuju bersiap sedia menentang orang putih. Di samping itu Haji Mat Yasin mengarahkan Haji Idris membuat peluru dan memasukkan peluru ke dalam senapang. Namun begitu Sultan Ismail tidak mahu menerima perahu naga J. W. W. Birch yang dihantar oleh Dato' Maharaja Lela. Baginda mengarahkan supaya dikembalikan semula perahu tersebut kepada Dato' Maharaja Lela. Tindakan ini diambil sebagai helah untuk menyembunyikan pakatan baginda menentang British.⁹² Sultan Ismail juga menyatakan bahawa jika baginda menerima perahu tersebut, baginda akan dibunuh oleh orang putih.⁹³

Nota

1. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Frank Swettenham, Bandar Baru, 18 Julai 1876. P. L. Burns & C. D. Cowan (eds.), *Swettenham's Malayan Journals 1874-1876*, 315-316.
2. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875.
3. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 15 November 1875, terlampir salinan "Proceeding of the Legislative Council, 29 October and 5 November 1875". Anggota Majlis yang hadir pada persidangan 29 Oktober 1875 ialah Gabenor, Ketua Hakim, Pegawai Memerintah Tentera, Pemangku Setiausaha Jajahan, Peguam Negara (*Attorney-General*), Bendahari, Pemangku Auditor Jeneral, Jurutera Jajahan, H. A. K. Whampoa, T. Shelford, R. Little, M. D. dan R. B. Read.
4. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 4 November 1875.
5. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Carnavon, 4 November 1875, enclosure 1, J. W. W. Birch kepada Gabenor, 1 November 1875.
6. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 4 November 1875, enclosure 5, Gabenor kepada Leftenan Gabenor, 3 November 1875.
7. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Lebbay Syed [Lebai Said], Bandar Baru, 11 Julai 1876. Beliau keturunan Cina, memeluk agama Islam.
8. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Frank Swettenham, Bandar Baru, 18 Julai 1876.
9. P. L. Burns and C. D. Cowan (eds.), *Swettenham's Malayan Journals 1874-1876*, 314.
10. *Ibid.*, 314-315.
11. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Frank Swettenham, Singapura, 24 November 1876.
12. C.O. 273/86, William Jervois kepada Carnavon, 14 Disember 1876, terlampir "Enquiry as to Complicity of Chiefs in the Perak Outrages Precis of

Evidence, Government Printing Press, Singapore, 1876", (seterusnya diringkaskan sebagai C.O. 273/86, "ECCPO"). C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Akib, 5 Jun 1876; kenyataan Soedein [Sudin], Singapura, 14 Disember 1876. Sudin dilahirkan di Kerian. Sebelum menjadi pendayung perahu [boatman] J. W. Birch, Sudin bekerja dengan Laksamana. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan J. J. Keyt, Bandar Baru, 4 Jun 1876.

13. Perahu dipanggil "naga" kerana terdapat ukiran naga di perahu ini dari haluan hingga ke buritannya.

14. *ECCOPE*, 1876, 26.

15. C.O. 273/90, Proceedings of the Trial of Maharajah Lela & Others Accused of the Murder of Mr. Birch (seterusnya diringkaskan sebagai C.O. 273/90, "PTMB"), kenyataan Hamid, di mahkamah, 14 Disember 1876.

16. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Akib, 5 Jun 1876.

17. Pandak Indut ialah saudara ipar Maharaja Lela. (C.O. 273/86, Robert Meade kepada Herbert, 23 Januari 1876).

18. Si Tuah keturunan Mandeheling [Batak]. (C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Khoo Ah Chai, 16 Disember 1876. Koh Ah Chai adalah tukang masak tukang emas Koh Ah Yong. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Seputum (Si Putum), Bandar Baru, 19 Mei 1876. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Haji Mahmin [Haji Mat Amin], Bandar Baru, 8 Julai 1876. Beliau tinggal di Selat Pulau. Beliau adalah abang ipar Hajjah Hawa. (C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Mat Yasin, Bandar Baru, 13 Julai 1876).

19. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Pikai, 18 Disember 1876. Beliau adalah isteri Seputum. Melihat sendiri mereka yang berhimpun di balai rumah Dato' Maharaja Lela. Beliau singgah di sini dalam perjalanan ke padang untuk memotong rumput. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Sika [Pikai], Bandar Baru, 6 Julai 1876. Beliau ialah isteri Seputum.

20. C.O. 273/90, "PTMB", kenyataan Soedein, 15 Disember 1876.

21. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Dyang Moorwah, Bandar Baru, 19 Julai 1876.
22. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Raja Dein Meruwah [Raja Din Marewah], 16 Disember 1876.
23. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Pikai (isteri Seputum), 18 Disember 1876; kenyataan Se Gondah, 15 Disember 1876; kenyataan Raja Din Marewah, 16 Disember 1876. *ECCOPE*, 1876, 27. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Se Gondah, Bandar Baru, 7 Julai 1876.
24. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Se Gondah, 15 Disember 1876.
25. C.O. 273/90, "PTMB", kenyataan Soodein, 15 Disember 1876.
26. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Dyang Moorwah, Bandar Baru, 19 Julai 1876.
27. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Frank Swettenham, Singapura, 24 November 1876.
28. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Alang Nor, Bandar Baru, 28 Julai 1876.
29. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Dyang Moorwah, Bandar Baru, 19 Julai 1876.
30. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Allang Nhor, Bandar Baru, 27 Julai 1876.
31. C.O. 273/81, A. E. H. Anson kepada Gabenor, 4 Disember 1875; William Jervois kepada Earl of Carnavon, 4 November 1875, enclosure Kolonel Anson kepada Gabenor, 4 November 1875; William Jervois (Gabenor) kepada Carnavon, 18 Disember 1875. *ECCOPE*, 1876, 26.
32. C.O. 273/90, "PTMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876.
33. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Anjang Kinchan, 20 Disember 1876. Beliau adalah petani, peranakan Pasir Salak dan saksi tertuduh; berada di tempat kejadian.
34. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875.
35. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Se Gondah, 15 Disember 1876.

36. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Mat Tahir, di mahkamah, 15 Disember 1876.
37. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Mat Tahir, 15 Disember 1876; kenyataan Sudin, 15 Disember 1876; kenyataan Se Gondah, 15 Disember 1876.
38. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Koh Ah Yong, 16 Disember 1876.
39. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Khoo Ah Chai, 16 Disember 1876. C.O.273/88, "List of Witnesses", kenyataan Seputum, Bandar Baru, 19 Mei 1876.
40. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Ngah Lahab, 20 Disember 1876.
41. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876.
42. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876; kenyataan Sudin, 15 Disember 1876; kenyataan Se Gondah, 15 Disember 1876; kenyataan Koh Ah Yong, 16 Disember 1876. Koh Ah Yong adalah tukang enam dan sudah enam bulan tinggal di Pasir Salak. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Soodein, Singapura, 14 Disember 1876.
43. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Raja Din Marewah, 16 Disember 1876. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Se Gondah, Eandar Baru, 7 Julai 1876; kenyataan Aboo, Singapura, 23 November 1876.
44. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Allang Nhor, Bandar Baru, 27 Julai 1876.
45. C.O. 273/90, "PTMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876.
46. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Sudin, 15 Disember 1876.
47. C.O. 273/90, "PTMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876.
48. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Koh Ah Yong, 16 Disember 1876. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Se Gondah, Bandar Baru, 7 Julai 1876.
49. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Aboo, 16 Disember 1876; kenyataan Si Gondah, 15 Disember 1876; kenyataan Allang Nhor, 18 Disember 1876.
50. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Se Gondah, 15 Disember 1876.
51. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876.
52. C.O. 273/90, "PTMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876.

53. C.O. 273/86, "ECPOAEH", kenyataan Seputum, 18 Disember 1876. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Seputum, Bandar Baru, 19 Mei 1876.
54. C.O. 273/"PTMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876; kenyataan Se Gondah, 15 Disember 1876.
55. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Soodein, 15 Disember 1876; kenyataan Ngah Lahab, 20 Disember 1876, menerangkan Seputum menjalankan perintah.
56. C.O. 273/90, "PTMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876.
57. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan mahkamah, 20 Disember 1876.
58. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan, Ngah Lahab, 20 Disember 1876. C.O. 273/86, "ECPOAEH", kenyataan Seekye [Pikai, isteri Seputum]. Pikai pula dimaklumkan oleh Seputum.
59. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Odah Makam, 20 Disember 1876. Beliau mendengar penjelasan ini di rumah Dato' Maharaja Lela oleh Odah Batin dan Seputum; kenyataan Abdullah, 21 Disember 1876. "CEAP", No. 34, Sir F. A. Weld kepada Edward Stanhope, 30 September 1886, enclosure I, Hugh Low, Residen British Perak kepada Setiausaha Negeri-negeri Selat, 18 Ogos 1886, terlampir "Translation of Letter from Sultan Abdullah to Si Putum, 29th Shaaban 1292 (1st or 2nd October 1875)". Sila lihat Lampiran E.
60. C.O. 273/86, "ECPOAEH", kenyataan Seekye.
61. "CEAP", no. 30, Sir F. A. Weld kepada Kolonel Stanley, 26 Februari 1886, enclosure, Hugh Low kepada J. F. Dickson, 17 Februari 1886. "CEAP", no. 34, Sir F. A. Weld kepada Edward Stanhope, 30 September 1886, enclosure I, Hugh Low kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan, 18 Ogos 1886, terlampir "Translation of Letter from Sultan Abdullah to Si Putum, 29th Shaaban 1292 (1st or 2nd 1875)".
62. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Anjang Kinchan, 20 Disember 1876.
63. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875. C.O. 273/86, "ECCPO". Terdapat beberapa kenyataan tentang orang yang menikam Mat Arshad. Hamid menyatakan bahawa Mat Arshad ditikam pertamanya oleh Pandak Indut. (C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan

Hamid, 14 Disember 1876). Mat Tahir pula menyatakan Mat Arshad ditikam oleh Che Ali (Kulup Ali). (C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Mat Tahir, 15 Disember 1876). Si Gondah menyatakan bahawa Si Matsah yang menikam Mat Arshad dengan badik. Beliau tidak nampak Pandak Indut menikam Mat Arshad. Ketika Mat Arshad ditikam beliau berada kira-kira 18.3 meter (60 kaki). (C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Se Gondah, 15 Disember 1876. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Se Gondah, Bandar Baru, 7 Julai 1876). Koh Ah Yong dan Khoo Ah Chai pula menyatakan bahawa Pandak Indut yang menikam Mat Arshad dengan lembing. (C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Koh Ah Yong, 16 Disember 1876; kenyataan Khoo Ah Chai, 16 Disember 1876). Si Chu, peranakan Pasir Salak menyatakan bahawa beliau nampak Si Tuah yang menikam Mat Arshad dengan lembing. (C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Se Choo (Si Chu), 20 Disember 1876).

64. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876; kenyataan Mat Tahir, 15 Disember 1876.
65. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876.
66. C.O. 273/90, "PTMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876.
67. C.O. 273/90. "TMMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876; kenyataan Koh Ah Yong, 16 Disember 1876. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Se Gondah, Bandar Baru, 7 Julai 1876. Che Omar pula dalam kenyataannya sebagai saksi tertuduh, apabila ditanya oleh peguambela, J. D. Vaughan, menjelaskan bahawa Ngah Jabor diarahkan oleh Dato' Maharaja Lela ke tebing sungai kerana kedengaran bunyi bising. Beliau pulang melaporkan yang Seputum membunuh J. W. W. Birch. (C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Che Omar, 20 Disember 1876).
68. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876.
69. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Mat Tahir, 15 Disember 1876.
70. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Anjang Kinchan, 20 Disember 1876.
71. C.O. 273/90, "PTMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876.
72. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Seputum, Bandar Baru, 19 Mei 1876.

73. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Raja Din Marewah, 16 Disember 1876; kenyataan Koh Ah Yong, 16 Disember 1876; kenyataan Khoo Ah Chai, 16 Disember 1876; kenyataan Alang Nor, 16 Disember 1876; kenyataan Che Omar, 20 Disember 1876. C.O. 273/86, "ECCPO", kenyataan Se Gondah dan Seputum. C.O. 273/90, Swettenham kepada Setiausaha Jajahan Negeri-negeri Selat, 18 Disember 1875. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Pembunuhan J. W. W. Birch: Suatu Kajian Tentang Pembunuhnya", *JEBAT*, Bil. 9, 1979/80. R. J. Wilkinson, *Papers on Malay Subjects*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971), 116. C. D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, 321; *Nineteenth Century Malaya*, (London: Oxford University Press, 1967), 234. Chai Hon-Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967), hlm. 11. W. S. Morgan, *Kesah Tanah Melayu* (Singapore: The Malaya Publishing House Ltd., 1947), 100. R. O. Winstedt, *Malaya and its History* (London: Hutchison University Library, 1969), hlm. 68; *Malaya, the Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States* (London: 1932), 148. J. F. Kennedy, *A History of Malaya* (London: The Macmillan Press Ltd., 1975), 176. Donald Moore, *The Magis Dragon* (Granada Publishing Limited, 1975), 140. J. F. McNair, *Perak and the Malays* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972), 370. F. Swettenham, *Malay Sketches* (London: 1895), 242. W. R. Roff, *Stories and Sketches by Sir Frank Swettenham* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967), 83-84. C. N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867-1877*, 238. R. O. Winstedt and R. J. Wilkinson, *A History of Perak* (Kuala Lumpur: M.B.R.A.S., 1974), reprint no. 3, 114. Kematian J. W. W. Birch dianggap Gabenor Sir William Jervois sebagai kehilangan seorang pegawai yang berkelibar. (C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875).

74. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Seputum, Bandar Baru, 19 Mei 1876.

75. C.O. 273/86, "ECCPO". *ECCOPE*, 1876, hlm. 27.

76. C.O. 273/90, "PTMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876.

77. C.O. 273/90, "PTMB", kenyataan Se Gondah, 15 Disember 1876.

78. C.O.273/90, "PTMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876.

79. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Mat Tahir, 15 Disember 1876; kenyataan Inspektor Lagis bin Suboh, 19 Disember 1876. Inspektor Lagis ialah Inspektor Polis Bandar Baru.
80. C.O. 273/90, "PTMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876.
81. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Dyang Moorwah, Bandar Baru, 19 Julai 1876.
82. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Allong Nhor, 18 Disember 1876.
83. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Se Gondah, Bandar Baru, 7 Julai 1876.
84. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Abu, 16 Disember 1876.
85. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Aboo, Singapura, 23 November 1876.
86. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Allong Nhor, 18 Disember 1876.
87. *ECCOPE*, 1876, 28.
88. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Moosah [Musa], Bandar Baru, 28 Mei 1876.
89. *ECCOPE*, 1876, 29.
90. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Daeng Ismail, Bandar Baru, 14 Jun 1876. Beliau mendapat berita rancangan menyerang Kota Setia daripada Tuk Muda Alang; kenyataan Haji Ali, 13 Mei 1876; kenyataan Haji Mat Yasin, Bandar Baru, 13 Julai 1876.
91. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Ali, 13 Mei 1876.
92. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Driss, Bandar Baru, 10 Julai 1876; kenyataan Haji Mat Yasin, Bandar Baru, 13 Julai 1876.
93. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Seman, Bandar Baru, 11 Julai 1876. Beliau adalah pendayung perahu yang membawa Haji Mat Yasin ke Belanja.

MEMPERTAHANKAN MARUAH DAN KEDAULATAN

Selepas kematian J. W. W. Birch, Sub-Leftenan Abbott bersama-sama pasukannya kembali ke Bandar Baru menguatkan kedudukan serta mengambil alih tugas di situ, bersama-sama kekuatan sebanyak lebih kurang 60 orang. Namun begitu beliau masih bimbang dengan kekuatan pasukan British di Bandar Baru.¹ Ketika J. W. W. Birch dibunuh, F. A. Swettenham berada di Sayong. Pada 3 November 1875, beliau melawat Kota Lama. Kemudiannya Swettenham pulang semula ke Kuala Kangsar. Pada 4 November 1875, pukul 8.00 pagi beliau bertolak dari Kuala Kangsar, lalu singgah di Sayong. Frank Swettenham menyerahkan beberapa helai surat pengisytiharan kepada Raja Bendahara untuk dihantar ke Kota Lama. Pada hari yang sama, pukul 4.00 petang, Swettenham tiba di Belanja dan bercadang untuk bermalam di situ. Kira-kira 200 orang berkumpul di tebing sungai.² Haji Ali datang mengharungi air meminta Swettenham berhenti. Beliau bersama-sama Haji Mat Yasin menaiki perahu Swettenham.³

Ketika Haji Ali menaiki perahu, Swettenham sedang baring dan memakai sarung. Beliau kemudiannya bangun menukar pakaian.

Swettenham meminta Haji Ali memaklumkan kepada Sultan Ismail yang dia ingin menghadap. Sultan Ismail bersetuju menerima Swettenham menghadap.⁴ Sementara itu ketika bercakap-cakap dengan Frank Swettenham, Haji Mat Yasin memberitahu bahawa J. W. W. Birch telah mati di Pasir Salak. Swettenham tidak percaya dengan berita tersebut.⁵ Haji Ali pula menyatakan 17 orang, termasuk Lagis telah dibunuh di Pasir Salak oleh pengikut Dato' Maharaja Lela. Walaupun kurang percaya, tetapi setelah dinasihati Raja Mahmud, Swettenham membatalkan hasrat bermalam di Belanja dan menghadap Sultan Ismail. Padahal Haji Ali mempelawa Swettenham bermalam di Belanja. Swettenham meneruskan perjalanannya.⁶

Setelah mendapat berita Swettenham berada di Hulu Perak, Sultan Ismail mengarahkan Panglima Perang Semaun dan Tuk Bandar Hulu membunuh Swettenham. Antara pukul 9 hingga 10 malam, Panglima Perang Semaun, Tuk Bandar Hulu, Orang Kaya Besar bersama-sama dengan 16 orang dengan dua buah perahu menjejaki rombongan Swettenham untuk menangkap Swettenham. Haji Mat Yasin memberi pedang kepada Pendikar dan senapang kepada Etam, saudara Panglima Semaun. Haji Ali pula menawarkan wang kepada Panglima Perang Semaun. Sebelum bertolak, Panglima Perang Semaun menyatakan jika kedengaran tembakan bererti dia sedang berlawan dengan rombongan Swettenham. Dalam pada itu beberapa orang yang ada di tebing sungai mengingatkan Panglima Perang Semaun bahawa Raja Mahmud adalah seorang yang berbahaya dan telah membunuh ramai orang. Panglima Perang Semaun dan Tuk Bandar Hulu menjawab amaran itu dengan menyatakan bahawa Raja Mahmud hanya seorang sahaja. Pasukan ini gagal menjejaki Swettenham kerana hari telah malam dan gelap. Selain itu Sultan Ismail mengarahkan Haji Mat Yasin, Haji Ali, Kundah Jaffar dan Panglima Perang Semaun menyerang dan menawan Kota Setia. Sementara itu Orang Kaya Besar, Tuk Bandar Hulu dan pengikut bersedia membantu. Sultan Ismail juga melantik Panglima Perang Semaun sebagai

Syahbandar di Kota Setia, setelah memecat Syahbandar di sini.⁷ Swettenham tiba di Bandar Baru pada pagi 5 November 1875.⁸ Beliau menerima surat daripada Kapten Innes pada 5 November 1875 yang menyatakan bahawa pasukan yang terdiri daripada 60 orang askar dan 30 orang polis akan berangkat ke Bandar Baru.⁹

Mayat J.W.W. Birch dijumpai pada hari yang sama (2 November 1875) oleh Daing Patundo, anak Raja Daing kira-kira 182.9 meter (200 ela) dari tempat kejadian.¹⁰ Mayat ini dibawa ke Bandar Baru.¹¹ Mayat J.W.W. Birch diperiksa oleh Inspektor Lagis bin Suboh dan beliau melaporkan bahawa terdapat beberapa kecederaan di badannya seperti ditikam oleh lembing, kaki kirinya ditetak oleh parang dan jarinya terputus serta kecederaan di kepala dan tangan.¹² Kemudiannya mayat J.W.W. Birch dikebumikan di Bandar Baru pada malam 6 November 1875.¹³ Mat Arshad pula mengalami luka di perut, bahu dan kepala. Inspektor Lagis mengesyaki bahawa luka di perut itu akibat daripada benda tajam seperti rejaman lembing dan di kepala oleh pedang.¹⁴ Dua hari kemudian, 4 November 1875, mayat Din dijumpai. Pada badannya terdapat tiga kesan tikaman. Dua di belakang dan satu di dada. Sementara itu mayat Hend Sheer Singh juga dijumpai pada hari tersebut.¹⁵

Rancangan Menyerang Bandar Baru

Pada petang 2 November 1875 Wan Husin, saudara Temenggung, datang bersama pengikutnya ke Pasir Salak dari Pasir Panjang. Dia bertemu dan berbincang dengan Dato' Maharaja Lela untuk melancarkan serangan ke atas Bandar Baru. Wan Husin menyatakan dia sudah bersiap sedia dengan 30 atau 40 orang di Pasir Panjang dan sanggup menyerang Bandar Baru.¹⁶ Dato' Maharaja Lela bersetuju dengan rancangan Wan Husin dan mengarahkan penduduk hulu sungai melalui Alang Mat Taib ikut serta menyerang Bandar Baru.¹⁷ Selain itu pada petang, 2 November 1875 Maharaja Serama bersama 20 orang datang ke rumah Haji Mat

Amin. Dato' Sagor dan Si Gondah juga hadir. Mereka membawa senjata seperti keris, pedang dan lembing. Sementara Maharaja Serama dalam perjalanan untuk menyerang Bandar Baru, datang empat orang lagi bersenjata senapang. Mereka bersembahyang maghrib dan makan nasi di rumah Haji Mat Amin. Kumpulan ini meminjam tiga senapang dan mengajak Haji Mat Amin ikut serta. Haji Mat Amin menolak. Dengan itu kumpulan ini menyatakan kepada Haji Mat Amin bahawa dia bapa orang putih. Mereka berlepas ke Bandar Baru waktu malam, antara pukul 11.00 dengan 12.00.¹⁸

Wan Husin terlebih dahulu pulang ke Pasir Panjang untuk memberikan laporan kepada Sultan Abdullah. Dato' Sagor pula membuat kawalan di Kampung Gajah hingga Pasir Panjang. Kemudian Wan Husin datang lagi menemui Dato' Maharaja Lela. Di sini beliau menyatakan yang Sultan Abdullah menyerahkan tindakan seterusnya kepada Dato' Maharaja Lela. Sementara itu Wan Husin akan berunding dengan Laksamana, Syahbandar, Raja Mahkota dan Orang Kaya Mat Arshad. Dengan itu Dato' Maharaja Lela mengarahkan Wan Husin pulang ke Pasir Panjang supaya bersiap sedia dengan angkatan untuk menyerang Bandar Baru.¹⁹ Dalam gerakan menyerang Bandar Baru ini, Dato' Maharaja Lela membekalkan 12 orang lagi untuk menyertai pasukan Wan Husin. Di antara mereka yang ikut serta ialah Maharaja Serama, Kundah Amin, Pandak Param, Ngah Sudin, Si Ondah, Si Alang Taib, Si Tuah dan Si Gondah.²⁰ Di samping itu Dato' Sagor juga berjanji akan datang bersama-sama pengikutnya membantu pasukan Wan Husin. Ketika pasukan ini berjalan ke Bandar Baru, Wan Husin mengalami kecederaan di kaki dan tinggal di Pasir Panjang. Tetapi beliau memberi lembing bertatah emas kepada Pandak Param sebagai gantian kuasanya.²¹ Manakala yang lain meneruskan perjalanan dan bermalam di rumah Haji Mat Amin kira-kira setengah batu dari kediaman Residen. Oleh kerana pasukan Dato' Sagor belum lagi tiba dan kekuatan pertahanan di Bandar Baru agak kukuh menyebabkan pasukan ini tidak meneruskan

serangan ke atas Bandar Baru. Pada 3 November 1875 pasukan ini pulang ke Pasir Salak. Dato' Maharaja Lela mengadakan kenduri dan memerintahkan pengikutnya membina kubu pertahanan di Bandar Tua, empat atau lima batu ke hilir dari Pasir Salak.²² Sementara itu Dato' Maharaja Lela mengarahkan pengikutnya bersiap sedia mengawal Pasir Salak. Pada 6 November 1876, lebih kurang 40 orang membawa lembing dan senapang mengawal Pasir Salak kerana mendapat berita British akan melancarkan serangan. Dato' Maharaja Lela pula membawa pedang dan dua batang lembing, berlari-lari seperti ibu membawa anak.²³

Perang Perak

Setelah mendapat berita kematian J. W. W. Birch di Pasir Salak, kerajaan British menghantar pasukan tentera ke Perak menjalankan gerakan memburu dan menangkap mereka yang terlibat. Kehadiran pasukan British ini mencetuskan pertempuran dengan pasukan orang Melayu.

Ketika pembunuhan J. W. W. Birch di Pasir Salak, pasukan tentera di bawah Sub-Leftenan Abbott yang mengiringi J. W. W. Birch sedang berburu di Kampung Gajah, seberang Pasir Salak.²⁴ Kematian J. W. W. Birch menggemparkan kerajaan Negeri-negeri Selat dan Pejabat Tanah Jajahan di London. Berita kematian J. W. W. Birch dilaporkan kepada Leftenan Gabenor A. E. H. Anson di Pulau Pinang. Beliau kemudiannya memanjangkan berita ini kepada Gabenor Negeri-negeri Selat Sir William Jervois pada 3 November 1875. Dalam telegramnya itu dinyatakan bahawa J. W. W. Birch ketika berada di Pasir Salak untuk menyebarkan surat pengisytiharan telah dibunuh ketika sedang mandi.²⁵ Gabenor meminta penjelasan daripada Anson mengenai kematian J. W. W. Birch di Pasir Salak.²⁶ Pada 4 November 1875 Sir William Jervois melaporkan kematian J. W. W. Birch kepada Earl of Carnavon di Pejabat Tanah Jajahan London.²⁷ Setelah mendapat berita ini Sir William Jervois meminta bantuan dari London, Hong Kong dan India. William Jervois

meminta bantuan 80 orang tentera dari rejimen ke-80 di Hong Kong dan *H. M. S Modeste* dari Labuan.²⁸ Beliau telah mengarahkan pasukan askar rejimen ke-10, 80 pegawai tidak bertauliah (*Non-commissioned Officer-NCO*) dan 20 orang pasukan meriam diraja (*Royal Artillery*) berangkat ke Singapura. Pasukan ini akan bergabung di Sungai Perak. Pasukan dari Singapura akan berlepas dengan kapal *H. M. S. Fly*. Manakala kapal *H. M. S. Thistle* di bawah Kapten Bruce telah pun berlepas ke Perak. Sir William Jervois juga mengarahkan Kapten Speedy di Larut menghantar pasukan bersenjata membantu Swettenham yang berada di Kuala Kangsar. Sementara itu Mejar Dunlop pula dihantar ke Perak sebagai Pesuruhjaya dan Frank Swettenham pula sebagai Timbalan Pesuruhjaya untuk melancarkan gerakan ke hulu dari Bandar Baru.²⁹ Di samping itu Mejar McNair dilantik sebagai Pesuruhjaya dan W. E. Maxwell sebagai Timbalan Pesuruhjaya bagi melancarkan gerakan dari Larut ke Kuala Kangsar.³⁰ Kapten Speedy, Penolong Pesuruhjaya Ratu Inggeris Larut pula mendapat berita tentang kematian J. W. W. Birch pada tengah malam (3 November 1875). Beliau menghantar satu pasukan sepoi di bawah pimpinan Inspektor Deen Mohamed mengiringi Swettenham ke Larut. Speedy juga menghantar surat melalui kapal *Quedah* kepada kapal *H. M. S. Stirling* dan *H. M. S. Thistle* menyatakan kematian J. W. W. Birch dan meminta mereka membantu Leftenan Abbott di Bandar Baru. Pada 4 November 1875, Speedy memanggil ketua-ketua Melayu, Cina dan India Larut berkumpul di Mahkamah Taiping. Sementara itu arahan dikeluarkan supaya Menteri Ngah Ibrahim tinggal di dalam kotanya dan memberi bantuan menyasiat kematian J. W. W. Birch.³¹

Selepas pembunuhan J. W. W. Birch kapal api *Pluto* yang membawa 60 orang tentera dari rejimen ke-10 dan 30 orang polis di bawah C. B. Plunket dan Kapten Innes dihantar ke Batak Rabbit di bawah pimpinan Kapten Welner. Kapten Innes dilantik sebagai pemangku sementara Residen British Perak, sementara menerima arahan seterusnya daripada

Gabenor. Kynersley juga turut serta dalam pasukan itu sebagai juru bahasa.³² Kapten Welner membawa surat Leftenan Abbott kepada Sultan Abdullah yang menyatakan J. W. W. Birch dibunuh dan meminta baginda datang serta memberikan bantuan. Sultan Abdullah tidak memberi jawapan, sebaliknya bersiap sedia bersama-sama keluarga baginda untuk menyelamatkan diri sama ada ke Pulau Tiga atau Lambor. Namun begitu Sultan Abdullah mengambil keputusan berundur ke Durian Sebatang, setelah menerima nasihat Orang Kaya Mat Arshad. Dengan itu pada 3 November 1875, bersama empat buah perahu Sultan Abdullah dan diiringi oleh enam buah perahu berserta enam puluh orang yang cekap bersenjata bertolak dari kediamannya. Dalam perjalanan mereka singgah di Sungai Durian dan mengarahkan Raja Mahkota bersama-sama empat buah perahu lengkap dengan lela dan senjata ikut serta ke Durian Sebatang. Di Durian Sebatang Sultan Abdullah bertemu Laksamana dan Syahbandar. Ketika berada di sini, Sultan Abdullah menulis surat kepada Leftenan Abbott menyatakan akan mudik ke Bandar Baru apabila selesai mengumpulkan pengikut untuk membantu pasukan British.

Pada waktu malam Sultan Abdullah mengadakan mesyuarat dengan pembesar. Dalam mesyuarat itu Sultan Abdullah menegaskan bahawa J. W. W. Birch telah pun mati dan cuba mendapatkan idea tentang apakah rancangan yang paling baik untuk bertindak. Laksamana menegaskan kebimbangannya jika pihak British melepaskan tembakan ke arah rumah mereka kerana letaknya berhampiran dengan sungai. Manakala Syahbandar pula melahirkan rasa bersalah sekiranya tidak berperang dengan pihak British, kerana persetujuan telah pun dibuat dengan Sultan Ismail sebelum ini; pasukan Sultan Abdullah akan bersedia di Hilir Perak dan pasukan Sultan Ismail di Hulu Perak. Dalam keadaan yang demikian Sultan Abdullah mencadangkan supaya mudik ke Bandar Baru dan berpura-pura berpihak kepada British serta mengambil beberapa orang penduduk yang terlibat dalam pembunuhan J. W. W.

Birch dan menyerahkannya kepada British. Seterusnya mereka akan menghebahkan berita bahawa J. W. W. Birch mengganggu perempuan di Pasir Salak. Raja Mahkota dan Laksamana bersetuju dengan rancangan Sultan Abdullah. Berikutnya Laksamana mengesyorkan kepada Sultan Abdullah supaya menyelamatkan keluarganya di Kuala Chiku dan hendaklah dikawal dengan senjata. Selepas itu barulah mereka berangkat ke Bandar Baru berlagak memberi bantuan.

Haji Mat Yasin dan Haji Ali datang ke Durian Sebatang menghadap Sultan Abdullah. Kedua-duanya berlepas dengan perahu dari Belanja pada 5 November 1875, ke Pasir Salak dan seterusnya tiba di Durian Sebatang pada 6 November 1876. Mereka ke Durian Sebatang melalui sungai yang mengalir dari Kuala Trus; tidak melalui Bandar Baru. Jalan ini diambil kerana mereka bimbang akan ditahan oleh pasukan British dan senjata yang dibawa di dalam perahu akan dirampas. Mereka tiba di Durian Sebatang pada tengah malam dan menghadap Sultan Abdullah di perahunya. Sebelum ini Haji Ali dititahkan ke Belanja oleh Sultan Abdullah untuk menjemput Haji Mat Yasin datang menghadap baginda. Haji Ali sampai di Belanja dan berjumpa Haji Mat Yasin pada 4 November 1875 dan menyampaikan titah Sultan Abdullah.³³

Sultan Abdullah dan Laksamana bercadang ke Batak Rabbit. Kemudian baginda berangkat ke rumah Haji Musa di Batak Rabbit. Di sini terdapat Hajjah Hawa, isteri Haji Musa, Orang Kaya Mat Arshad dan Raja Mahkota. Sultan Abdullah membawa Hajjah Hawa ke Durian Sebatang. Kira-kira tujuh buah perahu bergerak ke Durian Sebatang: perahu Laksamana, perahu Orang Kaya Mat Arshad, perahu Sultan Abdullah, perahu Syahbandar, perahu Haji Mat Yasin, perahu Haji Ali, perahu Dato' Sagor dan perahu Raja Mahkota. Semua perahu ini dibekalkan dengan senjata. Setelah tiba di Durian Sebatang, Sultan Abdullah, Syahbandar dan Laksamana mencadangkan ke Kuala Chiku, sekiranya British datang menyerang. Sementara itu tersebar berita bahawa British akan menyerang. Ramai penduduk kampung menyembunyikan

harta mereka dan menanam lela di dalam tanah.³⁴ Sultan Abdullah dan pengikutnya berangkat ke Kuala Chiku. Baginda meninggalkan barang berharga dan keluarganya di situ. Kemudian pada petangnya, Sultan Abdullah bersama-sama pasukan yang terdiri daripada lima belas perahu lengkap dengan senjata bertolak ke Bandar Baru.

Di Bandar Baru, Sub-Leftenan Abbott menguatkan kedudukannya dengan pasukan tentera yang ada di situ. Sementara itu beliau meminta bantuan daripada Sultan Abdullah pada 3 November 1875. Dengan itu Sultan Abdullah menulis surat pada 3 November 1875 kepada Sub-Leftenan Abbott menyatakan bahawa baginda telah menerima surat tersebut.³⁵ Baginda juga menyatakan akan mengumpulkan penduduk kampung yang kini telah pun lari untuk membantu kekuatan di Bandar Baru.³⁶ Sultan Abdullah seterusnya menghantar kerani Muhammad Gaus ke Bandar Baru menyatakan baginda kurang sihat dan ramai penduduk kampung telah meninggalkan rumah mereka setelah mendengar berita kekacauan.³⁷ Sultan Abdullah dan pengikutnya datang ke Bandar Baru. Swettenham yang berjaya menyelamatkan diri daripada serangan di hulu tiba di Bandar Baru pada 5 November 1875. Di sini beliau menegaskan kepada Sultan Abdullah bahawa beliau tidak memerlukan bantuan. Dengan itu Sultan Abdullah dan pengikutnya pulang ke Kuala Chiku.³⁸ Maharaja Serama dan Si Tuah juga akan turut serta dalam serangan yang dirancangan ke atas Bandar Baru.³⁹

Pada 4 November 1875 kapal api *Pluto* di bawah pimpinan Kapten Welner dihantar ke Batak Rabbit. Kapten Innes diarah mendapatkan maklumat daripada Kapten Welner mengenai mereka yang terlibat dalam serangan yang menyebabkan kematian J. W. W. Birch. Sementara itu makluman hendaklah dihebahkan kepada penduduk tempatan bahawa kedatangan pasukan British adalah untuk bermesyuarat dengan Sultan dan pembesar untuk mengesan mereka yang terlibat dalam pembunuhan J. W. W. Birch.⁴⁰ Pada pagi 5 November 1875 kapal api *Pluto* tiba di Durian Sebatang bersama-sama Kapten Innes, 60 orang tentera dari

rejimen ke-10, Leftenan Booth dan Elliot bersama C. B. Plunket, Penguasa Polis Pulau Pinang yang mengetuai pasukan kecil polis, yang terdiri daripada 30 orang anggota dan Kynerley sebagai jurubahasa.⁴¹ Kapten Innes menghantar wakil menghadap Sultan Abdullah supaya turut sama memberi bantuan di Bandar Baru. Sultan Abdullah meminta maaf kerana tidak memberi bantuan setelah dilarang oleh Swettenham. Kapten Innes dan pasukan di bawahnya mudik ke Bandar Baru. Dalam pada itu datang Maharaja Dinda dari Pasir Salak menghadap Sultan Abdullah menuntut janji yang baginda sanggup memberi bantuan. Sultan Abdullah telah membekalkan 500 gantang beras yang diberi daripada saudagar Terengganu. Bekalan ini dibawa ke Pasir Salak melalui Sungai Belah dengan tiga buah perahu di bawah kendalian Muhammad Said (pengikut Sultan Abdullah) dan Raja Musa (saudara Sultan Abdullah).

Pada 5 November 1875 Kapten Speedy mendapat maklumat bahawa Syahbandar terlibat dalam pembunuhan di Pasir Salak. Syahbandar benci pada J. W. W. Birch kerana perlantikan pegawai kastam di Rumah Kastam kerajaan di Kuala Sungai Perak, di Kota Setia telah menyebabkan pendapatan dan pekerjaannya hilang. Dengan itu Kapten Speedy mencadangkan supaya Syahbandar ditahan sehingga mereka yang terlibat dalam pembunuhan J. W. W. Birch ditahan atau menyerah diri. Sementara itu berita juga telah tersebar bahawa Sultan Ismail sedang mengumpulkan kekuatan untuk mengawal kemasukan ke Sungai Bidor. Pembesar pula membawa anak, isteri dan harta mereka ke kawasan pedalaman. Orang Cina memaklumkan bahawa kekuatan 1,000 orang bersedia mara ke pelbagai hala dari Kinta. Mesyuarat di antara pembesar Melayu dan ketua-ketua Cina telah diadakan dan ketua-ketua Cina bersetuju tidak akan melibatkan diri mereka dalam pertempuran.⁴²

Pada 5 November 1875, Wan Husin berjaya mengumpulkan kira-kira 70 orang untuk melancarkan serangan ke atas Bandar Baru. Pada malam hendak melancarkan serangan, terdapat berita yang menyatakan Sultan Abdullah berada di Bandar Baru. Dengan itu Alang Nor dan

Kulup Bahleng dihantar menyiasat di sana. Mereka tiba di Bandar Baru dan menghadap Sultan Abdullah pada pagi 6 November 1875. Turut hadir pada ketika itu ialah Laksamana, Syahbandar dan Raja Mahkota. Dalam pertemuan ini Alang Nor melaporkan bahawa Dato' Maharaja Lela bersiap sedia menghantar pasukan di bawah pimpinan Wan Husin untuk melanggar Bandar Baru. Tetapi Sultan Abdullah menasihatkan jangan melancarkan serangan ke atas Bandar Baru ketika baginda berada di sana. Tujuannya untuk mengelakkan tuduhan Sultan Abdullah bersubahat. Sultan Abdullah menitahkan Alang Nor ke Belanja menghadap Sultan Ismail untuk meminta bantuan Dato' Maharaja Lela. Setelah mendapat pesanan Sultan Abdullah ini, Sultan Ismail berjanji akan menghantar bantuan. Di samping itu Sultan Ismail mengarahkan Tuk Nara Lambor mengumpul penduduk sepanjang sungai membantu Dato' Maharaja Lela. Barang siapa yang engkar dikenakan denda sebanyak \$5. Sementara itu Sultan Ismail juga mengarahkan Nakhoda Mahadi ke Kinta menemui Panglima Kinta menyatakan yang Sultan Ismail meminta bantuan Dato' Maharaja Lela. Sultan Ismail mengarahkan Alang Nor ke Sayong menjemput Raja Bendahara dan Seri Maharaja Lela datang menghadap baginda. Seri Maharaja Lela menyatakan sanggup menghadap, tetapi Raja Bendahara Husin tidak mahu menghadap. Kemudiannya datang pula Orang Kaya Besar Syed Mahmud dari Belanja memaklumkan kepada Raja Bendahara Husin dan isteri serta Seri Maharaja Lela supaya datang menghadap Sultan Ismail segera.⁴³

Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor membina kubu di kawasan berhampiran dengan kedai Cina di Pasir Salak. Kira-kira 366 atau 457 meter (400 atau 500 ela) ke darat terdapat sebuah lagi kubu.⁴⁴ Sementara itu Sultan Ismail telah mengumpulkan kira-kira 7,000 orang untuk menentang British. Kubu-kubu dibina di Sungai Perak dan dilindungi pokok jagung dan pisang.⁴⁵ Pada 6 November 1875, Kapten Innes bersama kapal api *Pluto* tiba di Bandar Baru.⁴⁶ Pada 7 November 1875 angkatan British yang terdiri daripada Swettenham bersama 20 orang

peninjau (*Scout*) Melayu yang terdiri daripada Raja Mahmud dengan dua orang pengikutnya serta Nakhoda Orlong bersama-sama 14 orang pengikut dan seorang pemandu polis; Kapten Booth bersama 20 orang tentera dari rejimen ke-10, pasukan roket di bawah Sub-Leftenan Abbott, *blue jacket* dan satu pasukan di bawah Kapten Innes; C.B. Plunket, Pesuruhjaya Polis Pulau Pinang bersama 47 orang Sikh dan 20 anggota polis; dan Leftenan Elliot bersama-sama dengan 26 orang tentera dari rejimen ke-10 dan seorang juruubat membuat persiapan untuk menyerang Pasir Salak. Pasukan di bawah pimpinan Swettenham bergerak terlebih dahulu pada 7 November 1875 tetapi berhenti di rumah Raja Che Muda. Kemudian mereka meneruskan perjalanan. Apabila sampai di Kuala Piah, kira-kira pukul 11.30 pagi berlaku pertempuran dengan pengikut-pengikut Maharaja Lela.⁴⁷ Pasukan orang Melayu diketuai oleh Dato' Sagor.⁴⁸ Setelah gagal mengatasi serangan orang Melayu, serta mengalami kecederaan dan kematian, pasukan British mengambil keputusan mengundurkan diri pada pukul 1.15 tengah hari. Pasukan British tiba di perahu pada pukul 2.45 petang; seterusnya mereka berundur lagi ke Bandar Baru dan tiba di sana pada pukul 3.15 petang. Dalam pertempuran ini, Kapten Innes, Koperal Fay, seorang Sikh dan Nakhoda Orlong daripada Peninjau Melayu terbunuh; Kapten Booth, empat orang dari rejimen ke-10 dan seorang peninjau Melayu cedera ringan; dan Leftenan Elliot serta empat orang daripada rejimen ke-10 cedera parah. Nakhoda Orlong mati akibat tembakan di kepalanya. Mayatnya dituntut oleh saudara-mara dan pengikutnya. Mayat Koperal Fay dibuang ke dalam sungai, tetapi dijumpai. Kapten Innes dan Koperal Fay dikebumikan berhampiran dengan kubur J. W. W. Birch di Bandar Baru.⁴⁹ Pada hari itu juga Sultan Abdullah datang ke Kuala Chiku dari Durian Sebatang. Di Kuala Chiku Sultan Abdullah bertemu Haji Mat Yasin dan Haji Ali yang baru pulang dari Belanja dan membawa surat daripada Sultan Ismail supaya melanggar Kota Setia bersama-sama Penghulu Mat Ali. Haji Mat Yasin juga melaporkan kepada Sultan

Abdullah bahawa Sultan Ismail telah bersedia untuk berperang dengan British di kawasan Hulu dan mengharapkan Sultan Abdullah bertindak sama di kawasan Hilir. Sultan Abdullah menegaskan bahawa baginda tidak boleh bertindak demikian kerana pasukan British sentiasa bersedia, tetapi baginda akan berpura-pura membantu British.

Pada 9 November 1875, Gabenor Sir William Jervois tiba di Sungai Perak dengan diiringi oleh Mejar Dunlop yang merangkap sebagai Pemangku Pesuruhjaya Perak. Kemudian datang pula Kapten Bruce dengan kapal *Fly* mengiringi Sultan Abdullah, Laksamana dan Syahbandar menghilir ke Teluk Intan menemui Sir William Jervois dan baginda menyatakan dengan penuh semangat akan membantu Gabenor dan berjanji akan membekalkan perahu dan orang kepada Mejar Dunlop. Gabenor Sir William Jervois pulang ke Singapura pada 9 November 1875 dan tiba pada 11 November 1875.⁵⁰ Manakala kapal *Fly* dan *Thistle* ditinggalkan di Durian Sebatang serta 131 orang tentera dari rejimen ke-10 dan 20 orang anggota pasukan meriam diraja (*royal artillery*) di Bandar Baru. Sementara itu Sultan Abdullah, Laksamana dan Syahbandar menghilir ke Batak Rabbit mengambil senjata dan peluru kepunyaan Haji Hawah lalu pulang pada malam itu juga ke Durian Sebatang dengan Haji Mat Yasin dan Haji Mat Ali.

Kemudian Haji Mat Ali dicurigai akan melancarkan serangan ke atas pasukan di bawah pimpinan Kapten Innes. Haji Mat Ali dan orang-orangnya telah ditangkap dan senjata di dalam perahunya telah dirampas. Haji Mat Ali dan perahunya dibawa ke kapal *Thistle*. Setibanya di kapal *Thistle*, keris Haji Mat Ali dirampas oleh Kapten Welner. Seterusnya semua barang yang ada di dalam perahu itu, timah, senapang, lembing, bahan letupan dan gong dirampas serta diletakkan di atas kapal. Haji Mat Ali cuba mendapatkan penjelasan mengenai penahanannya. Tetapi Swettenham yang berada di dalam kapal tersebut meminta beliau berdiam diri. Bersama-sama Swettenham, ialah Bendahara Johor dan Nakhoda Trang. Tujuh hari kemudiannya Haji Mat Ali diletakkan di

bawah jagaan Kapten Bruce, sehingga dibawa ke Pulau Pinang oleh C. B. Plunket.⁵¹ Pada 9 November 1875 laporan dihantar ke Pulau Pinang menyatakan bahawa Sultan Ismail, Dato' Maharaja Lela dan Sultan Abdullah terlibat dalam pakatan menentang British. Sementara itu Syed Masahor dari Klang dan Tuan Chee dari Kuala Muda berada di Perak untuk bergabung dengan Sultan Ismail. Jumlah anggota kumpulan ini ialah kira-kira 10,000 orang. Mereka akan dihantar ke Hilir Perak dengan gajah.⁵² A. E. H. Anson diberi kepastian oleh O. H. String, Penolong Penguasa Polis Pulau Pinang tentang kesahihan berita tersebut.

Persiapan dibuat untuk menerima kedatangan pasukan bantuan dari India dan Hong Kong dan juga untuk mengawal pantai Perak. Pada 15 November 1875 pasukan British di bawah pimpinan Kapten Dunlop dari arah darat dan sungai menyerang Pasir Salak. Pertempuran berlaku di Kampung Pisang, Bandar Tua. Pasukan British ini ditentang oleh pasukan Melayu yang terdiri daripada Dato' Maharaja Lela, Pandak Indut, Penghulu Muda, Odah Adam dan Muhammad Perak. Dalam pertempuran ini pasukan orang Melayu terpaksa mengundurkan diri. Sepuluh orang Melayu terkorban dan dua orang mengalami kecederaan.⁵³

Dalam pertempuran dengan pasukan tentera British, Dato' Maharaja Lela mengarahkan mengikutnya menggunakan meriam yang dirampas dari perahu naga J. W. W. Birch. Jumlah mereka yang berada di dalam kubu ini, kira-kira 300 orang. Pasukan Dato' Maharaja Lela melepaskan tembakan meriam ke arah perahu kenaikan pasukan British yang menghala ke Kampung Gajah. Namun begitu tembakan ini tidak sampai ke sasarannya. Kemudian datang pula perahu berenjin kenaikan pasukan British menghala ke Kampung Gajah. Pasukan ini melepaskan tembakan ke arah pertahanan orang Melayu. Tetapi tembakan mereka gagal mengena sasaran. Namun begitu pasukan British ini berjaya tiba di Kampung Gajah. Apabila pasukan British ini tiba di Kampung Gajah, semua orang Melayu yang bertahan di dalam kubu keluar mengundurkan diri.⁵⁴ Dalam gerakan ini pasukan British

membakar rumah di sepanjang sungai di Kampung Gajah dan Pasir Salak. Perahu, senjata dan harta benda J. W. W. Birch telah dijumpai semula. Rumah dan Kampung Dato' Maharaja Lela turut dibakar.⁵⁵ Kemudiannya Dato' Maharaja Lela mengundurkan diri bersama Mat Amin, Che Odah Pulau, Maharaja Dewa, Penghulu Teluk, Raja Ibrahim, Che Ngah Jabor dan lebih kurang 100 orang melalui jalan darat. Sultan Abdullah, Laksamana, Raja Mahkota, Raja Idris, Syahbandar bersama 20 perahu singgah di Selat Pulau, Pulau Tiga dan Lambor untuk mendapatkan bantuan. Sultan Abdullah singgah dua hari di Lambor. Baginda gagal mendapatkan bantuan di Pulau Tiga, dan hanya memperoleh beberapa orang di Lambor.⁵⁶ Ketika pasukan British berada di Pasir Salak, ramai penduduk Pasir Salak datang berlindung di rumah Dato' Maharaja Dinda. Manakala bapa Syahbandar bersama kira-kira 60 orang dibawa oleh Syahbandar berlindung di Pasir Panjang.⁵⁷

Serangan ke atas Pasir Salak ini dan kemenangannya dilaporkan melalui telegraf kepada Gabenor Sir William Jervois. Pada 16 November 1875, 300 orang tentera dari rejimen ke-80 di bawah pimpinan Mejar Jeneral Francis Colborne tiba di Singapura dari Hong Kong. Sir William Jervois berunding dengan Mejar Jeneral F. Colborne pada 16 dan 17 November 1875. Pasukan Mejar Jeneral F. Colborne akan berangkat ke Perak pada 17 November 1875.⁵⁸ Kemudiannya beliau mengarahkan Pegawai Kanan Tentera Laut, Komander Singleton membawa pasukan tentera Hong Kong dengan kapal *H. M. S. Ringdove* dan *Egeria* ke Perak. Pada 16 Disember 1875 Gabenor menulis surat kepada Earl of Carnavon memaklumkan bahawa pasukan tentera Perancis di bawah Komodor Baron Brossard de Corbigny yang mengepalai kapal *Frigate D' Assas* dari tentera laut Perancis bahagian Indo China telah datang ke Singapura menawarkan bantuan daripada Gabenor Saigon untuk terlibat dalam gerakan mengatasi tentangan orang Melayu Perak. Gabenor Sir William Jervois tidak dapat menerima tawaran itu dan meminta Earl of

Carnavon melahirkan terima kasih bagi pihak kerajaan British kepada kerajaan Perancis.⁵⁹

Pada 18 November 1875 Gabenor Negeri-negeri Selat menulis surat kepada Mejar Jeneral Colborne, pemerintah tentera di Perak, mengarahkan supaya mendirikan markas di Pasir Salak, Kuala Kangsar dan Belanja dan juga supaya mengambil sebarang tindakan sebelum beliau tiba di Perak. Pada 21 November 1875 Gabenor Sir William Jervis bersama Mejar McNair merangkap Pemangku Pesuruhjaya Ratu Inggeris tiba di Perak dengan kapal *Pluto*. Dari Durian Sebatang Gabenor Sir William Jervis menulis surat pada 22 November 1875 dan terlampir pengisytiharan kepada penduduk Perak bahawa kehadiran tentera British di Perak adalah baik iaitu untuk memulihkan keamanan dan menjamin keselamatan nyawa dan harta. Pasukan British ini tidak akan mengganggu kawasan yang tidak terlibat dalam gerakan menentang British. Pengisytiharan yang ditandatangani oleh Sultan Abdullah dan Pesuruhjaya ini juga menawarkan hadiah kepada sesiapa yang melaporkan maklumat berhubung dengan pembunuhan J. W. W. Birch. Gabenor Sir Willaim Jervis juga menulis surat (pada hari yang sama) kepada Sultan Ismail, Raja Yusof dan Raja Idris. Di dalam suratnya kepada Sultan Ismail, Gabenor Sir William Jervis menyatakan rasa terkejut beliau kerana sehingga setakat ini Sultan Ismail belum lagi menulis surat kepadanya menyatakan bahawa baginda tidak terlibat dalam pakatan membunuh J. W. W. Birch ataupun menyatakan kesanggupan untuk membantu menangkap pembunuh J. W. W. Birch.

Gabenor Sir William Jervis juga menyatakan perlunya satu pasukan tentera British di Perak untuk bertindak ke atas mereka yang melakukan kekejaman dan juga untuk mengekalkan keamanan serta menjamin keselamatan harta benda di Perak. Gabenor juga meminta Sultan Ismail menjelaskan hubungan baginda dengan British iaiyu sama ada sebagai kawan atau musuh. Kemudian Gabenor Sir William Jervis berangkat ke Pulau Pinang. Untuk beberapa ketika serangan tidak dilakukan kerana

memberi peluang kepada para pembesar Perak untuk menimbangkan cadangan yang dikemukakan oleh Gabenor Sir William Jervois. Pada 26 November 1875 pasukan bantuan daripada India di bawah pimpinan Brigedier Jeneral J. Ross bersama Mejar Mark Heathcote, Mejar H. L. Hawkins, Leftenan J. J. Preston, Mejar Twigge dan Kapten A. R. Badcock bersama 600 orang tentera dari regimen ke-3 dan 400 orang pasukan Gurkha sampai di Pulau Pinang. Pasukan ini mendarat di Pulau Pinang pada 27 November 1875, kemudiannya berangkat ke Perak pada 3 Disember 1875.

Setelah Pasir Salak diduduki oleh British, Maharaja Lela mendirikan bentengnya di Pulau Tiga. Dari sini beliau mengutuskan Tuk Bandar Hulu menghadap Sultan Ismail untuk mendapatkan bantuan tambahan kekuatan. Sultan Ismail tidak memenuhi permintaan ini. Sultan Abdullah dan Dato' Syahbandar mengarahkan Mat Ali, anak saudara Dato' Syahbandar memberitahu Dato' Maharaja Lela supaya berundur dan berlindung dengan Sultan Ismail.⁶⁰ Pada ketika ini isteri dan keluarga Dato' Maharaja Lela berlindung di sebuah pulau di Belanja di bawah jagaan Sultan Ismail. Dato' Maharaja Lela bersama 15 orang pengikutnya datang mengambil perahunya di Selat Pulau lalu mudik ke Belanja untuk mendapatkan perlindungan Sultan Ismail. Ketika dalam perlindungan ini Dato' Maharaja Lela meminta Sultan Ismail membekalkan 50 orang bersenjata untuk pulang ke Pasir Salak melancarkan serangan ke atas pasukan British. Walaupun Sultan Ismail menyatakan akan sentiasa membantu di antara satu sama lain, tetapi baginda menasihati Dato' Maharaja Lela supaya berundur dahulu dan membuat rancangan lain kemudian. Dengan itu Dato' Maharaja Lela dan keluarga berundur ke Pengkalan Papan, pertengahan jalan ke Kinta.⁶¹

A. E. H. Anson mencari maklumat mengenai Sultan Ismail. Menantu Sultan Ismail, Tunku Syed Husin menyatakan kepada A. E. H. Anson bahawa Sultan Ismail tidak terlibat dalam gerakan menentang British. Sultan Ismail dipengaruhi oleh Sultan Abdullah supaya jangan

menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian Pangkor. Dengan permintaan Tunku Syed Husin, A. E. H. Anson menulis surat kepada Sultan Ismail meminta penjelasan bainya.⁶² Dalam suratnya kepada Sultan Ismail, A. E. H. Anson meminta Sultan Ismail meminta baginda membuktikan kenyataan Tunku Syed Husin bahawa baginda tidak terlibat dalam gerakan menentang British. Seiring dengan itu Sultan Ismail diminta mengemukakan nama mereka yang terlibat, atau menangkap mereka yang terlibat dan membawa mereka sama ada ke Bandar Baru atau Larut.⁶³ Setelah mendapat berita pasukan British bersama-sama Swettenham datang ke hulu, Sultan Ismail dan keluarga baginda meninggalkan Belanja menuju ke Papan. Pada pagi 13 Disember 1875 Sultan Ismail bersama-sama Tuk Nara, Panglima Perang Semaun dan Tuk Bandar Hulu bersama kira-kira 30 orang pengikut lelaki dan wanita berundur ke Kinta. Beberapa hari kemudian Sultan Ismail pulang semula ke Belanja.⁶⁴ Baginda menghubungi⁶⁵ Gabenor Sir William Jervois membantah pendudukan tentera British di Perak dan menafikan penglibatan baginda dalam pembunuhan J. W. W. Birch.

Kemudian datang Orang Kaya Besar Syed Mahmud dari Kuala Kangsar menghadap Sultan Ismail, untuk membawa utusan Maharaja Abu Bakar Johor. Utusan ini membawa surat Gabenor menjemput Sultan Ismail datang ke Kuala Kangsar berunding dengan Mejar McNair. Sultan Ismail memaklumkan bahawa baginda tidak boleh datang kerana menghadapi masalah besar. Dengan itu Mejar McNair menggesa Sultan Ismail meminta bantuan British. Dalam pada itu Sultan Ismail mendapat berita bahawa Swettenham dan pasukan British masih bergerak ke hulu. Melalui utusan baginda, Sultan Ismail menghantar surat kepada Swettenham meminta beliau jangan datang ke hulu kerana baginda akan berjumpa Mejar McNair. Sementara itu Raja Oteh dan Raja Mahmud sudah pun sampai di Selabu. Sultan Ismail menghantar utusan, Haji Bakar, memberitahu pasukan itu supaya jangan mudik dahulu. Pasukan itu tidak mengendahkan amaran Sultan Ismail. Mereka terus mara dan

menyatakan kedatangan ke hulu adalah untuk bertemu Mejar McNair. Dengan itu Sultan Ismail mengarahkan pengikut baginda bersiap sedia.

Kemudiannya Sultan Ismail mendapat lagi berita iaitu Swettenham dan angkatan British dalam perjalanan ke hulu. Dengan itu baginda bersama keluarga dan pengikut sekali lagi berundur ke Papan dan seterusnya ke Kinta. Dalam perjalanan ke Kinta Sultan Ismail berhenti satu malam di Changkat Telap. Baginda mengutuskan Haji Raja Yahya ke Kinta meminta bantuan tambahan daripada Panglima Kinta, Raja Ngah. Panglima Kinta menjelaskan bahawa beliau tidak boleh memberi bantuan. Dengan itu Sultan Ismail ke Kinta. Apabila tiba di Kinta, Sultan Ismail mendapati bahawa Panglima Kinta, keluarganya serta saudaranya Raja Husin bersama alat-alat kebesaran telah pun berundur. Namun begitu mereka sempat berjumpa di Kepayang. Panglima Kinta meninggalkan alat-alat kebesaran di Kepayang. Sultan Ismail mengundurkan diri lagi dari Kepayang ke Kuala Takon dan seterusnya ke hulu Kinta. Sultan Ismail berundur ke hulu Kinta, dalam perjalanan ke Kedah. Baginda mengambil keputusan berundur ke Kedah, kerana mendapat berita Swettenham sudah pun tiba di Kinta.⁶⁶

Gerakan mengesan Sultan Ismail dikendalikan oleh John E. Hewick, Timbalan Penguasa Polis Seberang Perai bersama pasukan orang Melayu Kedah dan pelombong Melayu Selama serta pasukan di bawah Raja Yusof yang dipimpin oleh W. G. Maxwell. Pasukan Raja Yusof bergerak dari Kuala Kangsar ke hulu; manakala pasukan Hewick bergerak dari Selama. Dalam pada itu pihak British menghantar surat kepada Sultan Kedah, Patani dan Kelantan meminta bantuan mengesan mereka yang terlibat dalam pembunuhan J. W. W. Birch. Konsul Besar British di Bangkok juga dihubungi untuk menyatakan kepada kerajaan Thailand supaya mengarahkan negeri-negeri Melayu di bawah pengaruhnya supaya tidak membantu Sultan Ismail. Gerakan memburu ini menyebabkan Sultan Ismail merasakan dirinya tidak selamat berada di Hulu Perak.⁶⁷

Sementara itu Gabenor Sir William Jervois menghubungi Sultan Kedah, Terengganu dan Kelantan dengan tujuan untuk mengesan pejuang Perak yang mungkin bersembunyi di negeri masing-masing. Dalam hal ini Sultan Ahmad Tajuddin memberi jaminan akan menyiasat tempat persembunyian mereka dan seterusnya melaporkan berita kepada pihak British.⁶⁴

John E. Hewick mendapat arahan daripada Gabenor Negeri-negeri Selat untuk pergi ke Perak bagi mendapatkan mereka yang terlibat membunuh J. W. W. Birch. Beliau bersama-sama 29 anggota polis dan 24 orang Melayu bertolak dari Butterworth ke Perak pada 5 Januari 1876. Beliau kemudiannya akan bergerak ke Jarnai untuk menangkap Sultan Ismail dan beberapa orang pembesar yang bersembunyi di situ. John E. Hewick dan pasukannya tiba di Selama pada hari Jumaat, 7 Januari 1876, lalu berjumpa Che Karim dan menyerahkan surat Gabenor. Gabenor dalam suratnya kepada Che Karim mengarahkan beliau supaya membekalkan 300 orang untuk membantu John E. Hewick. Pada hari Sabtu, 8 Januari 1876, Che Karim bersama 28 orang dan John E. Hewick dibantu oleh 20 orang Rawa bersama pasukannya memulakan perjalanan dan tiba di Batu Belah. Seterusnya pada hari Ahad, 9 Januari 1876, mereka mara ke Ijok (Hijow). John E. Hewick melalui jalan berlumpur kerana hujan lebat sebelum itu. Setelah bermalam di situ, pada hari Isnin 10 Januari 1876, John E. Hewick menghantar peninjau dan mendapat laporan bahawa Sultan Ismail menguatkan pertahanannya.

Dengan itu pada hari Selasa, 11 Januari 1876, John E. Hewick mengarahkan 30 orang Rawa berkubu di Bukit Kubu. Che Karim pula diarahkan menghantar surat yang ditulis di Selama kepada Sultan Ismail, menyatakan kesediaan beliau membantu baginda sekiranya Sultan Ismail sanggup berbincang. Langkah ini diambil untuk melindungi matlamat kemaraan mereka, kerana berita telah pun tersebar mengatakan pasukan besar di bawah John E. Hewick datang melalui Ijok. Pada hari Rabu, 12 Januari 1876, pukul 4 pagi John E. Hewick bersama-sama 90 orang

dalam keadaan kekurangan makanan dan peluru mara ke Kampung Sultan Ismail untuk mengejutkan baginda. Pasukan di bawah pimpinan John E. Hewick, terdiri daripada 64 anggota polis dan orang Melayu, 60 orang Rawa dan 18 orang Mendeheling di bawah pimpinan Raja Desa (Dessah), salah seorang pengikut Kapten Speedy. Ketika hampir tiba di Kampung Sultan Ismail, mereka mendapat berita bahawa Sedika Raja bersama-sama pengikutnya dan orang Patani ada di kampung tersebut. John E. Hewick lalu berbincang dengan Che Karim tentang langkah yang perlu diambil. Keputusan telah diambil untuk menangkap Sedika Raja. Pertempuran pun berlaku di antara kedua-dua belah pihak. John E. Hewick melaporkan bahawa Sedika Raja, Pandak Indut dan Tengah telah terbunuh.⁶⁹ Maklumat kematian Pandak Indut ini didasarkan kepada pengakuan Abu kepada Penguasa Polis Kapten O. H. String yang menyatakan mereka yang terbunuh itu Sedika Raja dan Pandak Indut.⁷⁰ Padahal Pandak Indut tidak terkorban dalam pertempuran ini.

Seterusnya John E. Hewick mendapat maklumat bahawa orang Melayu akan melancarkan serangan. Dengan itu beliau bersama Che Karim dan 40 orang pergi ke Bukit Kubu. Perjalanan ini menghadapi pelbagai masalah, seperti kekurangan makanan. Kemudiannya John E. Hewick mendapat maklumat bahawa Sultan Ismail telah mengundurkan diri, kira-kira dua jam sebelum Kampung Batu Bedinding diduduki. Beliau meninggalkan 30 orang berkawal di Bukit Kubu, sebelum bertolak ke Ijok. Pasukan yang berkawal di Batu Bedinding berjaya mendapatkan perahu kecil untuk menyeberangi sungai ke khemah yang telah ditinggalkan oleh Sultan Ismail. Pasukan ini berjaya menembak seorang pengikut Sultan Ismail, menangkap tiga orang lelaki dan tiga orang wanita yang tidak sempat melarikan diri. Selain itu pasukan ini membakar tiga buah rumah yang didirikan oleh Sultan Ismail sebelum pulang ke Batu Bedinding.

Dalam usaha mengawal orang Patani daripada terlibat membantu pejuang Perak, wanita dan kanak-kanak Patani dikumpulkan

berhampiran Batu Bedinding. Sementara itu Wan Abu Bakar Ijok dan Meor Hamid, kedua-duanya telah dihalau dari Perak oleh Sedika Raja dan Orang Kaya Besar, telah dihantar oleh John E. Hewick sebagai penghulu orang Patani. Perlantikan ini dilakukan sementara menunggu arahan daripada Gabenor. Kemudiannya John E. Hewick mengarahkan Che Karim menjejaki Sultan Ismail yang berundur dengan Tuan Chee menuju Pulau, Kedah. John E. Hewick juga mengarahkan pasukan ke Bada menjejaki Dato' Maharaja Lela di situ. Sultan Ismail ketika berundur meninggalkan 17 ekor gajah. Tiga ekor telah ditangkap; manakala bakinya akan dikumpulkan di Ijok setelah ditangkap. Kemudiannya John E. Hewick pulang ke Pulau Pinang.⁷¹

Pasukan British di bawah Mejar Jeneral Colborne dengan 350 orang tentera tiba di Belanja pada 13 Disember 1875.⁷² Gabenor William Jervois memberitahu Mejar Jeneral Colborne bahawa beliau tidak mempunyai rancangan untuk menyerang Kinta, kerana khuatir Sultan Ismail telah bersiap sedia di sana. Namun begitu, tidak menjadi halangan kepada mereka sekiranya mereka hendak melancarkan juga serangan ke atas Kinta, tetapi hendaklah terlebih dahulu mendapatkan bantuan daripada orang Melayu. Setelah meninggalkan 50 orang untuk menjaga keselamatan perahu, Mejar Jeneral Colborne mara ke Kinta. Kira-kira 10 kilometer (6 batu) berjalan, pasukan ini menghadapi masalah pengangkutan dan bekalan serta juga serangan daripada orang-orang Melayu. Namun begitu pasukan Mejar Jeneral Colborne berupaya mengatasinya.⁷³ Mejar Jeneral Colborne berjaya menduduki Belanja pada 14 Disember 1875 tanpa sebarang tentangan. Seterusnya beliau menduduki Kinta pada 17 Disember 1875 setelah menghadapi tentangan ringan. Sultan Abdullah ketika pendudukan tentera British di Perak menyatakan kesanggupan baginda kepada Pesuruhjaya untuk membantu menangkap mereka yang terlibat di dalam pakatan membunuh J. W. W. Birch. Baginda kemudiannya membawa Seputum dan Dato' Sagor sebagai tawanan.⁷⁴

Pasukan British di bawah Mejar Jeneral Colborne dan Brigedier Jeneral John Ross yang mengandungi 300 tentera dari semua pangkat daripada pasukan rejimen ke-80, 200 tentera dari semua pangkat daripada rejimen ke-10, 600 tentera dari semua pangkat daripada rejimen ke-3 (*the Buffs*), 450 orang anggota pasukan Gurkha dan 80 orang pasukan jurutera (*Sappers Bengal*). Manakala tentera laut pula datangnya dari kapal-kapal *H. M. S. Modeste, Thistle, Philomel, Ringdove* dan *Fly*. Pasukan di bawah Mejar Jeneral Colborne membuat markas di Bandar Baru manakala pasukan di bawah Jeneral John Ross pula membuat markas di Kuala Kangsar.⁷⁵

Pasukan British yang berada di Perak dibahagikan kepada dua pasukan, iaitu pasukan selatan di bawah pimpinan Mejar Jeneral Colborne bersama 240 askar, 70 lasykar dengan 80 buah perahu bergerak ke utara pada 8 Disember 1875. Sementara itu pasukan Utara pula menuju ke Kuala Kangsar di bawah pimpinan Brigedier Jeneral J. Ross. Pada 17 Disember 1875 Mejar Jeneral F. Colborne tiba di Kinta dan mendapat maklumat bahawa Panglima Kinta, Raja Ngah dan Panglima Perang Semaun telah berundur ke selatan Siam. Sementara itu pihak British mengeluarkan arahan kepada pasukan British di Perak supaya mengambil tindakan ke atas Raja Abas, Kolah dan Panjang Meru. Raja Abas dilaporkan melarikan diri daripada penjara Pulau Pinang dan berlindung di Perak. Kolah pula ditahan kerana percubaan membunuh dengan kejam di kawasan perlombongan di Selama. Manakala Panjang Meru dianggap sebagai penjenayah.⁷⁶

Raja Abas dan Panjang Meru terlibat dalam pasukan menentang British. Pihak British cuba mendapatkan kerjasama Penghulu Wan Abas Kota Lama untuk menahan Raja Abas, tetapi beliau tidak berbuat sebarang tindakan dengan alasan ia di luar bidang kuasanya. Bantuan daripada Dato' Maharaja Lela dan Raja Bendahara juga gagal, kerana kedua-duanya menegaskan tidak dapat mengambil sebarang tindakan kerana kurang sihat. Panjang Meru berlindung kepada Syed Muhammad

dan Tuk Seri Lela. Kedua-duanya adalah penyokong Sultan Ismail. Beliau mendirikan kubu di Tumong, kira-kira 16 kilometer (10 batu) dari Kuala Kangsar.⁷⁷ Pasukan Brigedier John Ross menjalankan gerakan menangkap hidup atau mati tiga orang yang dianggap penjenayah berbahaya tersebut yang berkubu di Tumong iaitu di antara 1.6 - 3.2 kilometer (1 - 2 batu) dengan tebing sungai.⁷⁸ Pasukan Utara di bawah pimpinan Brigedier Jeneral J. Ross ditentang oleh pasukan di bawah Panglima Panjang Meru. Akhirnya Panglima Panjang Meru ditawan dan Brigedier Jeneral J. Ross dan dijatuhi hukuman gantung.⁷⁹ Hukuman gantung ini dijalankan di Tumong.⁸⁰ Pada 4 Januari 1876 pasukan Utara ditentang oleh penduduk Kota Lama. Dalam pertempuran ini Mejar H. L. Hawkins terkorban.

Pasukan British diarahkan oleh Gabenor supaya melancarkan gerakan ke atas Kota Lama. Kota Lama letaknya di tebing kiri Sungai Perak. Penduduknya seringkali mengganggu pasukan British, sejak ketibaan pasukan pertama Gurkha.⁸¹ Pada pagi, 20 Januari 1876, W. E. Maxwell bersama-sama 120 tentera dari regimen ke-3 (*Bufs*), 20 orang pasukan pertama Gurkha di bawah pimpinan Mejar Morley dan bantuan pemandu Melayu yang didapati melalui Raja Muda Yusof bergerak ke Kota Lama. Sementara itu Brigedier Jeneral Ross bersama 50 orang (*Bufs*) dan 20 orang pasukan meriam diraja dengan dua pucuk meriam bergerak ke Kota Lama. Pasukan ini disertai oleh Kapten Speedy. Pasukan di bawah Mejar Morley menuju ke hulu dari Sungai Sayong. Dalam perjalanan itu terdapat beberapa orang Melayu bersenjata melarikan diri. Dengan itu pasukan Mejar Morley melepaskan tembakan dan seorang daripadanya, Ngah Hasan terkena tembakan. Tanpa tentangan, pasukan ini terus mara ke Kampung Kandang. Di sini mereka membakar rumah, kecuali rumah mereka yang memihak kepada Raja Muda Yusof. Pasukan itu berjaya memusnahkan kubu orang Melayu sebelum pulang.

W. E. Maxwell menyebarkan surat tawaran hadiah kepada penduduk yang berkumpul di Kota Lama. Tawaran \$200 disediakan kepada sesiapa yang berjaya menangkap pemimpin yang menentang British, \$100 ke

atas tertangkapnya ketua dan \$50 ke atas tertangkapnya pengikut.⁴² Orang Melayu yang bertahan di Kota Lama berundur ke hulu sungai ke Kampung Kledang dan Enggor. Sementara itu keluarga mereka dibawa bersembunyi di Kampung Prek, kira-kira 3.2 kilometer (2 batu) dari Kampung Enggor. Dari Enggor dan Kledang orang Melayu menyeberangi Sungai Perak dan meneruskan gerakan menyerang pasukan British. Serangan ini dipimpin oleh Tuk Seri Lela.

Pada hari Rabu, 2 Februari 1876, kira-kira 100 orang pengikut Raja Muda Yusof dan Raja Bendahara di bawah pimpinan Raja Muhammad, anak Raja Muda Yusof menyeberangi Sungai Perak lalu bergerak ke hulu, melalui tebing kanan ke Chegar Galah. Seterusnya pada 3 Februari 1876, mereka menyeberangi sungai dan sampai di Kampung Sawa. Sementara itu pada hari yang sama, 3 Februari 1876, Brigedier Jeneral Ross mengarahkan 100 orang pasukan pertama Gurkha di bawah Kolonel Rowley Sale Hill supaya bersiap sedia untuk bergerak dari Kampung Sayong merentasi denai melalui bukit ke Prek. Pada masa yang sama pasukan yang terdiri daripada 50 orang pasukan pertama Gurkha di bawah Kapten Barnett bergerak ke hulu melalui tebing kiri Sungai Perak ke Enggor. Pasukan ini diarahkan supaya memusnahkan Kampung Enggor dan menunggu pasukan Kolonel R. S. Hill dari Prek. Dalam usaha menguatkan pasukan ini, pasukan tentera laut yang membawa meriam 24 paun diarahkan memudiki kiri Sungai Perak. Manakala 100 orang pasukan *Buffs* di bawah Kolonel Cox, bersama pasukan meriam diraja dengan meriam sembilan paun memudiki kanan Sungai Perak. Sementara itu 60 orang pasukan Raja Muda Yusof menaiki perahu ke hulu. Pasukan ini hanya sampai di Kota Lama. Kemudian mereka pulang ke Kuala Kangsar.

Pada 3 Februari 1876, pukul 2 petang datang seorang utusan dari Sayong yang membawa berita daripada Raja Muda Yusof menyatakan kepada W. E. Maxwell bahawa Tuk Seri Lela bersama 40 orang bersenjata datang ke kubu Raja Muda Yusof memohon berjumpa Raja Muda Yusof

dan sanggup menyerah diri. W. E. Maxwell memaklumkan perkara ini kepada Brigedier Jeneral Ross. Raja Muda Yusof diarahkan berunding, sekiranya Tuk Seri Lela sanggup meletakkan senjata. Kemudian datang pula utusan Raja Muda Yusof menyatakan bahawa Raja Muda Yusof akan menyerang Tuk Seri Lela dan meminta bantuan tentera. Raja Muda Yusof menghantar 50 orang untuk menyekat pengunduran pasukan Tuk Seri Lela. Dengan itu Brigedier Jeneral Ross mengarahkan 50 orang Gurkha di bawah pimpinan pegawai British dan pasukan Melayu di bawah pimpinan W. E. Maxwell bergerak ke Sayong. Sebelum pasukan ini tiba, Raja Muda Yusof telah pun meninggalkan kampungnya. Sementara itu tembakan senapang kedengaran di kawasan berhampiran Sayong.

Kemudian pasukan British di bawah W. E. Maxwell terus mara. Mereka dipandu oleh seorang pengikut Raja Muda Yusof yang mendakwa tahu kedudukan orang Melayu. Pengikut Raja Muda Yusof ini juga memaklumkan bahawa pasukan Raja Muda Yusof bergerak melalui tebing kanan sungai. Tidak lama kemudian pasukan British ini bertembung dengan sekumpulan orang Melayu di sawah padi. Pasukan W. E. Maxwell melepaskan tembakan. Dua orang Melayu tercedera dan dua orang lagi terkorban. Rupanya pasukan British di bawah pimpinan W. E. Maxwell ini menembak pasukan Raja Muda Yusof. Raja Muda Yusof yang tiba kemudian, dijelaskan mengenai kejadian itu. Raja Muda Yusof menyatakan peristiwa itu berlaku kerana kesilapan pasukannya sendiri, tidak menghantar peninjau memaklumkan kepada pasukan British. Selain itu mereka tidak mengibarkan bendera *Union Jack* yang telah diberikan sebelum ini. Mereka yang cedera dan terkorban dihantar ke kampung masing-masing. Pasukan Gurkha mara menghampiri Kota Lama. Orang Melayu yang bertahan di situ melepaskan tembakan. Tetapi mereka kemudiannya meninggalkan kampung menuju ke hutan, apabila pasukan Gurkha melepaskan tembakan balas. Setelah hari petang pasukan Gurkha pulang ke markas.

Sebagaimana dirancang, pada 4 Februari 1876, pukul 4 pagi Brigedier Jeneral Ross mengarahkan pasukan Kolonel R. S. Hill seramai 100 orang bersama W. E. Maxwell merentasi bukit ke Prek. Tetapi rancangan ini dibatalkan pada saat akhir kerana peninjau yang dihantar keluar pulang melaporkan bahawa tidak ada jalan atau denai yang boleh dilalui ke Prek. Dengan itu rancangan ditukar. Pasukan Kolonel R. S. Hill kini diarahkan melalui timur Sayong, mara ke timur Kota Lama dan memusnahkan beberapa buah rumah yang masih ada. Seterusnya mereka bergabung dengan pasukan Kapten Barnett untuk mara ke Kledang dan Enggor.⁶³ Pasukan R. S. Hill merentasi sungai pada pukul 4 pagi ke Kota Lama.⁶⁴

Dalam pada itu pasukan *Blue Jacket* yang dijangka bergerak pada pukul 5.30 pagi, hanya bertolak pada pukul 6 pagi. Mereka mudik menyusuri sebelah kanan sungai ke Kota Lama. Setelah meninggalkan 25 orang *Bufs* untuk memerhatikan perkembangan di sungai, Brigedier Jeneral Ross bergerak ke Jumnaon (?) dan menunggu pasukan Gurkha tiba di tebing kiri bertentangan dengan Kampung Jumnaon. Seterusnya Brigedier Jeneral Ross dan pasukan Gurkha mara serentak selari dengan tebing kanan dan kiri sungai menuju Kampung Enggor.⁶⁵ Pasukan R. S. Hill yang bergerak memudiki sebelah kiri Sungai Perak dikawal oleh perahu meriam dan roket di bawah Kapten Garforth. Dalam perjalanan ke Kampung Enggor ini, kira-kira 50 buah rumah di Kampung Kledang dibakar oleh pasukan British.⁶⁶ Setelah menghampiri Kampung Enggor, orang Melayu yang bertahan di situ melepaskan tembakan lela dan senapang. Kedua-dua tembakan ini tidak sampai ke sasaran. Pasukan British yang terdiri daripada perahu perang di bawah Kapten Garforth dan pasukan meriam bersama Brigedier Jeneral Ross melepaskan tembakan balas. Dengan itu orang Melayu pun mengundurkan diri.⁶⁷ Pasukan Kolonel R. S. Hill menghadapi beberapa halangan, seperti melalui hutan dan pokok kayu yang ditebang sebelum tiba di Kampung Enggor. Kolonel R. S. Hill membakar Kampung Enggor yang terdiri

daripada 15 buah rumah. Seterusnya Brigedier Jeneral Ross mengarahkan Kolonel R. S. Hill dan W. E. Maxwell bermalam di Enggor dan bergerak ke Prek pada keesokannya. Mereka juga diarahkan memusnahkan Kampung Prek. Pada pukul 2.30 petang, perahu perang dan pasukan yang menyusuri tebing kanan sungai pulang ke Kuala Kangsar.⁸⁸

Pasukan Kolonel R. S. Hill bergerak ke Prek pada pukul 6.30 pagi, 5 Februari 1876. Sementara itu satu pasukan lain yang terdiri daripada 50 orang di bawah Kapten Mercer diarahkan berkawal di Kampung Enggor. Setelah bergerak kira-kira 1.6 kilometer (1 batu) melalui sawah padi dan kawasan terbuka, pasukan Kolonel R. S. Hill telah ditembak oleh pasukan Melayu. Pasukan di bawah Kapten Barnett melepaskan tembakan balas. Pasukan Melayu mengundurkan diri dan tiga orang daripada mereka ditangkap. Pasukan ini terus mara ke Prek, yang letaknya kira-kira 3.2 kilometer (3 batu) dari Enggor. Kubu dibina di kampung ini, daripada kayu dan pokok kayu yang ditebang. Pasukan orang Melayu yang bertahan di sini melepaskan tembakan terhadap pasukan British yang menghampiri kubu mereka. Dengan itu pasukan British di bawah Kapten Barnett dan Kapten Churchil melepaskan tembakan balas. Seterusnya kampung ini diduduki dan 15 buah rumah dibakar. Di antaranya rumah Seri Lela Paduka dan Kadir.

Pasukan Melayu yang menentang tentera British ini berjumlah kira-kira 20 orang. Mereka melancarkan serangan hendap. Setelah berjaya menduduki Kampung Prek, Kolonel R. S. Hill pulang ke Enggor dan sampai pada pukul 9.30 pagi. Dalam perjalanan pulang itu, 10 rumah yang ditunjukkan oleh W. E. Maxwell dibakar. Seterusnya pasukan ini menyeberangi sungai pada pukul 12 tengah hari dan sampai di Kuala Kangsar pada pukul 3 petang.⁸⁹ Pasukan British yang menjalankan gerakan ke atas Kampung Kledang, Enggor dan Prek tidak mengalami sebarang kematian. Hanya seorang sahaja yang cedera ringan di kaki.⁹⁰

Pasukan British yang terlibat dalam gerakan di Kota Lama, termasuk Kampung Kledang, Enggor dan Prek mendapat pujian daripada Gabenor Sir William Jervois. Di antara mereka ialah Brigedier Jeneral Ross, Mejar Jeneral F. Colborne dan W. E. Maxwell.⁹¹ Sementara itu W. E. Maxwell juga mendapat pujian daripada Brigedier Jeneral Ross.⁹²


Kemudiannya Gabenor Sir William Jervois, melalui telegram, meminta Lord Carnavon memaklumkan kepada pejabat Laksamana membenarkan regimen ke-10 tinggal di Negeri-negeri Selat dan membawa pulang pasukan India ke Calcutta.⁹³ Pejabat Tanah Jajahan pula memanjangkan perkara itu kepada Pejabat Perang⁹⁴ dan Pejabat Laksamana.⁹⁵

Nota


1. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875.
2. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Frank Swettenham, Singapura, 24 November 1876.
3. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Ali, 13 Mei 1876; kenyataan Haji Mat Yasin, Bandar Baru, 13 Julai 1876.
4. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Ali, 13 Mei 1876.
5. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Driss, Bandar Baru, 10 Julai 1876.
6. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Driss, Bandar Baru, 10 Julai 1876.
7. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Driss, Bandar Baru, 10 Julai 1876; kenyataan Seman, Bandar Baru, 11 Julai 1876; kenyataan Nhgah [Ngah] Pahang, Bandar Baru, 8 Julai 1876. Ngah Pahang berasal dari Rawa, Sumatera. Sebelum menetap di Kota Setia, tinggal di Batak Rabit. Beliau adalah pendayung perahu dan ikut sama Haji Mat Yasin ke Belanja.
8. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Frank Swettenham, Singapura, 24 November 1876. *ECCOPE*, 1876, 29.
9. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875.
10. C.O. 273/90, Swettenham kepada Setiausaha Jajahan Negeri-negeri Selat, 18 November 1875. Surat ini sepatutnya bertarikh 8 November 1875.
11. *ECCOPE*, 29.
12. "There were stab wounds on the body, such as would be inflicted by spears - the left foot had apparently been chopped by 'parang' the toes were cut off - there were incised wounds on the head and hands". (C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Inspektor Lagis bin Suboh, 19 Disember 1876).
13. F. Swettenham, *Malay Sketches* (London:1895), 244.




Gambar: Ihsan Arkib Negara
Sultan Abdullah ibni Sultan Jaafar, 1874-1876



Gambar: Ihsan Muzium Negara
Sultan Abdullah dan Pembesar Perak



Gambar: Ihsan Muzium Negara
Raja Yusof (Sultan Yusof) dan dua orang putera baginda



Gambar: Ihsan Arkib Negara


Alat-alat kebesaran Perak: Keris Pestaka, Keris Taming Sari, Pedang Cura Si Manja Kini, Mestika (Geliga Embun),
Nafiri dan dua Pahar



Gambar: Ihsan Muzium Negara
Istana Raja Ismail di Belanja



Gambar: Ihsan Muzium Negara
Che Midah dan suaminya, Nakhoda Trang



Gambar: Ihsan Arkib Negara
Sir Andrew Clarke, Gabenor Negeri-Negeri Selat, 1873-1875



Gambar: Ihsan Arkib Negara
Sir William Jervois, Gabenor Negeri-Negeri Selat, 1875-1877



Gambar: Ihsan Arkib Negara
James Wheeler Woodford Birch, Residen British pertama Perak,
1874-1875

✓



Gambar: Ihsan Muzium Negara

Sir Frank Swettenham, Residen British Selangor dan Perak, Residen
Jeneral Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Pesuruhjaya tinggi,
1882-1904

X



Gambar: Ihsan Muzium Negara
Sir Hugh Low, Residen British Perak, 1877-1889

X




Gambar: Ihsan Arkib Negara
Kapten T.C.S. Speedy, Penolong Residen Perak, 1874-1876



Gambar: Ihsan Arkib Negara

Sultan Abu Bakar ibn Temenggung Ibrahim, Maharaja (1862-1885)
dan Sultan (1885-1895), dan Leftenan A. E. H. Anson




Gambar: Ihsan Arkib Negara
W. H. Read



Gambar: Ihsan Arkib Negara
Perahu kenaikan J. W. W. Birch di Belanja (Frank Swettenham, Kasim, Tukang Masak dan J. W. W. Birch) —

✓



Gambar: Ihsan Arkib Negara
Tugu Perang Perak, 1875

Perak

14. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Inspektor Lagis bin Suboh, 19 Disember 1876.
15. C.O. 273/93, "PTMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876.
16. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Allang Nhor, Bandar Baru, 27 Julai 1876.
17. C.O. 273/93, "PTMB", kenyataan Se Gondah, 15 Disember 1876; kenyataan Allang Nhor, 18 Disember 1876. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Se Gondah, Bandar Baru, 7 Julai 1876.
18. C.O. 273/90, "PTMB", kenyataan Hajjah Fatimah, 18 Disember 1876. Hajjah Fatimah ialah isteri Haji Mat Amin; kenyataan Haji Mat Amin, 18 Disember 1876. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Haji Mahmin, Bandar Baru, 8 Julai 1876; kenyataan Hajjah Fatimah, Bandar Baru, 8 Julai 1876.
19. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Allang Nhor, Bandar Baru, 27 Julai 1876.
20. C.O. 273/93, "PTMB", kenyataan Se Gondah, 15 Disember 1876.
21. Ibid.
22. *ECCOPE*, 1876, 28-29.
23. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Ali, 13 Mei 1876. Beliau pulang dari Belanja pada 5 November 1875, bermalam di Tanjung Batu, sebelum tiba di Pasir Salak pada 6 November 1875.
24. C.O. 273/81, William Jervois kepada Earl of Carnavon, 18 Disember 1875.
25. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 4 Disember 1875, enclosure 2, Kolonel A. E. H. Anson kepada Gabenor, 3 November 1875.
26. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 4 November 1875, enclosure 3, Gabenor kepada Leftenan Gabenor Pulau Pinang, 3 November 1875.
27. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 4 November 1875.

28. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875.
29. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875; Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 4 November 1875.
30. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 Disember 1875.
31. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875, enclosure 11, Kapten T. C. S. Speedy, Penolong Pesuruhjaya Queen Larut kepada Sir W. D. Jervois, 5 November 1875.
32. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 4 November 1875, enclosure 4, Kolonel Anson kepada Gabenor, 3 November 1875.
33. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Ali, 13 Mei 1876; kenyataan Haji Ali, Bandar Baru, 14 Jun 1876.
34. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Ali, 13 Mei 1876.
35. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875, enclosure 1, Sultan Abdullah kepada Sub-Leftenan Abbott, 3 Syawal 1292 (3 November 1875). C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Nyam, Bandar Baru, 5 Julai 1876.
36. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875, enclosure 2, Sultan Abdullah kepada Sub-Leftenan Abbott, 4 Syawal 1292 (4 November 1875).
37. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875, enclosure 3, Sultan Abdullah kepada Abbott, t.t.
38. *ECCOPE*, 1876, 29.
39. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Hajjah Fatimah, 18 Disember 1876.
- 40.. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875, enclosure 4, A. E. H. Anson kepada Kapten Innes, t.t.
41. C.O. 273/81, William Jervois kepada Earl of Carnavon, 4 November 1875, enclosure 4, A. E. H. Anson kepada Gabenor, 3 November 1875.

42. C.O. 273/81, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875, enclosure 11, Kapten T. C. S. Speedy Penolong Pesuruhjaya Queen Larut kepada Sir W. D. Jervis, 5 November 1875.

43. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Allang Nhor, Bandar Baru, 27 Julai 1876.

44. C.O. 273/81, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875, enclosure 5, F. A. Swettenham, pemangku Residen Selangor kepada Pejabat Tanah Jajahan, 8 November 1875. Surat ini dicatatkan 18 November 1875.

45. C.O. 273/81, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875, enclosure 13, Mustansah, Sarjan Mejar kepada Pemangku Timbalan Penguasa Polis Pulau Pinang, 11 November 1875.

46. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Akib, 5 Jun 1876.

47. C.O. 273/81, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875, enclosure 5, F. A. Swettenham kepada Setiausaha Tanah Jajahan, Negeri-negeri Selat, 18 [8] November 1875.

48. C.O. 273/84, Minit 24 Julai 1876.

49. C.O. 273/81, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875, enclosure 5, F. A. Swettenham kepada Setiausaha Tanah Jajahan, Negeri-negeri Selat, 18 [8] November 1875. Mengenai kegagalan pasukan di bawah Kapten Innes dicatatkan oleh Robert Meade. (C.O. 273/81, minit Robert Meade, 15 Januari 1876). C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Akib, 5 Jun 1876. Penghulu Mat Akib ada bersama Kapten Innes.

50. C.O. 273/81, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875.

51. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Ali, 13 Mei 1876; kenyataan Haji Mat Yasin, Bandar Baru, 13 Julai 1876.

52. C.O. 273/81, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875, enclosure 12, Mustansah, Sarjan Mejar kepada Pemangku Penolong Penguasa Polis Pulau Pinang (O. H. Strong), 9 November 1875.

53. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Se Gondah, Bandar Baru, 7 Julai 1876.
54. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Dyang Moorwah, Bandar Baru, 19 Julai 1876.
55. C.O. 537/45, telegram Gabenor Negeri-negeri Selat kepada Pejabat Tanah Jajahan, 24 November 1875. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Sika, Bandar Baru, 6 Julai 1876.
56. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Dyang Moorwah, Bandar Baru, 19 Julai 1876.
57. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Dato' Maharajah [Maharaja] Dinda, Singapura, 25 November 1876.
58. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 Disember 1875. Dalam surat ini beliau mencatatkan 80 askar dari rejimen ke-80 tiba di Singapura dari Hong Kong di bawah pimpinan Mejar Jeneral F. Colborne.
59. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875.
60. C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulup Mahrouse, Bandar Baru, 25 Julai 1876.
61. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Raja Yahya, Singapura, 7 Ogos 1876; kenyataan Sika, Bandar Baru, 6 Julai 1876.
62. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875, enclosure 14, catatan A. E. H. Anson, 12 November 1875.
63. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 16 November 1875, enclosure 15, A. E. H. Anson kepada Sultan Ismail, t.t.
64. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Raja Yahya, Singapura, 7 Ogos 1876.
65. *ECCOPE*, 1876, 30.
66. C.O. 273/87, "List of Witnesses" kenyataan Haji Raja Yahya, Singapura, 7 Ogos 1876.
67. C.O. 273/83, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1875.

68. FCNSMP, 1876, no. 25, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 23 Februari 1876, terlampir Sultan Ahmad Tajuddin Kedah kepada Gabenor, 17 Januari 1876.

69. FCNSMP, 1876, no. 26, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 23 Februari 1876, terlampir John E. Hewick kepada Penguasa Polis Pulau Pinang, 19 Januari 1876.

70. FCNSMP, 1876, no. 26, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 23 Februari 1876, terlampir "The declaration of Aboo [Abu]", 19 Januari 1876.

71. FCNSMP, 1876, no. 26, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 23 Februari 1876, terlampir John E. Hewick kepada Penguasa Polis Pulau Pinang, 19 Januari 1876.

72. Di antara pasukan itu ialah 35 orang dari pasukan meriam diraja (*Royal Artillery*), 100 orang dari rejimen ke-10, 100 orang dari rejimen ke-80 dan 60 orang dari pasukan tentera laut (C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 18 Disember 1875, terlampir Major Jeneral F. Colborne kepada Sir William Jervois, 14 Disember 1875).

73. C.O. 273/81, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 18 Disember 1875; Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 18 Disember 1875, terlampir Mejar Jeneral F. Colborne kepada Sir William Jervois, 14 Disember 1875.

74. *ECCOPE*, 1876, 31.

75. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 329.

76. Tidak dicatatkan jenis jenayah yang dilakukan oleh Panjang Meru dan Raja Abas.

77. C.O. 273/83, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 6 April 1876, enclosure 1, W. E. Maxwell kepada Setiausaha Tanah Jajahan, 1 Mac 1876.

78. C.O. 273/83, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 6 April 1876, enclosure 2, Kapten Buller kepada Setiausaha Kerajaan, 1 April 1876, terlampir Brigedier Jeneral John Ross kepada Komander Garforth, 2 Januari 1876.

79. C.O. 273/83, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 6 April 1876.
80. C.O. 273/83, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 6 April 1876, enclosure 2, Kapten Buller kepada Setiausaha Kerajaan, 1 April 1876.
81. *FCNSMP*, 1876, no. 27, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 24 Februari 1876, terlampir Brigedier Jeneral Ross kepada Mejar Jeneral F. Colborne, 6 Februari 1876.
82. *FCNSMP*, 1876, no. 27, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 24 Februari 1876, terlampir laporan W. E. Maxwell mengenai gerakan ke atas Kota Lama, 23 Januari 1876. Sila lihat Lampiran F.
83. *FCNSMP*, 1876, no. 27, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 24 Februari 1876, terlampir Brigedier Jeneral Ross kepada Mejar Jeneral F. Colborne, 6 Februari 1876; W. E. Maxwell kepada Setiausaha Negeri-negeri Selat, 6 Februari 1876.
84. *FCNSMP*, 1876, no. 27, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 24 Februari 1876, terlampir Leftenan Kolonel R. S. Hill kepada Leftenan Kolonel E. B. Clay, 6 Februari 1876.
85. *FCNSMP*, 1876, no. 27, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 24 Februari 1876, terlampir Brigedier Jeneral Ross kepada Mejar Jeneral F. Colborne, 6 Februari 1876; W. E. Maxwell kepada Setiausaha Negeri-negeri Selat, 6 Februari 1876.
86. *FCNSMP*, 1876, no. 27, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 24 Februari 1876, terlampir Leftenan Kolonel R. S. Hill kepada Leftenan Kolonel E. B. Clay, 6 Februari 1876.
87. *FCNSMP*, 1876, no. 27, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 24 Februari 1876, terlampir Brigedier Jeneral Ross kepada Mejar Jeneral F. Colborne, 6 Februari 1876; W. E. Maxwell kepada Setiausaha Negeri-negeri Selat, 6 Februari 1876.
88. *FCNSMP*, 1876, no. 27, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 24 Februari 1876, terlampir Brigedier Jeneral Ross kepada Mejar Jeneral F. Colborne, 6 Februari 1876.

89. *FCNSMP*, 1876, no. 27, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 24 Februari 1876, terlampir Leftenan Kolonel R. S. Hill kepada Leftenan Kolonel C. B. Clay, 6 Februari 1876; W. E. Maxwell kepada Setiausaha Negeri-negeri Selat, 6 Februari 1876.

90. *FCNSMP*, 1876, no. 27, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 24 Februari 1876, terlampir Sarjan Mejar G. S. Davie kepada Briged Mejar, 7 Februari 1876.


91. *FCNSMP*, 1876, no. 28, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 24 Februari 1876.

92. *FCNSMP*, 1876, no. 27, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 24 Februari 1876, terlampir Brigedier Jeneral Ross kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 24 Februari 1876.

93. *FCNSMP*, 1876, no. 1, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 25 Februari 1876.

94. *FCNSMP*, 1876, no. 2, Robert G. W. Herbert kepada Pejabat Perang, 26 Februari 1876.

95. *FCNSMP*, 1876, no. 3, Robert G. W. Herbert kepada Pejabat Laksamana, 26 Februari 1876.



MENGHADAPI HUKUMAN BRITISH

Penahanan dan Penyerahan

Pemimpin dan pengikut yang terlibat dalam perjuangan menentang British di Perak gagal mengatasi kemaraan pasukan British di Perak. Mereka terpaksa berundur dan bersembunyi di kawasan pedalaman. Ada di antara mereka yang ditahan oleh British. Selain daripada itu ada juga yang mengambil keputusan untuk menyerah diri. Tindakan itu diambil disebabkan lahirnya tanggapan di kalangan mereka bahawa perjuangan mereka adalah tidak bermakna lagi. Bukan sahaja pengikut mereka semakin berkurangan akibat tekanan pihak British malah bersembunyi juga tidak akan melahirkan sebarang kekuatan untuk meneruskan perjuangan mereka. Gerakan Raja Mahmud dan Raja Indut, kedua-duanya dari Selangor yang mengawal Sungai Dedap di atas arahan Swettenham menyebabkan bekalan dan jalan keluar untuk pasukan Dato' Maharaja Lela tersekat.¹

Dalam gerakan memburu para pemimpin yang terlibat mempertahankan maruah dan kedaulatan Perak, pihak British telah

mengeluarkan pengisytiharan tawaran hadiah. Pada 13 Januari 1876 tawaran hadiah sebanyak \$6,000 dikeluarkan kepada sesiapa yang berjaya menangkap Dato' Maharaja Lela,² dan \$3,000 tiap-tiap seorang kepada sesiapa yang berjaya menangkap Dato' Sagor dan Pandak Indut. Sedangkan Earl of Carnavon memperakukan kepada Jervois tawaran hadiah itu hendaklah tidak melebihi \$1,000 ke atas tertangkapnya Dato' Maharaja Lela dan Sultan Ismail. Sementara itu Earl of Carnavon cuba mendapatkan penjelasan daripada Sir William Jervois mengenai kedudukan baginda iaitu sama ada hendak dikekalkan sebagai sultan atau sebaliknya.³ Sir William Jervois pula berpendapat, sekiranya Sultan Abdullah tidak berubah kelakuannya, Raja Yusof hendaklah dilantik sebagai sultan.⁴

Sementara itu Gabenor Sir William Jervois menghubungi Sultan Terengganu (Baginda Omar, 1831: 1839-1876), Raja Kelantan (Sultan Muhammad II, 1837-1886) dan Raja Patani (Tengku Puteh, 1856-1881) memaklumkan tentang sekumpulan orang Melayu yang terlibat dalam pembunuhan J. W. W. Birch dan meminta agar mereka tidak diberikan perlindungan. Sultan-sultan juga dikehendaki memberikan laporan kepada British apabila mendapat maklumat tentang pembunuhan-pembunuh tersebut. Semua sultan dan raja menyatakan kesediaan menghubungi Gabenor sebaik sahaja mendapat berita tentang mereka yang terlibat dalam pembunuhan J. W. W. Birch itu.⁵ Di samping itu Bendahara Pahang (Wan Ahmad) juga dihubungi supaya tidak membantu mereka yang terlibat dalam pembunuhan J. W. W. Birch jika mereka berlindung di Pahang.⁶

Sultan Ismail yang berada di hulu Perak merasakan diri baginda tidak lagi selamat kerana pasukan di bawah John E. Hewick dan Raja Yusof sedang memburu baginda di hulu Perak. Dalam usaha menangkap Sultan Ismail, pasukan Melayu dari Kedah akan bergerak ke Sungai Muda. Pasukan Raja Muda Yusof di bawah W. E. Maxwell akan bergerak ke hulu melalui Sungai Perak dari Kuala Kangsar. Manakala pasukan

Melayu ketiga, dari Seberang Perai dan Selama di bawah John E. Hewick bergerak dari Selama. Sebelum rancangan ini dilaksanakan John E. Hewick yang dihantar untuk mengesan jejak Sultan Ismail telah melaporkan bahawa baginda telah memasuki negeri Kedah. Dengan itu rancangan ini ditangguhkan.⁷

Kemudiannya John E. Hewick diarahkan ke Kuala Muda. Beliau ke Kota Kuala Muda pada 4 Mac 1876 dan berhubung dengan pihak berkuasa Kedah yang diwakili oleh Tunku Ibrahim dan Wan Mat Saman, lalu merancang untuk menangkap Sultan Ismail dan pengikut baginda. John E. Hewick memilih Tunku Ibrahim untuk turut serta dalam rombongannya kerana dia adalah mertua kepada Tuan Chee (atau Syed Hussin). Pada 8 Mac 1876, John E. Hewick datang ke Kota Kuala Muda memudiki sungai bersama Wan Mat Saman, Tunku Ibrahim dan Haji Abu. Apabila sampai di Padang Gias (Geeas), John E. Hewick bertemu Wan Mat Pantai Perai dan Che Deraman Kuala Muda serta mengarahkan mereka menghantar pasukan menghala ke Perak, bersiap sedia dengan bekalan dan keperluan.

Dari Gias, John E. Hewick dan pasukannya bergerak ke Kuala Kupang (Koopang) dan menunggu berita mengenai Sultan Ismail di situ. Ketika menunggu di situ, mereka menerima maklumat bahawa kerajaan Siam telah mengarahkan pihak berkuasa Patani supaya tidak membenarkan orang Perak memasuki Patani. Oleh kerana tidak ada jalan lain dari Perak ke Kedah, kecuali melalui Patani maka rancangan menjejaki Sultan Ismail ditangguhkan sementara waktu. Sementara itu Sultan Kedah mengarahkan Tunku Ibrahim supaya tidak memasuki Patani. Dengan itu John E. Hewick bersama Che Deraman mencari jalan untuk ke Perak tanpa melalui Patani. Di samping itu Haji Abu diarahkan ke Patani, jika terdapat sebarang jalan, dan membuat persediaan berjumpa Sultan Ismail. Dalam pada itu Che Deraman pulang untuk melaporkan bahawa ada jalan menuju ke Perak tanpa melalui Patani. Dengan itu John E. Hewick mengarahkan Che Deraman melaporkan hal tersebut kepada Sultan Kedah

(Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah, 1854-1879). Pada 9 Mac 1876, Haji Abu pulang lalu melaporkan bahawa Sultan Ismail menunggu di sempadan. Pada 9 Mac 1876, John E. Hewick ke Chiah (Cheeah) berjumpa Sultan Ismail. Sultan Ismail berkhemah di dalam hutan, bersama-sama wanita dan kanak-kanak. Jumlah mereka kira-kira 174 orang. Dalam pertemuan ini John E. Hewick berjanji akan membawa Sultan Ismail secara rahsia ke Kedah, dan seterusnya berjumpa dengan Leftenan Gabenor A. E. H. Anson di Pulau Pinang. Sultan Ismail dan Dato' Nara pula memaklumkan kepada John E. Hewick bahawa mereka tidak tahu-menahu tentang pakatan membunuh J. W. W. Birch dan mereka tidak bermusuhan dengan J. W. W. Birch. Selain daripada itu kegagalan baginda melaporkan pakatan ini kerana ia berlaku di Hilir Perak, jajahan Sultan Abdullah. Seterusnya Sultan Ismail menyatakan bahawa baginda tidak datang berjumpa Mejar McNair kerana tidak berniat untuk berperang serta tidak mahu melibatkan keluarga dalam kancah peperangan. Oleh sebab itu baginda mengundurkan diri ke dalam hutan.

Setelah meninggalkan Sultan Ismail, John E. Hewick merujuk kepada Wan Mat Saman dan menempatkan beberapa orang untuk berkawal bagi memastikan Sultan Ismail tidak melarikan diri. Dalam perjalanan menghampiri Kupang, John E. Hewick bertemu Che Deraman yang pulang daripada menghadap Sultan Kedah. Che Deraman melaporkan kepada John E. Hewick bahawa Sultan Kedah dalam perjalanan ke hulu. Dengan itu John E. Hewick menghilir sungai untuk berjumpa Sultan di Padang Gias. Di samping itu beliau mengarahkan Che Deraman memaklumkan kepada Sultan Ismail supaya datang ke Kupang. Pada 10 Mac 1876, Sultan Kedah menghilir ke Kuala Ketir. Seterusnya baginda pulang ke Padang Gias pada 11 Mac 1876. Pada 12 Mac 1876, Sultan Ismail bergerak ke Kupang. Manakala John E. Hewick dan Sultan Kedah ke Kuala Ketir. Pada 13 Mac 1876, Sultan Ismail tiba di Kuala Ketir bertemu Sultan Kedah. Sultan Ismail kemudiannya bergerak ke Tisu Jantai (?) dan sampai di sana pada 14 Mac 1876. Dari sini baginda terus

bergerak dan tiba di Kubang Hong (?) pada 15 Mac 1876; Pantai Perai pada 16 Mac 1876 dan Kuala Muda pada 17 Mac 1876.⁸

Dalam rombongan Sultan Ismail itu terdapat kira-kira 174 orang - laki-laki, wanita dan kanak-kanak; serta 27 ekor gajah. Baginda juga membawa alat-alat kebesaran negeri Perak. Sultan Kedah menyediakan perahu untuk membawa Sultan Ismail dan pengikutnya ke Pulau Pinang.⁹ Dengan itu Sultan Ismail, Dato' Nara, Panglima Perang Semaun dan pengikut baginda serta alat-alat kebesaran negeri Perak dibawa kepada Letenan Gabenor A. E. H. Anson di Pulau Pinang pada 20 Mac 1876.¹⁰ Sementara itu wanita, kanak-kanak dan 27 ekor gajah ditinggalkan di Kedah.¹¹ Dari Pulau Pinang, Sultan Ismail, Dato' Nara, Panglima Perang Semaun dan pengikut baginda akan dibawa ke Singapura dengan kapal *H. M. S. Ringdove*.¹² Sultan Ismail bersama dua orang putera, dua orang pembesar, Dato' Nara dan Panglima Perang Semaun dan 13 orang pembantu tiba di Singapura pada 26 Mac 1876. Alat-alat kebesaran kerajaan Perak disimpan di Perbendaharaan. Gabenor Sir William Jervis menyatakan alat-alat kebesaran itu lebih berharga daripada apa yang dilaporkan sebelum ini. Dua puluh tujuh ekor gajah Sultan Ismail dibawa pulang ke Perak dan digunakan sementara untuk perkhidmatan pengangkutan.

Pada 27 Mac 1876, Gabenor Sir William Jervis berjumpa Sultan Ismail. Gabenor menyatakan bahawa Sultan Ismail lebih pendiam berbanding dengan pertemuan beliau di Belanja pada bulan September 1875 dahulu. Dalam pertemuan ini Sultan Ismail memberi surat yang ditandatangani dan dicap mohor oleh pembesar Perak, kira-kira sebulan selepas baginda dilantik sebagai Sultan Perak. Surat tersebut ditandatangani dan dicap mohor oleh 12 orang pembesar, termasuk tujuh orang yang menurunkan tandatangan di atas Perjanjian Pangkor. Sultan Abdullah dan Raja Muda Yusof tidak menurunkan tandatangan dan cap mohornya di atas surat ini.

Gabenor Sir William Jervois berpendapat adalah lebih baik dan lebih selamat jika Sultan Ismail dihantar ke Johor sebagai tahanan dan dikawal rapi. Beliau pula mengharapkan Maharaja Abu Bakar akan menyediakan keselesaan yang perlu kepada Sultan Ismail.¹³ Dalam usaha ini Gabenor Sir William Jervois menghubungi Maharaja Abu Bakar dalam suratnya bertarikh 27 Mac 1876 memaklumkan bahawa Sultan Ismail, dua orang putera baginda, Dato' Nara, Panglima Perang Semaun dan 13 orang pembantu akan dihantar ke Johor Bahru pada tengah hari 27 Mac 1876 dengan kapal *H. M. S. Ringdove*. Gabenor berharap Maharaja Abu Bakar menerima Sultan Ismail. Oleh kerana Sultan Ismail bersifat sebagai orang tahanan, Gabenor meminta Maharaja Abu Bakar tidak memberi penghormatan kepada baginda. Mereka akan tinggal di Johor sehingga hasil siasatan diperolehi dan kerajaan membuat keputusan.¹⁴ Dalam pada itu Gabenor bercadang membawa keluarga Sultan Ismail yang masih berada di Kedah ke Johor. Maharaja Abu Bakar menerima cadangan Gabenor ini. Maharaja memberi jaminan akan mengawasi Sultan Ismail. Sultan Ismail tiba di Johor Bahru pada petang 27 Mac 1876.¹⁵ Kini Sultan Ismail ditahan di Johor di bawah kawalan Maharaja Abu Bakar.¹⁶

Kedudukan Sultan Ismail dibincangkan dalam Majlis Kerja. Majlis memperakukan pembentukan sebuah Suruhanjaya Penyiasat untuk melaporkan penglibatan Sultan Ismail. Dengan itu tiga orang pegawai, Phillippo, Hakim Kanan Penjara; C. B. Plunket, Pemangku Hakim Melaka; dan J. B. Paul, bekas pegawai kerajaan Brooke di Sarawak yang baru bertugas di Tanah Melayu, sebagai pemangku Residen British Perak.¹⁷ J. B. Paul faham tentang adat dan bahasa Melayu.¹⁸ Mereka yang dilantik ini adalah berkelayakan dan tidak terlibat dengan kes yang akan disiasat.¹⁹ Di samping itu Majlis meminta kerajaan British mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh kerajaan Kedah²⁰ dan Thailand.²¹

Pada 25 Mac 1876 pemangku Penolong Residen Perak, J. B. Paul diarahkan oleh Gabenor Negeri-negeri Selat untuk melakukan penyiasatan ke atas Sultan Ismail, Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Dato' Nara, sama ada mereka sebagai pelaku, penghasut atau bersubahat dalam pembunuhan J. W. W. Birch.²² Beliau dibenarkan mendapatkan bantuan tentera di markas Bandar Baru, jika diperlukan.²³ Paul diarahkan datang ke Perak bersama Plunket terlebih dahulu untuk menjalankan siasatan kerana Phillippo masih sibuk dengan kes perbicaraan di Pulau Pinang. Phillippo akan bergabung kemudiannya di Bandar Baru. Sementara itu Paul dan Plunket dibenarkan menjalankan siasatan ke atas mereka yang difikirkan wajar. Laporan hendaklah dibuat kepada Gabenor dengan menyatakan sama ada mereka boleh dibawa ke mahkamah, dakwaan kecil atau besar dan sama ada boleh dibebaskan tanpa bukti.²⁴ Siasatan bermula di Bandar Baru yang dikendalikan oleh C. B. Plunket dan Paul. Hasil siasatan yang dilakukan, Plunket dan Paul memperakukan agar Sultan Abdullah dan penasihat utama baginda dihantar ke Singapura. Phillippo pula membuat kesimpulan bahawa Sultan Abdullah, Sultan Ismail dan kebanyakan pembesar Perak terlibat dalam kekacauan dan pembunuhan J. W. W. Birch. Phillippo datang menemui Gabenor di Singapura dan memperakukan agar Sultan Abdullah dan pembesar Perak datang ke Singapura. Cadangan Phillippo dibincangkan oleh Majlis Kerja pada awal Ogos 1876 dan Majlis bersetuju dengan cadangan Phillippo. Keputusan Majlis Kerja dilaporkan oleh Jervis kepada Carnavon melalui telegram pada 5 Ogos 1876. Dengan itu Jervis menghantar surat kepada Sultan Abdullah, Laksamana, Syahbandar, Orang Kaya Mat Arshad dan Raja Mahkota supaya datang ke Singapura.²⁵

Dato' Sagor dan anaknya, Si Anjang datang berlindung kepada Sultan Abdullah dan Syahbandar di Pulau Tiga. Dalam usaha untuk menangkap Dato' Sagor, pihak British mendapatkan bantuan Syed Masahor, Selangor.²⁶ Syed Masahor yang mendapat maklumat tentang tempat persembunyian Dato' Sagor telah menghantar surat kepada Frank

Swettenham untuk mendapatkan kebenaran bagi membuat serbuan hendap bagi menangkap Dato' Sagor pada malam 9 Mac 1876.²⁷ Oleh kerana kesukaran, rancangan itu tidak dapat dilaksanakan. Pada 10 Mac 1876 Syed Masahor menulis surat kepada Frank Swettenham menyatakan Dato' Sagor berlindung dalam perahu Sultan Abdullah dan beliau sanggup untuk menangkap Dato' Sagor. Tetapi beliau ingin mendapatkan perintah daripada Swettenham terlebih dahulu dan juga kebenaran daripada Sultan Abdullah yang pada ketika itu berada di Pulau Tiga.²⁸ Syed Masahor menyatakan kesanggupan untuk menangkap Dato' Sagor sama ada di dalam perahu Sultan Abdullah atau perahu Dato' Syahbandar.²⁹ Pada 10 Mac 1876 Frank Swettenham memaklumkan kepada Syed Masahor bahawa Gabenor Negeri-negeri Selat telah mengeluarkan arahan menangkap Dato' Sagor di darat atau di perahu dan hendaklah dibawa ke Bandar Baru.³⁰ Pada ketika ini Dato' Sagor dan anaknya, Si Anjang berlindung kepada Sultan Abdullah dan tinggal di dalam perahu Dato' Syahbandar.³¹ Frank Swettenham menulis surat kepada Sultan Abdullah³² dan surat ini disampaikan oleh Syed Masahor kepada Sultan Abdullah pada 11 Mac 1876. Pada 11 Mac 1876 Sultan Abdullah memaklumkan kepada Frank Swettenham bahawa pada hari Jumaat 14 safar 1293 (10 Mac 1876) baginda mendapat maklumat bahawa Dato' Sagor berada di kawasan pedalaman Pulau Tiga. Dengan itu baginda menitahkan Dato' Sagor datang menghadap. Ketika Sultan Abdullah menulis surat ini Dato' Sagor berada bersama-sama dengan Sultan Abdullah dan baginda akan membawa Dato' Sagor menemui Frank Swettenham di Bandar Baru.³³ Dengan itu Frank Swettenham mengharapakan Sultan Abdullah membawa Dato' Sagor menemuinya dengan segera.³⁴ Dato' Sagor pula, walaupun dinasihati oleh Sultan Abdullah dan Syahbandar supaya berundur menyembunyikan diri tetapi beliau ingin bersama Sultan Abdullah. Malah Dato' Sagor menyatakan rela terkorban di situ. Beliau merasakan tidak dapat bersembunyi lagi kerana Syed Masahor yang membantu British telah pun dapat mengesan

kedudukan beliau. Selain itu beliau menghadapi masalah kekurangan makanan dan gigitan nyamuk. Oleh sebab itu Dato' Sagor dan anaknya, Si Anjang bermalam di perahu Syahbandar.³⁵ Pada 11 Mac 1876 Syed Masahor datang menuntut Dato' Sagor daripada Sultan Abdullah dan Syahbandar. Namun begitu permintaan ini tidak ditunaikan oleh Sultan Abdullah dan Syahbandar. Mereka menyatakan kesanggupan akan membawa sendiri Dato' Sagor ke Bandar Baru. Dengan itu perahu Syahbandar diikuti rapat oleh Syed Masahor.³⁶ Dato' Sagor tiba di Bandar Baru pada pukul 7.30 malam, 11 Mac 1876. Dato' Sagor ditahan terlebih dahulu di rumah pengawal tentera regimen ke-10 di Bandar Baru. Oleh kerana Dato' Sagor ialah pembesar Perak, Frank Swettenham berpendapat adalah wajar beliau ditahan di Pulau Pinang.³⁷ Kemudiannya Majlis Kerja bersetuju bahawa Dato' Sagor hendaklah dibawa ke Singapura.³⁸ Gabenor Sir William Jervis menghantar telegram kepada Lord Carnavon pada 16 Mac 1876, memaklumkan bahawa Dato' Sagor telah ditangkap.³⁹ Penahanan di Singapura ini, sementara menunggu laporan siasatan ke atas penglibatan beliau dalam pembunuhan J. W. W. Birch. F. A. Swettenham berpendapat bahawa kejayaan menangkap Dato' Sagor adalah kerana bantuan Syed Masahor. Dengan itu beliau mencadangkan supaya Syed Masahor dianugerahkan hadiah.⁴⁰ Syed Masahor juga telah berjaya menangkap Ngah Ahmad.⁴¹

Dato' Maharaja Lela juga mengundurkan diri. Beliau dipercayai berundur ke Patani. Dengan itu Gabenor Sir William Jervis menulis surat bertarikh 30 Disember 1875 kepada T. G. Knox di Bangkok memohon kerajaan Siam mengarahkan Raja Patani supaya tidak menerima kedatangan Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya. Selain itu mereka hendaklah ditangkap dan diserahkan kepada kerajaan British.⁴² T. G. Knox mengambil tindakan susulan menulis surat kepada Chao Phya Surawongse Way Waddhu Phra Kalahom, Menteri Jajahan Selatan bertarikh 21 Januari 1876, memohon mengarahkan Raja Melayu di Selatan Thailand supaya tidak menerima pelarian Perak. Beliau juga

diminta menangkap pelarian tersebut dan menyerahkannya kepada kerajaan British.⁴³ Kerajaan Siam melalui Pemangku Raja berjanji akan menghantar kapal perang ke Senggora (Songkhla) di bawah Pesuruhjaya Siam. Seterusnya mereka akan bergerak ke Patani untuk memastikan bahawa orang yang terlibat dalam pembunuhan J. W. W. Birch datang berlindung di Patani. Sekiranya pelarian ini berada di Patani, mereka akan ditangkap dan diserahkan kepada pihak British di Bangkok, untuk diserahkan kepada kerajaan British.⁴⁴ Sementara itu Gabenor juga meminta bantuan Sultan Kedah menangkap Dato' Maharaja Lela sekiranya beliau datang ke Kedah. Sultan Kedah menyatakan kesanggupan menyerahkan Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya sekiranya mereka datang ke Kedah.⁴⁵ Padahal pada bulan Mac 1876, W. E. Maxwell mendapat berita bahawa Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya tinggal di Kuala Piah, Hulu Perak.⁴⁶

W. E. Maxwell dan pasukannya ditugaskan menjejaki Dato' Maharaja Lela. Beliau tiba di Kampung Kenderung, sempadan Patani pada 6 April 1876. W. E. Maxwell meminta jasa baik pembesar Patani untuk mengesan Dato' Maharaja Lela tetapi tidak mendapat perhatian. Beliau melaporkan perkara ini kepada Gabenor.⁴⁷ Dengan itu Gabenor Sir William Jervis menghubungi Konsul Besar British di Bangkok pada 17 April 1876. Dalam suratnya itu, beliau melaporkan bahawa Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya telah mengundurkan diri ke Patani. Beliau mengharapkan Konsul Besar menghubungi kerajaan Siam meminta bantuan menangkap Dato' Maharaja Lela.⁴⁸

Kemudian ada berita menyatakan Dato' Maharaja Lela bersembunyi di Kampung Kerni, Reman, Patani.⁴⁹ Setelah mendapat laporan Dato' Maharaja bersembunyi di Patani, Sir William Jervis menghantar surat kepada Konsul Besar British di Bangkok pada 17 April 1876 untuk meminta bantuan kerajaan Siam menyerahkan Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya kepada pihak berkuasa British.⁵⁰ Konsul Besar British memanjangkan perkara tersebut kepada Menteri Wilayah-wilayah Barat,

Chao Phya Sri Surawongse Phra Kalahom pada 28 April 1876. Beliau meminta kerajaan Siam menangkap Dato' Maharaja Lela, Ngah Jabor dan pengikutnya yang kini bersembunyi di Kenderung, tidak berapa jauh dengan sempadan Perak. Sekiranya berjaya menangkap mereka, penyerahan nanti hendaklah dibuat melalui sempadan Perak.⁵¹ Dengan itu kerajaan Siam mengeluarkan pengisytiharan mengenai Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya di tiap-tiap wilayah. Namun demikian pihak Siam tidak dapat memastikan kedudukan Kenderung; sama ada di dalam negeri Perak atau negeri Melayu Siam. Arahan dikeluarkan kepada Phra Narathirach Phakdi, Pesuruhjaya Kapal Perang Siam, Regen dan Gabenor Senggora.⁵² Oleh kerana Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya bukannya rakyat Siam, mereka berkemungkinan tidak akan menyerah diri dan pertempuran mungkin akan berlaku. Dengan itu budi bicara Gabenor Senggora diminta untuk memastikan perkara kecil tidak akan menjadi besar. Gabenor Senggora juga diminta supaya menyediakan bekalan dan jurubahasa. Apabila berjaya menangkap Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya, mereka hendaklah dihantar dengan kapal perang ke Bangkok untuk diserahkan kepada Konsul Jeneral British.⁵³

Jervois juga mengarahkan A. E. H. Anson menulis surat kepada Gabenor Senggora, di atas nama Gabenor Negeri-negeri Selat meminta beliau mengesan kedudukan Dato' Maharaja Lela.⁵⁴ Dengan itu A. E. H. Anson menulis surat kepada Gabenor Senggora pada 17 April 1876 meminta beliau mengarahkan Raja Reman menangkap Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya serta menyerahkannya kepada pihak berkuasa British di Pulau Pinang. Gabenor Senggora menyatakan beliau tidak mendapat sebarang maklumat tentang kehadiran Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya di Reman. Di samping itu beliau menyatakan bahawa beliau tidak terlibat dan tidak mempunyai kepentingan dalam kebangkitan Perak. Namun beliau telah menghantar pegawai ke Reman untuk memastikan keadaan tersebut. Perkembangan selanjutnya, sama

ada pelarian itu ditangkap atau tidak akan dimaklumkan kepada A. E. H. Anson di Pulau Pinang.⁵⁵

Pada 3 Mei 1876, Konsul Jeneral British di Bangkok meminta Sir William Jervis menghantar butiran lengkap kesalahan jenayah dan tuduhan yang dikenakan ke atas Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya. Selain itu Konsul Jeneral menyatakan bahawa kerajaan Siam menimbulkan perkara tindakan Sultan Kedah menyerahkan Sultan Ismail kepada British di Pulau Pinang tanpa merujuk kepadanya.⁵⁶ Pada 16 Mei 1876, Sir William Jervis menjawab dalam suratnya dengan menyatakan bahawa butiran lengkap tidak perlu dihantar lagi kerana mengikut maklumat mutakhir, Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya sudah pulang ke Perak. Di samping itu kerajaan British meminta maaf di atas salah faham tentang tindakan Sultan Kedah menyerahkan Sultan Ismail kepada British tanpa pengetahuan kerajaan Siam, yang menyebabkan timbulnya ketidakselesaan kerajaan Siam. Jervis menjelaskan bahawa beliau menjangkakan bahawa tindakan Sultan Kedah menyerahkan Sultan Ismail kepada British adalah berdasarkan arahan yang diterima daripada kerajaan Siam. Beliau meminta Konsul Jeneral British di Bangkok menyampaikan ucapan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan dalam mengesan Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya di Patani.⁵⁷

Tidak lama berada di Kampung Kerni, Reman, Dato' Maharaja Lela kembali semula ke Perak. Beliau tinggal bersama Seri Paduka Lela di sebuah kampung kecil, di antara Kampung Salak dengan Kampung Kepayang kira-kira 10 kilometer (6 batu) dari Kota Lama. Jervis mendapatkan khidmat Maharaja Abu Bakar untuk menangkap Dato' Maharaja Lela. Maharaja Abu Bakar menghantar utusan yang diketuai oleh Orang Kaya Abdul Rahman. Utusan ini diarahkan memaklumkan kepada Dato' Maharaja Lela bahawa perbicaraan yang adil akan dilakukan sekiranya beliau menyerah diri. Rombongan ini berangkat ke Perak melalui Kedah dan tiba di Kuala Kangsar pada 16 Jun 1876.

Orang Kaya Abdul Rahman bertemu dan berbincang dengan Dato' Maharaja Lela di hulu Perak. Dato' Maharaja Lela sanggup menyerah diri tetapi hendaklah berada di bawah perlindungan Maharaja Abu Bakar. Pada 26 Jun 1876 Orang Kaya Abdul Rahman kembali ke Kuala Kangsar membawa bersamanya Ngah Jabor. Kesediaan Dato' Maharaja Lela berangkat ke Johor dimaklumkan oleh J. G. Davidson kepada Jervois pada 26 Jun 1876. Dengan itu Jervois meminta Maharaja Abu Bakar menghantar kapalnya ke Perak membawa Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya. Maharaja Abu Bakar bersetuju dengan permintaan Jervois ini. Seterusnya Jervois meminta Davidson memaklumkan kepada Dato' Maharaja Lela bahawa Maharaja Abu Bakar akan menghantar kapal baginda, *Panti* untuk membawa Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya nanti. Pada 3 Julai 1876 kapal *Panti* tiba di Pulau Pinang. Rombongan kali ini terdiri daripada saudara Maharaja Johor, William Hole, Setiausaha Sulit Maharaja dan 20 orang pegawai. William Hole membawa surat Sultan Ismail kepada Dato' Maharaja Lela menyatakan baginda dilayan dengan baik oleh British. William Hole mencadangkan surat ini dibawa oleh saudara Maharaja Abu Bakar sendiri kepada Dato' Maharaja Lela. Ngah Jabor juga disyorkan supaya bersama-sama mempengaruhi Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya supaya berangkat ke Johor dengan kapal *Panti*. Sedangkan sebelum ini cadangan telah dibuat untuk menghantar Ngah Jabor ke Pulau Pinang dengan kapal *Pluto* dan dari situ akan menaiki kapal *Panti* ke Johor. Jervois yakin dengan cadangan William Hole ini. Pada 6 Julai 1876 kapal *Panti* berlepas ke Larut dan berikutnya ke Kuala Kangsar. Pada 8 Julai 1876 terdapat laporan bahawa Dato' Maharaja Lela berada di Kota Lama. Dengan itu William Hole, saudara Maharaja Abu Bakar dan Orang Kaya Abdul Rahman berangkat ke Hulu Perak bertemu Dato' Maharaja Lela. Di antara yang hadir bersama-sama Dato' Maharaja Lela ialah Pandak Indut dan Tok Seri Lela. Setelah menyerahkan surat Sultan Ismail dan berbincang, utusan William Hole pulang ke Kuala Kangsar. Dato' Maharaja Lela pula pulang menemui

keluarganya. Kemudiannya Dato' Maharaja Lela mengambil keputusan berangkat ke Johor dengan kapal *Panti*. Pada 13 Julai 1876 Dato' Maharaja Lela, Pandak Indut dan Ngah Jabor dibawa oleh kapal *Panti* dari Larut ke Singapura. Mereka tiba di Singapura pada 20 Julai 1876. Seterusnya Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya diserahkan di bawah jagaan Maharaja Abu Bakar. Sementara itu Jervois memberi tempoh selama lima hari kepada Maharaja Abu Bakar untuk menyerahkan Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya kepada kerajaan Negeri-negeri Selat. Jervois memuji Davidson dan William Hole di atas kejayaan membawa Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya ke Singapura. Di samping itu beliau mengucapkan terima kasih kepada Maharaja Abu Bakar.

Langkah Dato' Maharaja Lela menyerah diri ini dikatakan dibuat kerana bimbangkan dirinya akan dibunuh di dalam hutan oleh mereka yang tidak mahu beliau memberi keterangan tentang pembunuhan J. W. W. Birch. Pada 21 Julai 1876 Dato' Maharaja Lela menyerahkan dokumen yang menyatakan bahawa Sultan Abdullah memberi arahan kepada Seputum supaya membunuh J. W. W. Birch.⁵⁸ Surat ini ditulis di atas kertas kosong dan ditandatangani serta dicap mohor oleh Sultan Abdullah. Dato' Maharaja Lela, Ngah Jabor dan Pandak Indut menafikan penglibatan mereka dalam pakatan membunuh J. W. W. Birch. Dalam pada itu Jervois memaklumkan kepada Maharaja Abu Bakar supaya memanjangkannya kepada Dato' Maharaja Lela, Ngah Jabor, Pandak Indut, Panjang Bur dan Che Ali supaya menyerah diri terlebih dahulu kepada kerajaan British. Kemudian barulah mereka akan dibicarakan dengan adil. Sekiranya mereka didapati tidak bersalah sebagaimana tuduhan yang dikenakan ke atas mereka, mereka akan dibebaskan.⁵⁹ Setelah mendapat janji mulut daripada Gabenor dan jaminan Maharaja Abu Bakar bahawa mereka akan diadili di mahkamah dan boleh mendapatkan bantuan guaman, barulah Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya sanggup menyerah diri. Dengan itu Maharaja Abu Bakar menulis surat kepada Gabenor pada 29 Julai 1876 menyatakan Dato'

Maharaja Lela dan pengikutnya secara sukarela akan menyerah diri dengan jaminan diadili di mahkamah. Surat itu dibawa oleh Dato' Bentara Setiausaha Kerajaan Johor dan William Hole, Setiausaha Sulit Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor.⁶⁰ Gabenor pula menyatakan bahawa kenyataan Maharaja Johor di dalam suratnya tentang pengadilan di mahkamah adalah tepat.⁶¹ Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya datang menyerah diri kepada kerajaan British di Singapura pada 30 Julai 1876. Perbincaraan yang akan diadakan nanti berdasarkan bidang kuasa negeri Perak. Jervois menyatakan bahawa mereka yang ditahan diberi layanan yang memuaskan.⁶² Earl of Carnavon bagi pihak kerajaan British meminta Sir William Jervois menyampaikan ucapan terima kasih kepada Maharaja Johor yang membantu sehingga tertangkapnya Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya.⁶³ Seputum ditangkap oleh Mahmin, Odah Pulau, Alang Rupah, Odah Mat Kasim dan Si Kumbang di Lambor.⁶⁴

Menghadapi Tuduhan dan Hukuman

Seputum, Si Gondah dan Ngah Ahmad dihadapkan ke mahkamah pada bulan Mac 1876. Mereka dibicarakan dalam mahkamah Melayu. Raja Idris dilantik oleh Sultan Abdullah sebagai hakim. Manakala Gabenor Sir William Jervois melantik J. G. Davidson, Residen British Selangor sebagai penilai dengan dibantu oleh F. Swettenham. Pemilihan dan perlantikan ini dibuat berdasarkan pengalaman mereka. J. G. Davidson mempunyai pengalaman dalam bidang undang-undang. F. Swettenham pula berpengalaman dalam bidang pentadbiran di Tanah Melayu.⁶⁵

Pada 3 Mac 1876, mahkamah di Bandar Baru bersidang. Raja Idris sebagai hakim, Davidson dan Swettenham sebagai penilai. Seputum, Si Gondah dan Ngah Ahmad dihadapkan di mahkamah dengan tuduhan membunuh J. W. W. Birch, jurubahasa Mat Arshad, Din pendayung dan Hend Sheer Singh, salah seorang pegawai residen di Pasir Salak pada 2 November 1875. Mereka mengaku tidak bersalah.

Perbicaraan dimulakan dengan memanggil Hamid sebagai saksi memberi keterangan. Beliau menceritakan J. W. W. Birch datang bersama rombongan tiba dan bermalam di Pasir Salak. Pada pagi 2 November 1875, pukul 6 pagi Leftenan Abbott dengan pasukan sepoi berburu di Kampung Gajah. Jurubahasa Mat Arshad melekatkan surat pengisytiharan di kedai emas Cina. Kemudiannya beliau ditikam dalam pertengkaran. Hamid menyatakan Seputum ada pada ketika itu dan berteriak dengan kata amuk. Beliau mengenali Seputum kerana Seputum mengidap penyakit kulit aneh dan untut di sebelah kakinya. Hamid juga menyatakan yang Si Gondah ada pada 2 November 1875 di Pasir Salak membawa lembing dan berteriak amuk. Dalam pada itu Hamid tidak dapat memastikan sama ada Ngah Ahmad ada atau tidak ketika J. W. W. Birch dibunuh.⁶⁶

Kemudiannya Koh Ah Yong, tukang emas dipanggil memberi keterangan. Beliau menyatakan pada hari surat pengisytiharan dilekatkan oleh jurubahasa Mat Arshad, beberapa orang yang berkumpul di Pasir Salak, termasuk Ngah Ahmad mengoyak surat pengisytiharan dan diserahkan kepada Dato' Maharaja Lela. Sementara itu Seputum membawa dua batang lembing dalam perhimpunan itu. Koh Ah Yong menyatakan bahawa Seputum menetak J. W. W. Birch dengan parang panjang di kepala sebanyak tiga kali. Seterusnya beliau menyatakan tidak nampak Si Gondah; sebaliknya melihat Ngah Ahmad membawa dua batang lembing dan sebilah keris.⁶⁷ Kemudiannya perbicaraan ditangguhkan.

Pada 4 Mac 1876, mahkamah bersidang semula. Koh Ah Yong sekali lagi dipanggil memberi keterangan. Kali ini beliau menerangkan mayat J. W. W. Birch dijumpai oleh orang Bugis.⁶⁸ Berikutnya Hoo Ah Choey dipanggil memberi keterangan. Hoo Ah Choey menyatakan Seputum, Si Gondah dan Ngah Ahmad berada di tebing sungai pada 2 November 1875. Seputum mengoyak surat pengisytiharan dan menetak dua kali J. W. W. Birch ketika berada di dalam air. Manakala Si Gondah dan

Ngah Ahmad melaungkan amuk. Kedua-duanya ada membawa keris dan lembing.⁶⁹ Seterusnya J. J. Keyt, kerani residen dipanggil memberi keterangan. J. J. Keyt menyatakan kepada mahkamah bahawa setelah diarah oleh Timbalan Pesuruhjaya (W. E. Maxwell), beliau mencatatkan pengakuan Seputum, Si Gondah dan Ngah Ahmad ketika mereka berada di dalam penjara. Ketiga-tiga kenyataan ini dibacakan di dalam mahkamah. Seputum, Si Gondah dan Ngah Ahmad mengesahkan pengakuan masing-masing. Pengakuan ini menyentuh peristiwa yang berlaku di Pasir Salak.⁷⁰

Kemudiannya Hajjah Fatimah dipanggil memberi keterangan. Beliau menyatakan pada malam selepas J. W. W. Birch dibunuh, sekumpulan orang-orang bersenjata datang ke rumahnya. Di antara mereka ialah Si Gondah, dan mereka merancang hendak menyerang Bandar Baru.⁷¹ Begitu juga dengan Haji Mohamed Amin, menyatakan bahawa Si Gondah ada di dalam kumpulan yang hendak menyerang Bandar Baru. Selain itu Haji Mohamed menyatakan bahawa Si Gondah ada menyebut perkataan amuk.⁷² Manakala Inspektor Lagis bin Suboh, ketika memberi keterangan di mahkamah memaklumkan tentang luka dan kecederaan yang terdapat di badan J. W. W. Birch dan Mat Arshad.⁷³

Setelah Inpektor Lagis memberi keterangan, pendakwaan ke atas tertuduh ditutup. Tertuduh pula memaklumkan kepada mahkamah mereka tidak mempunyai saksi untuk memberi keterangan. Walaupun begitu hakim memberi peluang kepada tertuduh untuk memberi keterangan. Seputum menyatakan, sama ada beliau terlibat atau tidak, kedua-duanya sama sahaja. Sekiranya beliau tidak terlibat, Dato' Maharaja Lela akan membakar rumah dan merampas hartanya. Oleh kerana beliau buruh dan di bawah pentadbiran Dato' Maharaja Lela, jika tidak menjalankan tugas yang diberikan, Dato' Maharaja Lela akan membunuhnya. Dalam pada itu Seputum menyatakan, jika dia melakukan kesalahan, maka itu adalah menjalankan tugas Dato' Maharaja Lela. Begitu juga, Si Gondah menyatakan dia diarahkan oleh Dato'

Maharaja Lela. Sekiranya ingkar, rumahnya akan dibakar dan anak isteri akan diambil. Manakala Ngah Ahmad menyatakan yang dia tidak ada ketika J. W. W. Birch dibunuh. Beliau tiba di tebing sungai setelah pembunuhan berlaku.

Selepas mendengar keterangan Seputum, Si Gondah dan Ngah Ahmad mahkamah menengguhkan sidangya pada pukul 8 pagi, 5 Mac 1876. Pada 5 Mac 1876, mahkamah bersidang semula. Hakim Raja Idris memaklumkan kepada Seputum, Si Gondah dan Ngah Ahmad yang beliau mendengar semua keterangan sepanjang mahkamah bersidang. Seterusnya beliau memaklumkan keputusan tertuduh bersalah dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Walaupun begitu Hakim Raja Idris menyatakan yang hukuman gantung hanya akan dilaksanakan setelah disahkan oleh sultan.⁷⁴

Keputusan mahkamah ini dihantar kepada Gabenor dan dibincangkan dalam Majlis Kerja yang dipengerusikan oleh Gabenor. Majlis Kerja berpuas hati dengan bukti tuduhan ke atas Seputum dan hukuman mati yang dijatuhkan ke atasnya. Namun begitu Majlis Kerja berpendapat, walaupun Si Gondah dan Ngah Ahmad hadir ketika J. W. W. Birch dibunuh; tetapi tidak ada bukti yang boleh menyatakan mereka terlibat dalam pakatan membunuh J. W. W. Birch. Dengan itu Majlis Kerja terpaksa campur tangan dalam keputusan Mahkamah Melayu melalui Gabenor. Gabenor mengarahkan Timbalan Pesuruhjaya Perak menasihati Sultan Abdullah meminda hukuman yang dijatuhkan ke atas Si Gondah dan Ngah Ahmad kepada penjara seumur hidup.⁷⁵ Seputum digantung sampai mati di Bandar Baru pada 20 Mei 1876.⁷⁶ Gabenor Negeri-negeri Selat Sir William Jervois mengeluarkan arahan menjalankan penyiasatan ke atas Sultan Ismail, Maharaja Lela dan Dato' Sagor untuk mengenal pasti sama ada mereka adalah pelaku, pesubahat atau penghasut sehingga membawa kepada terbunuhnya J. W. W. Birch.⁷⁷ Pada 5 Mei 1876, Gabenor Negeri-negeri Selat Sir William Jervois menulis surat rasmi kepada Sultan Abdullah meminta baginda mengesan

mereka yang terlibat dalam pembunuhan J. W. W. Birch. Kemudiannya Sultan Abdullah diminta oleh Sir William Jervois datang ke Singapura dalam tempoh dua hari.

Kerajaan British membentuk Suruhanjaya Penyiasat di antara bulan Jun dengan Julai 1876 dan dihantar ke Perak. Suruhanjaya ini terdiri daripada Hakim Phillippo, C. B. Plunket, Majistret Melaka dan J. B. Paul, pemangku Penolong Residen Perak.⁷⁸ Siasatan dijalankan ke atas Sultan Abdullah, Sultan Ismail, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana dan Syahbandar. Sementara itu pada 30 Julai 1876, Jervois mengesyorkan supaya Sultan Abdullah diturunkan dari takhta kerajaan Perak dan digantikan oleh sultan baru.⁷⁹ Apabila Sultan Ismail dan Maharaja Lela menyerah diri, Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir William Jervois menghantar surat kepada Sultan Abdullah pada 10 Ogos 1876 meminta baginda bersama-sama Laksamana, Syahbandar, Raja Mahkota dan Orang Kaya Mat Arshad datang ke Singapura untuk memberi keterangan tentang gerakan penentangan yang berlaku di Perak.⁸⁰ Keberangkatan ke Singapura akan diuruskan oleh J. G. Davidson, Residen British Perak.⁸¹ Tempoh keberangkatan Sultan Abdullah dengan masa menerima surat dikosongkan agar ditulis oleh Davidson. J. G. Davidson diminta menyerahkan sendiri surat tersebut kepada Sultan Abdullah. Kapal *Pluto* akan tiba di Larut pada 23 Ogos 1876. Sultan Abdullah diminta datang ke Kuala Kangsar untuk menunggu. Di samping itu pegawai memerintah tentera Perak dimaklumkan tentang keberangkatan Sultan Abdullah ini dan meminta memberikan bantuan kepada Davidson jika diperlukan.⁸² Sultan Abdullah, Laksamana, Syahbandar, Orang Kaya Mat Arshad dan Raja Mahkota datang ke Singapura dengan kapal *Pluto*, diiringi oleh pemangku Residen British Perak, J. G. Davidson. Rombongan ini tiba di Singapura pada 4 September 1876. Raja Idris yang tidak diperintahkan datang, juga turut sama datang ke Singapura. Di samping itu terdapat juga beberapa orang lain mengiringi Sultan Abdullah.⁸³ Pada 5 dan 6 September 1876 Jervois menghantar telegram kepada Carnavon

menyatakan bahawa kes Sultan Abdullah akan dibincangkan di dalam Majlis dan pertimbangan politik akan diberikan. Carnavon pula dalam telegramnya kepada Jervois bertarikh 19 September 1876 meluluskan usul Jervois tersebut.⁶⁴ Ketika Sultan Abdullah berada di Singapura, Gabenor menasihati baginda supaya melantik Raja Muda Yusof sebagai Regen Perak semasa ketiadaan baginda di Perak. Sultan Abdullah pula melantik Raja Bendahara sebagai Regen (pemangku Sultan) Perak. Gabenor tidak membantah perlantikan ini dan tidak memaksa supaya Raja Muda Yusof dilantik kerana beliau beranggapan perlantikan ini sebagai sementara.⁶⁵ Sepucuk surat kuasa bertarikh 27 Syaaban 1293 (17 September 1876) yang ditandatangani dan dicap mohor oleh Sultan Abdullah yang dikeluarkan menyatakan baginda memberi kuasa kepada Raja Bendahara sebagai "wakil" ketika ketiadaan baginda di Perak. Apabila baginda pulang, dengan sendirinya surat kuasa tersebut terbatal.⁶⁶

Di Singapura, tempat tinggal Sultan Abdullah dikawal rapi oleh polis selama lapan bulan. Kemudiannya Sultan Abdullah ditahan dalam penjara selama empat bulan.⁶⁷ Ketika berada di sini, pada 16 September 1876, pihak British mengemukakan sepuluh tuduhan ke atas Sultan Abdullah. Dinyatakan bahawa tuduhan ini memberi peluang kepada Sultan Abdullah menjelaskan hubungan baginda dengan pembesar Perak yang terlibat dalam pembunuhan J. W. W. Birch. Gabenor memberi tempoh sehingga 7 Oktober 1876 untuk menjawab segala tuduhan ini. Tuduhan-tuduhan itu ialah:

- Pertama, Sultan Abdullah mengendalikan mesyuarat pada 21 Julai 1875 di Durian Sebatang untuk merancang pembunuhan J. W. W. Birch.
- Kedua, selepas mesyuarat Sultan Abdullah mengarahkan Nakhoda Ketek ke Pulau Pinang untuk membeli sepuluh kotak senapang dan 20 pikul bahan letupan.

- Ketiga, pada Ogos 1875 Sultan Abdullah mengadakan mesyuarat di rumah baginda di Batak Rabbit dan mengadakan upacara bermain hantu.
- Keempat, pada 5 Oktober 1875 Sultan Abdullah memberi surat kuasa kepada Dato' Maharaja Lela di Pasir Panjang untuk membunuh J. W. W. Birch.
- Kelima, pada 27 Oktober 1875 Sultan Abdullah mengadakan mesyuarat di Durian Sebatang bersama-sama pembesar dan rakyat dan mengambil keputusan untuk membunuh J. W. W. Birch; dan baginda membekalkan makanan kepada Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Daeng Marewah untuk tujuan persiapan membunuh J. W. W. Birch.
- Keenam, pembunuhan J. W. W. Birch pada 2 November 1875 adalah di atas surat kuasa Sultan Abdullah dan baginda tahu tentangnya.
- Ketujuh, selepas pembunuhan J. W. W. Birch, Sultan Abdullah menghantar Alang Nor dan Wan Husin menemui Dato' Maharaja Lela untuk menyampaikan pesan bahawa baginda tidak boleh membantu secara terbuka tetapi menghantar wang dan beras sebanyak tiga perahu kepada Dato' Maharaja Lela.
- Kelapan, pada 6 November 1875 Sultan Abdullah menghantar beras 500 gantang dengan tiga buah perahu kepada Dato' Maharaja Lela sebagai persediaan melancarkan serangan ke atas residensi di Bandar Baru.
- Kesembilan, pada 10 November 1875 Sultan Abdullah mengambil senjata dan peluru di Batak Rabbit dan menghantarnya ke Durian Sebatang untuk membantu Dato' Maharaja Lela melancarkan serangan ke atas Bandar Baru.
- Kesepuluh, Sultan Abdullah melindungi Dato' Sagor pada 10 Mac 1876 dan menasihati Dato' Sagor supaya bersembunyi di dalam hutan.⁶⁸

Semua tuduhan ini dijawab oleh Sultan Abdullah pada 6 Oktober 1876. Pertama, pada Julai 1875 baginda berada di Kuala Kinta. Pada 18 Julai 1875 baginda berangkat dari Kuala Kinta ke Kota Setia dengan tujuan untuk menemui J. W. W. Birch. Dalam perjalanan pulang ke Kota Setia, Sultan Abdullah singgah beberapa jam di luar pangkalan di Durian Sebatang. Sultan Abdullah menafikan bahawa baginda mengadakan mesyuarat serta berjumpa dengan pembesar di perahu. Baginda tiba di Kota Setia pada 20 Julai 1875 dan tinggal di sini selama empat atau lima hari. Dari Kota Setia baginda berangkat ke Batak Rabit. Sultan Abdullah menafikan bahawa baginda memberi kuasa membunuh J. W. W. Birch atau mengadakan mesyuarat untuk membunuh J. W. W. Birch. Kedua, sejak Perjanjian Pangkor baginda tidak pernah mengarahkan Nakhoda Ketek atau sesiapa pun pergi ke Pulau Pinang untuk membeli senjata dan peluru. Ketiga, tidak ada mesyuarat di Batak Rabit atau di mana-mana dengan pembesar dalam bulan Ogos 1875 untuk membincangkan tentang pembunuhan J. W. W. Birch. Dalam bulan Ogos 1875 baginda mendapat maklumat bahawa Gabenor Negeri-negeri Selat akan melawat Perak. Oleh itu mesyuarat dengan Laksamana, Syahbandar dan Raja Mahkota diadakan bagi membincangkan hal sambutan. Dalam bulan Jun 1875 putera Sultan Abdullah gering di Batak Rabit. Oleh itu upacara bermain hantu diadakan untuk mengubat putera baginda. Baginda menafikan tuduhan mengadakan upacara bermain hantu untuk membunuh J. W. W. Birch. Keempat, Sultan Abdullah menafikan bahawa baginda mengeluarkan arahan surat kuasa kepada Maharaja Lela untuk membunuh J. W. W. Birch. Baginda menyatakan bahawa ada di antara surat tersebut adalah palsu dan menggunakan cap mohor baginda. Kelima, Sultan Abdullah menafikan bahawa baginda mengadakan mesyuarat pada bulan Oktober 1875 atau sebarang tarikh dengan para pembesar di Durian Sebatang yang mencapai keputusan untuk membunuh J. W. W. Birch. Baginda juga menafikan tuduhan bahawa baginda menghantar bekalan makanan dan senjata kepada Ma-

haraja Lela, Dato' Sagor dan Daeng Marewah. Keenam, J. W. W. Birch dibunuh tanpa pengetahuan dan surat kuasa baginda. Ketujuh, Sultan Abdullah menafikan tuduhan bahawa baginda menghantar Alang Nor dan Wan Husin menemui Maharaja Lela untuk memaklumkan bahawa baginda tidak boleh membantu secara terbuka dan menghantar bekalan serta senjata. Kelapan, baginda tidak menghantar beras kepada Maharaja Lela dan tidak tahu bahawa Maharaja Lela bersiap sedia untuk menyerang Bandar Baru. Kesembilan, baginda tidak memindahkan senjata dan peluru dari Batak Rabbit ke Durian Sebatang untuk membantu Maharaja Lela menentang pegawai-pegawai J. W. W. Birch. Baginda mendapat berita kematian J. W. W. Birch daripada Kapten Welner kira-kira pukul 3.00 petang. Sultan Abdullah berangkat dari Batak Rabbit ke Bandar Baru bersama 30 orang pengiring. Dalam perjalanan ini, baginda singgah selama satu malam di Durian Sebatang. Kemudian baginda berangkat ke Bandar Baru dan tinggal di situ selama satu hari sebelum berangkat pulang ke Durian Sebatang. Beberapa hari kemudian baginda menghantar lima laras senapang ke Batak Rabbit untuk kegunaan membuat kawalan. Kesepuluh, dalam bulan Mac 1876 baginda mendapat berita bahawa Dato' Sagor bersembunyi di Pulau Tiga, lalu menitahkan Syahbandar menangkap Dato' Sagor dan Dato' Sagor telah ditahan di atas perahu Syahbandar. Sultan Abdullah menafikan tuduhan bahawa beliau memberi nasihat kepada Dato' Sagor supaya bersembunyi di dalam hutan dan memberikan beliau perlindungan.⁴⁹

Gabenor Jervis menyediakan memorandum tentang tuduhan ke atas Sultan Abdullah untuk dibentangkan dalam Majlis Kerja pada 1 Disember 1876. Tuduhan pertama ke atas Sultan Abdullah didasarkan kepada surat jemputan Sultan Abdullah meminta datang untuk mesyuarat di Durian Sebatang. Bukti ini didasarkan kepada surat tulisan tangan yang diberikan oleh Mat Ros yang didapatinya di rumah Raja Bendahara. Juga dalam diari J. W. W. Birch ada dicatatkan bahawa Menteri, Temenggung dan Bendahara juga menerima surat itu tetapi mereka tidak

dapat datang. J. W. W. Birch juga mencatatkan bahawa Raja Yusof ada menunjukkan surat kepadanya yang meminta supaya menghilir untuk berunding tentang niat British untuk memerintah Perak. Sultan Abdullah berangkat ke Durian Sebatang dari Kuala Kinta pada 19 Julai 1875 dan sampai pada petangnya. Tarikh Sultan Abdullah meninggalkan Kuala Kinta ini diambil daripada kenyataan Raja Gayah dan juga dari dalam diari J. W. W. Birch. Baginda menghadiri kenduri di rumah Haji Mat Yasin pada 20 Julai 1875. Tarikh kenduri dan kehadiran Sultan Abdullah didasarkan kepada kenyataan Mat Ros, Penghulu Mat Ali dan Haji Deris.

Pada 22 Julai 1875 pula baginda menandatangani surat sumpah bersama pembesar, dan hal ini pula didasarkan kepada kenyataan Mat Ros, Haji Deris dan Penghulu Mat Ali. Salah satu daripada surat tersebut diambil oleh Penghulu Mat Ali untuk disampaikan kepada Menteri Ngah Ibrahim. Kemudian pada 22 Julai 1875 Haji Husin datang menghadap Sultan Abdullah dan seterusnya berangkat ke Kota Setia. Baginda tiba pada 23 Julai 1876. Berdasarkan diari J. W. W. Birch, Birch dalam perjalanan ke Kota Setia melalui Durian Sebatang pada 21 Julai 1875 dan menyangka bahawa Sultan Abdullah berada di Kuala Kinta, kerana beliau ternampak perahu Sultan Abdullah berlabuh di Kuala Bidor, tidak jauh dari Durian Sebatang. Sultan Abdullah pula dalam penafiannya menyatakan bahawa baginda meninggalkan Kuala Kinta pada 18 Julai 1875. Baginda berhenti dua atau tiga jam di Durian Sebatang di luar pangkalan dan belayar lagi, lalu tiba di Kota Setia pada 20 Julai 1875. Tarikh yang dikemukakan oleh Sultan Abdullah ini hampir sama dengan tarikh dalam tuduhan yang dikemukakan (19 Julai 1875) ke atas baginda. Namun terbukti bahawa Sultan Abdullah tidak tiba di Kota Setia sebelum tengah hari 23 Julai 1875. Ini bermakna perjalanan dari Kuala Kinta ke Kota Setia memakan masa lima hari. Dengan itu bukti yang dikemukakan oleh Sultan Abdullah bahawa baginda berada di tempat lain sebagai menafikan tuduhan di atas tidak boleh diterima.

Tuduhan kedua pula didasarkan kepada kenyataan empat orang saksi, Nakhoda Ketek, Lebai Tahir, Mat Ros dan Mahlin. Nakhoda Trang dititahkan oleh Sultan Abdullah supaya membeli senjata dan bahan letupan di Pulau Pinang. Pemergian Nakhoda Ketek ini dikukuhkan lagi dengan pengakuan Lebai Tahir, Mat Ros dan Mahlin. Mat Ros dan Mahlin menyatakan bahawa mereka masih ingat Nakhoda Ketek pulang dari Pulau Pinang membawa senjata dan bahan letupan yang kemudiannya diberikan kepada Laksamana dan Syahbandar. Sultan Abdullah menafikan tuduhan ini. Tuduhan ketiga, Sultan Abdullah dan pembesar ke Bandar Baru menuntut wang sebanyak \$5,000 daripada J. W. W. Birch. J. W. W. Birch pula mengambil kesempatan menegur Sultan Abdullah kerana menulis surat yang biadap kepada Keyt, ketika beliau tidak ada di Bandar Baru, mengenai hamba perempuan yang berlindung di Bandar Baru dan perkahwinan hamba itu dengan Kasim, pembantu J. W. W. Birch. Pada 17 Ogos 1875, J. W. W. Birch menegaskan kepada Sultan Abdullah bahawa pungutan cukai hendaklah dilakukan mengikut peraturan. Sultan Abdullah merasakan tindakan J. W. W. Birch ini menghina baginda. Dengan itu baginda menghantar wakil menjemput Raja Kecil Muda dan anaknya, Raja Ahmad dari Pasir Panjang supaya datang ke Batak Rabbit untuk mengendalikan upacara bermain hantu bagi membunuh J. W. W. Birch. Dakwaan ini didasarkan kepada keterangan yang diberikan oleh Mat Ros dan Alang Nor. Mat Ros menyatakan bahawa Sultan Abdullah menjemput Raja Kecil Muda dan anaknya, Raja Ahmad. Alang Nor pula menyatakan Sultan Abdullah akan menggunakan hantu untuk membunuh J. W. W. Birch. Mat Ros, Pandak Indut, Long Mahmud, Mat, Setika, Kulup Nyam dan Syed Masahor, masing-masing menegaskan Sultan Abdullah ada menjalankan upacara bermain hantu. Upacara bermain hantu ini berlangsung selama tiga malam. Pada malam akhir "semangat" menyatakan bahawa J. W. W. Birch akan mati dalam tempoh tiga bulan. Dakwaan upacara bermain hantu ini diperkukuhkan lagi oleh catatan Sarjan Muhammad Said.

Sarjan Muhammad menulis, Indut⁹⁰ datang bertemunya pada hari Jumaat 27 Ogos 1875, pukul 9.00 pagi memaklumkan bahawa Sultan Abdullah melakukan sesuatu yang membawa kematian J. W. W. Birch. Sultan Abdullah dalam penafiannya, menyatakan bahawa upacara bermain hantu diadakan untuk mengubati penyakit putera baginda. Tidak ada upacara bermain hantu selepas mengubati puteranya hingga kematian J. W. W. Birch. Bukti yang didapati menunjukkan Sultan Abdullah ada menjalankan upacara bermain hantu di Pasir Panjang selama tiga hari, dalam bulan September 1875, Diari J. W. W. Birch mencatatkan upacara ini berlangsung pada 22 September 1875.

Tuduhan keempat, dengan berdasarkan kenyataan Mat Ros, Haji Husin dan kerani Ishak bahawa Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor datang menghadap Sultan Abdullah pada atau sekitar tarikh 5 Oktober 1875, di dalam perahu baginda di Pasir Panjang. Dalam pertemuan ini Dato' Maharaja Lela menyatakan bahawa beliau mendapat surat kuasa daripada Sultan Ismail dan Menteri untuk menentang perintah J. W. W. Birch. Saksi-saksi yang terdiri daripada Mat Ros, Haji Husin dan kerani Ishak sewaktu memberi keterangan menyatakan bahawa Dato' Maharaja melengkapi kubu pertahanannya di Pasir Salak. Dalam pertemuan ini juga Sultan Abdullah memberi surat kuasa membunuh J. W. W. Birch dan sanggup membekalkan senjata, bahan letupan dan beras kepada Dato' Maharaja Lela. Menurut keterangan daripada Mat Ros dan juga Pandak Indut, Seekye, Si Gondah dan Daeng Marewah, Dato' Maharaja Lela ada membaca surat kuasa Sultan Abdullah di Pasir Salak beberapa hari sebelum ketibaan J. W. W. Birch di Pasir Salak. Sultan Abdullah menafikan menulis surat kuasa atau menyebabkan tertulisnya surat kuasa itu; sebaliknya surat itu adalah palsu. Tuduhan kelima, dakwaan bahawa pada 10 Oktober 1875 Sultan Abdullah menitahkan Laksamana menghantar surat kepada Sultan Ismail menyatakan bahawa rancangan membunuh J. W. W. Birch telah diatur dan akan dilakukan oleh Dato' Maharaja Lela. Tuduhan ini didasarkan kepada keterangan daripada

Mat Ros, Haji Husin, kerani Ishak dan Daeng Marewah. Daeng Marewah mendengar bahawa surat ini dibacakan di Belanja. Selepas itu Sultan Abdullah berangkat ke Batak Rabbit untuk mengumpulkan senjata. Pada 23 Oktober 1875 Laksamana menulis surat kepada Sultan Ismail menyatakan bahawa beliau akan datang bersama-sama dengan Sultan Abdullah untuk bertemu Sultan Ismail di Pulau Tiga. Dalam hal ini Mat Ros menerangkan bahawa surat ini diterima oleh Haji Mat Yasin daripada simpanan Haji Ali. Pengumpulan senjata dilakukan dan tempahan beras dibuat sebanyak 1,000 gantang daripada J. W. W. Birch. Keterangan ini didasarkan kepada pernyataan Mat Ros. Keterangan lain daripada Mat Ros dan Daeng Marewah, Alang Nor, Che Ngah Satira, Maharaja Dinda serta Abu menyatakan bahawa pertemuan diadakan dengan pembesar Perak dan pembahagian senjata telah dilakukan. Tuduhan ini dinafikan oleh Sultan Abdullah dengan menyatakan bahawa baginda tidak membekalkan senjata ataupun memberikan bekalan kepada Dato' Maharaja Lela. Namun begitu surat bertarikh 23 September 1875 yang dijumpai dalam simpanan Laksamana ada menyatakan bahawa Dato' Maharaja Lela meminta bantuan daripada Laksamana, penasihat utama Sultan Abdullah. Di dalam diari J. W. W. Birch ada tercatat tentang berita angin tentang perkara tersebut. Tuduhan keenam, keseluruhannya dinafikan oleh Sultan Abdullah.

Tuduhan ketujuh, Sultan Abdullah berhubung dengan Dato' Maharaja Lela melalui Mat Ros, Alang Nor, Abu dan Musa. Alang Nor menyatakan bahawa beliau dihantar menghadap Sultan Abdullah untuk memaklumkan bahawa Bandar Baru akan diserang. Sultan Abdullah menasihatkan pembesar Perak agar melakukan serangan ketika baginda tidak ada di situ. Mat Ros pula menyatakan bahawa Wan Husin dihantar untuk memberitahu Dato' Maharaja Lela supaya membatalkan serangan ke atas Bandar Baru. Dalam hal ini Sultan Abdullah menafikan tuduhan terhadapnya, dengan menyatakan hubungan baginda dengan Dato' Maharaja Lela adalah renggang. Dengan segala bukti yang ada dan catatan

diari J. W. W. Birch jelas bertentangan dengan kenyataan Sultan Abdullah. Tuduhan kelapan, yang didasarkan daripada keterangan Mat Ros dan Alang Nor yang mendakwa Sultan Abdullah menghantar beras kepada Dato' Maharaja Lela dan diletakkan di bawah jagaan Haji Mat Said, Maharaja Dinda dan Raja Musa. Dalam surat pula dinyatakan bahawa beras tersebut di bawah jagaan Raja Musa dan Raja Ahmad. Manakala Maharaja Dinda menyatakan beras itu dibekalkan oleh Sultan. Sultan Abdullah menafikan hal tersebut dan menyatakan bahawa baginda tidak tahu dengan rancangan Dato' Maharaja Lela hendak menyerang Bandar Baru. Manakala dalam keterangan Mat Ros dan Alang Nor, Sultan Abdullah diberitahu tentang rancangan tersebut. Leftenan Abbott pula dalam laporannya pada 6 November 1875, menyatakan bahawa peninjau (*Scout*) Cina mendapat maklumat bahawa ada pasukan berkumpul tidak jauh dari Bandar Baru.

Tuduhan kesembilan, pada 6 November 1875 Haji Ali dan Haji Mat Yasin datang menghadap Sultan Abdullah di Durian Sebatang dengan membawa pesan daripada Sultan Ismail meminta Sultan Abdullah melancarkan serangan dari Bandar Baru seperti yang dirancangan. Sultan Abdullah menyatakan kesukaran untuk berperang dengan British dan dengan itu baginda akan mengambil sikap berpura-pura baik dengan pihak British. Sultan menafikan tuduhan itu dan menyatakan bahawa kira-kira pada masa itu baginda menghantar empat laras senapang kepada pengawal baginda di Batak Rabbit. Keterangan daripada Haji Mat Yasin, Haji Ali, Haji Deris, Ngah Pahang dan Mat Ros menyatakan bahawa Sultan berangkat sendiri ke Batak Rabbit. Manakala daripada bukti yang terkumpul, memang sah Sultan Abdullah berada di Batak Rabbit. Tuduhan kesepuluh, berdasarkan laporan Swettenham bertarikh 11 Mac 1876, keterangan Daeng Marewah, Abu dan Maharaja Dinda bahawa Sultan Abdullah melindungi Dato' Sagor. Tuduhan ini juga dinafikan oleh Sultan Abdullah.⁹¹

Memorandum tuduhan ke atas Sultan Abdullah dibentangkan oleh Sir William Jervois kepada ahli Majlis Mesyuarat Kerja pada 1 Disember 1876 untuk mendapatkan pandangan ahli Majlis sama ada Sultan Abdullah bersalah atau tidak. Selain itu Majlis juga diminta memberi pandangan ke atas pembesar lain yang terlibat dalam pembunuhan J. W. W. Birch.⁹² Bahan bukti bersabit pembunuhan J. W. W. Birch, termasuk tuduhan ke atas Sultan Abdullah bertarikh 16 September 1876 dan jawapan baginda bertarikh 6 Oktober 1876 diedarkan kepada ahli Majlis untuk penelitian. Ahli Majlis dimaklumkan bahawa Sultan Abdullah berpakat dengan pembesar membunuh J. W. W. Birch dan menghalau kakitangan British dari Perak. Tentangan dan bantuan bergerak di bawah kuasa Sultan Abdullah. Malah selepas kematian J. W. W. Birch, baginda melindungi beberapa orang yang terlibat dalam pembunuhan J. W. W. Birch. Jika sebahagian besar ahli Majlis mendapati bahawa Sultan Abdullah bersalah, hukumannya adalah tertakluk ke atas perakuan Majlis, disahkan oleh Setiausaha Jabatan Tanah Jajahan iaitu sama ada baginda wajar dilucutkan daripada takhta kerajaan Perak. Sekiranya dilucutkan daripada takhta, baginda akan dihantar sama ada ke Negeri-negeri Selat, Tanah Melayu, ataupun Labuan.⁹³

Pada 9 Disember 1876, Majlis Mesyuarat Kerja bersidang untuk membincangkan kes Sultan Abdullah. Ahli Majlis Kerja terdiri daripada Gabenor Sir William Jervois; Pegawai Memerintah Tentera Kolonel McLeod; Pemangku Hakim Pulau Pinang, Hakim Ford; Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri Selat, J. Douglas; Peguam Agung, Thomas Braddell; Bendahari, Willan dan Juruaudit Besar, C. J. Irving. Dalam sidang ini Thomas Braddell, C. J. Irving dan Willan berpendapat, selepas diturunkan dari takhta kerajaan Sultan Abdullah dibenarkan tinggal di Singapura dan diberikan elaun bulanan dengan diberi amaran supaya berkelakuan baik. Sekiranya baginda didapati bersalah bersabit dengan tuduhan, baginda boleh dihantar ke Labuan atau di mana-mana. Sir Willian Jervois, J. Douglas, Ford dan Kolonel McLeod berpendapat Sul-

tan Abdullah tidak boleh dibenarkan tinggal di Singapura. Kedudukan Singapura yang dekat dengan Perak membolehkan Sultan Abdullah berhubung dan mempengaruhi penduduk untuk mencetuskan kekacauan di Perak. Hal ini juga dianggap memberi teladan yang tidak baik kepada sultan lain. Selain itu Majlis berpendapat bahawa keamanan tidak akan dapat dipulihkan selagi Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana dan Syahbandar berada di Perak. Majlis berpendapat dan memperakukan bahawa mereka yang terlibat dalam pakatan menentang British di Perak yang membawa kepada pembunuhan J. W. W. Birch dibuang negeri ke kawasan tanah jajahan British. Dengan alasan keselamatan tidak akan terjamin sekiranya Menteri Ngah Ibrahim dan Laksamana dibuang ke Labuan, maka Majlis memperakukan supaya Menteri Ngah Ibrahim dan Laksamana dibuang ke Pulau Seychelles.⁵⁴ Majlis mencurigai Menteri Ngah Ibrahim kerana beliau berasal dari Sumatera.⁵⁶ Sebaliknya Majlis berpendapat Sultan Abdullah dan Syahbandar boleh dibuang negeri ke Labuan kerana mereka tidak akan menimbulkan sebarang masalah. Walaupun Orang Kaya Mat Arshad dan Raja Mahkota terlibat dalam pakatan membunuh J. W. W. Birch tetapi Majlis berpendapat mereka tidak berbahaya tinggal di Perak. Itu pun sekiranya Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana dan Syahbandar dibuang negeri. Raja Idris pula memainkan peranan kecil dalam pakatan membunuh J. W. W. Birch. Di samping itu kehadiran beliau dalam mesyuarat rancangan dan pakatan membunuh J. W. W. Birch diragukan.⁵⁶ Namun begitu Raja Mahkota, Raja Idris dan Orang Kaya Mat Arshad hendaklah berkelakuan baik ketika tinggal di Perak.⁵⁷ Sultan Ismail terlibat dalam pakatan membunuh J. W. W. Birch. Oleh kerana baginda tidak menandatangani Perjanjian Pangkor, Sultan Ismail tidak terikat dengan British. Dengan itu Sultan Ismail dan pengikutnya, Dato' Nara Syed Mahmud dan Panglima Perang Semaun dibenarkan tinggal di Johor. Maharaja Abu Bakar Johor berjanji akan menyediakan kemudahan untuk mereka.⁵⁸

William Jervois dalam suratnya bertarikh 14 Disember 1876 kepada Earl of Carnavon di Pejabat Tanah Jajahan, London menyatakan bahawa Menteri Ngah Ibrahim tidak dipanggil ke Singapura bersama-sama dengan Sultan Abdullah dan pembesar lain kerana tidak mempunyai bukti-bukti yang lengkap dan konkrit tentang penglibatannya. Suruhanjaya Penyiasat memperakukan supaya Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana dan Syahbandar dibuang negeri. Mereka juga sependapat bahawa adalah selamat sekiranya Sultan Abdullah dan Laksamana dibuang ke Labuan, tetapi tidak akan selamat pula sekiranya Menteri Ngah Ibrahim dan Laksamana dibuang ke Labuan. Dengan itu mereka memperakukan Menteri Ngah Ibrahim dan Laksamana dibuang ke Pulau Seychelles atau ke tempat lain dalam tanah jajahan yang difikirkan sesuai. Apabila Laksamana, Menteri Ngah Ibrahim dan Syahbandar dibuang negeri, pembesar-pembesar Perak yang lain seperti Orang Kaya Mat Arshad, Raja Idris dan Raja Mahkota yang diperakukan pulang ke Perak akan taat dan setia.⁹⁹

Suruhanjaya penyiasat berpendapat Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Pandak Indut adalah ketua utama.¹⁰⁰ Manakala Sultan Abdullah terlibat dalam pembunuhan J. W. W. Birch. Akhirnya majlis penyiasat membuat keputusan bahawa Sultan Abdullah dan pembesar Perak akan dibuang negeri sama ada ke Pulau Mauritius atau Seychelles. Sultan Abdullah tidak dibuang negeri ke Labuan kerana pasukan polis tidak cukup untuk mengawal keselamatan sekiranya berlaku sebarang masalah.¹⁰¹ Pejabat Tanah Jajahan juga tidak menyokong Sultan Abdullah dan pembesar Perak dibuang negeri ke Labuan. Sementara itu Jervois mengarahkan Leftenan McCallum, Setiausaha Sulitnya menyusun ringkasan perkembangan yang membawa kepada pembunuhan J. W. W. Birch dan tindak balas British selepas itu. Oleh kerana dokumen ini sangat berguna, ia telah dicetak¹⁰² setelah disemak oleh C. B. Plunket dan diedarkan kepada semua ahli Majlis dan juga dikirimkan kepada Lord Carnavon.¹⁰³

Pada 14 Disember hingga 22 Disember 1876, perbicaraan berlangsung di Matang, Larut. Mahkamah bermula pada pukul 12.00 tengah hari. Perbicaraan ini dihakimi oleh Raja Muda Yusof dan Raja Alang Husin. Penilai ialah J. G. Davidson dan W. E. Maxwell. Pendakwa ialah Mejar Dunlop dan F. A. Swettenham dan peguambela ialah J. D. Vaughan. Suruhanjaya Hakim menyerahkan tertuduh kepada peguam untuk pembelaan. Tertuduh ialah Dato' Maharaja Lela, Pandak Indut, Che Ngah Jabor, Panjang Bur, Che Ali atau Kulup Ali, Dato' Sagor dan Si Tuah. Mereka menghadapi dua tuduhan. Pertama, pada atau kira-kira 2 November 1875, di Pasir Salak, Dato' Maharaja Lela, Pandak Indut, Che Ngah Jabor, Panjang Bur, Che Ali atau Kulup Ali, Dato' Sagor dan Si Tuah, semuanya rakyat Perak terlibat dalam pertikaian yang menyebabkan terbunuhnya James Wheeler Woodford Birch, Mat Arshad, Din dan Hend Sheer Singh. Kedua, pada atau kira-kira 2 November 1875, di Pasir Salak, Dato' Maharaja Lela, Pandak Indut, Che Ngah Jabor, Panjang Bur, Che Ali atau Kulup Ali, Dato' Sagor dan Si Tuah, semua rakyat Perak terlibat dalam pakatan jahat membunuh J. W. W. Birch, Mat Arshad, Din dan Hend Sheer Singh.¹⁰⁴ Kesemua tertuduh tidak mengaku salah.

Perbicaraan bermula pada pukul 12.00 tengah hari, 14 Disember 1876. Swettenham selaku pendakwa berdiri memberi hormat kepada mahkamah dan memanggil saksi. Hamid saksi pertama kerajaan maju ke depan memberi keterangan. Dia adalah jurumudi perahu J. W. W. Birch. Hanya seorang saksi sahaja dipanggil untuk hari itu dan sidang mahkamah ditangguhkan pada pukul 4.45 petang. Pada 15 Disember 1876, mahkamah bersidang kembali pada pukul 11.00 pagi. Tiga orang saksi dipanggil memberi keterangan. Mereka ialah Mat Tahir dan Sudin, kedua-duanya pendayung perahu J. W. W. Birch, serta Si Gondah, penduduk Kampung Melintang, Pasir Salak. Setelah saksi memberi keterangan, pada pukul 5.00 petang mahkamah sekali lagi ditangguhkan pada 16 Disember 1876. Pada 16 Disember 1876, mahkamah bersidang

dari pukul 10.45 pagi hingga 4.20 petang. Seramai empat orang saksi dipanggil memberi keterangan. Saksi tersebut ialah Daeng Marewah (Raja Dein Meruwa), Abu, Koh Ah Yong dan Khoo Ah Chai. Pada pukul 4.20 petang sidang mahkamah ditangguhkan.

Mahkamah bersidang kembali pada 18 Disember, pukul 10.50 pagi. Kali ini tujuh orang saksi dipanggil memberi keterangan. Mereka ialah Hajjah Fatimah, Haji Mat Amin, Pikai, isteri Seputum, Alang Nor, Mat Ros, kerani Sultan Abdullah, Haji Husin dan Muhammad Ishak, kerani Sultan Abdullah. Setelah mendengar keterangan saksi, pada pukul 4.30 petang sidang mahkamah ditangguhkan lagi. Pada 19 Disember 1876, pukul 11.20 pagi, mahkamah bersidang semula. Kali ini Inspektor Lagis bin Subuh, Inspektor Balai Polis Bandar Baru dipanggil memberi keterangan. Setelah Inspektor Lagis memberi keterangan, pendakwa menutup hujahnya. Selepas itu peguambela J. D. Vaughan memohon mahkamah menangguhkan sidang untuk membolehkan beliau membawa saksi pembela pada 20 Disember 1876.

Pada 20 Disember 1876, pukul 10.30 pagi, J. D. Vaughan bangun memberi hormat dalam bahasa Melayu kepada mahkamah bagi pihak tertuduh. Kemudiannya dia memanggil saksi memberi keterangan. Lima orang saksi dipanggil memberi keterangan membela tertuduh. Mereka ialah Che Omar, Ngah Lahab, Odah Makan, Anjang Kinchan dan Si Chu. Perbicaraan berakhir pada pukul 5.25 petang dan sidang mahkamah ditangguhkan pada 21 Disember 1876. Pada 21 Disember 1876, pukul 10.30 pagi mahkamah bersidang semula. Lima orang saksi lagi dipanggil oleh pihak pembela. Mereka ialah Pukang Anjang, Penghulu Kampung Gajah, Ngah Mat Yasin, Osman, Abdullah dan Abdullah bin Taib, kerani Maharaja Abu Bakar Johor. Kes pembelaan ditutup pada pukul 5.15 petang.¹⁰⁵

Seterusnya pada 22 Disember 1876, mahkamah bersidang lagi. Dalam sidang ini mahkamah mendapati tertuduh bersalah bersabit dengan pembunuhan J. W. W. Birch dan menjatuhkan hukuman gantung

sampai mati.¹⁰⁶ Sir William Jervois berpendapat hukuman bunuh akan mendatangkan kesan yang buruk kepada British. Di antara mereka yang dijatuhkan hukuman bunuh tersebut bukan sebenarnya ketua utama. Namun hukuman bunuh ke atas Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Pandak Indut adalah munasabah. Namun demikian Sir William Jervois berpendapat bahawa pelaksanaan hukuman hendaklah dijalankan segera berasaskan keputusan mahkamah yang jujur di bawah kendalian hakim Raja Yusof.¹⁰⁷ Lord Carnavon bersetuju dengan saranan yang dikemukakan oleh Jervois, iaitu hukuman bunuh hanya dikenakan ke atas Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Pandak Indut.¹⁰⁸ Dengan itu Sir William Jervois meminta J. G. Davidson memujuk Raja Muda Yusof supaya mengubah keputusan mahkamah dan hanya menjatuhkan hukuman gantung sampai mati kepada Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Pandak Indut. Manakala Che Ali (Kulup Ali), Si Tuah, Ngah Jabor dan Panjang Bur dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup.¹⁰⁹ Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Pandak Indut digantung sampai mati di kawasan berhampiran dengan bangunan kerajaan di Larut pada 20 Januari 1877.¹¹⁰ Keputusan mahkamah dan hukuman gantung yang dikenakan itu dianggap sebagai adil.¹¹¹

Pada 26 Mac 1877 (11 Rabiulakhir 1294) Menteri Ngah Ibrahim menerima surat perintah yang dihantar oleh John Douglas, Setiausaha Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat di Singapura melalui Frank Swettenham yang menyampaikan perintah Gabenor supaya datang ke Singapura. Dengan itu beliau berangkat ke Singapura dengan kapal api *Pluto* dan tiba di Singapura pada pukul 6.30 petang, 28 Mac 1877. Menteri Ngah Ibrahim ditahan di Tanjung Pagar. Pada kira-kira pukul 8.00 malam Frank Swettenham datang ke tempat tahanan dan memaklumkan bahawa Menteri Ngah Ibrahim akan ditahan di sini. Pada 29 Mac 1877, kira-kira pukul 4.00 petang Frank Swettenham dan J. Douglas datang memaklumkan kepada Menteri Ngah Ibrahim bahawa di atas perintah Ratu Inggeris beliau tidak dibenarkan pulang ke Larut.

Frank Swettenham dan J. Douglas tidak memberi sebarang alasan mengenai penahanan tersebut. Ketika dalam tahanan Menteri Ngah Ibrahim tidak menerima sebarang pertolongan atau bantuan guaman. Oleh kerana layanan begini, Menteri Ngah Ibrahim menghantar rayuan bertariikh 11 Jun 1877 kepada Kolonel A. E. H. Anson, pemangku Gabenor Negeri-negeri Selat menyatakan bahawa British tidak bersikap adil ke atasnya.¹¹²

Walaupun Menteri Ngah Ibrahim terlibat dalam gerakan menentang British yang membawa kepada pembunuhan J. W. W. Birch tetapi kelicikannya menyebabkan segala tindakan beliau tidak menampakkan kekejaman. Namun begitu Gabenor W. F. Robinson berpendapat bahawa Menteri Ngah Ibrahim adalah seorang yang pintar dan berbahaya daripada senarai nama Orang Besar Perak dan terlibat dalam pakatan yang membawa kepada pembunuhan J. W. W. Birch. Beliau adalah pengatur dan penyebar semangat perjuangan dalam gerakan menentang British di Perak pada tahun 1874-1876. Dengan itu Gabenor W. F. Robinson bersetuju bahawa Menteri Ngah Ibrahim dikenakan hukuman.¹¹³

Menteri Ngah Ibrahim dicatatkan sebagai seorang tokoh yang secara terbuka menyuarakan tentangan terhadap Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 20 Januari 1874 dan bekerjasama dengan Sultan Abdullah dan Sultan Ismail untuk membatalkan perjanjian tersebut. Pada bulan April 1875 Menteri Ngah Ibrahim mengarahkan penduduk supaya tidak membekalkan makanan kepada J. W. W. Birch dan Frank Swettenham di Belanja. Menteri Ngah Ibrahim juga dicatatkan pernah mengatakan supaya Orang Putih meninggalkan Perak. Selain itu Menteri Ngah Ibrahim bersama-sama Laksamana mempengaruhi Sultan Ismail supaya jangan menyerahkan alat-alat kebesaran Perak kepada Sultan Abdullah. Dalam mesyuarat di Kota Belanda pada bulan Oktober 1874 bersama-sama Orang Besar Perak, Menteri Ngah Ibrahim menegaskan supaya Perjanjian Pangkor dibatalkan. Ketika dalam perjalanan ke

Belanja, Menteri Ngah Ibrahim menasihati Sultan Abdullah supaya mendapatkan alat-alat kebesaran Perak tetapi jangan mengikut nasihat Residen. Menteri Ngah Ibrahim juga dikatakan merancang dengan Laksamana di Belanja mempengaruhi Sultan Ismail supaya jangan menandatangani Perjanjian Pangkor. Menteri Ngah Ibrahim merancang pembunuhan kerani Yusuf kerana membocorkan rahsia kepada J. W. W. Birch. Dalam pertemuan di Kuala Kinta dengan Sultan Abdullah dan Orang Besar Perak pada 26 Mac 1875 Menteri Ngah Ibrahim dikatakan menasihati Sultan Abdullah supaya menentang segala cadangan yang dikemukakan oleh J. W. W. Birch.¹¹⁴

Segala catatan ini lebih menunjukkan penglibatan Menteri Ngah Ibrahim di dalam gerakan yang membawa kepada pembunuhan J. W. W. Birch. Menteri Ngah Ibrahim menghadapi tujuh tuduhan bersabit dengan gerakan menentang British dan pembunuhan J. W. W. Birch. Tuduhan pertama, pada Julai 1875 Menteri Ngah Ibrahim menghantar Penghulu Mat Ali mewakilinya dalam mesyuarat yang dianjurkan oleh Sultan Abdullah di Durian Sebatang pada 21 Julai 1875 untuk merancang membunuh J. W. W. Birch. Kedua, pada awal Ogos 1875 setelah mendapat laporan keputusan mesyuarat di Durian Sebatang yang berlangsung pada 21 Julai 1875 daripada Penghulu Mat Ali, Menteri Ngah Ibrahim memberi wang sebanyak \$1,000 kepada Penghulu Mat Ali untuk membeli senjata dan mengarahkan beliau melancarkan serangan ke atas Kota Setia, sebaik-baik sahaja menerima berita J. W. W. Birch dibunuh. Pada akhir bulan Ogos 1875, Menteri Ngah Ibrahim dijemput menghadap Sultan Ismail, memperakukan kepada Sultan Ismail supaya melaksanakan rancangan yang telah diputuskan dalam mesyuarat di Durian Sebatang dengan menghantar utusan kepada Maharaja Lela memberi kuasa kepadanya untuk membunuh J. W. W. Birch. Keempat, pada bulan September 1875, dalam satu mesyuarat rahsia yang berlangsung di dalam perahu Laksamana, dihadiri oleh Maharaja Lela, Laksamana, Tuk Nara dan Raja Yahya, Menteri Ngah Ibrahim dengan

cara terbuka menyatakan persetujuan membunuh J. W. W. Birch sebagaimana yang dirancangkan oleh Dato' Maharaja Lela. Kelima, pada suatu malam, dalam perbincangannya dengan Sultan Ismail, Menteri Ngah Ibrahim menasihati Sultan Ismail supaya menolak segala cadangan Gabenor dan memberi kuasa kepada Maharaja Lela untuk membunuh J. W. W. Birch. Keenam, dalam mesyuarat yang sama Menteri Ngah Ibrahim membuat rancangan dengan Laksamana menghantar bantuan kepada Maharaja Lela dan menyerang Kuala Kangsar; manakala Laksamana menyerang dari Bandar Baru ke hilir sungai. Ketujuh, ketika perbincaraan kes pembunuhan J. W. W. Birch berlangsung, Menteri Ngah Ibrahim menghantar pesan kepada Penghulu Mat Ali supaya menyerang Kota Setia. Berdasarkan tuduhan tersebut Menteri Ngah Ibrahim dinyatakan sebagai perancang yang pintar. Sultan Abdullah sendiri ada menyatakan bahawa Menteri Ngah Ibrahim dan mertuanya, Laksamana adalah dua tokoh utama yang mencetuskan gerakan tentangan terhadap British di Perak.¹¹⁵

Menteri Ngah Ibrahim yang berada di Singapura bersama-sama Sultan Abdullah, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Dato' Syahbandar Uda Mahamor telah diputuskan oleh Majlis untuk dipertimbangkan kes mereka iaitu dibuang ke Pulau Seychelles. Gabenor Negeri-negeri Selat pula menyatakan persetujuannya terhadap hukuman buang negeri ke atas mereka ke Pulau Seychelles.¹¹⁶ Robert Meade, bagi pihak Pejabat Tanah Jajahan juga menyokong keputusan itu.¹¹⁷ Sultan Abdullah, melalui S. Bond yang bertindak sebagai penasihat undang-undang baginda menyatakan peluang yang diberikan untuk membela diri hanya melalui surat. Dengan itu Sultan Abdullah menuntut kes baginda dibawa ke muka pengadilan.¹¹⁸ Keberangkatan ke Pulau Seychelles ini dimaklumkan oleh J. Douglas, Setiausaha Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat kepada Setiausaha Tanah Jajahan Mauritius dalam suratnya bertarikh 19 Julai 1877. J. Douglas menyatakan bahawa rombongan ini terdiri daripada 38 orang termasuk keluarga mereka akan

berlepas pada 19 Julai 1877 dengan kapal British *Carthestone* dan akan dikawal oleh lima orang mata-mata dan seorang koperal. Ketika berada di sana, Sultan Abdullah akan diberi elaun bulanan sebanyak 300 rupee, Menteri Ngah Ibrahim 200 rupee, Laksamana 200 rupee dan Syahbandar 150 rupee. Mereka akan menginap di tempat kediaman yang disediakan. J. Douglas menasihati Pesuruhjaya Mauritius supaya membayar elaun pada tiap-tiap awal bulan dan mengelakkan pembayaran pendahuluan.¹¹⁹

Sultan Abdullah bersama-sama tiga orang pembesar Perak, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Syahbandar Uda Mahamor dan 43 orang, yang kesemuanya berjumlah 47 orang, iaitu 24 orang laki-laki dan 23 orang perempuan berangkat ke Pulau Seychelles dari Singapura dengan kapal *Carthestone* pada 20 Julai 1877. Rombongan ini tiba di Pulau Seychelles pada 30 Ogos 1877. Di Pulau Seychelles rombongan ini ditempatkan di sebuah rumah sementara yang letaknya kira-kira 1.6 kilometer ke utara bandar Port Victoria. Kemudiannya Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana dan Syahbandar ditempatkan di Felicite, kira-kira 48 kilometer dari bandar Port Victoria, di sebuah rumah yang mempunyai tiga bilik berasingan. Kos pembinaan rumah ini di antara 300-400 paun. Manakala Sultan Abdullah dan 26 orang yang lain akan ditempatkan di Pulau Mahe'.¹²⁰

Dalam gerakan menentang perjuangan orang-orang Melayu Perak untuk mempertahankan hak dan kedaulatan daripada pencerobohan British, pasukan British mendapat bantuan dan kerjasama daripada beberapa orang pembesar tempatan. Antara mereka yang memberikan bantuan ialah Raja Mahmud, Syed Masahor dan Raja Indut bin Raja Yunus, kesemuanya dari Selangor; Raja Utih dan Raja Asal, kedua-duanya berasal dari Sumatera.¹²¹ Memandangkan bantuan ini F. A. Swettenham mencadangkan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat supaya menghadahi mereka dengan kadar yang setimpal. Sehingga F. A. Swettenham mencatatkan di dalam suratnya bahawa beliau berasa berat untuk

meninggalkan Perak tanpa memaklumkan khidmat yang telah dicurahkan oleh pembesar tempatan tersebut. Beliau mencadangkan kesemua mereka dihiahi sebilah pedang yang terukir nama mereka. Huruf pada mata pedang itu hendaklah ditulis dalam bahasa Inggeris dan Melayu (tulisan jawi). Dalam contoh yang dikemukakan ia berbunyi: "Bertarikh sanat 1876 bahawa pedang ini daripada Queen Victoria Yang Maha Mulia lagi Yang Maha Besar dihiahihkan kepada Raja Mahmud bin Panglima Raja fi al-baladul Selangor Darul Salam bagi jasanya dan gagah beraninya kerana kebaktian yang telah ditunjukkan kepada British Government di negeri Perak Darul Ridzuan pada sanat 1875".¹²² Sekiranya dirasakan terlalu tinggi untuk anugerah ini diberikan oleh Ratu Victoria, maka dicadangkan pada pedang itu dituliskan bahawa hadiah tersebut adalah daripada Gabenor Negeri-negeri Selat. Dengan itu ia berbunyi: "Bertarikh sanat 1876 bahawa pedang ini hadiah daripada beta Sir William Francis Drummond Jervois Gabenor Singapura, Pulau Pinang dan Melaka kepada Raja Mahmud bin Panglima Raja fi al-baladul Selangor Darul Salam bagi jasanya dan gagah beraninya kerana kebaktian yang ditunjukkan kepada British Government di negeri Perak Darul Ridzuan pada sanat 1875".¹²³ Perkara ini dikemukakan oleh Swettenham kepada Sir William Jervois pada 19 Mac 1876.¹²⁴ Sir William Jervois dalam suratnya bertarikh 26 April 1876 kepada Pejabat Tanah Jajahan di London, memperakukan hadiah setimpal dengan jasa khidmat beberapa pembesar Melayu iaitu sebilah pedang, tiap-tiap seorang dengan tulisan penghargaan di mata pedang tersebut. Hadiah itu amatlah wajar kerana penerima akan menghormati kerajaan British dan juga menjadi perangsang kepada pembesar tempatan lain untuk menyokong British. Gabenor mengharapkan kelulusan di atas cadangannya itu dan memperakukan supaya pedang ini dibuat oleh syarikat Wilkinson and Co, serta dihantar secepat mungkin. Sebagai panduan rajah kasar dikemukakan berserta dengan perkataan yang perlu dituliskan di mata pedang tersebut. Dicapangkan supaya anugerah pedang itu adalah

daripada Ratu Victoria, tetapi sekiranya kerajaan British merasakan penghargaan itu terlalu tinggi, memadai oleh Gabenor Negeri-negeri Selat.¹²⁵

Pada tahun 1876, J. G. Davidson dilantik sebagai Residen British Perak tetapi meletakkan jawatan beberapa bulan kemudian. Dengan itu jawatan Residen British disandang pula oleh Hugh Low. Kapten Speedy pula meneruskan tugasnya sebagai Penolong Residen British sehingga beliau meletakkan jawatan pada bulan Jun 1878. Jawatan ini digantikan oleh W. E. Maxwell. W. E. Maxwell tinggal di Taiping.¹²⁶ Raja Muda Yusof dilantik sebagai pemangku Raja pada tahun 1877. Seterusnya baginda dilantik sebagai Regen pada tahun yang sama. Kemudiannya baginda dilantik sebagai Sultan Perak pada tahun 1886, dengan memakai gelaran Sultan Yusof Sharifuddin Muzaffar Shah. Tidak lama selepas itu baginda mangkat iaitu pada tahun yang sama (1886). Dengan itu Raja Muda Idris ibni Raja Bendahara Alang Iskandar ditabalkan sebagai Sultan dengan gelaran Sultan Idris Murshidul Azam Shah (1886-1916).¹²⁷

Nota

1. C.O. 273/83, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 26 April 1876, terlampir Swettenham kepada Setiausaha Tanah Jajahan, 19 Mac 1876.
2. C.O. 273/84, minit 24 Julai 1876.
3. C.O. 537/45, telegram Earl of Carnavon kepada Sir William Jervois, 29 Disember 1875.
4. C.O. 537/45, telegram Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 1 Januari 1876.
5. *FCNSMP*, 1876, no. 47, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1876, terlampir Sultan Omar Terengganu kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 4 Februari 1876; Raja Kelantan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 8 Februari 1876; Raja Patani kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 13 Februari 1876.
6. *FCNSMP*, 1876, no. 57, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 5 April 1876, terlampir J. G. Davidson, Residen British Selangor kepada Setiausaha Negeri-negeri Selat, 30 Mac 1876.
7. *FCNSMP*, 1876, no. 48, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1876, terlampir, Sir William Jervois, "Instruction to Lieutenant Governor, Penang [Pulau Pinang] and the Deputy Commissioner", 28 Februari 1876.
8. *FCNSMP*, 1876, no. 59, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 6 April 1876, enclosure 1, John Hewick kepada Penguasa Polis Pulau Pinang, 23 Mac 1876.
9. C.O. 273/83, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1875.
10. *FCNSMP*, 1876, no. 12, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 10 Februari 1876; telegram no. 18, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1876; telegram Earl of Carnavon kepada Sir William Jervois, 26 Mac 1876. *FCNSMP*, 1876, no. 48, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1876. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 329.

11. *FCNSMP*, 1876, no. 59, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 6 April 1876, enclosure 1, John Hewick kepada Penguasa Polis Pulau Pinang, 23 Mac 1876.
12. *FCNSMP*, 1876, no. 34, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 27 Mac 1876.
13. *FCNSMP*, 1876, no. 59, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 6 April 1876.
14. *FCNSMP*, 1876, no. 59, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 6 April 1876, enclosure 2, Gabenor kepada Maharaja Johor, 27 Mac 1876.
15. *FCNSMP*, 1876, no. 59, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 6 April 1876, enclosure 3, Maharaja Johor kepada Gabenor, 29 Mac 1876.
16. C.O. 273/83, minit, 8 Mei 1876.
17. C.O. 273/83, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1875; telegram William Jervois kepada Earl of Carnavon, 24 Mac 1876. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876.
18. C.O. 273/82, Sir William Jervois kepada Lord Carnavon, 21 Mac 1876.
19. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876.
20. *FCNSMP*, 1876, no. 59, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 6 April 1876, enclosure 5, Gabenor kepada Raja Kedah, 5 April 1876.
21. C.O. 273/83, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1875. *FCNSMP*, 1876, No. 59, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 6 April 1876, enclosure 4, Gabenor kepada Konsul Jeneral Bangkok, 5 April 1876.
22. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 1, John Douglas kepada Paul, 25 Mac 1876.
23. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, terlampir 'Memo for J.B. Paul'.
24. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 1, John Douglas, Setiausaha Tanah Jajahan kepada Paul, 25 Mac 1876.

25. C.O. 273/86, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876.
26. C.O. 273/83, William Jervis kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1876.
27. C.O. 273/88, F. Swettenham kepada Sir W. F. D. Jervis, 11 Mac 1876.
28. C.O. 273/88, Syed Masahor kepada F. Swettenham, 14 Safar 1293 (10 Mac 1876). C.O. 273/83, William Jervis kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1876, terlampir Frank Swettenham kepada Wilaim Jervis, 11 Mac 1876; William Jervis kepada Carnavon, 21 Mac 1876, terlampir Frank Swettenham kepada William Jervis, 11 Mac 1876, terlampir Syed Masahor kepada Frank Swettenham, 14 Safar 1293 (10 Mac 1876).
29. *FCNSMP*, 1876, no. 49, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1876, terlampir Syed Masahor (di Selat Pulau) kepada Swettenham, Residen di Bandar Baru, 11 Mac 1876.
30. C.O. 273/88, F. Swettenham kepada Syed Masahor, 10 Mac 1876. C.O. 273/83, William Jervis kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1876, terlampir Frank Swettenham kepada William Jervis, 11 Mac 1876, terlampir Frank Swettenham kepada Syed Masahor, 10 Mac 1876.
31. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Dyang Moorwah, Bandar Baru, 19 Julai 1876.
32. C.O. 273/83, William Jervis kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1876, terlampir Frank Swettenham kepada William Jervis, 11 Mac 1876.
33. C.O. 273/88, Sultan Abdullah kepada F. Swettenham, 15 Safar 1293 (11 Mac 1876). C.O. 273/83, William Jervis kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1876, terlampir Frank Swettenham kepada William Jervis, 11 Mac 1876, terlampir Sultan Abdullah kepada Frank Swettenham, 11 Mac 1876.
34. C.O. 0273/83, William Jervis kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1876, terlampir Frank Swettenham kepada William Jervis, 11 Mac 1876, terlampir Frank Swettenham kepada Sultan Abdullah, 11 Mac 1876.
35. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Dyang Moorwah, Bandar Baru, 19 Julai 1876.
36. *ECPOAEH*, 1876, 72-73.

37. C.O. 273/83, William Jervois kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1876, terlampir Frank Swettenham kepada William Jervois, 11 Mac 1876. C.O. 273/88, F. Swettenham kepada W. F. D. Jervois, 11 Mac 1876.
38. C.O. 273/83, William Jervois kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1876.
39. *FCNSMP*, 1876, no. 12, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 10 Februari 1876.
40. C.O. 273/83, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 21 Mac 1876, terlampir laporan Swettenham kepada Sir William Jervois, 11 Mac 1876.
41. C.O. 273/83, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 26 April 1876, terlampir Swettenham kepada Setiausaha Tanah Jajahan, 19 Mac 1876.
42. *FCNSMP*, 1876, no. 10, Pejabat Luar (T. V. Lister) kepada Pejabat Tanah Jajahan, 4 Mac 1876, terlampir, Sir William Jervois kepada T. G. Knox, 30 Disember 1875.
43. *FCNSMP*, 1876, no. 10, Pejabat Luar (T. V. Lister) kepada Pejabat Tanah Jajahan, 4 Mac 1876, terlampir, T. G. Knox kepada Chao Phya Sri Suriwongse Way Waddhu Phra Kalahome, Menteri Jajahan Selatan, 21 Januari 1876. Sila lihat Lampiran G.
44. *FCNSMP*, 1876, no. 10, Pejabat Luar (T. V. Lister) kepada Pejabat Tanah Jajahan, 4 Mac 1876, terlampir, T. G. Knox kepada Earl of Derby, 25 Januari 1876.
45. *FCNSMP*, 1876, no. 33, Earl of Carnavon kepada Sir William Jervois, 29 Mac 1876.
46. W. E. Maxwell, "A Journey on foot to the Patani Frontier in 1876 being A Journal kept during an Expedition undertaken to capture Datoh Maharaja Lela of Perak", *JSBRAS*, no. 9, 1882, hlm. 4.
47. *FCNSMP*, 1876, no. 67, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 19 April 1876, terlampir, salinan telegram W. E. Maxwell kepada Gabenor Singapura, 15 April 1876.
48. *FCNSMP*, 1876, no. 67, Sir William Jervois kepada the Earl of Carnavon, 19 April 1876, terlampir Gabenor Negeri-negeri Selat kepada Konsul Besar British, Bangkok, 17 April 1876.

49. C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 30 Julai 1876, enclosure 1, Raja Senggora kepada Leftenan Gabenor Pulau Pinang, A. E. H. Anson, 14 bulan 6 Tahun Tikus (1876).

50. C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 30 Julai 1876, enclosure 2, Konsul Besar British di Bangkok kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 29 April 1876. Surat Gabenor diterima pada 28 April 1876.

51. C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 30 Julai 1876, enclosure 3, H. B. M. Konsul Jeneral, Bangkok kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 3 Mei 1876, terlampir H. B. M. Konsul Jeneral Bangkok kepada Menteri Wilayah Barat, 28 April 1876.

52. C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 30 Julai 1876, enclosure 3, H. B. M. Konsul Jeneral Bangkok kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 3 Mei 1876, terlampir (terjemahan) Chow Phya Surawongse Way Waddhu Phra Kalahom, Menteri Wilayah-wilayah Barat kepada Thomas George Kuac, H. B. M. Ejen dan Konsul Jeneral, 29 April 1876.

53. C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 30 Julai 1876, enclosure 3, H. B. M. Konsul Jeneral Bangkok kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 3 Mei 1876, terlampir Chow Phya Surawongse Way Waddhu Phra Kalahom, Menteri Wilayah-wilayah Barat kepada H. B. M. Konsul Jeneral Bangkok, 29 April 1876, terlampir Chow Phya Surawongse Way Waddhu Phra Kalahom, Menteri Wilayah-wilayah Barat kepada Phra Narathi-rach Phakdi, Kha Luang (Pesuruhjaya) dan kepada Gabenor Senggora, 29 April 1876.

54. C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 30 Julai 1876.

55. C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 30 Julai 1876, enclosure 1, Raja Senggora kepada Leftenan Gabenor Pulau Pinang, A. E. H. Anson, 14 bulan 6 tahun tikus (1876).

56. C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 30 Julai 1876, enclosure 3, H. B. M. Konsul Jeneral, Bangkok kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 3 Mei 1876.

57. C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 30 Julai 1876, enclosure 4, Gabenor Negeri-negeri Selat kepada H.B.M. Konsul Jeneral [British], Bangkok, 16 Mei 1876.

58. Surat ini bertarikh 29 Syaaban 1292 (1 Oktober 1875). (C.O. 273/84, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 30 Julai 1876, enclosure 5, terjemahan surat kuasa Sultan Abdullah menitahkan Seputum membunuh J. W. W. Birch, 1 Oktober 1875). C.O. 273/90, "PTMB", kenyataan Abdullah bin Taib, mahkamah, 20 Disember 1876.

59. C.O. 273/83, William Jervis kepada Carnavon, 30 Julai 1876. Bukan seperti tulisan sebelum ini, Abdullah Zakaria bin Ghazali dalam "Tentangan Terhadap Pentadbiran British di Perak 1874-1875", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, no. 10, 1981, 115; Dato' Sagor ditangkap pada awal Mac 1876 dan Maharaja Lela, Ngah Jabor dan Pandak Indut menyerah diri pada 20 Jun 1876.

60. C.O. 273/84, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 1876, enclosure 6, Maharaja Johor kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 29 Julai 1876.

61. C.O. 273/84, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 30 Julai 1876, enclosure 7, Gabenor kepada Maharaja Johor, 29 Julai 1876.

62. C.O. 273/83, William Jervis kepada Lord Carnavon, 30 Julai 1876.

63. C.O. 273/84, Lord Carnavon kepada Sir William Jervis, 26 September 1876 (draf).

64. C.O. 273/88, "List of Witnesses", kenyataan Sika, Bandar Baru, 6 Julai 1876.

65. *FCNSMP*, 1876, no. 26, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 23 Februari 1876, terlampir, J. Douglas, Setiausaha Negeri-negeri Selat kepada Residen Selangor, 21 Februari 1876. *FCNSMP*, 1876, no. 50, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 23 Mac 1876.

66. *FCNSMP*, 1876, no. 50, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 23 Mac 1876, terlampir, kenyataan Hamid, 3 Mac 1876.

67. *FCNSMP*, 1876, no. 50, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 23 Mac 1876, terlampir, kenyataan Koh Ah Yong, 3 Mac 1876.

68. *FCNSMP*, 1876, no. 50, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 23 Mac 1876, terlampir, kenyataan Koh Ah Yong, 4 Mac 1876.

69. *FCNSMP*, 1876, no. 50, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 23 Mac 1876, terlampir, kenyataan Hoo Ah Choey, 4 Mac 1876.

70. Pengakuan Seputum, sila lihat Lampiran H.
71. *FCNSMP*, 1876, no. 50, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 23 Mac 1876, terlampir, kenyataan Hajjah Fatimah, 4 Mac 1876.
72. *FCNSMP*, 1876, no. 50, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 23 Mac 1876, terlampir, kenyataan Haji Mohamed Amin, 4 Mac 1876.
73. *FCNSMP*, 1876, no. 50, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 23 Mac 1876, terlampir, kenyataan Inspektor Lagis bin Suboh, 4 Mac 1876.
74. *FCNSMP*, 1876, no. 50, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 23 Mac 1876, terlampir, perbicaraan Seputum, Se Gondah dan Ngah Ahmad, 3-5 Mac 1876; J. G. Davidson dan F. Swettenham kepada Setiausaha Negeri-negeri Selat, 6 Mac 1876.
75. *FCNSMP*, 1876, no. 50, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 23 Mac 1876.
76. C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 30 Julai 1876, Seputum dihukum gantung pada 27 Mei 1876.
77. C.O. 273/86, William Jervois kepada Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 1, John Douglas kepada Paul, 25 Mac 1876.
78. C.O. 273/86, W. Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876.
79. C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 30 Julai 1876. Namun begitu beliau tidak mencadangkan calonnya.
80. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 2, Sir William Jervois kepada Sultan Abdullah, 10 Ogos 1876.
81. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 2, Sir William Jervois kepada Sultan Abdullah, 10 Ogos 1876.
82. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 3, Sir William Jervois kepada Davidson, 10 Ogos 1876.
83. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876. Dalam surat bertarikh 22 September 1876, Sir William Jervois

mencatatkan Sultan Abdullah tiba di Singapura pada 5 September 1876. (C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 22 September 1876).

84. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876.

85. C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 22 September 1876; Lord Carnavon kepada Sir William Jervois, 13 November 1876 (draf). Beliau menimbulkan persoalan jangkamasa perlantikan sementara itu.

86. C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 22 September 1876, terlampir surat kuasa Sultan Abdullah, 27 Syaaban 1293 (17 September 1876).

87. "CEAP", No. 1, Sir F. A. Weld kepada Earl of Kimberley, 20 November 1880, terlampir enclosure 1, bekas Sultan Abdullah kepada Ratu England, 13 Ogos 1880.

88. C.O. 273/86, William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 2, J. Douglas kepada Sultan Abdullah, 16 September 1876.

89. C.O. 273/86, William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 2, Sultan Abdullah kepada J. Douglas, 6 Oktober 1876.

90. Tidak sama dengan Pandak Indut.

91. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 9, "Memorandum regarding Charges against Sultan Abdullah".

92. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876.

93. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 10, "For the consideration at the next meeting of the Executive Council", William Jervois, 1 Disember 1876.

94. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 11, minit mesyuarat, 9 Disember 1876.

95. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876.

96. C.O. 273/86, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 14 Desember 1876, enclosure 11, minit mesyuarat, 9 Desember 1876.

97. C.O. 273/86, Sir Willvam Jervis kepada Earl of Carnavon, 14 Desember 1876.

98. C.O. 273/86, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 14 Desember 1876, enclosure 11, minit mesyuarat, 9 Desember 1876. Juga C.O. 273/86, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 14 Desember 1876.

99. C.O. 273/86, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 14 Desember 1876.

100. C.O. 537/45, telegram Gabenor Negeri-negeri Selat kepada Earl of Carnavon, Desember 1876.

101. C.O. 273/85, "Close of Abdullah enquiry recommendations of Council", minit Robert Meade, 22 Desember 1876.

102. Mengenai buku ini sila lihat, *ECPOAEH*, 1876.

103. C.O. 273/86, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 14 Desember 1876.

104. C.O. 273/90, "PTMB"; "TMMB".

105. Segala kenyataan saksi dan soalan yang dikemukakan kepada mereka tercatat lengkap dalam C.O. 273/90, "PTMB".

106. C.O. 273/90, "TMMB", keputusan mahkamah, 22 Desember 1876.

107. C.O. 273/85, "Trial and sentence to execution of Lela & others".

108. C.O. 273/85, telegram Lord Carnavon kepada Sir William Jervis, 3 Januari 1877.

109. C.O. 273/90, "TMMB", enclosure 8, Setiausaha Jajahan kepada J. G. Davidson, 8 Januari 1877. C.O. 273/90, "TMMB", William Jervis kepada Carnavon, 1 Februari 1877; J. G. Davidson kepada Setiausaha Jajahan, 19 Januari 1877. Lihat juga C.O. 273/86, Sir William Jervis kepada Carnavon, 14 Desember 1877. C.O. 273/85, Robert Meade kepada Carnavon, 23 Desember 1877. C.O. 273/83, minit Robert Meade, 2 Mei 1876.

110. C.O. 273/90, J. G. Davidson kepada Setiausaha Jajahan, 20 Januari 1877; William Jervis kepada Carnavon, 1 Februari 1877. Mervyn Liewelyn

mencatatkan Sultan Abdullah tiba di Singapura pada 5 September 1876. (C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 22 September 1876).

84. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876.

85. C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 22 September 1876; Lord Carnavon kepada Sir William Jervois, 13 November 1876 (draf). Beliau menimbulkan persoalan jangkamasa perlantikan sementara itu.

86. C.O. 273/84, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 22 September 1876, terlampir surat kuasa Sultan Abdullah, 27 Syaaban 1293 (17 September 1876).

87. "CEAP", No. 1, Sir F. A. Weld kepada Earl of Kimberley, 20 November 1880, terlampir enclosure 1, bekas Sultan Abdullah kepada Ratu England, 13 Ogos 1880.

88. C.O. 273/86, William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 2, J. Douglas kepada Sultan Abdullah, 16 September 1876.

89. C.O. 273/86, William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 2, Sultan Abdullah kepada J. Douglas, 6 Oktober 1876.

90. Tidak sama dengan Pandak Indut.

91. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 9, "Memorandum regarding Charges against Sultan Abdullah".

92. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876.

93. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 10, "For the consideration at the next meeting of the Executive Council", William Jervois, 1 Disember 1876.

94. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 11, minit mesyuarat, 9 Disember 1876.

95. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876.

96. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Desember 1876, enclosure 11, minit mesyuarat, 9 Desember 1876.

97. C.O. 273/86, Sir Willvam Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Desember 1876.

98. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Desember 1876, enclosure 11, minit mesyuarat, 9 Desember 1876. Juga C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Desember 1876.

99. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Desember 1876.

100. C.O. 537/45, telegram Gabenor Negeri-negeri Selat kepada Earl of Carnavon, Desember 1876.

101. C.O. 273/85, "Close of Abdullah enquiry recommendations of Council", minit Robert Meade, 22 Desember 1876.

102. Mengenai buku ini sila lihat, *ECPOAEH*, 1876.

103. C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Desember 1876.

104. C.O. 273/90, "PTMB"; "TMMB".

105. Segala kenyataan saksi dan soalan yang dikemukakan kepada mereka tercatat lengkap dalam C.O. 273/90, "PTMB".

106. C.O. 273/90, "TMMB", keputusan mahkamah, 22 Desember 1876.

107. C.O. 273/85, "Trial and sentence to execution of Lela & others".

108. C.O. 273/85, telegram Lord Carnavon kepada Sir William Jervois, 3 Januari 1877.

109. C.O. 273/90, "TMMB", enclosure 8, Setiausaha Jajahan kepada J. G. Davidson, 8 Januari 1877. C.O. 273/90, "TMMB", William Jervois kepada Carnavon, 1 Februari 1877; J. G. Davidson kepada Setiausaha Jajahan, 19 Januari 1877. Lihat juga C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Carnavon, 14 Desember 1877. C.O. 273/85, Robert Meade kepada Carnavon, 23 Desember 1877. C.O. 273/83, minit Robert Meade, 2 Mei 1876.

110. C.O. 273/90, J. G. Davidson kepada Setiausaha Jajahan, 20 Januari 1877; William Jervois kepada Carnavon, 1 Februari 1877. Mervyn Liewelyn

Wynne, *Triad and Tabut*, 330, salah mencatatkan Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Pandak Indut digantung di Matang pada 28 Disember 1878.

111. C.O. 537/45, draf telegram, 2 Januari 1877.

112. C.O. 273/94, William Jervis kepada Michael Hicks Beach, 20 Julai 1878, terlampir rayuan Menteri Ngah Ibrahim, 11 Jun 1877 (29 Jamadil Awal 1294). Surat rayuan ini dihantar oleh isteri Menteri Ngah Ibrahim, Halimah binti Laksamana pada 29 Safar 1295. "CEAP", No. 22, Leftenan Gabenor F. Napier Broome kepada Earl of Kimberley, enclosure Encik Ibrahim bin Che Long Jaafar, 7 Disember 1882.

113. C.O. 273/94, W. F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 20 Julai 1878.

114. C.O. 273/86, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 12, "Memorandum regarding charges against the Mentri [Menteri]".

115. Ibid.

116. C.O. 537/45, dipadankan dari telegram Gabenor Negeri-negeri Selat kepada Earl of Carnavon, Januari 1877. *Malayan Police Magazine*, Vol. VIII, no.5, May 1935, hlm. 155.

117. C.O. 273/85, minit Robert Meade, 22 Disember 1877.

118. "CEAP", no. 1, Sir F.A. Weld kepada Earl of Kimberley, 20 November 1880, terlampir surat S. Bond, 16 Julai 1877. S. Bond ialah Peguam Mahkamah Tinggi Negeri-negeri Selat.

119. C.O. 273/91, A. E. H. Anson kepada Earl of Carnavon, 21 Julai 1877, terlampir Setiausaha Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat kepada Setiausaha Tanah Jajahan Mauritius, 19 Julai 1877.

120. C.O. 273/92, Pesuruhjaya Awam Seychelles kepada Earl of Carnavon, 19 September 1877.

121. Raja Mahmud dari Langat, Selangor; Syed Masahor juga dari Langat Selangor; Raja Indut dari Bernam, Selangor; Raja Utih dari Kota Pinang, Sumatera; Raja Asal, Mandeheling, Sumatera. (C.O. 273/83, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 26 April 1876, terlampir Swettenham kepada Setiausaha Jajahan, 19 Mac 1876).

122. Dalam bahasa Inggerisnya berbunyi: "Presented by Her Majesty Queen Victoria to Rajah Mahmud bin Panglima Raja of Selangor in recognition of his spontanous help, his gallantry and good service to the British of Perak in the year 1875".

123. Dalam bahasa Inggerisnya ia dicatatkan: "Presented by Sir William Francis Drummond Jervis Governor of the Straits Settlements to Raja Mahmud bin Panglima Raja of Selangor in recognition of his spontanous help, his gallantry and good service to the British of Perak in the year 1875".

124. C.O. 273/83, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 26 April 1876, terlampir Swettenham kepada Setiausaha Tanah Jajahan, 19 Mac 1876.

125. C.O. 273/83, Sir William Jervis kepada Earl of Carnavon, 26 April 1876.

126. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 330-331; 334. Taiping bererti "Keamanan Besar - *Great Peace*" adalah nama Cina untuk Kelian Pau (Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, hlm. 334); *Malayan Police Magazine*, Vol. VIII, No. 5, May 1935, hlm. 155.

127. Haji Buyong Adil, *Sejarah Perak* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972), hlm. 100-103.

KEMBALI DARI BUANGAN

Rayuan Sultan Abdullah

Setelah beberapa lama berada dalam buangan, pada 13 Ogos 1880, bekas Sultan Abdullah mengajukan surat kepada Ratu England merayu baginda menyemak dan menyiasat semula kesnya kerana dia tidak diberi peluang membela diri dalam perbicaraan.¹ Surat rayuan ini dihantar oleh Kapten A. E. Havelock, Ketua Pesuruhjaya Awam Seychelles kepada Gabenor Mauritius, G. F. Bowen pada 13 Ogos 1880. A. E. Havelock menyatakan bahawa bekas Sultan Abdullah sudah menjalani hukuman buang negeri selama tiga tahun. Dia berkelakuan baik dan mematuhi segala arahan.² Gabenor Mauritius pula memanjangkan surat ini pada 9 September 1880 kepada Gabenor Negeri-negeri Selat F. A. Weld.³ Gabenor pula, melalui Setiausaha Tanah Jajahan Singapura meminta pandangan daripada Residen British Perak, Hugh Low mengenai rayuan bekas Sultan Abdullah itu. Hugh Low menyatakan hukuman buang negeri yang dijatuhkan ke atas bekas Sultan Abdullah adalah adil.⁴ Gabenor F. A. Weld menghantar rayuan bekas Sultan Abdullah kepada Lord

Kimberley pada 20 November 1880. Dalam suratnya itu, Gabenor F. A. Weld tidak memperakukan permohonan bekas Sultan Abdullah.⁵ Pada 3 Disember 1880, Gabenor F. A. Weld meminta Lord Kimberley memaklumkan keputusan permohonan rayuan itu kepada Gabenor Mauritius.⁶ Pada 18 Januari 1881, Lord Kimberley mengajukan surat kepada Leftenan Gabenor F. Napier Broome memaklumkan bahawa rayuan bekas Sultan Abdullah sudah dipersembahkan, tetapi Ratu England tidak berkenan dan meminta diberitahu perkara ini kepada bekas Sultan Abdullah.⁷ Dengan itu F. Napier Broome menghubungi Pemangku Ketua Pesuruhjaya Awam supaya menyampaikan keputusan Ratu ke atas rayuan bekas Sultan Abdullah.⁸

Pada 11 Ogos 1881 Setiausaha Tanah Jajahan di London, Lord Kimberley memaklumkan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Frederick A. Weld bahawa tahanan politik Perak akan dipertimbangkan untuk dibenarkan tinggal di kawasan berhampiran dengan negeri mereka. Pertimbangan ini berdasarkan kepada kelakuan baik mereka ketika berada di Seychelles. Dalam alasannya, Lord Kimberley menyatakan ahli Majlis Kerja yang memutuskan pembuangan Sultan Abdullah lebih cenderung membenarkan Sultan Abdullah tinggal di Singapura. Setelah empat tahun berada dalam buangan, pertimbangan semula wajar dibuat sama ada baginda dan pembesar Perak yang lain dibenarkan tinggal di Johor atau Singapura. Lord Kimberley mengesyorkan semua yang ditahan dibenarkan pulang bersama Sultan Abdullah. Mereka boleh dibenarkan pulang ke negeri asal. Sekiranya tidak boleh, mereka dibenarkan tinggal di tempat yang sama dengan bekas Sultan Abdullah. Jika ada kemungkinan berlaku kekacauan, tempat tinggal mereka perlu diasingkan.⁹

Pada 26 Oktober 1881, bekas Sultan Abdullah mengajukan lagi surat rayuan kepada baginda Ratu. Beliau memohon dibebaskan daripada penderitaan dan meletakkannya kembali ke atas takhta kerajaan Perak.¹⁰ Bersama-sama suratnya itu, bekas Sultan Abdullah melampirkan surat

perakuan C. S. Salmon, A. E. Havelock, H. Cockburn Stewart dan I. Swinburn Bond. Ketiga-tiga surat C. S. Salmon, A. E. Havelock dan H. Cockburn Stewart menyatakan bahawa bekas Sultan Abdullah berkelakuan baik dan mematuhi segala arahan.¹¹ Surat I. S. Bond yang dikembarkan itu sama dengan lampiran dalam surat rayuan sebelum ini. Surat rayuan bekas Sultan Abdullah ini dikemukakan oleh R. Strugnell, penterjemah Jabatan Politik kepada Ketua Pesuruhjaya Awam, H. Cockburn Stewart pada 27 Oktober 1881. H. Cockburn Stewart menyampaikan surat rayuan ini kepada Leftenan Gabenor F. Napier Broome pada 29 Oktober 1881. Pada 19 November 1881, Leftenan Gabenor F. Napier Broome memanjangkan lagi rayuan bekas Sultan Abdullah ini kepada baginda Ratu.

Sir Frederick Weld membawa perkara ini dalam Majlis Kerja di Tanah Melayu dan mereka sebulat suara bersetuju tidak membenarkan tahanan politik Perak pulang ke Singapura atau Johor. Keputusan ini disampaikan kepada Setiausaha Tanah Jajahan di London pada 2 Disember 1881. Selain itu dinyatakan bahawa Majlis mempunyai harapan besar, dalam beberapa tahun nanti, setelah pentadbiran Perak dikemaskan dan pengaruh tahanan politik merosot, mereka akan dibenarkan pulang ke Singapura di bawah syarat-syarat tertentu.¹² Lord Kimberley dalam suratnya bertarikh 26 Januari 1882 kepada Leftenan Gabenor F. Napier Broome bersedia menimbangkan semula permohonan bekas Sultan Abdullah untuk melawat Mauritius kerana kelakuannya yang terpuji ketika menjalani hukuman. Malah Lord Kimberley mengesyorkan supaya dipinda peraturan bagi memberi ruang untuk membolehkan tahanan politik Melayu tinggal di Mauritius. Selain itu beliau meminta pandangan F. Napier Broome, sama ada membantah atau tidak untuk membenarkan bekas Sultan Abdullah tinggal tetap di Mauritius. Sementara itu di dalam surat yang lain, Lord Kimberley meminta F. Napier Broome memberitahu bekas Sultan Abdullah bahawa rayuan baginda telah dikemukakan kepada Ratu England dan baginda

Ratu tidak perkenan akan rayuannya.¹³ Dengan itu F. Napier Broome meminta Ketua Pesuruhjaya Awam Seychelles memaklumkan kepada bekas Sultan Abdullah bahawa rayuan untuk melepaskan baginda daripada buangan dan menempatkan semula di atas takhta kerajaan tidak diperkenankan oleh baginda Ratu.¹⁴ Mengenai bekas Sultan Abdullah tinggal di Mauritius, F. Napier Broome menyatakan, beliau tidak menyokong cadangan bekas Sultan Abdullah dan keluarga melawat Mauritius kerana bercanggah dengan hukuman ke atasnya, iaitu buang negeri di Seychelles. Sebaliknya jika keputusan dilonggarkan ke atas bekas Sultan Abdullah, F. Napier Broome berpendapat bekas Sultan Abdullah boleh melawat ataupun terus tinggal di Mauritius. Seiring dengan itu F. Napier Broome akan membawa perkara ini ke dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan dan akan mengesyorkan pindaan peraturan bagi membolehkan tahanan politik Melayu melawat Mauritius. Walaupun begitu F. Napier Broome meminta arahan daripada Lord Kimberley, sama ada membenarkan bekas Sultan Abdullah dan keluarganya tinggal di Mauritius atau hanya melawat dua atau tiga hari sahaja. Selain itu F. Napier Broome juga meminta Arthur Barkly, Ketua Pesuruhjaya Awam Seychelles memaklumkan kepada bekas Sultan Abdullah tentang peraturan tahanan yang akan dipinda. Apabila dipinda nanti, selepas bulan Jun bekas Sultan Abdullah boleh melawat Mauritius.¹⁵ Dengan merujuk surat F. Napier Broome ini, Lord Kimberley menyatakan, setelah pindaan peraturan tahanan, bekas Sultan Abdullah dibenarkan tinggal di Mauritius, sekiranya dia mahu. Selain itu beliau juga meminta F. Napier Broome memaklumkan, sebarang bantahan ke atas tahanan politik lain yang hendak tinggal di Mauritius.¹⁶

Pindaan peraturan diluluskan oleh Majlis Kerajaan Mauritius. Peraturan No. 1, 1882 ini¹⁷ membolehkan bekas Sultan Abdullah melawat Mauritius dimaklum dan dikirimkan kepada Sir F. A. Weld, Gabenor Negeri-negeri Selat pada 9 Jun 1882. Selain itu Kimberley juga menyatakan permohonan bekas Sultan Abdullah melawat Mauritius

diluluskan. Gabenor Sir F. A. Weld juga dimaklumkan sebelum itu, Leftenan Gabenor Napier Broome diminta pandangan tentang cadangan tahanan politik Melayu dibenarkan tinggal di Mauritius.¹⁸

Dengan itu bekas Sultan Abdullah dibenarkan melawat Mauritius, kemudiannya pulang ke Seychelles. Leftenan Gabenor F. Napier Broome berpendapat bekas Sultan Abdullah boleh memohon kebenaran tinggal di Mauritius bersama-sama pengikutnya. Selain itu beliau tidak nampak sebarang alasan menghalang bekas Sultan Abdullah dan tahanan politik Melayu yang lain tinggal di Mauritius. Tetapi mereka hendaklah tidak mempunyai sebarang niat melarikan diri. F. Napier Broome yakin dengan langkah keselamatan Cockburn Stewart dan pegawainya di Seychelles, tetapi tidak dapat memberi jaminan keselamatan dalam tahanan terbuka; kemungkinan tahanan cuba melepaskan diri dari Pulau Mauritius.¹⁹

Ketika berada di Mauritius, bekas Sultan Abdullah akan dikawal rapi. Dalam arahan kepada Inspektor Jeneral Polis Mauritius, F. Napier Broome melalui W. Littleton, pemangku Penolong Setiausaha Jajahan meminta dua orang anggota polis mengawal bekas Sultan Abdullah. Oleh kerana pemangku Ketua Pesuruhjaya Awam Seychelles, Cockburn Stewart memaklumkan kepada Leftenan Gabenor F. Napier Broome yang bekas Sultan Abdullah berkelakuan baik, tidak pernah cuba melarikan diri maka keputusan mengawal bekas Sultan Abdullah dilonggarkan. Walaupun dua orang anggota polis dikehendaki mengawal baginda, tetapi tidak perlu mengawal siang dan malam. Dengan itu Brooks yang ditugaskan mengiringi bekas Sultan Abdullah dari Mahe' akan tetap sebagai penjaga selama bekas Sultan Abdullah berada di Mauritius. Selain itu Brooks diarahkan membuat catatan pergerakan harian bekas Sultan Abdullah seperti yang dibuat beliau di Seychelles dan diserahkan laporan tersebut kepada Inspektor Jeneral Polis. Brooks juga diarahkan memastikan kedudukan bekas Sultan Abdullah dengan cara mengunjungi kediamannya tiga kali sehari. Bekas Sultan Abdullah dibenarkan melawat ke mana-mana sahaja, termasuk Port Louis dengan

syarat ditemani oleh Brooks. Namun begitu bekas Sultan Abdullah tidak dibenarkan menaiki kapal atau perahu tanpa kebenaran Inspektor Jeneral Polis. Manakala polis khas yang mengiringi bekas Sultan Abdullah hendaklah tidak mengganggu bekas sultan, tetapi hendaklah membuat laporan kepada Brooks.²⁰ Cadangan kawalan ke atas bekas Sultan Abdullah ini dipersetujui oleh Lord Kimberley. Lord Kimberley mengarahkan Leftenan Gabenor F. Napier Broome membenarkan tahanan politik Melayu tinggal di Mauritius, sekiranya mereka memohon.²¹ Arahan ini dimaklumkan juga oleh Lord Kimberley kepada Gabenor Sir F. A. Weld di Singapura.²² Ketika berada di Mauritius, bekas Sultan Abdullah mendapat pujian daripada Leftenan Gabenor F. Napier Broome. Beliau juga mengucapkan semoga bekas Sultan Abdullah sihat dan beroleh kebajikan. Selain itu beliau menyatakan, apabila sampai masa, baginda Ratu akan membenarkan bekas Sultan Abdullah pulang ke Tanah Melayu; beliau dengan senang hati menerima berita itu.²³

Pada 1 September 1882, bekas Sultan Abdullah mengajukan surat dari Port Louis kepada Leftenan Gabenor F. Napier Broome meminta menyampaikan hasrat baginda kepada Setiausaha Tanah Jajahan, Lord Kimberley untuk melawat England. Dalam suratnya itu, bekas Sultan Abdullah menyatakan, Raja Zulu Cetewauyo melawat England. Oleh itu dia memohon kerajaan British memberi kebenaran melawat England. Segala perbelanjaan dalam lawatan tersebut akan ditanggung baginda sendiri. Selain itu bekas Sultan Abdullah berjanji tidak akan menyalahgunakan kebebasan yang diberikan, dan berjanji akan pulang sama ada ke Mauritius atau Seychelles. Di akhir suratnya, bekas Sultan Abdullah meminta F. Napier Broome memaklumkan Lord Kimberley supaya dipersembahkan permohonannya kepada baginda Ratu.²⁴ Bersama-sama suratnya itu bekas Sultan melampirkan surat akuan daripada Arthur Barkly, Ketua Pesuruhjaya Awam Seychelles yang menyatakan bahawa baginda berkelakuan baik.²⁵ Pada 4 September 1882, F. Napier Broome menulis surat kepada Lord Kimberley,

melampirkan permohonan bekas Sultan Abdullah. Dengan berpandukan kelakuan baik bekas Sultan Abdullah, F. Napier Broome menyatakan tidak ada sebab menghalang meluluskan permohonannya.²⁶ Pada 11 Oktober 1882, Lord Kimberley menulis surat kepada F. Napier Broome, meminta disampaikan kepada bekas Sultan Abdullah yang baginda Ratu mengambil perhatian permohonannya, tetapi kerana beliau dalam tahanan, tidak dapat diperkenankan permohonan melawat England.²⁷ F. Napier Broome melaporkan jawapan ini kepada bekas Sultan Abdullah.²⁸

Pada 19 Jun 1884, dari Mahe', bekas Sultan Abdullah menulis surat kepada baginda Ratu menyatakan bahawa beliau telah dibuang ke Seychelles pada tahun 1877. Dia juga menafikan terlibat dalam pakatan membunuh J. W. W. Birch. Dia sentiasa taat kepada kerajaan British; misalnya membantu hingga tertangkapnya pembunuh J. W. W. Birch, Seputum dan Dato' Sagor. Begitu juga ketika berada dalam buangan, dia masih taat kepada kerajaan British, mendapat pujian berkelakuan baik daripada Ketua Pesuruhjaya Awam Seychelles dan penggantinya. Dengan itu bekas Sultan Abdullah memohon baginda Ratu England meletakkannya kembali di atas takhta kerajaan Perak serta menyatakan seluruh jiwa dan tindakannya akan datang adalah kepada kepentingan kerajaan British.²⁹ Permohonan bekas Sultan Abdullah ini dikemukakan kepada Gabenor Mauritius Sir J. Pope Hennessy oleh Ketua Pesuruhjaya Awam Arthur Barkly pada 19 Jun 1884. Walaupun menyedari di luar bidang kuasa untuk memberi pendapat, sama ada bekas Sultan Abdullah boleh pulang atau tidak ke Perak atau Singapura, tetapi Arthur Barkly bersetuju dengan perakuan Ketua Pesuruhjaya Awam Seychelles sebelumnya bahawa selama tujuh tahun berada dalam buangan bekas Sultan Abdullah mematuhi peraturan dan berkelakuan terpuji. Selain itu bekas Sultan Abdullah dihormati oleh semua penduduk pulau tersebut.³⁰

Pada 6 Julai 1884, Sir J. Pope Hennessy menulis surat dan melampirkan surat rayuan bekas Sultan Abdullah kepada Lord Derby, Setiausaha Tanah Jajahan London supaya mengemukakannya pula kepada baginda Ratu. Beliau sangat berharap, Lord Derby memperakukan permohonan bekas Sultan Abdullah kepada baginda Ratu untuk dipertimbangkan dengan sewajarnya.³¹ Pada 1 September, Lord Derby menulis surat kepada Sir J. Pope Hennessy meminta dimaklumkan kepada bekas Sultan Abdullah yang beliau akan mengemukakan surat rayuan tersebut kepada baginda Ratu dan memastikan baginda akan membuat pertimbangan yang sewajarnya. Namun begitu pentadbiran Negeri-negeri Selat akan dirujuk.³²

Kemudiannya timbul pula persoalan tentang peraturan tahanan politik di Mauritius dan Seychelles. Peraturan ini berkait dengan bekas Sultan Abdullah dan pembesar-pembesar Perak. Sir J. Pope Hennessy menimbulkan persoalan tentang artikel 4, peraturan no. 9, 1877 dan artikel 5, peraturan 1, 1882. Persoalan yang ditimbulkan di sini, ialah tentang tahanan yang cuba melepaskan diri. Apabila ditangkap semula hakim boleh menjatuhkan hukuman sehingga dua tahun penjara dengan atau tanpa kerja berat.³³ Sir J. Pope Hennessy meragui amalan tahanan politik dikenakan kerja berat. Seterusnya beliau merujuk perkara ini kepada E. Pellereau.³⁴ Perkara ini juga dimaklumkan oleh Sir J. Pope Hennessy kepada Lord Derby di London.³⁵ Pada 17 Jun 1885, E. Pellereau melaporkan tidak ada amalan mengenakan hukuman kerja berat ke atas tahanan politik. Beliau bersetuju perkara ini dikeluarkan dari peraturan. Ketika peraturan no. 1, 1882 diluluskan, ahli Majlis Mauritius merasa tidak senang. Salah seorang daripada ahli tidak rasmi menyatakan tidak mahu melihat Mauritius atau Seychelles menjadi tempat tahanan tanpa perbicaraan atau tahanan perang bukan masa perang.³⁶ Hanya pada 8 Jun 1886, barulah Pejabat Tanah Jajahan London bersetuju meminda perkataan "dengan atau kerja berat" dalam artikel 4, peraturan no. 9, 1887 dan artikel 5, peraturan no. 1, 1882.³⁷

Pada 26 Oktober 1885, bekas Sultan Abdullah sekali lagi memohon melawat England. Dalam suratnya kepada Kolonel Fred Stanley ini, bekas Sultan Abdullah menyatakan dia pernah merayu dibenarkan pulang menduduki takhta kerajaan Perak pada 30 September 1880 dan 19 November 1881 kepada baginda Ratu serta melawat England pada 1 September 1882. Semua permohonan baginda tidak diperkenankan oleh baginda Ratu. Dengan melampirkan surat akuan daripada Arthur Barkly, Ketua Pesuruhjaya Awam dan Geo H. Griffiths, Pemangku Pesuruhjaya Awam yang menyatakan bahawa bekas Sultan Abdullah berkelakuan baik, bekas Sultan Abdullah memohon Kolonel Stanley memanjangkan permohonannya kepada baginda Ratu untuk pertimbangan. Bekas Sultan Abdullah memohon keadilan daripada Kolonel Stanley kerana dia sudah beberapa tahun sengsara dalam buangan.³⁸ Sir J. Pope Hennessy memanjangkan surat ini kepada Kolonel Stanley pada 26 Oktober 1885. Beliau mengharapkan Kolonel Stanley memperakukan rayuan bekas Sultan Abdullah kepada baginda Ratu untuk pertimbangan sewajarnya.³⁹ Pada 25 November 1885, Kolonel Stanley memaklumkan kepada Sir J. Pope Hennessy supaya memaklumkan kepada bekas Sultan Abdullah bahawa keputusan rayuan melawat England lambat diberitahu kerana Gabenor Negeri-negeri Selat sedang bercuti.⁴⁰ Sementara itu, Kolonel Stanley menghantar permohonan bekas Sultan Abdullah melalui Gabenor Mauritius, Sir J. Pope Hennessy kepada Gabenor Negeri-negeri Selat Sir F.A. Weld. Beliau juga melampirkan surat rayuan bekas Sultan Abdullah meminta supaya kerajaan British melantik baginda ke atas takhta kerajaan Perak.⁴¹

Sir F. A. Weld menjawab rayuan bekas Sultan Abdullah pada 26 Februari 1886. Dalam suratnya kepada Kolonel Stanley, Sir F. A. Weld menyatakan bekas Sultan Abdullah bersalah menyebabkan kematian J. W. W. Birch, Pemangku Sultan Perak, salah seorang pembesar Perak dan Residen Perak Hugh Low membantah kepulauan bekas Sultan Abdullah ke Perak. Dengan itu, setelah menimbang rayuan bekas Sul-

tan Abdullah ini, Sir F. A. Weld menyatakan yang beliau tidak boleh memperakukan bekas Sultan Abdullah dimaafkan. Tambahan pula bekas Sultan Abdullah tidak memohon pengampunan tetapi sebaliknya meminta pengiktirafan yang dia tidak bersalah. Selain itu Sir F. A. Weld menyatakan Singapura tidak sesuai menjadi tempat buangan bekas Sultan Abdullah, berbanding dengan Labuan. Sir F. A. Weld juga menyatakan bahawa tidak ada asas untuk mempercayai bekas Sultan Abdullah tidak terlibat dalam pembunuhan J. W. W. Birch. Dalam usaha mengukuhkan hujahnya ini, Sir F. A. Weld melampirkan surat yang ditandatangani dan dicap dengan cap mohor Sultan Abdullah yang mengarahkan dibunuh J. W. W. Birch.⁴² Hugh Low juga memaklumkan kepada pejabat Gabenor Negeri-negeri Selat yang bekas Sultan Abdullah terlibat dalam pakatan membunuh J. W. W. Birch.⁴³

Kemudiannya Lord Granville dari Pejabat Tanah Jajahan London menulis surat kepada Sir J. Pope Hennessy, memaklumkan bahawa permohonan bekas Sultan Abdullah telah dirujuk kepada Gabenor Negeri-negeri Selat. Setelah ditimbang, beliau tidak dapat meluluskan permohonan tersebut. Sir J. Pope Hennessy diminta menghubungi bekas Sultan Abdullah tentang perkara tersebut.⁴⁴ Penolakan permohonan bekas Sultan Abdullah ini juga dimaklumkan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat.⁴⁵

Surat perintah membunuh J. W. W. Birch yang ditandatangani dan dicap dengan cap mohor Sultan Abdullah dirujuk oleh Pejabat Tanah Jajahan kepada F. A. Swettenham. Swettenham meragui kesahihan surat tersebut, kerana ia tidak dilampirkan dengan surat asal. Namun begitu beliau tidak menafikan keterlibatan bekas Sultan Abdullah dalam pakatan membunuh J. W. W. Birch.⁴⁶ Pandangan Swettenham ke atas surat perintah Sultan Abdullah ini dirujuk pula oleh Earl Granville kepada Gabenor Negeri-negeri Selat Sir F. A. Weld. Sir F. A. Weld menyatakan bahawa Swettenham membuat kesilapan menyoal kesahihan surat tersebut. Sebagai sokongan hujahnya, Sir F. A. Weld melampirkan surat

Hugh Low, Residen British Perak yang melampirkan kenyataan Mat Ros, surat perintah Sultan Abdullah kepada Seputum membunuh J. W. W. Birch⁴⁷ dan surat pemangku Residen British Selangor, J. P. Rodger yang melampirkan surat perintah Sultan Abdullah kepada Syed Masahor dan kenyataan Syed Masahor.⁴⁸ Mat Ros dalam kenyataannya mengakui Sultan Abdullah menitahkan Dato' Maharaja Lela membunuh J. W. W. Birch.⁴⁹ Sementara itu pemangku Residen Selangor, J. P. Rodger pula melampirkan surat Sultan Abdullah kepada Syed Masahor dan kenyataan Syed Masahor pada 7 dan 9 Ogos 1886. Semua dokumen ini menyatakan penglibatan bekas Sultan Abdullah dalam pakatan membunuh J. W. W. Birch.⁵⁰

Pada 19 Februari 1887, bekas Sultan Abdullah menghantar surat kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajajah London memohon memanjangkan permohonan baginda untuk melawat England. Baginda menyatakan tujuan lawatan ini adalah untuk bertukar udara kerana semasa berada dalam buangan baginda kurang sihat.⁵¹ Perakuan kesihatan bekas Sultan Abdullah dibuat oleh Doktor James Henry Brooks.⁵² Permohonan bekas Sultan Abdullah ini dipanjangkan ke Pejabat Tanah Jajajah London pada 10 Mac 1887 oleh Pentadbir Mejar Jeneral W. H. Hawley. W. H. Hawley langsung tidak memberi pandangan ke atas permohonan bekas Sultan Abdullah tersebut.⁵³ Surat rayuan ini diterima Sir Henry T. Holland pada 4 April 1887. Pada 18 April 1887, Sir Henry T. Holland menulis surat kepada W. H. Hanley, menyatakan beliau tidak dapat membenarkan Sultan Abdullah melawat England. Tetapi beliau mencadangkan W. H. Hawley mengaturkan supaya bekas Sultan Abdullah dapat berehat di kawasan tanah tinggi di Mauritius.⁵⁴

Pada 12 April 1887, Sultan Abdullah menulis surat kepada Ratu England, sempena menyambut 50 tahun di atas takhta kerajaan memohon restu agar baginda dibebaskan.⁵⁵ Surat ini dihantar terus oleh Ketua Pesuruhjaya Awam Arthur Barkly kepada Sir H. T. Holland pada 12 April 1887. Langkah ini diambil supaya surat Sultan Abdullah sampai

ke tangan Ratu sebelum sambutan Hari Jubli. Arthur Barkly memberi jaminan akan menerangkan serta memberi alasan kepada pemerintah Mauritius tentang perkara itu.⁵⁶

Sokongan Tempatan kepada Sultan Abdullah

Dalam pada itu berlaku satu perkembangan lain. Beberapa orang Eropah dan saudagar di Pulau Mauritius iaitu R. W. Chamney, J. A. Ferguson, George McIrvine (*Chaplain* Gereja Scotland), Hamilton Steine, A. H'emys, J. Fraser, R. S. Graham, R. Freeland, F. M. Broomhead, R. Heaton, L. E. Schmidt, Imam Haji Muhamad Caleb (Imam Mauritius bagi dirinya dan saudagar Islam Mauritius) dan Pova Ambrose menulis dan menandatangani surat rayuan kepada W. H. Hawley supaya membebaskan bekas Sultan Abdullah sempena ulang tahun ketakhtaan baginda Ratu England.⁵⁷ Surat ini dipanjangkan oleh W. H. Hawley kepada Sir H. T. Holland di Pejabat Tanah Jajahan London pada 6 Mei 1887. Surat ini diterima pada 27 Mei 1887. Pada 16 Mei 1887, petani, saudagar dan pedagang Pulau Seychelles mengajukan surat kepada Pentadbir Mauritius, W. H. Hawley menyokong supaya dibebaskan Sultan Abdullah. Mereka berpendapat perayaan kemahkotaan Ratu England adalah hari yang sesuai untuk baginda merayu supaya dibebaskan. Mereka yang menurunkan tandatangan dalam surat ialah Franc Hodoul, ahli Lembaga Pesuruhjaya Awam; N. R. S. de Rassen, saudagar; Eugene Serret, Barrister-at-Law, ahli Lembaga Pesuruhjaya Awam; E. de la Fontaine, Felix Cheyron, J. Lemarchand, G. S. F. Naidoo dan N. Jovanis, ahli Lembaga Pesuruhjaya Awam.⁵⁸

Pada 8 Jun 1887, Sir H. T. Holland memaklumkan kepada W. H. Hawley bahawa beliau tidak dapat memenuhi permohonan bekas Sultan Abdullah dan hasrat beberapa orang Eropah serta tempatan di Mauritius.⁵⁹ Kini simpati ke atas bekas Sultan Abdullah bertambah tinggi. Ramai berpendapat perayaan jubli Ratu England ialah hari yang

sangat sesuai untuk bekas Sultan Abdullah dibebaskan. Pada 4 Februari 1888, 475 orang daripada pelbagai pihak menurunkan tandatangan mengajukan permohonan kepada Sir H. T. Holland, Pejabat Tanah Jajahan London supaya memperakukan kepada Ratu sempena perayaan kemahkotaan agar memperkenankan pembebasan bekas Sultan Abdullah. Kumpulan ini memohon supaya bekas Sultan Abdullah menduduki kembali takhta kerajaan atau sekurang-kurangnya dibenarkan pulang ke negeri dan tanah airnya. Di antara 475 orang yang menurunkan tandatangan ini ialah Franc Hodoul (Pesuruhjaya Awam), W. Flowerdew, N. Jovanis (Pesuruhjaya Awam), Eugene Serret (Pesuruhjaya Awam dan *Barrister-at-Law*), F. Cheyron (Timbalan Konsul Perancis dan Konsul Diraja Itali), James Seddon (Notaris Awam), Andre Nageon de Lestang (Notaris Awam), R. L. Carosin (*Attorney at-Law*), E. Savy (*Attorney at-Law*) dan H. Wilson (*Barrister-at-Law*).⁶⁰ Permohonan 475 orang ini dipanjangkan oleh Pentadbir Mauritius, F. Fleming kepada Sir H. T. Holland, Pejabat Tanah Jajahan dalam suratnya bertarikh 8 Mac 1888. Surat ini diterima pada 31 Mac 1888. Pada 28 April 1888, Pejabat Tanah Jajahan di bawah Lord Knutsford menjawab bahawa Pejabat Tanah Jajahan tidak dapat memenuhi rayuan tersebut.⁶¹

Pada 9 Mac 1889, Sir J. Pope Hennessy menulis surat kepada Lord Knutsford serta memanjangkan rayuan petani, saudagar dan pedagang Pulau Seychelles supaya membebaskan bekas Sultan Abdullah. Dalam surat ini Sir J. Pope Hennessy memohon kerajaan menasihati Ratu agar memperkenankan rayuan membebaskan bekas Sultan Abdullah.⁶²

Rayuan Menteri Ngah Ibrahim

Pada 7 Disember 1882 Menteri Ngah Ibrahim mengajukan surat rayuan supaya beliau dibebaskan melalui Leftenan Gabenor F. Napier Broome di Mauritius kepada Lord Kimberley.⁶³ Dalam surat tersebut dinyatakan bahawa Ngah Ibrahim bin Long Jaafar telah dibuang negeri tanpa

sebarang percikaraan. Beliau tiba di Pulau Seychelles pada 30 Ogos 1877 sebagai tahanan politik. Setelah lima tahun setengah menghadapi kesukaran dan penderitaan, Menteri Ngah Ibrahim memohon jasa baik Lord Kimberley memanjangkan rayuan ini kepada baginda Ratu untuk mendapatkan pembebasan. Beliau memohon supaya dihantar pulang ke negeri Melayu atau sekurang-kurangnya ke sebuah negeri Islam di bawah pentadbiran British.⁶⁴ Surat rayuan Menteri Ngah Ibrahim ini sampai ke Pejabat Tanah Jajahan London pada 22 Januari 1882. F. Napier Broome yang mengajukan permohonan Ngah Ibrahim tidak memberi sebarang ulasan atau sokongan ke atas permohonan itu.⁶⁵ Pada 30 Januari 1883 Pejabat Tanah Jajahan London menyatakan bahawa rayuan tersebut tidak dapat dipertimbangkan.⁶⁶

Pada 3 Januari 1889, Menteri Ngah Ibrahim sekali lagi merayu supaya dibebaskan daripada tahanan dan dibenarkan tinggal di Singapura atau Pulau Pinang. Rayuan kali ini dihantar kepada baginda Ratu. Surat rayuan ini diajukan kepada J. Pope Hennessy di Mauritius untuk disampaikan kepada Setiausaha Tanah Jajahan di London. Dalam surat rayuannya, Menteri Ngah Ibrahim menyatakan bahawa beliau bertambah tua dan sebagai seorang Islam beliau perlu mendekati Allah. Hasrat ini sukar dilakukan di Seychelles. Dengan itu beliau memohon pulang ke Singapura atau Pulau Pinang sebagai orang bebas atau juga sebagai tahanan politik di mana-mana tempat yang difikirkan boleh dilakukan oleh pihak berkuasa seperti di Seychelles. Sekiranya beliau meninggal dunia, dapatlah dikuburkan di kawasan tidak jauh dengan kawan dan saudara serta mengikut cara agama Islam.⁶⁷ Sir John Pope Hennessy, Gabenor Mauritius dalam suratnya bertarikh 4 Februari 1889 kepada Lord Knutsford ketika memanjangkan surat rayuan Menteri Ngah Ibrahim ini, memperakukan permohonan bekas Menteri Ngah Ibrahim bin Long Jaafar dipindahkan ke Singapura atau Pulau Pinang. Pemandahan ini akan membolehkan beliau mengamalkan agamanya

dengan sempurna dan sekiranya meninggal dunia akan dikebumikan dengan sempurna mengikut agama Islam.⁶⁸

Setelah menerima surat rayuan Menteri Ngah Ibrahim, Lord Knutsford memanjangkan pula kepada pengetahuan Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Cecil C. Smith untuk dipertimbangkan. Dalam suratnya bertarikh 5 April 1889, Lord Knutsford menyatakan bahawa mungkin dirasakan tidak munasabah untuk menghantar pulang tahanan politik Perak ke Semenanjung Tanah Melayu, tetapi memandangkan kelakuan mereka yang baik ketika di dalam buangan maka adalah wajar untuk dipertimbangkan supaya mereka dihantar ke negeri Melayu yang lain. Lord Knutsford tidak bersetuju menghantar Menteri Ngah Ibrahim ke Labuan. Beliau berpendapat tempat yang sesuai untuk Menteri Ngah Ibrahim ialah di Sarawak. Walaupun begitu persetujuan hendaklah didapati daripada Raja Sarawak, Charles Johnson Brooke terlebih dahulu. Tahanan politik Perak yang dipindahkan ke Sarawak nanti akan diberikan elaun seperti yang diterima kini; juga mereka akan dilayan sebagai orang bebas, bukan lagi tahanan politik. Namun demikian amaran hendaklah diberikan kepada mereka bahawa mereka tidak boleh meninggalkan tempat yang dipilih dan juga tidak boleh berhubung dengan Semenanjung Tanah Melayu. Sekiranya melanggar syarat ini mereka akan menjadi tahanan semula. Jika rancangan ini berjalan lancar, Menteri Ngah Ibrahim dan juga tahanan politik lain akan dihantar ke Sarawak atau kawasan Kompeni Berpiagam Borneo Utara. Sekiranya rancangan ini dipersetujui, Lord Knutsford akan memberi kuasa kepada Gabenor Sir Cecil C. Smith untuk berhubung dengan Raja Sarawak tentang perkara ini.⁶⁹ Di samping itu Lord Knutsford juga memaklumkan kepada Sir J. Pope Hennessy di Mauritius pada 5 April 1889 bahawa beliau telah menerima surat rayuan Menteri Ngah Ibrahim dan beliau akan menghubungi Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Cecil C. Smith untuk mendapatkan pandangannya.⁷⁰

Mengenai rayuan petani, saudagar dan pedagang Pulau Seychelles, Lord Knutsford menyatakan kepada Sir J. Pope Hennessy bahawa beliau akan terlebih dahulu mendapatkan pandangan Gabenor Negeri-negeri Selat, sebelum dikemukakan untuk pertimbangan Ratu. Selain itu Lord Knutsford meminta dimaklumkan perkara ini kepada mereka yang merayu.⁷¹ Pada 18 April 1889, Lord Knutsford menulis surat kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, dengan melampirkan sekali rayuan Menteri Ngah Ibrahim dan rayuan penghuni Pulau Seychelles yang ditujukan kepada Ratu supaya membebaskan Sultan Abdullah.⁷²

Pada 18 Mei 1889, Gabenor Sir Cecil C. Smith menghantar surat kepada Charles Brooke, Raja Sarawak memaklumkan tentang rayuan Menteri Ngah Ibrahim untuk dibenarkan tinggal di Singapura atau Pulau Pinang atau dalam mana-mana negeri Islam dan sebangsa dengannya. Namun begitu Lord Knutsford mencadangkan beliau ditempatkan di Sarawak, dan hal ini bergantung kepada kebenaran Charles Brooke. Menteri Ngah Ibrahim akan diberi elaunnya seperti sekarang, dilayan sebagai orang bebas, tetapi hendaklah tinggal di tempat yang dipilihnya, serta tidak boleh membuat hubungan dengan Semenanjung Tanah Melayu. Sekiranya ingkar dia akan dijadikan tahanan semula.⁷³ Pada 29 Mei 1889, Charles Johnson Brooke menjawab surat Gabenor Negeri-negeri Selat. Beliau membawa perkara ini dalam Majlis Tertinggi pada pagi 29 Mei 1889, dan ahli yang hadir tidak membantah cadangan tersebut. Namun begitu tahanan tersebut hendaklah mematuhi dua syarat: pertama tahanan itu tidak papa dan keduanya, ketika tinggal di Sarawak tahanan adalah tertakluk kepada undang-undang negeri itu.⁷⁴

Charles Brooke mencadangkan tahanan politik dilayan sebagai orang bebas di Sarawak. Sekiranya mereka melarikan diri melalui pantai Sarawak, tindakan mereka akan dilaporkan kepada pihak berkuasa di Singapura. Namun begitu Charles Brooke berpendapat bahawa adalah mustahil untuk mereka yang terdiri daripada keluarga untuk melarikan diri tanpa pengetahuan kerajaan Sarawak. Sekiranya mereka berniaga,

kerajaan Sarawak akan memastikan kegiatan mereka tidak melewati Sungai Sarawak. Segala surat-menyurat dengan Larut akan diperiksa terlebih dahulu oleh pegawai kerajaan Sarawak. Dengan itu kerajaan Sarawak bersedia menerima mereka.⁷⁵ Pada 3 Jun 1889, Sir Cecil C. Smith memaklumkan kepada Raja Charles Johnson Brooke bahawa suratnya itu telah pun diterima.⁷⁶

Setelah mendapat kebenaran daripada Raja Sarawak, Sir Cecil C. Smith memaklumkan perkara tersebut kepada Lord Knutsford pada 3 Jun 1889. Dalam suratnya ini, Sir Cecil C. Smith menasihati Lord Knutsford supaya memindahkan Menteri Ngah Ibrahim ke Sarawak dengan syarat seperti berikut: (a) tidak boleh secara langsung atau tidak langsung membuat hubungan dengan tanah jajahan, Semenanjung Tanah Melayu, termasuk Johor; (b) gelaran bekas Menteri Larut hendaklah digugurkan dan beliau hanya dikenali dengan namanya sendiri iaitu Ibrahim bin Jaafar; (c) sekiranya melanggar syarat dia akan menjadi tahanan semula dengan kemungkinan besar dibuang semula ke Seychelles.⁷⁷ Sir Cecil C. Smith juga bersetuju Menteri Ngah Ibrahim diberi elaun seperti yang diterimanya kini serta dilayan sebagai orang bebas, tetapi beliau hendaklah tertakluk kepada undang-undang Sarawak. Beliau juga memohon kepada Lord Knutsford supaya menghantar telegram kepadanya memaklumkan tarikh keberangkatan dan nama kapal yang akan dinaiki oleh Menteri Ngah Ibrahim apabila berlepas dari pelabuhan Aden.⁷⁸ Pada 11 Julai 1889 Lord Knutsford menghantar telegram kepada Sir Cecil C. Smith menyatakan beliau menerima surat tersebut dan persiapan sedang diatur untuk memindahkan mereka.⁷⁹ Sir Cecil C. Smith dalam telegramnya kepada Lord Knutsford menyatakan tidak ada bantahan.⁸⁰ Hanya pada 18 Julai 1889, Cecil C. Smith menyatakan beliau telah berunding dengan Residen Perak dan tidak ada bantahan tahanan dipindahkan dan tinggal di Sarawak. Pada 18 Julai 1889, Sir Cecil C. Smith maklumkan Lord Knutsford bahawa Residen British di Perak tiada halangan dengan rancangan pemindahan tahanan

politik Perak ke Sarawak dengan syarat tahanan mematuhi peraturan yang dikenakan.⁴¹

Tawaran dan Kembali ke Tanah Air

Pada 20 Julai 1889, Lord Knutsford mengutuskan surat kepada Sir J. Pope Hennessy, menyatakan bahawa keputusan telah diambil untuk membawa pulang tahanan politik Melayu Perak ke negeri Melayu. Setakat ini mereka tidak akan dibenarkan tinggal di Semenanjung Tanah Melayu, sebaliknya akan ditempatkan di Sarawak. Seiring dengan itu dinyatakan juga syarat-syarat yang dikenakan ke atas tahanan politik tersebut: Mereka tidak boleh berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan sesiapa pun di Semenanjung Tanah Melayu, termasuk Johor; gelaran bekas Sultan Abdullah dan bekas Menteri Ngah Ibrahim digugurkan; mereka hendaklah dikenali sebagai Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim; mereka juga tidak boleh cuba meninggalkan Sarawak tanpa kebenaran kerajaan British. Sekiranya ingkar, mereka akan dihantar semula ke Pulau Seychelles; mereka tidak lagi dilayan sebagai tahanan politik tetapi masih tertakluk kepada undang-undang Sarawak.

Dengan itu Sir J. Pope Hennessy diminta menghubungi pentadbir Seychelles supaya menguruskan segala dokumen mengenai tahanan untuk memindahkan mereka dari Aden ke Singapura. Pemandahan tahanan politik ini hendaklah diiringi oleh seorang pegawai British. Oleh itu tarikh berlepas dan nama kapal yang akan dinaiki hendaklah dimaklumkan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Cecil C. Smith. Dengan ini dapatlah Sir Cecil C. Smith membuat persiapan apabila tahanan politik tiba di Singapura, seterusnya di pindahkan ke Sarawak. Segala perbelanjaan pengangkutan akan dibiayai oleh kerajaan Perak. Tuntutan lengkap beserta resit hendaklah dikemukakan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat untuk tindakan selanjutnya.⁴² Lord Knutsford juga

memaklumkan kepada Sir Cecil C. Smith tentang arahannya serta makluman syarat pemindahan tahanan politik Perak kepada Sir J. Pope Hennessy. Beliau meminta Sir Cecil C. Smith memanjangkan ucapan terima kasih Kerajaan British kepada Raja Sarawak, Sir Charles Johnson Brooke di atas kesanggupan beliau menerima Sultan Abdullah dan pengikutnya tinggal di Sarawak.⁴³ Surat kebenaran tinggal di Sarawak ini ditandatangani oleh Lord Knutsford pada 20 Julai 1889.⁴⁴ Pada 13 Ogos 1889 Charles Brooke memperakukan kepada Sir Cecil C. Smith supaya Ngah Ibrahim boleh memilih pekerjaannya sendiri ketika berada di Sarawak nanti. Ngah Ibrahim boleh bertani atau mengerjakan pekerjaan lain yang dirasakan sesuai dengannya. Berkenaan dengan tempat tinggal pula, Charles Brooke menyatakan tidak ada sebarang masalah.⁴⁵

Setelah mendapat arahan daripada Gabenor Mauritius, Sir John Pope Hennessy pada 15 September 1889, Pentadbir Seychelles, T. Risely Griffith berbincang dengan bekas Sultan Abdullah pada 23 September 1889. Berikunya pada 25 September 1889 beliau berbincang dengan bekas Sultan Abdullah, bekas Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Syahbandar Uda Mahamor. Dalam pertemuan ini bekas, Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Syahbandar Uda Mahamor dimaklumkan tentang tawaran Kerajaan British untuk memindahkan mereka ke Sarawak dengan bersyarat. Segala salinan dokumen tentang pemindahan dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi diberikan kepada tiap-tiap seorang untuk diperhatikan terlebih dahulu. Sekiranya terdapat masalah, bekas Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Syahbandar Uda Mahamor bolehlah berhubung dengan T. Risely Griffith. Dalam pertemuan itu Menteri Ngah Ibrahim sanggup dipindahkan dengan syarat pindaan dibuat ke atas syarat (a) iaitu tidak boleh membuat hubungan dengan tanah jajahan. Manakala bekas

Sultan Abdullah, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Syahbandar Uda Mahamor menolak tawaran tersebut.

Dalam suratnya kepada Lord Knutsford, T. Risely Griffith melaporkan tentang bekas Sultan Abdullah, Laksamana Wan Muhamamd Amin, Syahbandar Uda Mahamor dan Menteri Ngah Ibrahim. Sultan Abdullah, selama kira-kira dua belas tahun berada di Seychelles, sentiasa berpakaian barat, boleh bercakap Inggeris dan Perancis. Putera baginda, Raja Chulan pernah datang menziarahinya di Seychelles. Laksamana Wan Muhammad Amin dan Syahbandar Uda Mahamor mempunyai kenalan yang ramai dan kedua-duanya boleh bertutur *Creole French*. Ini berbeza sekali dengan Menteri Ngah Ibrahim, walaupun boleh memahami *creole patois* tetapi sentiasa berpakaian Melayu dan masih bersimpati serta berharap kepada negeri dan keluarganya. Anak Menteri Ngah Ibrahim ada menziarahi beliau di Seychelles.⁸⁶

Sultan Abdullah, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Syahbandar Uda Mahamor tidak selesa dengan syarat-syarat pemindahan yang ditawarkan dan menolak tawaran tersebut. Pada 5 Oktober 1889, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Syahbandar Uda Mahamor menyatakan dalam suratnya bahawa mereka tidak dapat menerima tawaran tersebut kerana ia sangat terikat.⁸⁷ Begitu juga dengan Sultan Abdullah dalam surat baginda kepada Pentadbir Seychelles (T. Risely Griffith) bertarikh 6 Oktober 1889 yang menyatakan baginda tidak dapat menerimanya kerana tawaran tersebut tidak dapat mengubah kedudukan baginda sekarang. Sebaliknya Sultan Abdullah memohon supaya baginda dibenarkan melawat England.⁸⁸

Menteri Ngah Ibrahim tidak terus menolak tawaran tersebut. Sebaliknya beliau menyatakan tidak begitu faham dengan syarat yang menyatakan tidak boleh secara langsung atau tidak langsung berhubung dengan sesiapa dalam jajahan British, atau Semenanjung Tanah Melayu termasuk Johor. Beliau memohon pihak British mempertimbangkan supaya beliau boleh berhubung surat dengan kawan dan saudaranya

serta mereka boleh menziarahinya ketika berada di Sarawak. Beliau tidak membantah sekiranya kerajaan British memeriksa terlebih dahulu surat-surat tersebut. Manakala mereka yang hendak menziarah itu pula hendaklah mendapat kebenaran daripada kerajaan British. Dalam perkara ini Menteri Ngah Ibrahim menyatakan yang peraturan begini telah pun dilaksanakan ke atas mereka ketika berada di Seychelles. Mengenai syarat tidak boleh memakai gelaran bekas Menteri, Ngah Ibrahim hanya meminta segala pemindahan harta atau pusaka yang sebelum itu di atas nama Menteri Larut dapat diuruskan tanpa sebarang masalah. Dengan beberapa cadangan di atas, Menteri Ngah Ibrahim menyatakan kesanggupannya mematuhi syarat dan undang-undang yang akan dikenakan ke atas beliau ketika berada di Sarawak. Dalam kesempatan itu, Menteri Ngah Ibrahim meminta T. Risely Griffith menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada baginda Ratu kerana membebaskan tahanan politik yang berdukacita merindui kawan dan saudara-mara serta mendapat gangguan dalam amalan agamanya.⁸⁹ Sementara itu Sir J. Pope Hennessy menulis surat kepada Lord Knutsford pada 6 November 1889 menyokong permohonan bekas Sultan Abdullah ke England.⁹⁰

Permohonan pindaan syarat yang dikemukakan oleh Menteri Ngah Ibrahim ini dipanjangkan oleh Lord Knutsford dalam suratnya bertarikh 15 November 1889 kepada Sir Cecil C. Smith untuk mendapatkan pandangannya. Walaupun Lord Knutsford lebih condong bersetuju dengan cadangan pindaan Menteri Ngah Ibrahim tetapi beliau tidak mahu bertindak tanpa merujuk perkara ini terlebih dahulu kepada Sir Cecil C. Smith. Pada pandangan Lord Knutsford, adalah wajar memberi kebenaran kepada Menteri Ngah Ibrahim berhubung surat dengan kawan dan saudara-maranya dengan syarat surat-surat tersebut hendaklah terlebih dahulu diperiksa oleh pegawai yang bertugas. Perkara ini sudah pun dinyatakan dalam surat Raja Sarawak, Sir Charles Johnson Brooke kepada Sir Cecil C. Smith dahulu. Di samping mengharapkan jawapan

segera, Lord Knutsford juga meminta Sir Cecil C. Smith untuk menimbangkan tahanan politik Perak yang lain.⁹¹ Pada 16 November 1889, Lord Knutsford memaklumkan kepada Gabenor dan Ketua Pemerintah Mauritius Sir Charles Cameron Lees, bahawa beliau telah menghubungi Sir Cecil C. Smith, Gabenor Negeri-negeri Selat berhubung dengan permohonan pindaan syarat oleh Menteri Ngah Ibrahim. Selain itu beliau juga menyatakan bahawa Sultan Abdullah, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Syahbandar Uda Mahamor berpuas hati berada di Seychelles dan tidak berhajat untuk berpindah ke Sarawak.⁹² Persetujuan ke atas cadangan pindaan syarat oleh Menteri Ngah Ibrahim ini disampaikan kepada T. Risely Griffith di Seychelles pada 6 Disember 1889.⁹³ Sir Cecil C. Smith juga menyatakan kepada Lord Knutsford dalam suratnya bertarikh 20 Disember 1889 bahawa beliau tidak berhalangan dengan cadangan pindaan syarat yang dikemukakan oleh Menteri Ngah Ibrahim.⁹⁴

Apabila mendapat jawapan bahawa Menteri Ngah Ibrahim akan tinggal di Sarawak, Gabenor Mauritius Sir C.C. Lees diarahkan oleh Lord Knutsford supaya memaklumkan maklumat keberangkatan Ngah Ibrahim ke Singapura.⁹⁵ Sementara itu kediaman tahanan politik Perak di Sarawak disediakan oleh Sir Charles Johnson Brooke. Beliau membelanjakan kira-kira \$280 untuk pembinaan kediaman tersebut. Sebagaimana dijanjikan sebelum ini, Sir Charles Johnson Brooke meminta kerajaan Negeri-negeri Selat membayar balik sebanyak \$200 kepada kerajaan Sarawak. Manakala baki \$80 lagi hendaklah dimasukkan ke dalam kira-kira Hospital Kerajaan Sarawak.⁹⁶ Sir C.C. Lees memaklumkan kepada Lord Knutsford bahawa Menteri Ngah Ibrahim berlepas ke Singapura melalui Aden pada bulan Mei 1890.⁹⁷ Dengan itu pada Mei 1890, Menteri Ngah Ibrahim bersama keluarga dan pengikutnya berangkat ke Singapura melalui pelabuhan Aden. Pegawai pengiring yang ditugaskan dalam pelayaran ini ialah Joseph Brooks. Menteri Ngah Ibrahim memohon wang pendahuluan dan diluluskan

sebanyak 1,200 rupee. Wang ini akan dibayar balik oleh kerajaan Negeri-negeri Selat melalui potongan elaun yang diberikan kepada Menteri Ngah Ibrahim. Sementara itu Pentadbir Seychelles, T. Risely Griffith menghubungi Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Cecil C. Smith untuk memaklumkan perjalanan Menteri Ngah Ibrahim ini.⁹⁸

Pada 10 Februari 1890, bekas Sultan Abdullah menulis surat kepada J. Henniker Heaton, ahli Parlimen British (*House of Commons*). Bekas Sultan Abdullah menyatakan bahawa baginda tidak dapat menerima tawaran berpindah ke Sarawak kerana perpindahan tersebut tidak akan mengubah kedudukannya. Selain daripada itu baginda menyatakan bahawa keadaan cuaca dan pertuturan yang berbeza menjadi alasan tambahan kepada baginda untuk terus kekal di Pulau Seychelles. Begitu juga dengan syarat yang dikenakan iaitu tidak boleh berhubung dengan saudara-mara dan segala gelaran dilucutkan; tidak dapat diterima oleh bekas Sultan Abdullah. Syarat yang dikenakan itu membawa erti bahawa baginda didapati bersalah tanpa perbicaraan. Dengan itu bekas Sultan Abdullah masih berharap dapat melawat England, terutamanya untuk bertemu Lord Knutsford yang disifatkan sebagai penasihat kerajaan dan untuk memaklumkan hukuman yang dijatuhkan ke atas baginda.⁹⁹

Rayuan bekas Sultan Abdullah ini dikemukakan oleh J. Henniker Heaton kepada Lord Knutsford dalam suratnya bertarikh 3 Mei 1890. J. Henniker Heaton berharap pada suatu hari nanti kerajaan British akan membenarkan bekas Sultan Abdullah mengemukakan rayuannya kepada Setiausaha Tanah Jajahan yang bertanggungjawab sebagai Penasihat Kerajaan British bagi hal-ehwal tanah jajahan. J. Henniker Heaton juga menyatakan bahawa beliau mengemukakan rayuan bekas Sultan Abdullah ini kerana menyedari Lord Knutsford adalah penegak keadilan. Selain daripada itu J. Henniker Heaton menyatakan dia mewakili seorang anak raja Melayu yang terasing, dalam buangan dan kedukaan; diturunkan dari takhta kerajaan dan dimalukan selama 13 tahun oleh Undang-undang British. Beliau juga menyatakan bahawa bukti yang

dikemukakan dalam dakwaan ke atas bekas Sultan Abdullah adalah palsu.¹⁰⁰ Tuduhan pemalsuan bukti itu didasarkan kepada penyelidikan Mat Murat ke atas Buku Biru (*Blue Books*), 1887. Mat Murat berpendapat bukti yang dibentangkan di Parlimen 1877 menunjukkan berlakunya ketidakadilan ke atas Sultan Abdullah.¹⁰¹ Sebagai contoh, sekiranya bekas Sultan Abdullah terlibat, mengapa Dato' Maharaja Lela, Pandak Indut dan Ngah Jabor menafikan pakatannya dengan bekas Sultan Abdullah? Padahal mereka telah pun dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.¹⁰² Begitu juga dengan surat perintah yang diberikan oleh Sultan Abdullah kepada Seputum supaya membunuh J. W. W. Birch. Surat ini tidak diperoleh daripada Seputum. Padahal Seputum ditangkap, dibicarakan dan dihukum gantung sampai mati.¹⁰³ Setelah meneliti surat J. Henniker Heaton, Lord Knutsford melalui pegawai Pejabat Tanah Jajahan, R. H. Meade menjawab surat tersebut pada 23 Mei 1890. Dalam surat ini dinyatakan bahawa Lord Knutsford tidak dapat melayan rayuan bekas Sultan Abdullah untuk melawat England. Di samping itu Lord Knutsford juga meminta bekas Sultan Abdullah menyediakan sendiri rayuan dan memohon melalui Seychelles. Selain itu dinyatakan lagi bahawa beliau tidak mempunyai harapan untuk membuka semula kes bekas Sultan Abdullah.¹⁰⁴ Salinan surat ini dan surat J. Henniker Heaton dihantar oleh Lord Knutsford kepada Gabenor Mauritius, Sir Charles Cameron Lees.¹⁰⁵

Pada 10 Jun 1890, Menteri Ngah Ibrahim tiba di Singapura.¹⁰⁶ Pada 24 Jun 1890, A. P. Talbot, pemangku Gabenor Negeri-negeri Selat memaklumkan kepada Raja Brooke mengenai pelayaran Menteri Ngah Ibrahim ke Sarawak dan syarat-syarat dengan pindaan yang dikenakan ke atasnya ketika berada di Sarawak. Dalam suratnya itu dinyatakan Menteri Ngah Ibrahim akan berlepas ke Sarawak dengan kapal api *Rajah Brooke* pada 25 Jun 1890. Kini syarat (a) telah berubah, iaitu Ngah Ibrahim tidak dibenarkan secara langsung atau tidak langsung berhubung dengan seseorang sama ada di tanah jajahan, Semenanjung Tanah Melayu termasuk Johor kecuali dengan kawan atau saudara yang dibenarkan

melawat beliau melalui surat yang akan dibuka terlebih dahulu. Syarat (b) masih kekal iaitu gelaran Bekas Menteri Larut tidak boleh dipakai lagi dan kini beliau hanya dipanggil dengan namanya sahaja, Ibrahim bin Jaafar. Syarat baru (c) ditambah iaitu Ngah Ibrahim tidak boleh meninggalkan Sarawak tanpa kebenaran Kerajaan British. Manakala syarat (c) dahulu menjadi syarat (d) dan ia kekal seperti dahulu. Dalam syarat (d) ini Menteri akan dijadikan tahanan semula dan mungkin akan dihantar semula ke Seychelles sekiranya beliau melanggar peraturan tersebut. Walaupun ketika berada di Sarawak, Menteri Ngah Ibrahim tidak lagi menjadi tahanan politik tetapi beliau tertakluk kepada Undang-undang Negeri Sarawak. Dengan itu seorang pegawai, sebagaimana cadangan Charles Johnson Brooke dahulu hendaklah dilantik bagi menguruskan pemeriksaan ke atas surat-menyurat Menteri Ngah Ibrahim. Ketika berada di Sarawak, Menteri Ngah Ibrahim akan diberikan elaun sebanyak 150 rupee sebulan. Bayaran elaun ini akan didahulukan oleh kerajaan Sarawak. Kemudiannya kerajaan Perak akan membayar kembali melalui Perbendaharaan Negeri-negeri Selat. Di samping itu Charles Johnson Brooke diingatkan bahawa Menteri Ngah Ibrahim telah pun diberikan pendahuluan ketika belayar dari Seychelles dahulu.¹⁰⁷ Sebagai membalas surat ini, Charles Johnson Brooke menyatakan di dalam suratnya bertarikh 28 Jun 1890 kepada J. F. Dickson bahawa beliau akan mengambil langkah untuk mencegah mereka daripada melanggar syarat-syarat yang dikenakan. Sementara itu beliau juga menyatakan bahawa Kerajaan Sarawak akan mengambil wang daripada Perbendaharaan Sarawak untuk mendahulukan pembayaran elaun kepada Menteri Ngah Ibrahim.¹⁰⁸ Pada 25 Jun 1890, Menteri Ngah Ibrahim berlepas ke Sarawak dari Singapura dengan kapal api *Rajah Brooke*. Pada 30 Jun 1890 J. F. Dickson memaklumkan kepada Lord Knutsford bahawa syarat-syarat yang dikenakan ke atas Menteri Ngah Ibrahim ketika beliau berada di Sarawak telah pun dinyatakan kepada Charles Johnson Brooke.¹⁰⁹

Setelah mendapat jawapan dari Pejabat Tanah Jajahan, J. Henniker Heaton menulis surat lagi kepada Lord Knutsford. Dalam suratnya bertarikh 13 Oktober 1890, J. Henniker Heaton menyatakan bahawa beliau telah pun menghubungi bekas Sultan Abdullah dan meminta baginda mengemukakan kesnya untuk rayuan. Bekas Sultan Abdullah tidak dapat mengemukakan kesnya kerana segala surat persendirian dan rasminya ditinggalkan di Perak. Tetapi sebahagian daripada bahannya berada di Singapura Namun begitu sebahagian besar bahan boleh didapati di England. Oleh sebab itu baginda memohon kebenaran melawat England dan sanggup memenuhi syarat yang dikenakan. Sekiranya permohonan ke England ini tidak dibenarkan, bekas Sultan Abdullah memohon tinggal di Singapura atau Johor.¹¹⁰ Lord Knutsford mengarahkan John Bramsto memaklumkan kepada J. Henniker Heaton bahawa suratnya dipanjangkan kepada Gabenor Mauritius.¹¹¹

Pada 24 Oktober 1890, Lord Knutsford menulis surat kepada Gabenor Mauritius Sir C. C. Lees dan melampirkan surat J. Henniker Heaton yang mencadangkan supaya bekas Sultan Abdullah tinggal di Johor atau Singapura. Lord Knutsford percaya hasrat ke Johor atau Singapura bukan kehendak bekas Sultan Abdullah, sebaliknya cadangan J. Henniker Heaton sahaja. Dengan itu beliau mengarahkan Sir C. C. Lees mendapatkan maklumat sebenar kehendak bekas Sultan Abdullah tanpa menyuarakan sebarang harapan kepadanya. Dalam usaha mendapatkan maklumat ini Sir C. C. Lees atau Herbert E. H. Jerningham, Setiausaha Jajahan Mauritius perlu pergi ke Seychelles untuk bertemu bekas Sultan Abdullah.¹¹²

Pada 15 Januari 1891, H. E. H. Jerningham pergi ke Pulau Seychelles bertemu bekas Sultan Abdullah. Bekas Sultan Abdullah menyatakan tentang hasratnya untuk ke London; tidak berminat ke Sarawak kerana syarat yang dikenakan terlalu ketat. Baginda ada memaklumkan kepada J. Henniker Heaton untuk berpindah di mana-mana tempat di Tanah Melayu. Dengan itu baginda dapat hidup bersama keluarga dan

membesarkan anak-anak di tempat yang dekat dengan negeri asalnya. Walaupun bekas Sultan Abdullah dapat menyesuaikan diri dengan keadaan di Seychelles, baginda merasakan tempat yang hampir dengan tanah air adalah sesuai untuk mendidik 10 orang anaknya. Dalam hal ini bekas Sultan Abdullah sanggup berpindah ke Sri Lanka. Selama berada di Seychelles, bekas Sultan Abdullah menghadapi masalah mendidik anak-anaknya dengan agama Islam. Segala maklumat yang didapati daripada bekas Sultan Abdullah ini dihantar terus kepada Lord Knutsford.¹¹³

Bekas Sultan Abdullah mengajukan permohonan untuk berpindah ke Singapura atau Johor kepada H. E. H. Jerningham. Dalam suratnya bertarikh 16 Januari 1891, bekas Sultan Abdullah menyatakan bahawa baginda perlu meninggalkan Pulau Seychelles untuk kebaikan anak-anaknya. Selain menghadapi masalah mendidik anak-anaknya dengan ajaran Islam, bekas Sultan Abdullah juga menyatakan baginda menghadapi masalah mencari suami untuk anak-anak perempuannya. Namun begitu bekas Sultan Abdullah masih berharap baginda dapat melawat England. Baginda juga menaruh harapan agar kedua-dua anak lelakinya dapat menuntut di England.¹¹⁴

Lord Knutsford menulis surat bertarikh 6 Februari 1891 kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Cecil C. Smith dengan melampirkan sekali surat rayuan bekas Sultan Abdullah. Lord Knutsford meminta Sir Cecil C. Smith melaporkan kemungkinan timbul bahaya politik sekiranya bekas Sultan Abdullah tinggal di Singapura. Sekiranya tidak berbahaya, Sir Cecil C. Smith diminta mengemukakan syarat-syarat untuk memberi kebenaran Sultan Abdullah tinggal di Singapura.¹¹⁵

Sir Cecil C. Smith dalam jawapannya bertarikh 11 Jun 1891 menjelaskan Sultan Abdullah boleh dipertimbangkan untuk pulang ke Singapura dengan syarat: (a) beliau hanya dibenarkan memakai nama Raja Abdullah; (b) beliau tidak boleh meninggalkan Singapura

tanpa kebenaran bertulis daripada Kerajaan British; (c) beliau hendaklah memberi jaminan sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa beliau tidak boleh terlibat dalam hal-ehwal negeri; dan (d) beliau juga boleh dipindahkan ke Sarawak sekiranya mengingkari syarat-syarat yang ditentukan oleh Setiausaha Tanah Jajahan. Ekoran daripada ini Menteri Ngah Ibrahim dibenarkan juga tinggal di Singapura dan tertakluk pula kepada syarat-syarat ini.¹¹⁶ Dengan itu pada 17 Julai 1891, Lord Knutsford menghantar telegraf kepada Sir Cecil C. Smith menyatakan tentang cadangannya yang diluluskan.¹¹⁷ Lord Knutsford juga memaklumkan tentang kelulusan ini kepada Gabenor Mauritius, Sir C. C. Lees serta meminta beliau memaklumkan kepada tahanan politik di Seychelles.¹¹⁸ Pada 17 Julai 1891 Lord Knutsford menghantar surat kepada Sir Cecil C. Smith, merujuk kepada telegrafnya yang menyatakan bahawa kerajaan British bersetuju dengan cadangan bekas Sultan Abdullah dan tahanan politik lain tinggal di Singapura. Dengan itu beliau meminta Sir Cecil C. Smith memaklumkan keputusan terbaru ini kepada Menteri Ngah Ibrahim iaitu kerajaan British telah membenarkan beliau tinggal di Singapura.¹¹⁹ Perkara ini juga dimaklumkan oleh Lord Knutsford dalam suratnya kepada Sir C. C. Lees bertarikh 17 Julai 1891. Selain meminta Sir C. C. Lees memaklumkan kelulusan ini kepada bekas Sultan Abdullah dan tahanan politik lain, beliau juga diminta menguruskan keberangkatan bekas Sultan Abdullah dan tahanan politik lain melalui Aden ke Singapura. Sir C. C. Lees juga diminta menghubungi Sir Cecil C. Smith menyatakan ketibaan mereka di Singapura.¹²⁰ Selain itu kelulusan kerajaan British membenarkan bekas Sultan Abdullah dan tahanan politik lain tinggal di Singapura dimaklumkan oleh R. H. Meade, Pejabat Tanah Jajahan London kepada J. Henniker Heaton.¹²¹

Pada Januari 1893, Menteri Ngah Ibrahim mula tinggal di Singapura.¹²² Kemudiannya Menteri Ngah Ibrahim berangkat ke Pulau Pinang, bertemu semula dengan isteri yang ditinggalkan dan pulang semula ke Singapura.¹²³ Ketika berada di Singapura, Menteri Ngah

Ibrahim memohon kebenaran daripada pihak British untuk berangkat ke Makkah bagi menghabiskan masa tuanya. Gabenor Sir C. B. H. Mitchell pula memanjangkan permohonan Menteri Ngah Ibrahim ini kepada Frank Swettenham, Residen British Perak untuk mendapatkan pandangannya dan juga pandangan Sultan Perak (Sultan Idris Murshidul Azam Shah, 1887-1916).¹²⁴ F. Swettenham pun menghadap Sultan Perak bagi mendapatkan pandangan baginda.

Sultan Perak merestui permohonan Menteri Ngah Ibrahim dan memberi kebebasan kepada Menteri Ngah Ibrahim untuk berangkat ke Makkah. Begitu juga F. Swettenham tidak membantah jika Menteri Ngah Ibrahim ingin menetap di Makkah atau di Singapura.¹²⁵ Gabenor C. B. H. Mitchell pula tidak berhalangan dan menyokong pandangan F. Swettenham membenarkan Menteri Ngah Ibrahim berangkat ke Makkah. Seterusnya C. B. H. Mitchell meminta keputusan daripada Pejabat Tanah Jajahan di London untuk dimaklumkan kepada Menteri Ngah Ibrahim.¹²⁶ Pejabat Tanah Jajahan meluluskan permohonan Menteri Ngah Ibrahim untuk berangkat ke Makkah.¹²⁷

Menteri Ngah Ibrahim meninggal dunia di Singapura pada 4 Februari 1895. Jenazah beliau dikebumikan di permakaman al-Junid, Singapura.¹²⁸ Kematian Menteri Ngah Ibrahim ini dilaporkan oleh akhbar *Perak Pioneer*, Sabtu 9 Februari 1895. Dalam akhbar ini dicatatkan bahawa bekas Menteri Larut yang dibuang ke Seychelles, yang baru dibenarkan tinggal di Singapura telah meninggal dunia pada 4 Februari 1895. Anaknya, Wan Muhammad Isa, Penghulu Bukit Gantang berlepas ke Singapura untuk menghadiri upacara pengkebumian jenazah Ngah Ibrahim di sana.¹²⁹ Gelaran dan jawatan Menteri disandang oleh anaknya Wan Muhammad Isa yang sebelum ini menjadi Penghulu Bukit Gantang.¹³⁰

Bekas Sultan Abdullah pulang ke Tanah Melayu, dan tinggal di Singapura. Kemudiannya baginda berpindah ke Pulau Pinang dan seterusnya ke Kuala Kangsar. Bekas Sultan Abdullah mangkat di Kuala

Kangsar pada tahun 1922 dan dimakamkan di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak.¹³¹

Nota

1. "CEAP", no. 1, Sir F. A. Weld kepada Earl of Kimberley, 20 November 1880, enclosure 1, bekas Sultan Abdullah kepada Ratu England, 13 Ogos 1880.
2. "CEAP", no. 1, Sir F. A. Weld kepada Earl of Kimberley, 20 November 1880, enclosure 2, Gabenor Mauritius kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 9 September 1880, terlampir A. E. Havelock kepada Gabenor Mauritius, 13 Ogos 1880.
3. "CEAP", no. 1, Sir F. A. Weld kepada Earl of Kimberley, 20 November 1880, enclosure 2, Gabenor Mauritius kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 9 September 1880.
4. "CEAP", no. 1, Sir F. A. Weld kepada Earl of Kimberley, 20 November 1880, enclosure 3, Hugh Low kepada Setiausaha Jajahan, Singapura, 1 November 1880.
5. "CEAP", no. 1, Sir F. A. Weld kepada Earl of Kimberley, 20 November 1880.
6. "CEAP", no. 2, Sir F. A. Weld kepada Earl of Kimberley, 3 Disember 1880. Surat ini diterima oleh Earl of Kimberley pada 5 Januari 1881.
7. "CEAP", no. 3, Earl of Kimberley kepada Leftenan Gabenor F. Napier Broome, 18 Januari 1881; no. 4, Earl of Kimberley kepada Sir F. A. Weld, 18 Januari 1881.
8. "CEAP", no. 5, Leftenan Gabenor F. Napier Broome kepada Earl of Kimberley, 11 Mac 1881.
9. "CEAP", no. 6, Earl of Kimberley kepada Sir F. A. Weld, 11 Ogos 1881.
10. "CEAP", no. 7, Leftenan Gabenor F. Napier Broome kepada Earl of Kimberley, 19 November 1881, terlampir H. Cockburn Stewart kepada Setiausaha Jajahan Mauritius, 29 Oktober 1881, terlampir R. Strugnell kepada H. Cockburn Stewart, 27 Oktober 1881, terlampir bekas Sultan Abdullah kepada baginda Ratu England, 26 Oktober 1881.
11. "CEAP", no. 7, Leftenan Gabenor F. Napier Broome kepada Earl of Kimberley, 19 November 1881, terlampir H. Cockburn Stewart kepada

Setiausaha Jajahan Mauritius, 29 Oktober 1881, terlampir, C. S. Salmon kepada Kapten Havelock, 2 Oktober 1879; surat A. E. Havelock, 17 Ogos 1880; surat H. Cockburn Stewart, Ketua Pesuruhjaya Awam Seychelles, 19 Oktober 1881.

12. "CEAP", no. 8, Sir Frederick Weld kepada Earl of Kimberley, 2 Disember 1881. C.O. 273/110, Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 2 Disember 1881.

13. "CEAP", no. 9, Earl of Kimberley kepada Leftenan Gabenor F. Napier Broome, 26 Januari 1882; no. 10, Earl of Kimberley kepada Leftenan Gabenor F. Napier Broome, 26 Januari 1882.

14. "CEAP", no. 11, Leftenan F. Napier Broome kepada Earl of Kimberley, 11 Mac 1882.

15. "CEAP", no. 12, Leftenan Gabenor F. Napier Broome kepada Earl of Kimberley, 13 Mac 1882.

16. "CEAP", no. 13, Earl of Kimberley kepada Leftenan F. Napier Broome, 27 April 1882.

17. Peraturan ini bertajuk "...to authorise the removal to and from and the detention in the Island of Mauritius of certain political prisoner". "CEAP", no. 14, Leftenan Gabenor F. Napier Broome kepada Earl of Kimberley, 9 Jun 1882.

18. "CEAP", no. 15, Earl of Kimberley kepada Sir F. A. Weld, 18 Julai 1882.

19. "CEAP", no. 16, Leftenan Gabenor F. Napier Broome kepada Earl of Kimberley, 10 Julai 1882.

20. "CEAP", no. 16, Leftenan Gabenor F. Napier Broome kepada Earl of Kimberley, 10 Julai 1882, enclosure W. Littleton kepada Inspektor Jeneral Polis, 3 Julai 1882.

21. "CEAP", no. 17, Earl of Kimberley kepada Leftenan Gabenor F. Napier Broome, 18 Ogos 1882.

22. "CEAP", no. 18, Earl of Kimberley kepada Sir F. A. Weld, 18 Ogos 1882.

23. "CEAP", catatan F. Napier Broome, 25 September 1882.

24. "CEAP", no. 19, Leftenan Gabenor F. Napier Broome kepada Earl of Kimberley, 4 September 1882, enclosure surat bekas Sultan Abdullah Muhammad Shah, 1 September 1882.

25. "CEAP", no. 19, Leftenan Gabenor F. Napier Broome kepada Earl of Kimberley, 4 September 1882, terlampir surat akuan Arthur Barkly, Ketua Pesuruhjaya Awam, Seychelles, 7 Mac 1882.

26. "CEAP", no. 19, Leftenan F. Napier Broome kepada Earl of Kimberley, 4 September 1882.

27. "CEAP", no. 20, Earl of Kimberley kepada Leftenan Gabenor F. Napier Broome, 11 Oktober 1882.

28. "CEAP", no. 21, Leftenan Gabenor F. Napier Broome kepada Earl of Kimberley, 18 November 1882.

29. "CEAP", no. 24, Sir J. Pope Hennessy kepada Earl of Derby, 6 Julai 1884, terlampir bekas Sultan Abdullah kepada baginda Ratu England, 19 Jun 1884.

30. "CEAP", no. 24, Sir J. Pope Hennessy kepada Earl of Derby, 6 Julai 1884, terlampir Arthur Barkly kepada Sir J. Pope Hennessy, 19 Jun 1884.

31. "CEAP", no. 24, Sir J. Pope Hennessy kepada Earl of Derby, 6 Julai 1884.

32. "CEAP", no. 25, Earl of Derby kepada Sir J. Pope Hennessy, 1 September 1884.

33. "CEAP", no. 26, Sir J. Pope Hennessy kepada Earl of Derby, 2 Julai 1885. Artikel 4, peraturan 9, 1877, "...if he or they escape, or attempt to escape out of the island or dependency wherein they are detained, be liable on conviction before the District Judge of Seychelles, or the Supreme Court of Mauritius, to imprisonment with or without hard labour, for a period not exceeding two years". Artikel 5, peraturan 1, 1882 pula, "...if he or they escape, or attempt to escape out of the island of Mauritius, be liable on conviction there of before a judge of the Supreme Court of Mauritius, judging without a jury, to imprisonment with or without hard labour, for a period not exceeding two years."

34. "CEAP", no. 26, Sir J. Pope Hennessy kepada Earl of Derby, 2 Julai 1885, enclosure 1, "Minute of the Governor on the Papers relating to the visit of Ex-Sultan Abdullah to Mauritius", 13 Januari 1885. E. Pellereau ialah *Procureur Jeneral*.
35. "CEAP", no. 26, Sir J. Pope Hennessy kepada Earl of Derby, 2 Julai 1885.
36. "CEAP", no. 26, Sir J. Pope Hennessy kepada Earl of Derby, 2 Julai 1885, enclosure 2, E. Pellereau kepada Setiausaha Tanah Jajahan, 17 Jun 1885.
37. "CEAP", no. 33, Earl Granville kepada Sir J. Pope Hennessy, 8 Jun 1886.
38. "CEAP", no. 27, Sir J. Pope Hennessy kepada Kolonel Stanley, 26 Oktober 1885, bekas Sultan Abdullah Perak kepada Kolonel Stanley, 26 Oktober 1885. Sila lihat Lampiran I.
39. "CEAP", no. 27, Sir J. Pope Hennessy kepada Kolonel Stanley, 26 Oktober 1885.
40. "CEAP", no. 28, Kolonel Stanley kepada Sir J. Pope Hennessy, 25 November 1885.
41. "CEAP", no. 29, Kolonel Stanley kepada Sir F. A. Weld, 25 November 1885.
42. "CEAP", no. 30, Sir F. A. Weld kepada Kolonel Stanley, 26 Februari 1886.
43. "CEAP", no. 30, Sir F. A. Weld kepada Kolonel Stanley, 26 Februari 1886, enclosure Hugh Low kepada J. F. Dickson, 17 Februari 1886.
44. "CEAP", no. 31, Earl of Granville kepada Sir J. Pope Hennessy, 4 Mei 1886.
45. "CEAP", no. 32, Earl of Granville kepada Sir F. A. Weld, 4 Mei 1886.
46. "CEAP", no. 32, Earl of Granville kepada Sir F. A. Weld, 4 Mei 1886, enclosure memorandum, F. A. Swettenham, 24 Mei 1886.
47. Surat ini diserahkan oleh Dato' Maharaja Lela kepada Maharaja Abu Bakar di dewan Johor pada 29 Jamadil akhir 1293.
48. "CEAP", no. 34, Sir F. A. Weld kepada Edward Stanhope, 30 September 1886.

49. "CEAP", no. 34, Sir F. A. Weld kepada Edward Stanhope, 30 September 1886, enclosure 1, Hugh Low kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan, 18 Ogos 1886, terlampir "Statement of Mahomed Rous".

50. "CEAP", no. 34, Sir F. A. Weld kepada Edward Stanhope, 30 September 1886, enclosure 1, Hugh Low kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan, 18 Ogos 1886, terlampir "Translation of letter from Sultan Abdullah to Syed Mashor", "Memorandum of statement made by Syed Mashor" dan "Translation of statement by Syed Mashor".

51. "CEAP", no. 35, W. H. Hawley (Mejar Jeneral) kepada Sir H. T. Holland, 10 Mac 1887.

52. "CEAP", no. 35, W. H. Hawley kepada Sir H. T. Holland, 10 Mac 1887, terlampir surat perakuan doktor James Brooks, 12 Februari 1887.

53. "CEAP", no. 35, W. H. Hawley kepada Sir H. T. Holland, 10 Mac 1887.

54. "CEAP", no. 36, Sir H. T. Holland kepada W. H. Hawley, 18 April 1887.

55. "CEAP", no. 37, Ketua Pesuruhjaya Awam Arthur Barkly kepada Sir H. T. Holland, 12 April 1887, terlampir Sultan Abdullah kepada Ratu England, 12 April 1887.

56. "CEAP", no. 37, Arthur Barkly kepada Sir H. T. Holland, 12 April 1887.

57. "CEAP", no. 38, W. H. Hawley kepada Sir H. T. Holland, 6 Mei 1887, terlampir surat yang ditandatangani oleh beberapa orang kepada W. H. Hawley, 6 Mei 1887.

58. "CEAP", no. 40, F. Fleming kepada Sir H. T. Holland, 8 Mac 1888, enclosure 3, surat peladang, saudagar dan peniaga kepada W. H. Hawley, 16 Mei 1887.

59. "CEAP", no. 39, Sir H. T. Holland kepada W. H. Hawley, 8 Jun 1887.

60. "CEAP", no. 40, F. Fleming, Pentadbir Mauritius kepada Sir H. T. Holland, 8 Mac 1888, enclosure 1, Franc. Hodoul, W. Flowerdew, N. Jouanis... kepada Sir H. T. Holland, 4 Februari 1888. Sila lihat Lampiran J.

61. "CEAP", no. 41, Lord Knutsford kepada F. Fleming, 28 April 1888.

62. "CEAP", no. 43, Sir J. Pope Hennessy kepada Lord Knutsford, 9 Mac 1889, enclosure surat petani, saudagar dan pedagang Pulau Seychelles, t.t.

63. "CEAP", no. 22, Leftenan Gabenor F. Napier Broome (Mauritius) kepada Earl of Kimberley, 20 Disember 1882.

64. "CEAP", no. 22, Leftenan Gabenor F. Napier Broome (Mauritius) kepada Earl of Kimberley, 20 Disember 1882, terlampir bekas Menteri Larut (Mahe', Seychelles) kepada Earl of Kimberley, 7 Disember 1882.

65. "CEAP", no. 22, Leftenan F. Napier Broome kepada Earl of Kimberley, 30 Disember 1883.

66. "CEAP", no. 23, Earl of Derby kepada Leftenan F. Napier Broome, 30 Januari 1883.

67. "CEAP", no. 42, Sir J. Pope Hennessy kepada Lord Knutsford, 4 Februari 1889, terlampir Ibrahim bin Jaafar (Mahe', Seychelles) kepada Her Most Gracious Majesty Victoria, R., of Great Britain and Ireland Queen, Empress of India, 3 Januari 1889. Sila lihat Lampiran K.

68. "CEAP", no. 42, Sir J. Pope Hennessy kepada Lord Knutsford, 4 Februari 1889.

69. "CEAP", no. 44, Lord Knutsford kepada Sir Cecil C. Smith, 5 April 1889; no. 47, Lord Knutsford kepada Sir Cecil C. Smith, 18 April 1889.

70. "CEAP", no. 45, Lord Knutsford kepada Sir J. Pope Hennessy, 5 April 1889.

71. "CEAP", no. 46, Lord Knutsford kepada Sir J. Pope Hennessy, 18 April 1889.

72. "CEAP", no. 47, Lord Knutsford kepada Sir Cecil C. Smith, 18 April 1889.

73. "CEAP", no. 48, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 3 Jun 1889, enclosure 1 Gabenor Negeri-negeri Selat kepada Yang Mulia Raja Sarawak, 18 Mei 1889.

74. "...; first, that the prisoners shall not be paupers, and second, that they shall be subject to the Sarawak laws during their residence in this country."

75. "CEAP", no. 48, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 3 Jun 1889, enclosure 2, Raja Sarawak (C. Brooke) kepada Gabenor Negeri-Negeri

Selat, 29 Mei 1889. Surat ini juga boleh dikesani dalam "Brooke, Sir Charles Johnson, 1829-1917: The Rajah's outgoing Letters, 1887-1906" (Seterusnya diringkaskan sebagai "BROL, 1887-1906"), Sir Charles Johnson kepada Sir Cecil C. Smith, 29 Mei 1889. Dalam suratnya ini Charles Brooke sanggup menerima semua tahanan politik Perak di Sarawak.

76. "CEAP", no. 48, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 3 Jun 1889, enclosure 3, Gabenor Negeri-negeri Selat kepada Raja Sarawak, 3 Jun 1889.

77. (a) That neither directly nor indirectly shall he communicate with person in the Colony or Malay Peninsula, including Johor.

(b) That the title of Ex-Mentri [Menteri] of Larut be entirely abandoned, and that he be known only by his own name, Ibrahim bin Jafar [Jaafar].

(c) That any breach of the condition shall carry with it imprisonment, with liability of re-transportation to the Seychelles.

("CEAP", no. 48, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 3 Jun 1889). Lihat juga C.O. 273/160, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 3 Jun 1889).

78. "CEAP", no. 48, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 3 Jun 1889.

79. "CEAP", no. 49, Lord Knutsford kepada Sir Cecil C. Smith, 11 Julai 1889.

80. "CEAP", no. 50, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, t.t.

81. "CEAP", no. 53, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 18 Julai 1889.

82. "CEAP", no. 51, Lord Knutsford kepada Sir J. Pope Hennessy, 20 Julai 1889.

83. "CEAP", no. 52, Lord Knutsford kepada Sir Cecil C. Smith, 20 Julai 1889.

84. C.O. 273/197, Gabenor Sir C. B. H. Mitchell kepada Pejabat Tanah Jajahan (The Marquess of Ripon, K. G.), 5 September 1894.

85. "BROL, 1887-1906", Charles Brooke kepada Sir Cecil C. Smith, 13 Ogos 1889.

86. "CEAP", no. 54. T. Risely Griffith, Pentadbir Seychelles kepada Lord Knutsford, 8 Oktober 1889.

87. "CEAP", no. 54, T. Risely Griffith kepada Lord Knutsford, 8 Oktober 1889, enclosure 3 dalam no. 54, Laksamana Muhammad Amin [Laksamana Wan Muhammad Amin] dan Syahbandar Hoda Mohomor [Uda Mahamor] kepada Pentadbir Seychelles, 5 Oktober 1889.

88. "CEAP", no. 54, enclosure 1 dalam no. 54, Sultan Abdullah Perak kepada Pentadbir Seychelles, 6 Oktober 1889

89. "CEAP", no. 54, T. Risely Griffith kepada Lord Knutsford, 8 Oktober 1889, enclosure 2 dalam no. 54, Ibrahim bin Jafar [Jaafar] kepada R. Griffith, Pentadbir, 5 Oktober 1889.

90. "CEAP", no. 57, Sir J. Pope Hennessy kepada Lord Knutsford, 6 November 1889.

91. "CEAP", no. 55, Lord Knutsford kepada Sir Cecil C. Smith, 15 November 1889.

92. "CEAP", no. 56, Lord Knutsford kepada Sir Charles Cameron Lees, 16 November 1889.

93. "CEAP", no. 58, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 20 Disember 1889, enclosure dalam no. 58, Sir Cecil C. Smith kepada Pentadbir, Seychelles, 6 Disember 1889.

94. "CEAP", no. 58, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 20 Disember 1889. "... that all letters pass through the Government; nor is there any objection to these prisoners, one or all of whom may go to Sarawak, communicating directly with anyone from Perak who visit Sarawak for that purpose".

95. "CEAP", no. 59, Lord Knutsford kepada Sir Cecil C. Lees, 24 Januari 1890.

96. "BROL, 1887-1906", Charles Brooke kepada Sir Cecil C. Smith, 6 Mac 1890.

97. "CEAP", no. 63, Sir Charles Cameron Lees kepada Lord Knutsford, 2 Jun 1890.
98. "CEAP", no. 63, Sir Charles Cameron Lees kepada Lord Knutsford 2 Jun 1890, terlampir T. Risely Griffith kepada Sir Charles Cameron Lees, 15 Mei 1890.
99. "CEAP", no. 60, J. Henniker Heaton kepada Lord Knutsford, 3 Mei 1890, terlampir Sultan Abdullah kepada J. Henniker Heaton, 10 Februari 1890.
100. "CEAP", no. 60, J. Henniker Heaton kepada Lord Knutsford, 3 Mei 1890.
101. "CEAP", no. 60, J. Henniker Heaton kepada Lord Knutsford, 3 Mei 1890, terlampir Mat Murat kepada J. Henniker Heaton, 15 Mac 1890.
102. "CEAP", no. 60, J. Henniker Heaton kepada Lord Knutsford, 3 Mei 1890, terlampir Mat Murat kepada J. Henniker Heaton, 15 Mac 1890, terlampir "Despatch from Sir W. F. D. Jervois to the Earl of Carnavon, paragraph 13, p. 44".
103. "CEAP", no. 60, J. Henniker Heaton kepada Lord Knutsford, 3 Mei 1890, terlampir Mat Murat kepada J. Henniker Heaton, 15 Mac 1890, terlampir "Page 49 (Translation), The following paper on authority is said to have been given by Sultan Abdullah".
104. "CEAP", no. 61, R. H. Meade kepada J. Henniker Heaton, 23 Mei 1890.
105. "CEAP", no. 62, Lord Knutsford kepada Sir C. C. Lees, 23 Mei 1890.
106. "CEAP", no. 64, J. F. Dickson kepada Lord Knutsford, 30 Jun 1890.
107. "CEAP", no. 64, J. F. Dickson kepada Lord Knutsford, 30 Jun 1890, terlampir dalam no. 64, A. P. Talbot kepada Raja Brooke, 24 Jun 1890.
108. "BROL, 1887-1906", Charles Brooke kepada J. F. Dickson, Pemangku Gabenor Negeri-negeri Selat, 28 Jun 1890.
109. "CEAP", no. 64, J. F. Dickson kepada Lord Knutsford, 30 Jun 1890.
110. "CEAP", no. 65, J. Henniker Heaton kepada Pejabat Tanah Jajahan, 13 Oktober 1890.
111. "CEAP", no. 65, John Bramston, Pejabat Tanah Jajahan kepada J. Henniker Heaton, 23 Oktober 1890.

112. "CEAP", no. 67, Lord Knutsford kepada Sir C. C. Lees, 24 Oktober 1890.

113. "CEAP", no. 68, H. E. H. Jerningham kepada Lord Knutsford, 15 Januari 1891.

114. "CEAP", no. 68, H. E. H. Jerningham kepada Lord Knutsford, 15 Januari 1891, terlampir Sultan Abdullah kepada H. E. H. Jerningham, 16 Januari 1891.

115. "CEAP", no. 69, Lord Knutsford kepada Sir Cecil C. Smith, 6 Februari 1891.

116. "CEAP", no. 70, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 11 Jun 1891. C.O. 273/173, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 11 Jun 1891.

117. "CEAP", no. 71, telegraf Lord Knutsford kepada Sir Cecil C. Smith, 17 Julai 1891; no. 72, telegraf Lord Knutsford kepada Sir Cecil C. Lees, 17 Julai 1891.

118. "CEAP", no. 72, telegraf Lord Knutsford kepada Sir C. C. Lees, 17 Julai 1891.

119. "CEAP", no. 72, Lord Knutsford kepada Sir Cecil C. Smith, 17 Julai 1891.

120. "CEAP", no. 74, Lord Knutsford kepada Sir C. C. Lees, 17 Julai 1891.

121. "CEAP", no. 75, R. H. Meade kepada J. Henniker Heaton, 31 Julai 1891.

122. C.O. 273/197, Sir C. B. H. Mitchell kepada Marquis of Ripon, 5 September 1894.

123. Wee Choon Siang, "Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874", hlm. 60.

124. C.O. 273/197, Sir C. B. H. Mitchell kepada Pejabat Tanah Jajahan, 5 September 1894.

125. C.O. 273/197, Sir C. B. H. Mitchell kepada Pejabat Tanah Jajahan, 5 September 1894, terlampir Frank Swettenham kepada Setiausaha Tanah Jajahan, 27 Ogos 1894.

126. C.O. 273/197, Sir C. B. H. Mitchell kepada Pejabat Tanah Jajahan, 5 September 1894.

127. C.O. 273/197, Pejabat Tanah Jajahan kepada C. B. H. Mitchell, 8 Oktober 1894 (draf).

128. Wee Choon Siang, Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874, 60.

129. *Perak Pioneer and Native State Adviser*, Vol. II, No. 14, Saturday 9th February 1895, hlm. 3. "The ex-Tunku Muntri [Tengku Menteri] of Larut who was exiled to the Seychelles for complicity in the murder of the late Mr. Birch and who was recently permitted to reside in Singapore died on the 4th instant. His son, Wan Mat Esa [Muhammad Isa], the Penghulu of Bukit Gantang left yesterday for Singapore to attend the funeral. There is some talk of bringing the remains here for interment if the authorities raise no objection."

130. Wee Choon Siang, "Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874", 60. C. N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867-1877*, 305. E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, 278.

131. Mervyn Liewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, 330. Haji Buyong Adil, *Sejarah Perak*, 96.



KESIMPULAN

Sebelum dan selepas Perjanjian Pangkor ditandatangani Sultan Ismail dan Sultan Abdullah serta pembesar yang menyokong kedua-dua belah pihak telah berselisih pendapat. Tetapi setelah J. W. W. Birch datang memegang jawatan Residen British pada 4 November 1874, serta memperkenalkan peraturan baru tanpa berunding terlebih dahulu dengan pembesar negeri telah menyebabkan pembesar-pembesar negeri yang bertelagah ini bekerjasama. Kerjasama ini dapat dilihat daripada penglibatan mereka dalam mesyuarat yang diadakan untuk mengambil tindakan ke atas J. W. W. Birch.

Mereka bangkit dan bekerjasama menentang British setelah menyedari bahawa kedatangan Residen British bukan untuk menasihati tetapi memerintah Perak. Kekerasan J. W. W. Birch, penglibatannya dalam soal perhambaan dan sempadan serta perubahan mendadak yang dilakukan tanpa berunding dengan pembesar Perak, dan paksaan ke atas Sultan Abdullah telah menyebabkan mesyuarat kerajaan negeri Perak yang dihadiri pembesar dan dikendalikan oleh Sultan Abdullah di Durian

Sebatang pada 21 Julai 1875 memutuskan supaya J. W. W. Birch dibunuh di Pasir Salak.


Sultan dan pembesar yang berjuang mempertahankan maruah dan kedaulatan serta melaksanakan tugas rasmi kerajaan yang diputuskan dalam mesyuarat di Durian Sebatang dibukum bersalah oleh British. Mereka dijatuhi hukuman gantung sampai mati, penjara seumur hidup dan dibuang negeri. Sebaliknya tindakan mereka adalah hasil daripada keputusan mesyuarat rasmi kerajaan Perak yang berlangsung di Durian Sebatang pada 21 Julai 1875.

British menyedari bahawa Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor merupakan dua orang pembesar yang memainkan peranan utama menentang mereka di Perak. Dengan itu sebagai usaha menghilangkan ingatan terhadap jasa mereka berdua, British berjaya mempengaruhi kerajaan Perak supaya menghapuskan gelaran tersebut setelah kedua-duanya digantung. Kedua-dua gelaran ini memberi pengertian besar dalam perkembangan sejarah negeri Perak. Ia bukan sahaja mengenang jasa tokoh yang memakai gelaran tersebut, tetapi juga dapat menanam semangat perjuangan, iaitu kedua-dua tokoh yang memakai gelaran ini sanggup mengambil tugas membunuh J. W. W. Birch, Residen British di Perak. Dato' Sagor pernah menegaskan bahawa beliau benci pada "Orang Putih" dan begitu juga dengan Dato' Maharaja Lela yang sanggup mempertaruhkan nyawanya demi Sultan Abdullah dan Sultan Ismail.

Perjuangan menentang British di Perak tidak boleh dianggap sebagai menderhaka. Mereka tidak menderhaka kepada Sultan Perak. Mereka sebenarnya adalah menentang British. Walaupun sebahagian daripada pembesar termasuk Sultan Abdullah memberi persetujuan di dalam Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 20 Januari 1874 untuk membenarkan campur tangan British dan perlantikan Residen British, tetapi pada pemahaman mereka tugas residen adalah sebagai penasihat sahaja. Nasihatnya pula tidak melewati batas-batas adat dan agama Islam. Namun apa yang berlaku, Residen British, J. W. W. Birch, yang

mendapat restu daripada Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Andrew Clarke dan penggantinya Sir William Jervois bukannya bertindak sebagai penasihat tetapi menjalankan tugas pentadbiran. Dengan menggunakan ugutan dan amaran ke atas Sultan Abdullah, J. W. W. Birch mendapatkan tandatangan dan cap mohor Sultan Abdullah dalam menjalankan pentadbiran dan mengambil kuasa pentadbiran di Perak.

Oleh kerana menyedari tentang kepentingan maruah negeri Perak, Sultan Abdullah telah bekerjasama dengan Sultan Ismail dan Menteri Ngah Ibrahim, sedangkan sebelum ini mereka adalah bermusuhan. Hampir semua pembesar-pembesar Perak terlibat dalam gerakan menentang British di Perak. Oleh itu adalah sukar untuk diterima sekiranya perjuangan Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan pengikut-pengikut mereka dianggap sebagai menderhaka. Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor menjalankan tugas yang telah diamanatkan dalam mesyuarat yang berlangsung di Durian Sebatang pada 21 Julai 1875. Selain itu Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan pengikut-pengikut mereka tidak menentang Sultan Abdullah dan Sultan Ismail; malah mendapat restu daripada mereka berdua, untuk menentang British. Oleh itu tindakan mereka bukanlah sebagai penderhaka tetapi sebagai pejuang yang mempertahankan Perak daripada dicemari oleh nilai-nilai Barat yang dibawa oleh British.



LAMPIRAN

Lampiran A

Tertulis pada 20 haribulan Januari tahun masihi 1874.

Bahawa adalah satu perkara yang huru-hara telah jadi dalam negeri Perak oleh sebab tiada kedudukan gobermen dalam negeri itu dan pula berlaku kuat kuasa yang boleh menyempurnakan supaya memelihara orang-orang isi negeri itu supaya mereka itu dengan selamat mendapat faedah bagi perusahaan atau penat mereka itu bahawa terlalu banyak orang-orang Cina yang berkerja dan banyak wang-wang yang telah dimasukkan ke dalam pekerjaan galian timah dalam negeri Perak itu oleh orang-orang rakyat Inggeris dan lain yang duduk dalam negeri-negeri baginda permaisuri Inggeris maka pekerjaan lombong-lombong dan harta-harta yang tersebut ini tiadalah terpelihara belaka maka kelakuan rompak dan bunuh-membunuh serta membakar-membakar rumah pun selalulah jadi dalam negeri yang tersebut itu maka dengan sebab yang demikian ini sangatlah merasai rosak perniagaan dan keuntungan bangsa British maka aman dan kesempurnaan negeri-negeri

Inggeris yang dekat-dekat itu pun kerap-kerap kali mendapat takut oleh merbahaya.

Bahawa adalah raja-raja dalam kerajaan Perak itu pun pada masa yang demikian telah mengatakan halnya tiada berdaya hendak berhentikan atau melenyapkan kesusahan yang ada itu serta pula mereka itu dan orang-orang yang kena-mengena dalam pekerjaan usaha negeri itu pun meminta pertolongan. Bahawasanya adalah gobermen telah terikat oleh triti perjanjian pada memelihara atau menjagakan kerajaan yang tersebut itu dan menolong raja-raja yang memerintahnya. Maka serkarang adalah Tuan Yang Terutama Sir Andrew Clarke K. C. M. G., C. B., Gabenor bagi jajahan Singapura, Pulau Pinang dan Melaka serta selat-selatnya itu sebab hendak menyampaikan seperti permintaan yang tersebut dan dengan maksud hendak menolong raja-raja yang tersebut dan hendak membuat satu penyelesaian yang kukuh bagi perkara-perkara dalam negeri Perak itu maka telah diperbuatkanlah aturan fasal-fasal yang tersebut di bawah ini kerana berbalas-balas baik dan keuntungan kepada raja-raja Perak yang tiada di bawah perintah siapa-siapa itu dan kepada rakyat-rakyatnya dan kepada rakyat-rakyat baginda permaisuri Inggeris dan lain-lain yang ada duduk dalam negeri Perak atau yang ada berniaga di sana iaitu seperti di bawah ini.

Fasal yang pertama - maka Raja Muda Abdullah itulah disebutkan menjadi Sultan Perak.

Fasal yang kedua - maka Raja Bendahara Ismail yang ada jadi pemangku Sultan itu ditanggungkan kepadanya gelaran Sultan Muda serta mendapat pencen dan satu jajahan kecil tersebut menjadi punyai kepadanya.

Fasal yang ketiga - maka nama sekalian orang besar yang lain-lain yang telah dijadikan pada ketika Raja Bendahara Ismail menerima alat kerajaan itu ditetapkan belaka.

Fasal yang keempat - kuasa yang telah diberi kepada Orang Kaya Menteri di atas Larut oleh almarhum itu dikukuhkan juga demikian.

Fasal yang kelima - segala hasil yang dipungut dan segala perintah atau gelaran yang dibuat hendaklah dengan nama sultan itu.

Fasal yang keenam - hendaklah sultan itu menerima seorang besar British yang akan dinamai Residen dan mengadakan sebuah rumah yang patut akan tempat kediamannya maka orang besar ini hendaklah ada berkuasa dan terpakai dalam balai bicara sultan itu dan hendaklah dituntut apa-apa nasihat daripadanya dan mengikut ajarannya pada membuat apa-apa dalam segala perkara yang lain daripada perkara yang kena kepada agama dan adat-adat Melayu.

Fasal yang ketujuh - maka pemerintah Larut itu pun hendaklah ada berapit kepadanya seorang Asisten Residen iaitu seorang besar British yang mengerjakan pekerjaan di bawah Residen Perak itu dengan sama kuat kuasanya dan dia itu diperintah oleh Residen yang tersebut itu sahaja.

Fasal yang kedelapan - ada pun belanja Residen yang tersebut serta dengan ketetapan mereka itu hendaklah ditetapkan atau diletakkan oleh gobermen Singapura, Pulau Pinang dan Melaka maka belanja itulah yang pertama-pertama bertanggung atas hasil negeri Perak itu.

Fasal yang kesembilan - maka adalah suatu aturan kerajaan iaitu pendapatan yang telah tertentu sekian-sekian yang patut diterima oleh Sultan dan oleh Bendahara dan Menteri dan Orang Besar lain-lain itu bolehlah ditanggungkan atas hasil yang tersebut itu juga kemudian daripada yang pertama tadi.

Fasal yang kesepuluh - maka pada memungut hasil itu dan kuasa pemerintah memungutnya itu serta/jenis perintah bagi negeri itu semuanya hendaklah diaturkan dengan mengikut kehendak Residen-Residen yang tersebut/segala itu.

Fasal yang kesebelas - maka triti atau surat perjanjian yang telah menyerahkan Pulau Dinding dan pulau-pulau Pangkor kepada Great Britain itu telah ada berselisih faham dalamnya dan berkehendaklah pada membaiki semula triti itu supaya dijalankan dengan sempurna

akhirnya seperti maksud orang-orang yang membuat triti itu, maka adalah dinyatakan di sini ada pun perhinggaan jajahan yang tersebut yang telah diserahkan demikian itu hendaklah ada dibuatkan seperti yang tersebut di bawah ini iaitu:-

Dari Bukit Segari seperti yang telah tercuris dalam keping peta selat-selat Melaka yang bernombor satu itu dan adalah satu satu teladannya bersama-sama ini yang bertanda huruf A itu dengan satu gurisan yang lurus datang ke laut dan dari situ pula menyusur sepanjang-panjang pantai datang ke selatan dan ke Pulau Katak yang di sebelah barat dan dari Pulau Katak itu satu gurisan menuju utara ke Bukit Segari itu.

Fasal yang Kedua belas - maka seperti telah yang melimpahkan air ke Sungai Kerian yang di sebelah selatan itu pada menyatakan satu bahagian tanah yang turun airnya mengalir ke dalam sungai itu dari selatan maka tanah itu hendaklah disebutkan bahagian jajahan British seperti satu perbetulan bagi sempadan Seberang Perai yang di sebelah selatan itu maka sempadan yang demikian ini hendaklah ditandakan oleh komisioner-komisioner iaitu orang-orang pesuruh yang dijadikan seorang oleh gobermen *Straits Settlements* dan seorang lagi oleh Sultan Perak.

Fasal yang ketiga belas - apabila sudah berhenti gaduh-gaduh yang di dalam Perak itu dan berbalik semula tetap amannya serta berkasih-kasihannya semula di antara orang-orang yang telah berlawan dalam negeri itu maka hendaklah dengan segera perintah dan fikiran seorang atau lebih daripada seorang besar British dijadikan perbuatan supaya mengembalikan semula pekerjaan lombong-lombong tanah itu seperti yang telah biasa-biasa dan mendapat jentera-jentera dan sebagainya seperti yang telah dipakai pada masa sebelum jadi gaduh itu dan supaya beroleh ganti bayaran segala apa-apa yang rosak-rosak itu maka sebagaimana yang diputuskan oleh Orang-orang Besar British itulah dia kesudahan perkara itu.

Fasal yang keempat belas - maka adalah Menteri Laut itu berjanji mengaku hutang yang akan dibayarnya kepada gubermen *Straits Settlements* akan segala tanggungan dan belanja-belanja yang terkena dalam hal masuk menegahkan ini demikian juga segala tanggungan dan belanja-belanja yang telah diletakkan atau yang akan dikenakan oleh jajahan *Straits Settlements* dan Great Britain dalam hal mencuba hendak menetapkan aman kesenangan negeri Perak dan menjadikan selamat perniagaan.

Maka segala fasal-fasal yang tersebut di atas ini sudahlah tiap-tiap satu dibacakan dan telah diberi mengerti kepada sekalian orang-orang yang bertanda tangan di bawah ini telah mengerti belaka dan tiap-tiap seorang telah suka dan menerima semuanya menjadi ikatan atas mereka itu dan atas waris-waris atau ganti-gantinya.

Telah diperbuat ini dan disempurnakan di Pulau Pangkor dalam tanah perintah British pada 20 haribulan Januari tahun Masihi 1874.

Telah diperbuat perjanjian ini di hadapan saya.

(tanda tangan) Andrew Clarke Gubernur dan *Commander-in-Chief*
dan Vais Admiral bagi *Straits Settlements*

Cap mohor Sultan Perak	0		
Cap mohor Temenggung Perak	0	Cap mohor Bendahara Perak	0
Cap mohor Menteri Larut	0	Cap mohor Syahbandar Perak	0
Cap mohor Laksamana Perak	0	Cap mohor Raja Mahkota Perak	0
Cap mohor Dato' Sagura	0		

Sumber: Khoo Kay Kim, "The Pangkor Treaty in Malay", *Peninjau Sejarah*, Vol. 1, Julai 1966.

Lampiran B

PROCLAMATION

By His Excellency Colonel Sir Andrew Clarke R. E, C. B. K. C. M. G.
Governor and Commander-in-Chief of the Straits Settlements.

WHEREAS an Engagement was entered into at Pulo [Pulau] Pangkor on the 20th day of

A. CLARKE, Governor & Commander-in-Chief - January 1874, at the instance of the Chief of Perak, and executed in the presence of His Excellency the Governor of the Straits Settlements, for the pacification of the country, the re-establishment of the Royal Family and Chiefs in their respective ranks and authority, for the security of the people in life and property, the advancement of trade, and the development of the resources of the country; which engagement was entered into by the said Chiefs of their own free will, and with the intent and desire that the same should be carried into effect under the protection, and with the aid of Her Majesty's Government; and WHEREAS the said engagement has been approved:

NOW BE IT KNOWN TO ALL MEN, that, in terms of the said engagement, Sultan Abdullah Mohamed Shah, son of the late Sultan Jaafar Al MaAllum Shah, is recognised by Her Majesty's Government as Sultan of Perak and its Dependencies, and all Her Majesty's subjects and persons being in the Territories of Perak are required to take notice thereof, and to govern themselves accordingly; and whereas certain evil disposed persons are said to be engaged in conspiracies to disturb the peace of the said country of Perak, and to incite to rebellion against the lawful authority of the said Sultan Abdullah, and to the waging of unlawful war in Perak, such persons are hereby warned and required to

Lampiran

desist from such practies, under the pains and penalties in that case and provide.

By His Excellency's Command

Lieut. Governor's Office
Penang, 13th July, 1874.

A.E.H. ANSON.
Lieut. Governor of Penang

Sumber: Surat persendirian 12/7, *Straits Settlements Government Gazette. Extraordinary*. Published by Authority. Penang, Wednesday, 15th July, 1874.

Lampiran C

From Sultan Abdullah to Mr. J.W.W. Birch, Resident of Perak, dated 27th March, 1875.

We inform our friend that the following four persons represent us in anything that our friend wishes to consult us upon, viz:- the Orang Kaya Laxamana [Laksamana], Orang Kaya Shahbandar [Syahbandar], Orang Kaya Sagor [Dato' Sagor], and Orang Kaya Mahomed Arshad. If there be anything to consult us about, and if it take a long time or be difficult to reach us, then we allow our friend to consult the four above-mentioned persons acting in our name. If it be difficult to consult with all four persons, then our friend may consult with the Laxamana and Shahbandar. When anything is agreed upon between our friend and the Laxamana and Shahbandar it must be submitted to us, and if it seems proper to us, we will sign it.

Moreover, if there is anything to be done, our friend must first consult with us; then our friend may do it. Do not our friend do anything before consulting us.

If there is anything to be done, or any business to be carried out in our country and districts, our friend must first inform us, and take the opinion of the chiefs who are in charge of the districts. Our friend must follow what is mentioned above. If not, we will not allow what is done. This is what we inform our friend.

Sumber: *Enquiry as to Complicity of Chiefs in the Perak Outrages. Precis of Evidence* (Singapore: Government Printing Office, 1876), XII-XIII.

Lampiran D

From Sultan Abdullah to the Rajah [Raja] Bendahara, 27th Rabiulakhir 1292. (1st June, 1875)

When you receive this letter, I beg you will come quickly to Batak [Batak] Rabit. Matters between me and this white man are in much difficulty, regarding the affairs of Perak, for he wishes to make any changes in old establishments. Those matters have not yet been arranged, (i.e. the changes have not yet been made) awaiting a combined meeting with your presence and that of the chiefs of the upper country. I wish you to come down the river quickly. I pray you favour me without fail and come.

Sumber: *Enquiry as to Complicity of Chiefs in the Perak Outrages. Precis of Evidence* (Singapore: Government Printing Office, 1876), hlm. XX. Surat ini disahkan benar terjemahannya oleh F. Swettenham.

Lampiran E

TRANSLATION of Letter from Sultan Abdullah to Si Putum

29th Shaaban 1292
(1st or 2nd October 1875)

Chop of
Sultan
Abdullah of Perak
(Signature of Sultan Abdullah)

On the 29th day of Shaaban, in the year 1292, at that time we Paduka Sri Sultan Abdullah Mohamed Shah Ebni [Ibni] Almarhum Sultan Jafar Muathan [Muazam] Shah, in possession of the throne of Perak and all its dependencies, made this letter and gave it to Si Putum.

Known all men that we ordered Si Putum to do an action on Mr. Birch till he died, and Si Putum must positively do the action. When Mr. Birch is dead, should any charge or complaint for such action come from anywhere, we are responsible for it, and Si Putum must not be afraid or feel uneasy to do the said action. And also when Mr. Birch is dead Si Putum must return this letter back to us, so that we may pay Si Putum a reward of 1,000 dollars. It is quite true and clear. We fix our seal and sign our name above.

Sumber: *COPIES, or EXTRACTS, of CORRESPONDENCE with reference to the Case of the Ex-SULTAN ABDULLAH OF PERAK* (London: The Hansard Publishing Union Limited, 1891), hlm. 31, no. Sir Frederick Weld kepada Edward Stanhope, 30 September 1886, enclosure 1, Hugh Low, Residen British Perak kepada Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri Selat, 18 Ogos 1886, terlampir, "Translation of Letter from Sultan Abdullah to Si Putum, 29th Shaaban 1292 [1st of 2nd October 1875]*".

Lampiran F

Qualla Kangsa [Kuala Kangsar], January 23, 1876

Sir,

I have the honour to furnish the following account of the operations against Kota Lama on the 20th instant, which I briefly reported to his Excellency the Governor by telegram on that date.

I have purposely delayed the present report in order to be able to fully inform his Excellency as to the loss of the enemy and the general result of the expedition.

On the morning of the 20th instant a party of troops, consisting of 120 men, H. M.'s 3rd regiment ("the Buffs") and 20 men, 1st Goorkhas, under the command of Major Morley. "The Buffs" crossed the river at Sayong before daylight.

I accompanied this party with a few Malays, one of them a guide whom I obtained through the Raja Muda.

Brigadier-General Ross proceeded to Kota Lama (right bank) with 50 men "the Buffs", and 20 men Royal Artillery, with two guns. He was accompanied by Captain Speedy, Assistant Resident Larut.

Fire was opened with the guns from the right bank of the river, upon the temporary encampment which has been occupied by the Kota Lama Malays since the 5th instant.

This was the signal for firing to commence from the boats of the Naval Brigade under Captain Garforth, R. N., and from the camp at Qualla Kangsa.

As soon as the fire ceased, the party on the left bank of the river under Major Morley, began to march northwards from Sayong, keeping well inland. At one place four or five armed Malays were seen running away, and one of them (Ngah Hassan) was shot.

No others were encountered, though three or four times in the course of the march a shot was fired from the jungle on the rear guard, showing that some of the enemy were not far off. All the houses met with were burned, with exception of three or four at Kandang, the owners of which have joined the Raja Muda.

The enemy were found to have made their huts close the spot where they made their attack on the 4th instant. These were surrounded by a strong palisade. The place was destroyed, and the party then returned to camp, which was reached by the middle of the day.

The boats which had been used by the enemy in their repeated marauding expedition across the river were brought away with the exception of one which was burnt by Captain Garforth's party.

As yet, I have only heard of one man being killed by artillery fire (Si Aujang bin Bilal Dongun), but it is not easy to get accurate information from Malays regarding their casualties.

As far as I can learn the moral effect of the attack has been excellent. The Malays, who were not prepared to find the range of our guns so great, are moving higher up the river and breaking up into small parties. There are not many of them who are really anxious to carry on a hopeless contest, and I have had several hints within the last few days that some would be willing to surrender themselves if they were not afraid of being put to death.

The names of those most deeply concerned in the recent murders on the Larut Road have been furnished to me, and I propose to endeavour to get them through the instrumentality of some of the less guilty.

I have circulated notices offering the following rewards for the members of the gang recently assembled at Kota Lama under Toh Sri Lela. For leaders, \$200; for headmen, \$100; for others, \$50 each.

If no surrender is made, I would propose to use native auxiliaries (the Raja Muda's men, Captain Speedy's Menanghabow [Minangkabau]

Malays, and my own men) to follow them up to their retreats at Prek, Paring, Enggar, Jerow, and elsewhere.

I have, & c.

(Signed) W. E. Maxwell, Deputy Commissioner.

The Honourable
The Colonial Secretary

Sumber: *FURTHER CORRESPONDENCE Relating to the AFFAIRS OF CERTAIN NATIVE STATES IN THE MALAY PENINSULA IN NEIGHBOURHOOD OF THE STRAITS SETTLEMENTS* (London: George Edward Eyre and William Spottiswoode, 1876), 36-37.

Lampiran G

Bangkok, January, 21, 1876.

Sir,

I have the honour to state that I have received a despatch from the Governor of the Straits Settlements, in which I am informed that the Rajah Lela [Dato' Maharaja Lela] and Ismail [Sultan Ismail] of Perak, and other chiefs said to be implicated in the murder of Mr. Birch [J.W.W.

Birch], late British Resident in that province, have fled from the British troops in pursuit of them into the province of Patani.

I am aware that your Excellency has issued instructions to the rajahs of your Malay states, directing them to refuse a refuge to all those who may have been engaged in arms against the British troops.

I also feel certain that your Excellency is anxious to prevent any assistance being given to those believed to be implicated in instigating the disturbances which have lately taken place in Perak.

It is, however very probable that, owing to the difficulty of communicating with your Malay state at this time of the year, your instructions may not have been received until after the arrival of the fugitive within those territories. If this should prove to be the case your rajahs will probably detain them until they receive further orders from you.

It is very essential that these fugitives should be prevented from being in a position to give further aid or encouragement to such of their partisans as may still remain within the province of Perak. I therefore have to request that you will be so good as to issue instructions that they be removed from Patani, or any other of your Malay states in which they may be found, into Singora [Senggora], and kept there until it is decided what shall ultimately be done with them.

If, however, your Excellency's Government prefer to hand them over to the troops that have been in pursuit of them, some of whom will doubtless be found on the frontier of Perak, I have nothing to say against such a course. I, however, confine myself to asking your Government to follow the course that is usually pursued in similar cases.

I have, however, to point out to you that which ever course you determine to follow it is very necessary that your instructions should be delivered to your Malay rajahs with as little as possible. I therefore beg to suggest that they should be sent through the Governor of Singora, and as the strength of the N.E. monsoon is now on the decrease there

ought to be great difficulty in communicating with him by a steamer sent from this place.

I beg your Excellency will favour me with an early reply, and inform me what course you intend to follow.

I have, &c.

His Excellency Chow Phya Sri Surawongse (Signed) T.G. KNOX
Way Waddhu Phra Kakahome, Minister
for the Province of the South

Sumber: *FURTHER CORRESPONDENCE relating to the AFFAIRS OF CERTAIN NATIVES STATES in the MALAY PENINSULA, in the neighbourhood THE STRAITS SETTLEMENTS* (London: George Edward Eyre and William Spottiswoode, 1876), 5.

Lampiran H

EXHIBIT B.

SEPUTUM states: - I am a Perak man and have lived in the Maharajah [Maharaja] Lela's district. Maharajah Lela is the head man, but my house is in the village under the charge of Toh Lela Putra. On the day Mr. Birch was murdered I was going early in the morning to my paddy [padi] field. As I was past the Maharajah Lela's housed, he stopped me, saying that the "Orang Puteh," have come to burn his house and there would perhaps be fighting. I begged of him to let me go on to my field as the buffaloes were damaging it, but he scolded me and ordered me to stop. I went and sat down near the house of Haji Dorashid close to the Chinaman's housed, and presently I saw Arshad, the interpreter, posting some notices on the wall

of the Chinaman's house. Pandak Indut was present, and as Arshad was putting up the notices, he tore them down, one by one. Pandak Umbah and Che Tuah (a Batak) were with Pandak Indut. I heard Arshad say to Pandak Indut, "Why do you tear down the notices, they are not a book (kitab) nor the Koran. After we are gone you may tear them." But Pandak Indut still kept tearing them away, and then he speared Arshad, and a fight commenced. A great many people were assembled all armed, and then I also went to the bathing house where Mr. Birch was bathing at the time. Ngah Jabbor speared Mr. Birch and Ngah Jabor did so I did not see anyone else. I was sitting on one of the logs of the bathing house behind. There was a great uproar and confusion. I was not at all armed, I only had my "lading" that I wanted for use in the field; Ngah Jabbor [Jabor] called out to me to cut about the water with my knife at the rear of the bath house, threatening to spear me if I did not do so, and my knife struck Mr. Birch twice in the head, somewhere near the ear, he sank and I never saw him again.

Datu [Dato'] Sagor, Toh Lela Putra, Pandak Indut and Panjang Umbah (his brother) were with the Maharajah Lela at the time. That day Maharajah Lela sent to collect \$5 from every man in his district to buy gunpowder, and if any one refused his house was to have been looted and burnt. I ran away to my field in the jungle, and afterwards because I was starving I went to Lamboh [Lambor], and there I was arrested by Uda Pulao [Pulau] Mah [Mat] Amin.

20th February 1876.

Sumber: *FURTHER CORRESPONDECE relating to the AFFAIRS OF CERTAIN NATIVES STATES in the MALAY PENINSULA, in the neighbourhood THE STRAITS SETTLEMENTS* (London: George Edward Eyre and William Spottiswoode, 1876), 61-62.

Lampiran I

Port Louis, Mauritius, 26 October, 1885.

Sir,

With reference to the murder in 1877 [1875] at Perak of Mr. Birch, in which atrocious crime it is supposed by the British Government that I had complicity, I have the honour to state, that to my two petitions to Her Majesty the Queen, dated 30th September 1880, and 19th November 1881, to reinstated in my country, and the one of the 1st September 1882 to visit England, I have received answer that Her Majesty the Queen was unable to accede to my prayer, but to my petition of June 1884, I had communication from the Secretary of State (then Earl of Derby), in which he stated that he would lay the petition before Her Majesty, but that reference would have to be made to the Straits Settlements. Although almost 14 months have elapsed since the Earl's letter. I have received neither an answer to, or any communication concerning, my petition.

I am anxious to have the matter decided at once.

I feel convinced that when Her Majesty the Queen is made acquainted with all the facts of my case, and if the information relative to the case received by Lord Derby from the Straits Settlements is in accordance with the truth (the attitude of several persons there towards me causes me to doubt them), Her Majesty the Queen will give Her Royal assent to my petition; if the petition is not granted, I pray that Her Majesty the Queen will allow me to visit England.

Believing that England is the emblem of all that is honourable, I believe that I will receive justice from the British Government, although for eight years I have suffered so much through the illegal act of the Straits Settlements Government. (See Mr. Bond's statement)

Lampiran

If my conduct since my deportation from Perak be made a criterion of my behaviour previous to my banishment, I think the testimonials from Mr. Napier Broome, once Governor of Mauritius, and those from Captain Havelock, Mr. Barkly, Mr. Stewart, Mr. Salmon, who have been Chief Civil Commissioner at Mahe, Seychelles Islands, and the one from the present acting Chief Commissioner, Mr. Griffiths, will be satisfactory. (I have enclosed copies of all those testimonials)

I ask you to obtain justice for me, and that the matter may be dealt with without delay, as I have suffered banishment for so many years that I hope Her Majesty will at least allow me to visit England as before stated.

I have, &c.

(signature of) Sultan Abdullah of Perak

To the Right Hon. Colonel Stanley,
Secretary of State for the Colonies
&c. &c. &c.

Sumber: *COPIES, or EXTRACTS, of CORRESPONDENCE with reference to the Case of the Ex-SULTAN ABDULLAH OF PERAK* (London: The Hansard Publishing Union Limited, 1891), 24-25, No. 27, J.Pope Hennessy kepada Kolonel F.A. Stanley, 26 Oktober 1885, terlampir Sultan Abdullah kepada Kolonel F. A. Stanley, 26 Oktober 1885.

Lampiran J

Mahe, Seychelles, 4 February 1888.

Sir,

WE had the honour on the 16th May 1887 to submit to His Honor Major General Hawley, the Officer Administering the Government of Mauritius, a humble supplication praying that on the occasion of Her Majesty's Jubilee, His Honour would recommend that Her Majesty would be pleased to extent her mercy to His Highness ex-Sultan Abdullah of Perak, and to grant him his liberty.

This letter (of which we have the honour to enclose a copy) we have not yet received a reply.

The past exemplary conduct of ex-Sultan Abdullah, during the whole period of detention, leaving the best assurances for his peaceable and loyal conduct to the Imperial Government in the future: and in view of the changes which have recently taken place in the Malayan Peninsula, we have the honour most humbly to solicit of your Excellency the favourable consideration of his case, and earnestly hope that you may consider it fit to advise Her Most Gracious Majesty to restore the prisoner, under proper and sufficient guarantees, to his former position of a ruler; or at least to permit his return to his country and his home.

We have, &c.

(signed) Franc Hodoul,

Civil Commissioner.

W. Flowerdew,

N. Jouanis,

Civil Commissioner, and Proprietor.

Eugene Serret,

Lampiran

Civil Commissioner, and Barrister-at-Law.
F. Cheyron,
Vice Consul for France, and Royal Consul for Italy
James Seddon,
Notary Public.
Andre Nageon de Lestang,
Notary Public.
R. L. Carosin,
Attorney at-Law.
E. Savy,
Attorney at-Law
H. Wilson,
Barrister at-Law
The Right Hon.
Sir Henry T. Holland, Bart., G.C.M.G.,
Secretary of State for the Colonies.
And 465 others

Sumber: *COPIES, or EXTRACTS, of CORRESPONDENCE with reference to the Case of the Ex-SULTAN ABDULLAH OF PERAK* (London: The Hansard Publishing Union Limited, 1891), hlm. 38, no. 40, Pentadbir F. Fleming kepada Sir H. T. Holland, 9 Mac 1888, enclose 1, Franc. Hodoul, W. Flowerdew, N. Jouanis... kepada Sir H. T. Holland, 4 Februari 1888.

Lampiran K

HER MOST GRACIOUS MAJESTY VICTORIA, R., OF GREAT BRITAIN AND IRELAND QUEEN, EMPRESS OF INDIA, &c. &c. &c.

Mahe, Seychelles, 3 January 1889

Your Majesty,

THE humble petition of Ibrahim Bin Jafar, ex-Menteri [Menteri] of Laroot [Larut], Perak, Straits Settlements, now a political prisoner at Seychelles, most respectfully expose that your humble petitioner was Mentri, and had the charge and command of Laroot, a part of the Malay Peninsula, a district of the Perak Government, having been ceded by one of the former Sultan to your petitioner's father, and renewed to your petitioner himself by the father of the ex-Sultan Abdullah Mohamed Shah.

That your petitioner was entirely free in all of his actions with regard to the administration of the said district of Laroot, and had no occupation or business with regard to the government of Perak.

That your petitioner had built a court house, police barracks, &c., at Laroot, and had in his employ constables from Culcutta and elsewhere to keep order in his district, and had opened roads leading across the said Peninsula.

That your petitioner had engaged with Captain Speedy, afterwards Assistant Resident at Laroot, for the stopping of disturbances in the interior among the Chinese labourers, and for the arrestation of all those implicated.

That your petitioner, when the Straits Settlements Government sent a Resident to Perak, picked out and chose Captain Speedy as Assistant Resident at Laroot.

That your humble petitioner was invited by his Excellency, through the Honourable John Douglas, Colonial Secretary of the Straits Settlements in the year 1877, to Singapore, where, on his arrival, your petitioner was arrested, and sent in company with the ex-Sultan Abdullah Mohamed Shah and several other Chiefs of Perak, to the Seychelles Islands as a political prisoner, and where your petitioner has remained since that time.

That your petitioner has always submitted himself to, and obeyed, the laws under which he has been placed without any complaint or murmur on his part, although separated from friends and relations, and with the loss of all his property, only subsisting on the small monthly stipend allowed by Government.

That your petitioner feels himself growing old, and needs the aid and consolation of his religion, being a Mohamedan, and from he is wholly deprived at Seychelles.

That your petitioner most humbly prays that your Most Gracious Majesty may be pleased to allow him to return to Singapore or Penang, Prince of Wales Island either as a single individual at liberty, or as a political prisoner at either one of those places your Majesty may see fit to choose or point out under the same restrictions as at Seychelles, in order that your petitioner may receive such consolation from his religion as he may be able to get there, and also in order that in case anything happening to your petitioner he may be buried near his friends and relations and according to the rites of the Mohamedan religion.

Your petitioner humbly prays that your Majesty may take his petition into your Majesty's most favourable consideration and grant him his request.

And your petitioner as in duty bound with ever pray.

(Signature of the Ex-Mentri)

Sumber: *COPIES, or EXTRACTS, of CORRESPONDENCE with reference to the Case of the Ex-SULTAN ABDULLAH OF PERAK* (London: The Hansard Publishing Union Limited, 1891), 40-41, No. 42, J. Pope Hennessy kepada Lord Knutsford, 4 Februari 1889, terlampir Menteri kepada Ratu Victoria, 3 Januari 1889.

BIBLIOGRAFI

Rekod Rasmi

C.O. 273/81; 273/82; 273/83; 273/84; 273/85; 273/86; 273/87; 273/88;
273/90; 273/91; 273/92; 273/94; 273/110; 273/160; 273/197; 537/45.

Copies of Correspondence and papers relating to the death of Mr. J.W.W. Birch collected by his father, the Rev. J.W. Birch.

Copies, or Extracts, of Correspondence with reference to the Case of the Ex-Sultan Abdullah of Perak. London: The Hansard Publishing Union Limited, 1891.

Enquiry as to Complicity of Chiefs in the Perak Outrages Precis of Evidence. Singapore: The Government Printing Office, 1876.

Enquiry as to Complicity of Chiefs in the Perak Outrages. Abridgment of Evidence, Arranged under various Heads. Singapore: Government Printing Press, 1876.

Further Correspondence Relating to the Affairs of Certain Native States in the Malay Peninsula in Neighbourhood of the Straits Settlements. London: George Edward Eyre and William Spottiswoode, 1876.

Straits Settlements Blue Book of the Larut District in the Native States of Perak, for the year 1874. Singapore: Government Printing, 1874.

Buku dan Makalah

- Abdullah Haji Musa (Lubis). *Sejarah Perak - Dahulu dan Sekarang.* Singapore: 1958.
- Abdullah Zakaria bin Ghazali. *Dato' Sagor: Peranannya Dalam Gerakan Menentang British di Perak 1874-1876.* Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1993.
- _____. *Ngah Ibrahim bin Jaafar: Orang Kaya Menteri Paduka Tuan.* Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1993.
- _____. "Perak, 1651-1955: Satu Tinjauan Mengenai Perjuangan Orang Melayu." Adnan Haji Nawang (Penyunting); *Perak Dahulu dan Sekarang.* Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1988.
- _____. "Pembunuhan J. W. W. Birch: Suatu Kajian Tentang Pembunuhnya." *JEBAT*, Bil. 9, 1979/80.
- _____. "Tentang Terhadap Pentadbiran British di Perak 1874-1875." *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No. 10, 1981.
- _____. "Dato' Sri Agar Diraja Ngah Kamdin Orang Besar Delapan Perak." *Purba*, Bilangan 9, 1990.
- _____. "Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Ngah Ibrahim bin Long Jaafar, 1840-1895: Satu Kajian Mengenai Perjuangannya Menentang British di Perak." *Purba*, Bilangan 11, 1992.
- _____. "Pribumi Dan Penjajah: Gerakan Tentangan Di Malaysia." *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bilangan 23, 1996.
- _____. "Dato' Maharaja Lela Pandak Lam: Peranan dan Sumbangan Dalam Gerakan Menentang British di Perak, 1874-1876." *Purba*, Bilangan 14, 1995.
- Adnan Haji Nawang (Penyunting). *Perak Dahulu dan Sekarang.* Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1988.

Bibliografi

- Aminuddin b. Baki. "The Institution of Debt-Slavery in Perak." *Peninjau Sejarah*, Vol. 1, No. 1, 1966.
- Andaya, B. W. & L.Y. Andaya. *A History of Malaysia*. Hong Kong: The Macmillan Press, Ltd., 1992. (reprint)
- Blythe, Wilfred. *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya*. London: Oxford University Press, 1969.
- Burns, P. L. & C. D. Cowan, (eds.) *Swettenham's Malayan Journals 1874-1876*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975.
- Burns, P. L. (ed.&Introduced). *The Journals of J. W. W. Birch: First British Resident to Perak 1874-1875*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976.
- Buyong Adil. *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972.
- Chai Hon-Chan. *The Development of British Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967.
- Cheah Boon Kheng. "Letters From Exile - Correspondence of Sultan Abdullah of Perak from Seychelles and Mauritius, 1877-1891." *JMBRAS*, Vol. LXIV, Pt 1, 1991.
- Cowan, C. D. *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.
- _____. *Nineteenth Century Malaya: The Origins of British Political Control*. London: Oxford University Press, 1967.
- Fawzi Basri, M. A. *Chempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Ipoh: Yayasan Perak, 1986.
- Gullick, J. M. "Captain Speedy of Larut." *JMBRAS*, Vol. 12, Pt. 3, 1953.
- _____. *Indigenous Political Systems of Western Malaya*. London: The Athlone Press, 1965.
- _____. *Rulers and Residents: Influence and Power in the Malay States 1870-1920*. Singapore: Oxford University Press, 1992.

- _____. *Malay Society in the Late Nineteenth Century*. Singapore: Oxford University Press, 1987.
- Kennedy, J. *A History of Malaya*. London: The Macmillan Press Ltd., 1975.
- Khoo Kay Kim. "The Pangkor Treaty in Malay." *Peninjau Sejarah*, Vol. 1, July 1966.
- _____. *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984.
- _____. *The Western Malay States 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972.
- _____. *Taiping*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1981.
- _____. "J. W. W. Birch: A Victorian Moraliser in Perak 'Augen Stable?'" *JHSUM*, V, 1965/66.
- Lim Teck Ghee. *Peasants and their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977.
- Maxwell, W.E. "Journey on foot to the PATANI FORNTIER in 1876 being A Journal Kept during an Expedition undertaken to capture Datoh Maharaja Lela of Perak." *JSBRAS*, no. 9, June 1882.
- McNair, J. F. A. *Perak and the Malays*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972).
- Mervyn Liewelyn Wynne. *Triad and Tabut*. Singapore: Government Printing Press, 1941.
- *Mohd. Zulkifli Hj. Abdul Aziz. *Gelaran Orang Melayu Perak*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1992.
- Moore, Donald. *The Magis Dragon*. Granada Publishing Limited, 1975.
- Muhammad Ibrahim Munshi. *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*. Johor: Pejabat Cetak Kerajaan, 1965. Jawi.

Bibliografi

- Parkinson, C. N. *British Intervention in Malaya 1867-1877*. Singapore: University of Malaya Press, 1960.
- Rogayah Eusoff, Datin. *Lord of Kinta: The Biography of Dato Panglima Kinta Eusoff*. Petaling Jaya: Pelandok Publications, 1995.
- Roff, R.O. *Stories and Sketches by Sir Frank Swettenham*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967.
- Sadka, E. *The Protected Malay States 1874-1875*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970.
- Sullivan, Patrick. *Social Relations of Dependence in a Malay State: Nineteenth Century Perak*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1982.
- Swettenham, F. *Malay Sketches*. London: 1895.
- _____. *British Malaya*. London: 1929.
- Wilkinson, R.J. (ed.) *Papers on Malay Subjects*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971.
- Winstedt, R.O. *Malaya, the Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States*. London: 1932.
- _____. *Malaya and its History*. London: Hutchison University Library, 1969.
- _____. & R. J. Wilkinson. *A History of Perak*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1974.

Tesis dan Latihan Ilmiah

- Hishamuddin bin Adnan. "British di Perak: Satu Kajian Mengenai Keterlibatannya dan Penentangan Orang-Orang Melayu sehingga terbunuhnya J. W. W. Birch." Esei Panjang, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985/86.
- Joni bin Bakar. "Sultan Abdullah Muhammad Shah 1874-1876: Satu Kajian Mengenai Peranannya Dalam Pakatan Membunuh J. W. W.

- Birch." Esei Panjang, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983/84.
- Mallal, M.A. "J. W. W. Birch: Causes of His Assassination." M.A. Thesis, University of Malaya, Singapore, 1952.
- Mohd. Fadzil Othman. "Suatu Penilaian Kritis Tentang Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi Sebagai Sumber Sejarah." Tesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.
- Teh Raqimah bte Abdullah. "Dato' Maharaja Lela Putera "Pancung Tak Bertanya: Tumpuan kepada Pandak Lam." Esei AE300, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983/1984.
- Wee Choon Siang. "Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874." Graduation Exercise, University of Malaya, Singapore, 1952.

Surat Khabar

Perak Pioneer and Native State Advertiser, Vol. II, No. 14, Sabtu, 9 Februari 1895.

Majalah

Malayan Police Magazine, Vol. VIII, No. 5, May 1935.

INDEKS

- Abbott, J. F. 101, 108, 129, 131, 147, 151-153, 155, 158, 200, 212
Abdul Hamid 50
Abdul Shukur 71
Abdullah 47, 217
Abdullah bin Taib 217
Abu 70, 115, 137, 167, 211-212, 217
Aden, pelabuhan 253-254, 258
Air Mati 38
Alang Alaidin, Panglima Bukit Gantang 2
Alang Mat Taib 149
Alang Nor 41, 112, 156-157, 205, 207, 209, 211-212, 217
Alang Rupah 199
Ambrose Pova 248
Anjang (lihat juga Si Anjang) 88
Anjang Kinchan 141, 217
Ang Pah Soon 106

- Anson, A. E. H. 5-6, 9, 19, 43, 128, 151, 160, 163-164, 188-189, 195-196, 219
Avon, H. M. S. 12
Bacon, Edward 4-7, 36, 45, 51, 75
Bada 168
Badcock, A. R. 163
Bagan Tiang 3-4
Bandar 38
Bandar Baru 29, 35-36, 38, 40, 42, 45-47, 51, 54, 62, 68, 73, 75, 85, 88-91,
93-98, 100-106, 108, 112-113, 127-128, 138, 147, 149-160, 164, 169, 191-
193, 199, 201-202, 205, 207, 209, 211-212, 217, 221
Bandar Lama 101, 104
Bandar Tua 30, 32, 151, 160
Bangkok 165, 193-195
Barkly, Arthur 240, 242-243, 245, 247-248
Barnett, Kapten 171, 173-174
Baron Brossard de Corbigny 161
Batak Rabbit 15, 17, 29, 31, 34, 36-37, 40, 44, 53, 61, 69, 75, 77, 79-80, 88, 93,
100, 104-105, 112-113, 127, 152, 154-155, 159, 176, 205-207, 209, 211-212
Batang Padang 32, 39, 48, 53, 108
Batu Bahara 33, 61
Batu Bedinding (lihat juga Kampung Batu Bedinding) 168
Batu Belah 166
Belanja x, 17-18, 20, 31, 38, 46, 70-71, 76, 81, 83-85, 90, 92, 94, 104-105, 128,
137, 146-148, 154, 157-158, 162-164, 168, 176, 189, 211, 220
Bendahara 30, 138, 207
Bendahara Johor 159
Bendahara Pahang (Wan Ahmad) 186
Berembang Panjang 138
Bernam 100, 104
Beruas 18, 44
Bidor 32, 37, 39, 44, 53

Indeks

- Birch, J. W. W. x-xi, 15-17, 29-30, 33-51, 65, 68-69, 71-89, 91-113, 127-138, 147-149, 151, 153-156, 160-161, 164-166, 168, 186, 188, 191, 194, 198, 200-217, 219-221, 243, 246-247, 279-281; beberapa peringatan mengenai penyeludupan, cukai pelabuhan, cukai sampan, tongkang, perahu nelayan, cukai import dan eksport, perahu, sagor, pembatalan cukai, pengambilan kayu balak, hasil kelamin dan tanah terbiar yang disediakan oleh 51-56; pakatan membunuh 76-113; perbicaraan ke atas pembunuhan 216-218
- Bond, I. Swinburn 239
- Bond, S. 221
- Booth 156, 157, 158
- Bota 38, 113
- Bowen, G. F. 237
- Braddell, R. 17, 21
- Braddell, Thomas 213
- Bramsto, John 262
- Brooke, Charles Johnson (lihat juga Raja Brooke dan Raja Sarawak) 251-253, 255, 257-258, 261
- Brooke, kerajaan 190
- Brooks 242
- Brooks, James Henry 247
- Brooks, Joseph 258
- Broome, F. Napier 238-243, 249-250
- Broomhead, F. M. 248
- Bruce, kapten 152, 159-160
- Bukit Chandan 266
- Bukit Gantang 15
- Bukit Kubu 166-167
- Bukit Lada 133
- Bukit Tambun 62
- Bukit Tengah 88
- Bukit Tunggai 76, 88-89

- Butterworth 166
- Carnavon, Lord (lihat juga Earl of Carnavon) 175, 191, 193, 203-204, 215, 218
- Carosin, R. L. 249
- Carthestone, kapal 222
- Ceylon 29
- Chamney, R. W. 248
- Changkat Telap 165
- Chao Phya Sri Suruwongse Phra Kalahom (lihat juga Chao Phya Surawongse Way Waddhu Phra Kalahom) 195
- Chao Phya Surawongse Way Waddhu Phra Kalahom (lihat juga Chao Phya Sri Suruwongse Phra Kalahom) 193
- Che Ah Quec 74
- Che Ali 41
- Che Ali (Kulup Ali) 130, 132, 135-136, 144, 198, 216, 218; perbincangan ke atas 216-218
- Che Amin 78
- Che Deraman Kuala Muda 187-188
- Che Karim 166-168
- Che Labab 130
- Che Long 78
- Che Midah 84
- Che Ngah Jabor (lihat juga Ngah Jabor) 130, 136, 161, 216; perbincangan ke atas 216-218
- Che Ngah Satira 124, 211
- Che Odah Pulau 161
- Che Omar 144, 217
- Che Saedah 78
- Chegar Galah 171
- Cheyron Felix 248-249
- Chiah 187

- Chiku 54
- Churchil, Kapten 174
- Clarke, Andrew 11-15, 17-20, 29, 36, 38, 44-46, 48, 57, 68, 281
- Colborne, Mejar Jeneral xi, 161-162, 168-169, 175
- Cox, Kolonel 171
- Culcutta 175
- D' Orville 50, 128
- Daeng Ismail 80, 85, 112, 118
- Daeng Marewah (lihat juga Raja Dein Meruwa dan Raja Din Marewah) 71, 83, 109, 111, 115, 131, 205, 207, 210-212, 217
- Daing Patundo 149
- Dato' Andika Raja 32
- Dato' Bentara 199
- Dato' Laksamana (lihat juga Laksamana) 30
- Dato' Maharaja Dinda (lihat juga Maharaja Dinda) 161
- Dato' Maharaja Lela (lihat juga Maharaja Lela dan Dato' Maharaja Lela Pandak Lam) x-xi, 12, 30-32, 35, 38, 40, 47, 66-72, 75-76, 80-87, 90-91, 93-94, 98, 100-104, 106-107, 109-113, 129-138, 144, 148-149, 151, 157, 160-161, 163, 168-169, 185-186, 193-202, 205, 210-212, 215-216, 218, 221, 247, 260, 280-281; perbincangan ke atas 216-218
- Dato' Maharaja Lela Pandak Lam (lihat juga Dato' Maharaja Lela dan Maharaja Lela) ix
- Dato' Mata-Mata (lihat juga Mata-Mata) 21, 31, 34, 36
- Dato' Nara (lihat juga Tuk Nara) 18, 20, 83-84, 86, 105, 113, 188-191, 214
- Dato' Panglima Kinta (lihat juga Panglima Kinta) 6, 30, 32, 109
- Dato' Panglima Bukit Gantang 30, 32
- Dato' Sagor (lihat juga Dato' Seri Agar Diraja Ngah Kamdin dan Dato' Seri Agar Diraja) x-xi, 6-7, 12-13, 15, 21, 31-32, 34, 36, 40-43, 66-69, 76, 79-85, 88-93, 98-99, 101-102, 106, 109-112, 131-137, 150, 154, 157-158, 168, 186, 191-193, 202, 205, 207, 210, 212, 215-216, 218, 243, 280-281; perbincangan ke atas 216-218

- Dato' Sedika Raja 20
- Dato' Seri Agar Diraja Ngah Kamdin (lihat juga Dato' Sagor dan Dato' Seri Agar Diraja) ix
- Dato' Seri Agar Diraja (lihat Dato' Sagor dan Dato' Seri Agar Diraja Ngah Kamdin) 7, 30
- Dato' Serika Raja 30
- Dato' Syahbandar (lihat juga Syahbandar) 30, 54, 67, 69, 89, 110, 163, 192, 221
- Davidson, J. G. 197-199, 203, 216, 218, 224
- Deen Mohamed, Inspektor 152
- Derby, Lord 244
- Dickson, J. F. 261
- Din 136, 199, 216
- Dinding 15-16, 34
- Dollah 136
- Douglas, J. 213, 218-219, 221-222
- Duke, F. W. 15, 81, 93
- Dunlop 11-12, 152, 159-160, 216
- Durian Sebatang ix-x, 2, 29, 32, 34, 36, 44, 49, 53, 70, 76, 80, 84, 87, 91, 103, 106, 108, 110, 127, 153-155, 158-159, 162, 204-208, 212, 220, 280; mesyuarat di 49, 66-70, 110-111, 279-281
- Earl of Carnavon (lihat juga Carnavon, Lord) 151, 161-162, 186, 199, 215
- Egeria, H. M. S. 161
- Elliot, Leftenan 156, 158
- Enggor 171, 173-174
- England xi, 16, 20-21, 242-243, 245, 247, 256-257, 259-260, 262-263
- Etam 148
- Fay 158
- Felicite 222
- Ferguson, J. A. 248
- Fleming, F. 249

Indeks

- Flowerdew, W. 249
Fly, H. M. S. 152, 159, 169
Fontaine, E. de la 248
Ford, pemangku hakim Pulau Pinang 213
Freeland, R. 248
Frigate D Assas, kapal 161
Garforth, Kapten 173
Ghee Hin 7-9, 11-12, 24
Goh Kwans 7
Gopeng 46
Graham, R. S. 248
Granville, Lord 246
Griffiths, Geo H. 245
Griffith, T. Risely 255-259
Hai San 7-9, 11, 24, 74
Haji Abdul Rauf 98
Haji Abu 187-188
Haji Abu Bakar 20, 37
Haji Ali 51, 66-67, 70-72, 104-105, 128, 147-148, 154, 158, 177, 211-212
Haji Bakar 164
Haji Daud 67, 114
Haji Deris 208, 212
Haji Husin 15, 25, 41, 45, 94, 96, 98, 102, 109, 210-211, 217
Haji Idris 67, 70-72, 114, 138
Haji Mat Ali 159
Haji Mat Amin 73, 140, 150, 217
Haji Mat Daud 71-72, 105
Haji Mat Said 16, 45, 98, 212
Haji Mat Sali 74
Haji Mat Yasin 45, 62, 66-73, 83, 104-105, 110, 138, 146-148, 154, 158-159,
176, 208, 211-212

- Haji Mohamed Amin 201
 Haji Muhammad Caleb, Imam 248
 Haji Musa 8, 16, 32, 62, 154
 Haji Raja Yahya 16, 18-20, 70, 86, 165
 Hajjah Fatimah 201, 217
 Hajjah Hawa 33, 62, 140, 154, 159
 Hamid 136, 143, 200
 Havelock, A. E. 237, 239
 Hawkins, H. L., Mejar 163, 170
 Hawley, W. H. 247-248
 Heathcote, Mark, Mejar 163
 Heaton, J. Henniker 259-260, 262, 264
 Heaton, R. 248
 H'emyss, A. 248
 Hend Sheer Singh 136, 149, 199, 216
 Hennessy, J. Pope, Sir 243-246, 249-252, 254-255, 257
 Hewick, John, E. 165-168, 186-188
 Hill, Rowley, Sale 171, 173-174
 Hitam 91
 Ho Hup Sen 7
 Hodoul Franc 248-249
 Hole, William 197-199
 Holland, Henry T., Sir 247-249
 Hong Kong xi, 151, 160-161
 Hoo Ah Choey 200
 Ijok 166-168
 Iman Paduka Tuan 30, 32
 Imam Seri Bedin 130
 India xi, 151, 160
 Indut 78, 80, 112, 210

Indeks

- Innes 149, 152, 155-159
Irving, C. J. 10, 213
Ishak 42, 93-94, 102, 210-211
Istana Kinta 84
Jarah 91
Jarnai 166
Jerningham, Herbert E. H. 262-263
Jervois, William, Sir 46, 84-87, 89-91, 107, 127-128, 151-152, 159, 161-164,
166, 168, 175, 186, 189-190, 193-199, 202-204, 207, 213, 215, 218, 223,
281
Johor xi, 1, 17-18, 190, 197-198, 214, 238-239, 253, 256, 260, 262-263
Johor Bahru 190
Jovanis, N. 248
Jumnaon 173
Kadir 174
Kalil Khan 135
Kampar 46
Kampung Batu Bedinding (lihat juga Batu Bedinding) 168
Kampung Bedoh, Kuala Lipis 100
Kampung Bekor 128
Kampung Gajah ix-x, 15, 30-32, 76, 84, 87-89, 91-94, 131, 150-151, 160-161,
200, 217
Kampung Kandang 170
Kampung Kenderung 194-195
Kampung Kepayang 196
Kampung Kerni 194
Kampung Kledang 171, 173-175
Kampung Melintang 216
Kampung Pisang 160
Kampung Prek 171, 173-175
Kampung Salak 196

- Kampung Sawa 171
 Kampung Sayong 171
 Kampung Tengah 31
 Karit Singh 136
 Kasim 73, 75
 Kedah 1, 4, 165, 168, 186-188, 190, 194, 196
 Kelantan 165-166
 Kelian Baru 4
 Kepayang 165
 Kerian 3-4, 6-7, 34, 49
 Keyt, J. J. 73, 85, 88, 91, 201, 209
 Khoo Ah Chai 140, 144, 217
 Kimberley, Lord 238-240, 242-243, 249
 Kinta 30, 32, 46, 156-157, 163-165, 168-169
 Klang 160
 Knox, T. G. 193
 Knutsford, Lord 249-253, 255-264
 Koh Ah Yong xi, 131, 133, 142, 144, 200, 217
 Koh Swee Swee, Baba 48
 Koh Teang Tek 74
 Kolah 169
 Konsul Besar British di Bangkok 194
 Konsul Jeneral British di Bangkok 196
 Kota Belanda 21, 33, 219
 Kota Kuala Muda 187
 Kota Lama 47, 131, 147, 170-173, 175, 196-197
 Kota Lumut 44, 47, 53, 62, 137
 Kota Pagar 70
 Kota Setia 39-40, 43-44, 47, 50-52, 72, 74-75, 91, 93, 101, 105, 112, 127-128,
 138, 149, 158, 176, 206, 208, 220-221; mesyuarat di 49

Indeks

- Kuala Bernam 51-52
Kuala Beruas 52
Kuala Bidor 208
Kuala Chiku 31-32, 108, 154-155, 158
Kuala Jarum Emas 51-52
Kuala Kangsar 35, 44, 54, 84, 105-106, 129, 147, 162, 164-165, 169-171, 174,
186, 196-197, 203, 221, 265-266
Kuala Ketir 188
Kuala Kinta 31-32, 39-42, 47, 107, 128, 206, 208, 220
Kuala Kupang 187
Kuala Kurau 51
Kuala Larut 51
Kuala Muda 160, 187, 189
Kuala Perak 34, 51, 53-54, 78
Kuala Piah 158, 194
Kuala Sungai Beruas 4
Kuala Sungai Perak 6, 17-18, 21, 30, 156
Kuala Takon 165
Kuala Trus 108, 136, 154
Kubang Hong 189
Kulup Ahmad 41
Kulup Bahleng 71, 130, 157
Kulup Batin 130
Kulup Mat Ros (lihat juga Mat Ros) 41, 66-67, 73, 76-77, 90-91, 94, 96-98,
101-102, 106, 109-110
Kulup Muhammad 34, 36, 48
Kulup Nyam 209
Kulup Samat 73
Kulup Seman 130
Kundah Amin 150

- Kundah Jaffar(Kundah Jabbar) 70-71, 115, 148
 Kundah Muhammad 67, 69-70
 Kundah Panjang 130
 Kupang 188
 Kurau 2, 74
 Kynerley 153, 156
 Labuan 152, 213-215, 250
 Lagis, Inspektor 73, 148-149, 201, 217
 Laksamana (lihat juga Dato' Laksamana) 2, 6-8, 11-17, 21, 30-37, 40-43, 45,
 48, 50, 66, 68-71, 73, 75-77, 79, 81, 83, 85-87, 90-91, 94, 102-104, 106, 108-
 111, 113, 127, 130, 137, 150, 153-154, 157, 159, 161, 175, 191, 203, 206,
 209-211, 214-215, 220-222
 Laksamana Wan Muhammad Amin xi, 67, 221-222, 255-256, 258
 Laman 75
 Lambor 129, 137, 153, 161, 199
 Larut x, 3, 6-10, 13-14, 16, 20, 24, 31-32, 84, 152, 164, 198, 203, 216, 218,
 253
 Layang-Layang 72
 Lebai Muhammad Said (lihat juga Lebai Said) 50
 Lebai Said (lihat juga Lebai Muhammad Said) 112, 128
 Lebai Tahir 61, 209
 Lee Cheng Tee 17, 21, 33-34
 Lee Kim Ching 8-11
 Lees, Charles Cameron, Sir 258, 260, 262, 264
 Lemarchand, J. 248
 Lestang, Andre Nageon de 149
 Lewis, W. T. 3
 Lijah 78
 Little, R. 139
 Littleton, W. 241
 Long Jaafar 2-3

Indeks

- Long Mahmum 78, 117, 209
- Low, Hugh 224, 237, 245-247
- Lumut 47
- Maharaja Abu Bakar (lihat juga Maharaja Johor) 17-18, 164, 190, 196-199, 214
- Maharaja Dewa 71-72, 105, 161
- Maharaja Dinda (lihat juga Dato' Maharaja Dinda) 91, 109-111, 113, 156, 211-212
- Maharaja Johor (lihat juga Maharaja Abu Bakar) 199
- Maharaja Lela (lihat juga Dato' Maharaja Lela dan Dato' Maharaja Lela Pandak Lam) 6-7, 20, 68, 75, 93, 129, 135, 158, 163, 191, 202-203, 207, 218, 220-221
- Maharaja Serama 130, 149-150, 155
- Mahe' 241, 243
- Mahlin 209
- Mahlun 33, 59
- Mahmin 199
- Mahmud, sarjan 80
- Makkah 265
- Mamat 75
- Mat 209
- Mat Ali 62, 163
- Mat Amin 161
- Mat Arshad, kerani 39, 41, 47-48, 105, 106, 129, 131-186, 143, 199-201, 216
- Mat Arshad (lihat juga Orang Kaya Mat Arshad) 70-71
- Mat Hasan 137
- Mat Jusoh, 70
- Mat Kasim 15, 78
- Mat Murat 260
- Mat Ros (lihat juga Kulup Mat Ros) 207-212, 217, 247
- Mat Saman 91

- Mat Tahir 216
 Mat Tunggal Jelangah 72
 Mat Yusof 70
 Mata-Mata (lihat juga Dato' Mata-Mata) 54
 Matang 216
 Mauritius 239-242, 244, 248-249
 Maxwell, W. E. 152, 170-175, 194, 201, 216, 224
 Maxwell, W. G. 165
 McCallum 215
 McIrvine George 248
 McLeod, Kolonel 213
 McNair (lihat juga McNair, J. F. A.) 11-12, 152, 162, 164-165, 188
 McNair, J. F. A. (lihat juga McNair) 29
 Meade, Robert 221, 260, 264
 Melaka x, 1
 Menteri 30, 34, 40, 42, 66, 69, 84, 90, 138, 207
 Menteri Larut (lihat juga Menteri Ngah Ibrahim, Ngah Ibrahim dan Orang
 Kaya Menteri) 17, 31, 47, 257, 261, 265
 Menteri Ngah Ibrahim (lihat juga Menteri Larut, Ngah Ibrahim dan Orang
 Kaya Menteri) x-xi, 4-10, 12-14, 16, 20-21, 24-25, 32, 35-38, 42, 50, 66,
 74, 83, 85-87, 90, 102, 109, 152, 203, 208, 214-215, 218-222, 249-261, 264-
 265, 281; tuduhan ke atas 220-221; rayuan 249-254; meninggal
 dunia 265, 277
 Meor Hamid 168
 Mercer, Kapten 174
 Miah Tarum 48
 Midge, kapal 9, 13
 Mitchell, C. B. H. Sir 265
 Modeste, H. M. S. 152, 169
 Mohamed Tahir (lihat juga Muhammad Tahir) 62
 Morley, Mejar 170

Indeks

- Muhammad Gaus 155
Muhammad Ishak 6-7, 24, 98, 124, 217
Muhammad Perak 160
Muhammad Said 156, 209-210
Muhammad Tahir (lihat juga Mohamed Tahir) 47
Munshi Ibrahim 10
Murriapau 50
Musa 211
Naidoo, G. S. F. 248
Nakhoda Ketek 75, 116, 204, 206, 209
Nakhoda Mahadi 157
Nakhoda Orlong, 158
Nakhoda Trang 21, 34, 36, 87, 112, 159, 209
Naning 1
Negeri Sembilan 2
Ngah Ahmad 193, 199-202
Ngah Hamid 132
Ngah Hasan 170
Ngah Ibrahim (lihat juga Menteri Larut, Menteri Ngah Ibrahim dan Orang
Kaya Menteri) 3-5, 10, 23, 255, 261
Ngah Jabor (lihat juga Che Ngah Jabor) 131, 135-136, 144, 195, 197-198,
218, 260
Ngah Lahab 70-72, 217
Ngah Lamat 3
Ngah Mat Yasin 217
Ngah Pahang Alang 70, 176, 212
Ngah Sudin 150
Odah Adam 130, 160
Odah Makan 130-131, 217
Odah Mat Kasim 199
Odah Pulau 199

- Orang Kaya Abdul Rahman 196, 197
 Orang Kaya Balai 7
 Orang Kaya Besar 168
 Orang Kaya Besar, Syed Mahmud 105, 148, 157, 164
 Orang Kaya Mat Arshad (lihat juga Mat Arshad) 21, 34, 36-37, 40-43, 45, 66-67, 73, 77, 83, 98, 108, 110-112, 150, 153-154, 191, 203, 214-215
 Orang Kaya Menteri (lihat juga Menteri Larut, Menteri Ngah Ibrahim, dan Ngah Ibrahim) 13, 29, 31
 Orang Kaya Temenggung 30
 Orang-Orang Besar Perak 57-58
 Ord, Harry, Sir 6-7, 9-11
 Osman 217
 Padang Gias 187-188
 Pak Taib 67
 Pahang 186
 Pancur 44
 Pandak Indut xi, 75, 82-83, 112, 130-136, 140, 143-144, 160, 167, 186, 197-198, 209-210, 215-216, 218, 260; perbincaraan ke atas 216-218
 Pandak Param 150
 Pangkor 101
 Panglima Besar Muhammad Kasasi 3
 Panglima Bukit Gantang 3; Tuk Muda Rafar 105
 Panglima Kinta (lihat juga Dato' Panglima Kinta) 20, 46, 66, 69, 71-72, 83-84, 86-87, 90, 105, 157, 165, 169
 Panglima Perang Semaun 33, 47, 70-71, 72, 105, 148, 164, 169, 189, 190, 214
 Panjang 78, 137
 Panjang Bur 112, 130-136, 198, 216, 218; perbincaraan ke atas 216-218
 Panjang Meru 169-170
 Pantai Perai 189
 Panti, kapal 197-198
 Papan 164-165

Indeks

- Pasir Panjang 15, 66, 77, 85, 94, 97, 99-101, 106, 113, 129, 149-150, 161, 205, 209-210; mesyuarat di 66, 102, 109
- Pasir Salak ix-x, 31, 40, 70-71, 75, 82-83, 91, 100, 102, 105-106, 109-113, 129-133, 137, 148-149, 151, 154, 156-158, 160-163, 177, 199-201, 210, 216, 280; pembunuhan di 130-138
- Patani 165, 187, 193-194, 196
- Paul, J. B. 190-191, 203
- Pellereau, E. 244
- Pemangku Pesuruhjaya Ratu Inggeris 162
- Pendikar 148
- Penghulu Bukit Gantang 265
- Penghulu Deli 47
- Penghulu Dol Said 1
- Penghulu Mat Akib 76, 88-89, 98-99, 101, 104, 106-108
- Penghulu Mat Ali 42, 67, 69, 74, 158, 208, 220-221
- Penghulu Muda 160
- Penghulu Muda Telur 137
- Penghulu Muhammad Akib 44-45, 49
- Penghulu Rejab 2
- Penghulu Seman 44-45
- Penghulu Telor 71-72, 105
- Penghulu Teluk 161
- Penghulu Wan Abas 169
- Pengkalan Papan 163
- Penolong Pesuruhjaya Ratu Inggeris 152
- Perak Pioneer, akhbar 265
- Perang Larut 7
- Perang Perak 151-175
- Perjanjian British-Belanda, 1824 x, 1
- Perjanjian Pangkor x, 12-13, 16-22, 31, 35-38, 46-47, 51, 69, 92, 94-95, 127, 164, 189, 206, 214, 219-220, 279-280

- Pesuruhjaya British 107
 Pesuruhjaya Mauritius 222
 Pesuruhjaya Ratu Ingggeris 51, 54
 Pesuruhjaya Siam 194
 Phillippo, Hakim Kanan 190-191, 203
 Philomel, H. M. S. 169
 Phra Narathirach Phakdi 195
 Pickering, W. A. 11-12, 19
 Pikai 140, 217
 Plunket, C. B. 152, 156-157, 160, 190-191, 203, 215
 Pluto, kapal 12, 14, 19, 91, 95, 107, 112, 127, 152, 155, 157, 162, 197, 203,
 218
 Port Louis 241, 242
 Port Victoria 222
 Preston, J. J., Leftenan 163
 Province Wellesley 74
 Pukang Anjang 217
 Pulau, Kedah 168
 Pulau Mahe' 222
 Pulau Mauritius 215, 241, 248
 Pulau Pangkor 11-12, 14, 19, 46, 51, 91, 104
 Pulau Pinang x, 1, 3-4, 8-11, 15, 18, 25, 40-41, 43, 46, 50, 74-75, 128, 151,
 156, 158, 160, 162-163, 168-169, 188-189, 191, 193, 195-197, 204, 206,
 209, 223, 250, 252, 265
 Pulau Seychelles (lihat juga Seychelles) xi, 214-215, 221-222, 248-250, 252,
 254, 259-260, 262-263
 Pulau Tiga 153, 161, 163, 191-192, 207, 211
 Purbayan 6
 Puteh 47
 Quedah, kapal 40, 101, 104, 152
 Queen Victoria 223

Indeks

- Raja Abas 12, 89-90, 169
- Raja Abdullah (lihat juga Raja Muda Abdullah, Sultan Abdullah dan Sultan Abdullah Muhammad Shah) 4, 18, 254, 263
- Raja Ahmad 67, 77-79, 89-90, 112, 209, 212
- Raja Alang Husin 216
- Raja Asal 222
- Raja Bendahara 2, 11, 13, 16, 30-32, 34-35, 41, 48, 50, 66, 70, 84, 87, 90, 94, 107, 131, 157, 169, 171, 204
- Raja Bendahara Husin 157
- Raja Bendahara Ismail (lihat juga Raja Ismail, Sultan Ismail dan Sultan Ismail Muabidin Shah) 3-6, 13
- Raja Bendahara Osman 12
- Raja Brooke (lihat juga Brooke, Charles Johnson dan Raja Sarawak) 260
- Rajah Brooke, kapal api 260-261
- Raja Che Muda 158
- Raja Chulan 256
- Raja Daud 5
- Raja Daing 149
- Raja Dein Meruwa (lihat juga Daeng Marewah dan Raja Din Marewah) 217
- Raja Desa 167
- Raja Din Marewah (lihat juga Daeng Marewah dan Raja Dein Meruwa) 130-131
- Raja Dyang (Raja Daeng) 49
- Raja Gayah 208
- Raja Husin 84, 130, 165
- Raja Ibrahim 161
- Raja Idris 8, 45, 48-49, 66-67, 69, 75, 77-78, 81, 90, 92-96, 98, 103, 109-110, 161-162, 199, 202-203, 214-215
- Raja Indut 185, 222
- Raja Ismail (lihat juga Raja Bendahara Ismail, Sultan Ismail dan Sultan Ismail Muabidin Shah) 2, 23

- Raja Kechil Muda 15, 40, 77-79, 209
Raja Kelantan (Sultan Muhammad II) 186
Raja Lop Ahmad 78, 129
Raja Mahadi 5
Raja Mahkota 8, 12-13, 16, 21, 31, 33-34, 36, 40, 49, 67, 69, 77-78, 81, 89-90,
98, 103, 109-112, 150, 153-154, 157, 161, 191, 203, 206, 214-215
Raja Mahmud 87, 128, 148, 158, 164, 185, 222-223
Raja Muda 30, 32, 92
Raja Muda Abdullah (lihat juga Raja Abdullah, Sultan Abdullah dan Sultan
Abdullah Muhammad Shah) 4-14, 18
Raja Muda Yusof (lihat juga Raja Yusof dan Sultan Yusof Sharifuddin Muzaffar
Shah) 103, 170-172, 186, 189, 204, 216, 224
Raja Muhammad 171
Raja Musa 42, 67, 78, 109, 156, 212
Raja Ngah 12, 37-38, 42, 60, 74, 92, 165, 169
Raja Ngah Ali 2-3
Raja Ngah Jaafar 2-3
Raja Osman (lihat juga Raja Bendahara Osman) 6
Raja Oteh 164
Raja Panglima Besar 86, 98
Raja Patani 186, 193
Raja Reman 195
Raja Sarawak (lihat juga Brooke, Charles Johnson dan Raja Brooke) 250, 252-
253, 255, 257
Raja Tipah 5
Raja Utih 222
Raja Yahya 84, 220
Raja Yunus 222
Raja Yusof (lihat juga Raja Muda Yusof dan Sultan Yusof Sharifuddin Muzaffar
Shah) 5-9, 12, 18, 20, 35-36, 41, 47, 66-67, 84-85, 90, 92, 94-96, 98-99,
101, 106, 129, 162, 165, 186, 208, 218

Indeks

- Raja Zulu Catewauyo 242
Randell, Dr. 86
Rassen, N. R. S. de 248
Ratu England 237, 239, 243, 248
Ratu Inggeris 35-36, 54, 80, 86, 90, 92, 99, 107, 218
Ratu Victoria 222, 224
Read, R. B. 139
Read, W. H. 11
Reman 194-195
Ringdove, H. M. S. 161, 169, 189-190
Robinson, W. F. 219
Rodger, J. P. 247
Ross, Brigedier Jeneral xi, 163, 169-175
S. S. Johor 12
Saimah 77-78
Salmon, C. S. 239
Sarawak 190, 250, 253-255, 257-262, 264
Saudah 91
Savy, E. 249
Sayong 5, 20, 72, 131, 147, 157, 172
Schmidt, L. E. 248
Seberang Perai 20, 187
Seddon James 249
Sedika Raja 167-168
See-Kwans 7
Seekye 210
Selabu 164
Selama 165-166, 169, 187
Selangor 2, 5
Selat Pulau 113, 137, 140, 161, 163

- Seman 146
Senai 72
Senggang 5, 84-85, 129
Senggora (lihat juga Songkhla) 194-195
Seputum 98, 130, 134-136, 140, 144, 168, 199-202, 243, 247, 260
Serapah 73
Seri Lela Paduka 174
Seri Maharaja Lela 35, 48, 66, 69-70, 84-86, 138, 157
Seri Paduka Lela 196
Serret, Eugene 248-249
Setiausaha Tanah Jajahan Mauritius 221
Setika 209
Seychelles (lihat juga Pulau Seychelles) 238, 240-241, 243-244, 250, 256, 258-265
Shahabudin 107
Shelford, T. 139
Siak 33, 61
Si Alang Taib 150
Si Anjang (lihat juga Anjang) 112, 137, 191-193
Si Anjai 136
Si Awang 136
Si Bunga 33
Si Cheri 78
Si Chu 144, 217
Si Gondah 84, 118, 130-131, 135, 144, 150, 199-202, 210, 216
Si Gondik 130
Si Hawa 85, 91, 101, 104
Si Kumbang 33, 91
Si Mahrum 78
Si Matsah 140

Indeks

- Si Milah 33, 59, 78, 85, 91, 101, 104
Si Milan 130
Si Nara 78
Si Nyam 130
Si Omar 78
Si Ondah 150
Si Tika 78, 91, 101, 103-104
Si Tuah 132, 134-135, 140, 144, 150, 155, 216, 218; perbicaraan ke atas 216-218
Siam 169, 187, 193-194, 196
Singapura x, 1, 10-11, 18-20, 50, 73, 75, 88, 91, 93, 96, 105, 107-108, 127, 152, 159, 161, 189, 191, 193, 198-199, 203, 213-216, 222-223, 238-239, 242, 250, 252, 254, 258, 260, 262-265
Singleton 161
Smith, Cecil C., Sir 250, 252-255, 257-258, 263-264
Songkhla (lihat juga Senggora) 194
Speedy, T. C. S. x, 9, 12, 25, 38, 86, 152, 156, 167, 170, 224
Sri Lanka 29
Stanley, Fred 245
Steine Hamilton 248
Stewart, H. Cockburn 239, 241
Stirling, H. M. S. 152
String, O. H. 160, 167
Sudin 33, 113, 140, 216
Sultan Abdullah (lihat juga Raja Abdullah, Raja Muda Abdullah dan Sultan Abdullah Muhammad Shah) x-xi, 7, 11, 14-19, 21, 24-25, 31-51, 54, 59, 65-70, 72-85, 87-90, 92-107, 109-113, 127, 130, 132-133, 137, 150, 153-163, 168, 188-189, 191-193, 198-199, 202-215, 217, 219-222, 237-249, 254-260, 262-264, 279-281; tuduhan ke atas 204-205, 207-213; jawapan ke atas tuduhan 206-207; rayuan 237-248; sokongan tempatan kepada 248-249; pulang ke Tanah Melayu 265; mangkat 265-266

- Sultan Abdullah Muhammad Shah (lihat juga Raja Abdullah, Raja Muda Abdullah dan Sultan Abdullah) 7
- Sultan Ahmad Tajuddin 166
- Sultan Ali 4-6
- Sultan Idris Murshidul Azam Shah 224, 265
- Sultan Ismail (lihat Raja Bendahara Ismail, Raja Ismail dan Sultan Ismail Muabidin Shah) x-xi, 7-8, 12, 14, 16-21, 31-32, 34-38, 46, 54, 66-72, 76, 80-87, 90, 92-93, 95-96, 99-100, 102, 104-105, 109-111, 127, 132-133, 137-138, 148, 153, 156-160, 162-169, 186-191, 196-197, 202-203, 210-211, 219-221, 279-281
- Sultan Ismail Muabidin Shah (lihat juga Raja Bendahara Ismail, Raja Ismail dan Sultan Ismail) 6
- Sultan Jaafar 3-5, 102, 130
- Sultan Kedah 165-166, 188-189, 194, 196
- Sultan Muhammad Shah I 5
- Sultan Safiuddin (lihat juga Sultan Safiauddin Muazzam Shah) 4
- Sultan Safiuddin Muazzam Shah (lihat juga Sultan Safiauddin) 2-3
- Sultan Shahbuddin 2-3
- Sultan Terengganu (Baginda Omar) 186
- Sultan Yusof Sharifuddin Muzaffar Shah (lihat juga Raja Muda Yusof dan Raja Yusof) 224
- Sultan Zainal Rashid, Sultan Kedah 188
- Sumatera 214
- Sungai Batang Padang 54
- Sungai Belah 156
- Sungai Bidor 31-32, 54, 156
- Sungai Dedap 31, 47, 72, 75, 93
- Sungai Durian 8, 153
- Sungai Kerian 5
- Sungai Koroh 100
- Sungai Larut 9, 30

Indeks

- Sungai Muda 186
Sungai Perak 33, 108, 152, 157, 159, 171, 173, 186
Sungai Raya 32
Sungai Sarawak 253
Sungai Sayong 170
Sungai Temung 30
Sungkai 137
Swettenham, F. 12, 16-18, 86-87, 94, 97, 99, 107-108, 127, 129-130, 147-149, 152, 155-159, 164-165, 185, 192-193, 199, 212, 216, 218-219, 222, 246, 265
Syahbandar (lihat juga Dato' Syahbandar) 4, 6-8, 10, 12-13, 16-18, 21, 30, 32-34, 36, 40-43, 45, 47-50, 66, 73, 75-78, 81, 83, 86, 90-91, 93, 97-99, 101, 103-104, 106, 108-109, 111, 113, 127, 129-130, 137, 149-150, 153-154, 156-157, 159, 161, 191, 193, 203, 206-207, 209, 214-215, 222
Syahbandar Uda Mahamor xi, 221-222, 255-256, 258
Syed Mahmud 71-72, 105, 157, 164, 214
Syed Masahor 70, 78, 87, 90, 93, 98-100, 160, 191-193, 209, 222, 247
Syed Mat Ali 131
Syed Muhammad 20, 169
Syed Shamsudin 138
Taiping 152
Talbot, A. P. 260
Tan Kim Cheng 24, 48-49
Tanjung Batu 177
Tanjung Belanak 4
Tanjung Medan 104
Tanjung Pagar 218
Tanjung Piandang 44
Tanjung Sarang Dendang 2
Teluk Bakong 71
Teluk Batu 44-45

- Teluk Intan 159
Temenggung 12-13, 20, 31, 48, 66, 138, 149, 207
Tengah 167
Terengganu 2, 156, 166
Thailand 165, 190
Thalia, kapal 9
Thistle, H. M. S. 152, 159, 169
Tipah 72
Tisu Jantai 188
Toa Peh Kong 7
Toh Kandah Pandak 137
Tok Seri Lela 197
Trong 44
Tuan Chee (lihat juga Tuan Chik) 20, 160, 168
Tuan Chee (Syed Hussin) 187
Tuan Chik (lihat juga Tuan Chee Perai) 20, 37, 74
Tuk Bandar 78, 128, 138
Tuk Bandar Hulu 72, 148, 163-164
Tuk Bodoh 130
Tuk Imam 33
Tuk Lela Putera 83, 130-131, 136
Tuk Manap 71
Tuk Muda Rafar 66, 67, 71-72, 105
Tuk Nara (lihat juga Dato' Nara) 36, 46, 70, 72, 157, 164, 220
Tuk Paduka Sadong 71-72, 105
Tuk Seri Lela 170-172
Tuk Sindara 72
Tumong 169
Tunku Ibrahim 187
Tunku Syed Husin 163-164

Indeks

- Twigge, Mejar 163
Vaughan, J. D. 144, 216-217
Wan Abu Bakar Ijok 168
Wan Ahmad 2
Wan Husin 67, 69, 149-150, 156-157, 207, 211
Wan Mat Pantai Perai 187
Wan Mat Saman 187-188
Wan Muhammad Isa 265
Wan Mutahir 2
Weld, F. A. 237-242, 245-246
Welner 152-153, 155, 159, 207
Whampoa, H. A. K. 139
Wilkinson and Co. 223
Willan 213
Wilson, H. 249
Woods, R. C. 12, 16, 19-21
Woolcombe 9
Yahya 75
Yusuf 42, 220